

The copyright © of this thesis belongs to its rightful author and/or other copyright owner. Copies can be accessed and downloaded for non-commercial or learning purposes without any charge and permission. The thesis cannot be reproduced or quoted as a whole without the permission from its rightful owner. No alteration or changes in format is allowed without permission from its rightful owner.



**SEJARAH SEKOLAH HENRY GURNEY, TELOK MAS MELAKA DAN
PERKEMBANGANNYA, 1950-2020**

AZURA BINTI ABDUL RAOF



**DOCTOR OF PHILOSOPHY
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
[2025]**



Awang Had Salieh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

AZURA ABDUL RAOF

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

PhD

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**“SEJARAH SEKOLAH HENRY GURNEY TELOK MAS,
MELAKA DAN PERKEMBANGANNYA, 1950-2020”**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **20 Mac 2025.**

That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:
20 March 2025.

Pengerusi Viva:
(Chairman for VIVA)

Assoc. Prof. Dr. Mohamed Ali Haniffa

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar:
(External Examiner)

Prof. Dr. Khairi Ariffin

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam:
(Internal Examiner)

Dr. Siti Alwalyah Mansor

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Dr. Haslinda Hassan

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Assoc. Prof. Dr. Mohd Kasri Saidon

Tandatangan
(Signature)


Tarikh:

(Date) **20 March 2025**

Kebenaran Mengguna

In presenting this thesis fulfilling the requirements for a postgraduate degree from Universiti Utara Malaysia, I agree that the Universiti Library may make it freely available for inspection. I further agree that permission for the copying of this thesis in any manner, in whole or in part, for scholarly purposes may be granted by my supervisor(s) or, in their absence, by the Dean of Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences. It is understood that any copying publication or use of this thesis or parts thereof for financial gain shall not be allowed without my written permission. It is also understood that due recognition shall be given to me and Universiti Utara Malaysia for any scholarly use that may be made of any material from my thesis.

Requests for permission to copy or to make other use of materials in this thesis, in whole or in part, should be addressed to:



Dean of Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences
UUM College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok

Abstrak

Kajian ini meneliti sejarah penubuhan dan perkembangan Sekolah Henry Gurney (SHG) di Telok Mas, Melaka, dari tahun 1950 hingga 2020. Tumpuan diberikan kepada evolusi institusi ini sebagai pusat pemulihan pesalah juvana yang berperanan penting dalam pembangunan modal insan. Kajian ini membincangkan aspek sejarah penubuhan, struktur pentadbiran, peranan, pelaksanaan program serta sumbangan SHG dalam tempoh tersebut. Pesalah juvana yang disabitkan kesalahan diberikan intervensi pendidikan sebagai usaha pemulihan, dengan matlamat mengurangkan kadar residivisme. Terdapat empat objektif utama kajian: (1) mengenal pasti sejarah penubuhan SHG dari tahun 1950 hingga 2020; (2) mengkaji perkembangan institusi ini secara kronologi; (3) meneliti pelaksanaan Program Pendidikan Korektif; dan (4) menganalisis sumbangan SHG sepanjang penubuhannya. Perbincangan dalam kajian ini merangkumi aspek sejarah yang menyumbang kepada penubuhan dan perkembangan SHG, termasuklah dari sudut perundangan, sejarah fizikal bangunan, serta faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menerapkan kaedah triangulasi yang merangkumi rujukan perpustakaan serta analisis terhadap sumber primer dan sekunder. Penyelidik turut melaksanakan kajian lapangan melalui pemerhatian dan temu bual sebagai instrumen pengumpulan data. Temu bual dijalankan dengan responden yang terdiri daripada pihak pengurusan, kakitangan, dan penghuni SHG bagi memperoleh maklumat yang lebih mendalam dan menyeluruh. Hasil kajian mendapati sistem pendidikan dan pemulihan juvana di institusi ini memiliki sejarah yang unik serta telah berkembang menjadi sebuah pusat pemulihan yang menawarkan pendidikan berkualiti. Dapatan kajian menunjukkan berlakunya pelbagai perubahan positif melalui pelaksanaan program seperti Program Pendidikan Korektif. Selain itu, kajian ini turut membuktikan bahawa para penghuni SHG berjaya mencapai pencapaian cemerlang dalam pelbagai bidang seperti akademik, sukan, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), keagamaan, serta seni dan budaya. Kesimpulannya, kajian ini memberikan nilai tambah terhadap pemahaman mengenai sejarah penubuhan dan perkembangan Sekolah Henry Gurney serta peranannya dalam usaha pemulihan pesalah juvana di Malaysia.

Kata kunci: Sekolah Henry Gurney, Juvana, Pendidikan korektif, Kronologi, Residivisme

Abstract

This study examines the establishment and development of Henry Gurney School (SHG) in Telok Mas, Melaka (1950–2020), focusing on the evolution of the institution as a rehabilitation center for juvenile offenders, highlighting its significant role in human capital development. It explores the school's history, administration, functions, programs, and contributions over the designated period. Juvenile offenders convicted of crimes underwent educational rehabilitation interventions aimed at reducing recidivism. Based on the identified research problem, four main objectives were outlined: (1) to identify the historical foundation of SHG (1950-2020); (2) to examine the chronological development of the institution; (3) to assess the implementation of the Corrective Education Program; and (4) to analyze the contributions of SHG since its establishment. The study discusses the historical factors influencing SHG's establishment and development, including legal frameworks, building history, and key elements shaping its evolution. This study employs a qualitative approach by utilizing triangulation methods that include library research and the analysis of both primary and secondary sources. Additionally, the researcher conducted fieldwork through direct observation and interviews as data collection instruments. The interviews were carried out with respondents comprising SHG management personnel, staff, and residents to obtain more comprehensive and in-depth information. The study found that the juvenile education and rehabilitation system in this institution has a unique history and has developed into a rehabilitation center that offers quality education. The findings reveal significant progress through the implementation of various programs, including the Corrective Education Program. Furthermore, residents have achieved notable success in diverse areas such as academics, sports, Technical and Vocational Education and Training (TVET), religious studies, as well as arts and culture. In conclusion, this study contributes valuable insights into the historical development of the Henry Gurney School and its role in the rehabilitation of juvenile offenders in Malaysia.

Keywords: Henry Gurney School, Juveniles, Corrective education, Chronology, Recidivism

Penghargaan

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kami panjatkan kepada Allah Yang Maha Kuasa kerana memberikan kekuatan, kesabaran, keberanian, dan keupayaan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini. Saya ingin menyatakan rasa terima kasih yang tulus kepada penyelia utama saya, Dr. Haslinda Hasan dan PM Dr. Mohd Kasri Bin Saidon, atas panduan yang bijaksana dan nasihat yang membantu sepanjang proses ini. Saya sungguh berterima kasih kepada sokongan dan kerjasama berterusan kerana bersedia membantu saya sepanjang penyelesaian projek ini. Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada '*School of Language, Civilation & Philosophy UUM*' dan Sekolah Henry Gurney, Jabatan Penjara Malaysia kerana membantu melancarkan proses penghasilan tesis ini.

Saya ingin mengungkapkan rasa terima kasih yang mendalam dan tulus kepada suami **Haji Azhan Anuar** dan ibu **Hajah Fatimah Sham Abdullah** atas kasih sayang, ketulusan, kepercayaan, dan sokongan yang mereka berikan sepanjang hidup saya. Selain itu, saya ingin menyampaikan rasa terima kasih yang tulus dan mendalam kepada anak-anak saya Amni Syuhada dan Aina Sufia, abang-abang, adik-adik saya, dan rakan-rakan rapat saya atas kasih sayang, sokongan, dan dorongan mereka sepanjang hidup ini.

Akhirnya, penghargaan yang tulus kepada semua rakan-rakan saya dan semua orang yang telah membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyelesaikan tesis ini.

Isi Kandungan

Kebenaran Mengguna	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vi
Senarai Jadual.....	xii
Senarai Rajah	xiii
Senarai Lampiran	xv
Senarai Nama Singkatan	xvii
BAB SATU PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Definisi Konsep.....	7
1.2.1 Sekolah Henry Gurney (SHG).....	7
1.2.2 Sekolah Integriti atau Pemenjaraan	8
1.2.3 Penghuni Muda	9
1.2.4 Banduan Muda	9
1.2.5 Remaja	10
1.2.6 Juvana	10
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Persoalan Kajian.....	14
1.5 Objektif Kajian.....	15
1.6 Kepentingan Kajian.....	15
1.7 Metodologi Kajian	16
1.8 Sorotan Literatur	19
1.9 Batasan Kajian	34
1.10 Penulisan Bab.....	36
1.11 Rumusan.....	38
BAB DUA SEJARAH PENUBUHAN SEKOLAH HENRY GURNEY	39
2.1 Pengenalan	39
2.2 Asas Pembentukan Perundangan SHG	42

2.2.1 Hukuman Terhadap Kanak-kanak di era Munshi Abdullah.	43
2.2.2 Akta Kanak-Kanak Salah Asuhan / <i>Juvenile Court Act</i> 1947	48
2.2.3 Undang-undang dan Peraturan SHG.....	51
2.2.4 Mematuhi Akta dan Peraturan	53
2.2.5 Akta Kanak-Kanak 2001 Pindaan (2016): Peningkatan Penalti	57
2.2.6 Perubahan Sistem Keadilan Juvana, Undang-undang, Struktur dan Proses	59
2.3 Perkembangan Sekolah Henry Gurney sebelum Merdeka.....	64
2.3.1 Advanced Approved School	65
2.3.2 Sistem <i>Borstal</i>	68
2.3.3 Penubuhan Sekolah Henry Gurney, Telok Mas.....	73
2.3.5 Nama Sekolah Henry Gurney	76
2.3.6 Sejarah Motto Sekolah	79
2.3.7 Lagu Sekolah Henry Gurney	80
2.3.8 Penutupan SHG Wanita di Batu Gajah, Perak 1954 dan Perpindahan ke SHG Telok Mas	81
2.4 Perkembangan Sekolah Henry Gurney selepas Merdeka	83
2.4.1 Sekolah Henry Gurney Keningau, Sabah dan Sekolah Henry Gurney Puncak Borneo, Sarawak	86
2.4.2 Sekolah Henry Gurney Keningau, Sabah.	86
2.4.3 Sekolah Henry Gurney Puncak Borneo, Sarawak	87
2.4.4 Sejarah Penubuhan Sekolah Integriti	89
2.5 Jenayah Juvana.....	94
2.6 Faktor-faktor Berlakunya Salah Asuhan era 1950an-1990an	96
2.6.1 Tahun 1950-an dan 1960-an	100
2.6.2 Tahun 1970-an dan 1980-an	104
2.6.3 Tahun 1980-an dan 1990-an	108
2.7 Rumusan.....	111
BAB TIGA PERKEMBANGAN SEKOLAH HENRY GURNEY 1950-2020 .	112
3.1 Pengenalan	112
3.2 Pengurusan Juvana era 1950 sehingga 2020.....	114

3.3 Statistik Kes Juvana 1950-2020	119
3.4 Faktor Berlaku Kes Juvana era 1950-2020	124
3.5 Masalah Remaja	126
3.6 Pelaksanaan Program Penjara Sejahtera, 2014	131
3.7 Perkembangan Program dan Pendidikan di SHG	133
3.7.1 Penerapan Pendidikan di Sekolah Henry Gurney Sebelum Merdeka.....	134
3.7.2 Penerapan Pendidikan di Sekolah Henry Gurney Selepas Merdeka.....	136
3.7.2.1 Pelaksanaan Latihan Akademik.....	138
3.7.2.2 Pelaksanaan Latihan Sukan	139
3.8 Pelaksanaan Program Pembangunan Insan (PPI), 1990	141
3.9 Pertambahan Bilangan Sekolah di Sekolah Henry Gurney.....	142
3.10 Pengurusan Pendidikan	143
3.11 Objektif Penubuhan Sekolah dalam Penjara	145
3.12 Penambahan Infrastruktur di Sekolah Henry Gurney	146
3.13 Kesyinambungan dan Peralihan Tadbir Urus Pengarah Sekolah Henry Gurney, 1950-2020.	152
3.14 Statistik Kemasukan Penghuni Sekolah Henry Gurney.....	153
3.14.1 Pelaksanaan Pemulihan Berstruktur.....	155
3.14.2 Pelaksanaan Kemaskini Proses Pendaftaran Rekod Penghuni Sekolah Henry Gurney	156
3.14.3 Penambahbaikan Jadual Harian Penghuni Sekolah Henry Gurney	159
3.15 Penambahbaikan Kurikulum Sistem Persekolahan Sekolah Henry Gurney....	164
3.15.1 Pengenalan Model Pendidikan Baharu	165
3.15.2 Spesifikasi Pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran Formal di Bilik Darjah.....	167
3.15.3 Pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional.....	168
3.16 Rumusan.....	169
BAB EMPATPELAKSANAAN DAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN	
KOREKTIF DI SEKOLAH HENRY GURNEY	170
4.1 Pengenalan	170
4.2 Pelaksanaan Modul Putra di Sekolah Henry Gurney.....	172

4.3	Dasar dan Polisi Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney	174
4.4	Pengurusan Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney.....	177
4.4.1	Peranan Jabatan Penjara Malaysia dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney	182
4.4.2	Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam Pendidikan Korektif Di Sekolah Henry Gurney.....	184
4.4.3	Peranan KPM dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney.....	186
4.4.4	Peranan JPN dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney.....	188
4.4.5	Peranan Sekolah Penjara dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney	189
4.4.6	Peranan Kementerian Pengajian Tinggi dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney.....	189
4.5	Pelaksanaan Program–Program Dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney.....	190
4.6	Konsep Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney	190
4.7	Sistem Persekolahan dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney	195
4.7.1	Model Kurikulum Pendidikan di Jabatan Penjara Malaysia.....	196
4.7.2	Kepentingan Program	197
4.8	Pembahagian Kluster dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney ...	197
4.8.1	Kluster Akademik	198
4.8.2	Kluster Agama	203
4.8.3	Kluster Sukan.....	204
4.8.4	Kluster TVET.....	209
4.8.5	Kluster Seni dan Budaya.....	210
4.9	Aktiviti Kokurikulum dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney ..	214
4.9.1	Komponen Aktiviti Kokurikulum.....	215
4.9.2	Pelaksanaan Program Ko-Akademik	216
4.10	Pelaksanaan Program Pembentukan Jati Diri dan Modal Insan dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney.	218
4.10.1	Program Jati Diri.....	218
4.10.2	Program Modal Insan.....	223
4.11	Kadar Residivisme dan Faktor-faktor Residivisme di Sekolah Henry Gurney	226

4.12 Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan di dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney.....	234
4.13 Pelaksanaan Kerangka Dasar MADANI dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney.....	237
4.14 Rumusan.....	245

BAB LIMA SUMBANGAN DAN KEJAYAAN SEKOLAH HENRY GURNEY

.....	247
5.1 Pengenalan	247
5.2 Sumbangan Sekolah Henry Gurney	248
5.2.1 Sumbangan Sekolah Henry Gurney pada Era Kolonial.....	249
5.2.1.1 Sumbangan Pendidikan	251
5.2.1.2 Sumbangan dalam Bidang Sukan	253
5.2.1.3 Persembahan Pancaragam	254
5.2.2 Sumbangan Sekolah Henry Gurney 1990 sehingga 2020.....	255
5.2.2.1 Kejayaan Pendidikan	259
5.2.2.2 Penurunan bilangan Buta huruf dalam Kalangan Penghuni.....	270
5.2.2.3 Projek Henry.....	272
5.2.2.4 Persembahan Pancaragam dan Kokurikulum	277
5.2.2.5 Pelaksanaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan Keusahawanan	280
5.2.2.6 Menjahit Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) semasa COVID-19	284
5.2.2.7 Microsoft Kick Hours.....	286
5.2.2.8 Mengurangi Residivis.....	287
5.2.2.9 Tenaga Buruh	290
5.2.2.10 Mengurangi Keciciran dalam Pelajaran	295
5.2.2.11 Menggantikan Buruh Asing.....	299
5.2.2.12 <i>Influencer</i> atau Pempengaruh	300
5.2.2.13 Masyarakat Harmoni	302
5.2.2.14 Wawasan dan Perpaduan	304
5.3 Rumusan.....	305

BAB ENAM KESIMPULAN	306
6.1 Pengenalan	306
6.2 Matlamat Kajian.....	306
6.3 Perbincangan	308
6.4 Cadangan.....	312
6.4.1 Peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan atau NonGovernment Organisation (NGO)	312
6.4.2 Meningkatkan Kesedaran Mengenai Bahaya Jenayah.....	313
6.4.3 Menyediakan Sokongan Sosial kepada Bekas Penghuni	314
6.4.4 Sokongan Keluarga	314
6.4.5 Menyediakan Pelapis dalam Kalangan Penghuni Menjadi Guru di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti.	315
6.4.6 Sistem Pendigitalan Pengajaran dan Pembelajaran	317
6.4.7 Kajian Baharu untuk Menurunkan Umur Minimum Pesalah Juvana	317
6.4.8 Semua Pesalah Muda dihantar ke Sekolah Henry Gurney	318
6.5 Rumusan.....	320
RUJUKAN	323

Senarai Jadual

Jadual 2.1.....	102
Jadual 2.2.....	104
Jadual 2.3.....	106
Jadual 2.4.....	108
Jadual 2.5.....	110
Jadual 3.1.....	121
Jadual 3.2.....	122
Jadual 3.3.....	123
Jadual 3.4.....	127
Jadual 3.5.....	128
Jadual 3.6.....	129
Jadual 3.7.....	154
Jadual 3.8.....	161
Jadual 3.9.....	163
Jadual 4.1.....	186
Jadual 4.2.....	201
Jadual 4.3.....	202
Jadual 4.4.....	207
Jadual 4.5.....	208
Jadual 4.6.....	229
Jadual 5.1.....	261
Jadual 5.2.....	264
Jadual 5.3.....	267
Jadual 5.4.....	293
Jadual 5.5.....	296

Senarai Rajah

Rajah 1.1.....	4
Rajah 1.2.....	5
Rajah 1.3.....	8
Rajah 2.1.....	41
Rajah 2.2.....	54
Rajah 2.3.....	60
Rajah 2.4.....	70
Rajah 2.5.....	77
Rajah 2.6.....	79
Rajah 2.7.....	81
Rajah 2.8.....	84
Rajah 2.9.....	84
Rajah 2.10.....	85
Rajah 3.1.....	113
Rajah 3.2.....	117
Rajah 3.3.....	133
Rajah 3.4.....	138
Rajah 3.5.....	147
Rajah 3.6.....	148
Rajah 3.7.....	148
Rajah 3.8.....	149
Rajah 3.9.....	149
Rajah 3.10.....	150
Rajah 3.11.....	157
Rajah 3.12.....	157
Rajah 3.13.....	158
Rajah 3.14.....	165
Rajah 4.1.....	191
Rajah 4.2.....	198
Rajah 4.3.....	204

Rajah 4.4.....	205
Rajah 4.5.....	206
Rajah 4.6.....	206
Rajah 4.7.....	210
Rajah 4.8.....	211
Rajah 4.9.....	211
Rajah 4.10.....	213
Rajah 5.1.....	261
Rajah 5.2.....	269
Rajah 5.3.....	270
Rajah 5.4.....	272
Rajah 5.5.....	279
Rajah 5.6.....	302
Rajah 6.1.....	316



Senarai Lampiran

Lampiran A Peraturan Sekolah Henry Gurney.....	345
Lampiran B Blok Asrama Penghuni Sekolah Henry Gurney.....	346
Lampiran C Dasar dan Konsep Penjara.....	347
Lampiran D Keratan Akhbar Berita Harian.....	348
Lampiran E Buku Panduan Pengurusan Sekolah Integriti dan SHG.....	349
Lampiran F Buku Pelawat.....	350
Lampiran G Sekolah Henry Gurney II Banda Hilir, Melaka.....	351
Lampiran H Tugu Resurgam.....	352
Lampiran I Surat Kelulusan Menjalankan Kajian di Semua SHG di Malaysia.....	353
Lampiran J SHG Puncak Borneo, Kuching Sarawak.....	354
Lampiran K The Supreme Court of Federation of Malaysia.....	355
Lampiran L Responden.....	356
Lampiran M Laporan Tahunan 2017.....	359
Lampiran N Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak Bil 2/2019.....	360
Lampiran O Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney.....	361
Lampiran P Penerangan Akta Kanak-Kanak 2001.....	362
Lampiran Q Minit Mesyuarat Pelaksanaan Pendidikan Sekolah Integriti dan Unit Akademik SHG Bil 1/2019.....	363
Lampiran R Dasar Pendidikan Kebangsaan 2017.....	364
Lampiran S Buku Program Festival Kebudayaan dan Kesenian SISHG.....	365
Lampiran T Akta Rahsia Rasmi.....	366
Lampiran U Kajian Lapangan di Sekolah Henry Gurney Telok Mas Melaka.....	367
Lampiran V Kajian Lapangan di Penjara Muar, Johor.....	369
Lampiran W Kajian Lapangan di Sekolah Henry Gurney Puncak Borneo, Sarawak.....	370
Lampiran X Kajian Lapangan di Sekolah Henry Gurney Keningau, Sabah.....	371
Lampiran Y Protokol Temu bual.....	372
Lampiran Z Warta Kerajaan Akta Kanak-Kanak 2001.....	378
Lampiran AA Colonial Annual Report Malayan Union 1947.....	379
Lampiran AB Annual Report Federation of Malaya 1951.....	380

Lampiran AC Federation of Malaya Annual Report 1953.....	381
Lampiran AD Success Story SHG ke IPTA, 2003-2023.....	382
Lampiran AE Approved Schools for purposes of Juvenile Courts Ordinance No.38...	383
Lampiran AF Annual Reports of Colonial Prisons Departments.....	384
Lampiran AG Straits Settlements Annual Report on Prison, 1936.....	385



Senarai Nama Singkatan

DSKP	-Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
FPK	-Falsafah Pendidikan Negara
GPN	-Gred Purata Negara
GPS	-Gred Purata Sekolah
HUNT	-Model <i>Help Yourself, No Suffer, No Tear</i>
IPPM	-Ibu Pejabat Penjara Malaysia
JDL	- <i>Juveniles Deprived of Their Liberty</i>
JKKN	-Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
JKM	-Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPK	-Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPM	-Jabatan Penjara Malaysia
KDN	-Kementerian Dalam Negeri
KDNK	-Keluaran Dalam Negara Kasar
KPM	-Kementerian Pendidikan Malaysia
KPWKM	-Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KSSM	-Kurikulum Standard Sekolah Menengah
MSN	-Majlis Sukan Negara
NATCOM	- <i>National Band Competition</i>
NGO	-Badan-badan Bukan Kerajaan

PAFA	-Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain
PB	-Pendidikan dan Bimbingan
PBB	-Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PPI	-Program Pembangunan Insan
SDP	-Sekolah Dalam Penjara
SLDN	-Skim Latihan Dual National
SPKA	-Sijil Pencapaian Khas Agama
TLS	-Tahanan Limpah Sultan
TVET	-Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
UNCRC	<i>-United Nations Convention on the Rights of the Child</i>
UNESCO	<i>-United Nation Educational and Cultural Organisation</i>
UNICEF	<i>-United Nation Children's Fund</i>
UNSMR	<i>-United Nations Standard Minimum Rules of The Treatment of the Prisoners</i>
UPKK	-Ujian Penilaian Kelas KAFA
A.M	-Pagi
P.M	-Petang

BAB SATU

Pengenalan

1.1 Pengenalan

Sejarah awal pendidikan negara Malaysia terbentuk sebelum bermulanya pemerintahan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Perubahan demi perubahan telah berlaku terhadap pendidikan negara kita seiring dengan peredaran zaman. Sejarah kegemilangan negara kita bermula pada zaman Kerajaan Melayu Melaka daripada zaman Hindu kepada zaman kehebatan Islam kemudian diikuti dengan zaman kedatangan Portugis pada tahun 1511, Belanda 1641, British 1824 dan Jepun 1941 sehinggalah diberi kemerdekaan oleh British pada tahun 1957. Bidang pendidikan pada zaman pemerintahan Barat sehingga tahun 1786 kurang mengalami perubahan yang pesat terhadap penduduk asal tetapi selepas kedatangan pihak Inggeris mereka telah memulakan era baharu dalam pendidikan pada waktu itu.¹ Perkembangan pendidikan negara menjadi terbantut apabila tentera Jepun berjaya menawan Tanah Melayu pada tahun 1941 sehingga 1945. Apabila pihak Inggeris mengambil alih Tanah Melayu pada tahun 1946, pendidikan di Tanah Melayu mula mengorak langkah mengikut acuan mereka sehingga kemerdekaan negara di capai pada 31 Ogos 1957. Negara mencapai kemerdekaan daripada penjajahan Inggeris, sistem pendidikan negara dibentuk serta mengalami banyak perubahan dan perkembangan sejajar dengan kehendak semasa sehingga ke peringkat antarabangsa dan dapat berdiri teguh di persada dunia.

¹ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Memartabatkan Kecemerlangan Pendidikan Negara*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd., 2007, hlm. 3.

Warganegara yang cemerlang daripada segi ekonomi, sahsiah, politik dan sosial dapat dibentuk melalui sistem persekolahan yang mantap dan menjadi elemen utama dalam pendidikan sesebuah negara. Sistem persekolahan juga berperanan sebagai alat untuk menyalurkan maklumat yang penting seperti nilai-nilai murni ke arah perpaduan masyarakat berbilang kaum selain daripada memberi pendidikan sewajarnya kepada segenap lapisan masyarakat.² Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab menyediakan pendidikan di sekolah-sekolah di Malaysia pada peringkat rendah dan menengah. Selain sekolah kebangsaan, sekolah menengah dan sekolah berasrama penuh, terdapat juga sekolah-sekolah khas di bawah seliaan Jabatan Penjara Malaysia yang dikenali sebagai Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti.³ Sekolah Henry Gurney ini telah ditubuhkan pada tahun 1948 dan menjadi institusi pertama memberikan pendidikan untuk juvana.

Pada peringkat awal penubuhan Sekolah Henry Gurney, ia memberi peluang kepada pesalah juvana untuk mendapatkan ilmu dan didikan yang secukupnya selain menjalani hukuman sebelum kembali kepada masyarakat. Sekolah Henry Gurney mula menjalankan operasi kali pertama pada tahun 1949. Kumpulan pertama yang berpindah dari 'Advanced Approved School' Muar ialah seramai 70 orang untuk membangunkan kawasan itu. Pada tahun 1950 juvana di bawah umur 21 tahun telah berkurangan jika dibandingkan dengan jumlah juvana tahun 1949.


² Mior Khairul Azrin Mior Jamaludin, "Sistem Pendidikan Di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan Ke Arah Perpaduan Nasional," *Jurnal Sosiohumanika*, Jil. 4, No. 1, 2011, hlm. 33-47.

³ Jabatan Penjara Malaysia dipertanggungjawabkan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang diketuai oleh Komisioner Jeneral Penjara dengan mendokong misi 3 Jabatan Penjara Malaysia bersama kakitangan 'kami melindungi masyarakat dengan menyediakan penahanan yang selamat dan sistem pemulihan yang berkesan'.

Tapak asal Sekolah Henry Gurney adalah pusat perlombongan bauksit yang terkenal di Semenanjung Tanah Melayu pada ketika itu. Selain itu, kawasan ini juga kaya dengan bahan galian seperti emas sehingga Syarikat Ishara Synon Khisa (ISK), sebuah syarikat pihak Jepun mengendalikan perlombongan tersebut di sini. Selepas kekalahan Jepun di tangan British pada tahun 1945 dan simpanan bauksit kehabisan maka kilang ini terpaksa ditutup. Terdapat tiga buah bangunan peninggalan syarikat Jepun yang diguna semula untuk dijadikan pejabat dan tempat tahanan penghuni. Pada mulanya, kawasan sekitar Telok Mas ini dipenuhi semak samun dan berbukit-bukau. Bangunan-bangunan pentadbiran syarikat ISK telah dibaik pulih dan dijadikan pusat pemulihan akhlak remaja pada bulan Mei 1949, apabila Jabatan Penjara Malaya Dewasa mula mencari tempat baharu yang lebih sesuai bagi menempatkan kanak-kanak ini.⁴ Institusi yang telah ditubuhkan untuk pemulihan kanak-kanak lelaki ini juga telah tiga kali mengalami perubahan dari segi namanya. Pada mulanya ia diberikan nama “Sekolah Akhlak Tertinggi” pada tahun 1949 ditukarkan kepada “Sekolah Latihan Pemuda” pada tahun 1950. Seterusnya namanya berubah untuk kali ketiga menjadi “Henry Gurney School” iaitu pada 19 Julai 1950 sempena pembukaan rasmi yang dilakukan oleh Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi di Tanah Melayu pada masa itu dan kekal sehingga ke hari ini (The Straits Times, 22hb Julai 1950). Hal ini demikian kerana Sir Henry Gurney telah dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi British dari tahun 1948 sehingga 1951 untuk menggantikan Sir Edward Gent.

⁴ O.V. Garratt, “*Report of the Prison of The Malaya for The Year 1949*”, dalam Baharullah Adam, SHG Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 2.

Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka terletak berhampiran di daerah Melaka Tengah, kira-kira 4 kilometer dari bandar Melaka dan menghadap laut Selat Melaka.⁵ Nama Telok Mas diberikan kerana bentuk geografi pantainya berteluk pada suatu ketika dahulu dan banyak emas dijumpai di kawasan tersebut.⁶ Pada peringkat awal penubuhan sekolah ini, ia memberi peluang kepada pesalah juvana untuk mendapatkan ilmu dan latihan yang secukupnya selain menjalani hukuman sebelum kembali kepada masyarakat. Lokasi kajian dipaparkan di rajah 1.1 dan 1.2



Rajah 1.1. Peta Lokasi Daerah Melaka Tengah dalam Peta Negeri Melaka⁷

Rajah menunjukkan peta lokasi Sekolah Henry Gurney yang terletak di daerah Melaka Tengah.

⁵ Baharullah Adam, SHG Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004. hlm. 1.

⁶ Pamphlet Pejabat Rekod SHG, Telok Mas Melaka.

⁷ Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka. Laman web <https://www.melaka.gov.my/kerajaan/info-negeri/peta-negeri-melaka> (tarikh diakses 16 Julai 2024).

Perkembangan pendidikan di penjara dalam kalangan banduan telah mula dilaksanakan sejak tahun 1900 apabila Inspektor penjara selaku jawatan tertinggi penjara mengumumkan tindakan pelaksanaan dasar ke arah pemulihan dan sekaligus mewajibkan pelaksanaan yang sama di Penjara Pulau Pinang. Pada tanggal 1941, bermulanya pemulihan di semua penjara Persekutuan Tanah Melayu dengan perhatian diberikan terhadap pendidikan sebagai salah satu bentuk rawatan pemulihan kepada banduan.¹¹ Sistem perundangan juvana di Tanah Melayu turut mengalami evolusi pada ketika itu apabila kes peningkatan salah laku remaja yang berlaku semakin meningkat akibat peperangan serta pendudukan komunis di Tanah Melayu. Selepas pendudukan Jepun, banyak kaum yang ditindas akibat kekejaman Jepun mula memberontak serta mengakibatkan kekacauan. Golongan bawah umur juga ramai yang terlibat akibat terpengaruh dengan golongan dewasa pada masa tersebut. Apabila pihak British yang telah kembali menguasai Tanah Melayu, mereka berusaha untuk mengembalikan keamanan dengan menguatkuasakan undang-undang supaya keadaan menjadi lebih terkawal dan aman selain daripada mengurangkan kerugian.

Sejarah perkembangan sekolah juvana mula dikenali apabila Sir Henry Gurney merasmikannya dengan nama Sekolah Henry Gurney dan mengambil namanya bersempena dengan nama beliau iaitu, Henry Gurney pada 19 Julai tahun 1950.¹² Beliau memegang jawatan sebagai Pesuruhjaya Tinggi British pada ketika itu. Institusi untuk juvana ditubuhkan sekitar tahun 1948 setelah diperkenalkan sebagai institusi

¹¹ Siti Alwaliyah Mansor & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, Penjara Pulau Pinang: Isu-isu dalam Perkembangan Pendidikan Penjara, 1941-1957, *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 5(14), 93-112. 2019. hlm. 95.

¹² <https://eshopshgtm.myfreesites.net/tentang-kami> (tarikh diakses 8 Julai 2022).

pemulihan di negara kita. Bermula dengan Penjara Muar di Johor, ditubuhkan pula Sekolah Pemulihan Lanjutan (*Advanced Approved School*) dan mempunyai seramai 50 orang penghuni.¹³ Sekolah Henry Gurney telah mengalami perkembangan dari semasa ke semasa apabila Akta Kanak-Kanak 2001 diperkenalkan dan terdapat banyak penambahbaikan telah dibuat sejak penubuhannya bermula pada tahun 1950 sehingga 2020. Sekolah ini juga dikenali sebagai institusi di dalam penjara yang memberi dan menyediakan pendidikan kepada juvana yang sudah berhenti bersekolah dalam aliran biasa (aliran perdana). Pada awal pembinaannya, kelengkapan sekolah ini kurang sempurna berbanding sekolah biasa namun dapat memberikan harapan dan peluang seterusnya kepada para penghuni. Perbincangan tentang Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka dalam kajian ini akan dihuraikan bermula tahun 1950 sehingga 2020. Dalam menguruskan institusi Sekolah Henry Gurney, terdapat beberapa konsep telah dilaksanakan. Ia diperkenalkan secara peringkat demi peringkat yang bertujuan untuk membuat penambahbaikan pengurusan dari semasa ke semasa.

1.2 Definisi Konsep

1.2.1 Sekolah Henry Gurney (SHG)

Penghuni SHG ditempatkan bersama-sama walaupun umur mereka berbeza. Hal ini membawa maksud, sekiranya umur mereka 14 tahun, mereka dibenarkan bergaul dengan pesalah muda berumur 18 tahun ke 21 tahun. Juvana yang berumur 14 tahun sehingga 21 tahun serta ditahan bawah Akta Kanak-Kanak 2001 akan bersekolah di

¹³ Penghuni bermaksud kanak-kanak atau juvana berumur 14 hingga 18 tahun yang didapati bersalah oleh Mahkamah Kanak-Kanak dan diperintahkan untuk ditahan di SHG.

sekolah ini melalui pendidikan formal.¹⁴ Undang-undang negara Malaysia memperuntukkan hukuman penjara kepada kanak-kanak yang didapati bersalah hendaklah dihantar ke SHG mengikut kriteria tertentu (Seksyen 75 (c) Akta 611). SHG juga mengambil tanggungjawab menerima dan memberikan pemulihan kepada kanak-kanak yang cuba melarikan diri dari Sekolah Tunas Bakti (STB) dan yang tidak dapat dikawal perbuatan dan perangainya.



Rajah 1.3 Penghuni sedang muster

Sumber: <https://www.facebook.com/shgmelaka/photos>

1.2.2 Sekolah Integriti atau Pemenjaraan

Sekolah Integriti ialah sekolah yang menyediakan keperluan pendidikan formal bagi banduan muda dan tahanan muda yang berumur bawah 21 tahun. Perintah Hukuman pemenjaraan di penjara atau Sekolah Integriti terhadap kanak-kanak yang berumur di bawah 14 tahun tidak boleh dijalankan. Seterusnya untuk pengetahuan umum, kanak-kanak yang didapati bersalah melakukan jenayah yang membawa hukuman mati

¹⁴ Buku Panduan SHG dan Sekolah Integriti, Jabatan Penjara Malaysia, 2019, (tidak diterbitkan). hlm.10.

(Seksyen 97 Akta 611)¹⁵ tidak boleh dijatuhi hukuman mati terhadap mereka. Sebaliknya, kanak-kanak tersebut perlu melalui hukuman pemenjaraan selama mana diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Yang Dipertua Negeri (Seksyen 97(2)(a)(b) Akta 611) dikenali sebagai Tahanan Limpah Kurnia Sultan(TLS).¹⁶

1.2.3 Penghuni Muda

Penghuni muda di SHG yang terdiri daripada kanak-kanak atau juvana yang berada dalam lingkungan 14 hingga 18 tahun. Kanak-kanak yang didapati bersalah mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 akan dimasukkan ke SHG. Mereka diperintahkan ditahan di institusi ini apabila Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (MBKK) mendapati mereka bersalah.

1.2.4 Banduan Muda

Banduan yang berumur bawah 21 tahun dan ditahan di penjara mengikut kesalahan-kesalahan tertentu dikenali sebagai banduan muda. Kanak-kanak yang terlibat dalam kes-kes berbeza apabila melibatkan diri dalam jenayah yang berkaitan dengan atau bersama pelaku dewasa serta hilang kelayakan untuk dibicarakan di Mahkamah Kanak-Kanak, mereka akan dihantar ke Sekolah Integriti sebagai 'banduan muda'. Pesalah Sekolah Integriti biasanya berumur dalam lingkungan usia 18 hingga 21 tahun.¹⁷

¹⁵ Noor Aziah Mohd Awal, Mohd Al Adib Samuri, Fariza Md Sham, & Nurul Izzah Zainol. Hak Kanak-kanak dalam Institusi Tahanan Menurut Instrumen Antarabangsa dan Perundangan Malaysia, *UUM Journal of Legal Studies*, 12(2), 283–305. 2021. hlm. 289.

¹⁶ Ibid., hlm. 289.

¹⁷ <https://www.moe.gov.my/pendidikan/khas/sekolah-integriti-dan-sekolah-henry-gurney/pengenalan> (tarikh diakses 3 Julai 2022).

1.2.5 Remaja

Mengikut definisi Kamus Dewan remaja ialah golongan yang mulai dewasa, akil baligh, genap usia berkahwin serta berumur dalam lingkungan 13 sehingga 20 tahun. Remaja mengikut definisi sebagai seorang yang mulai dewasa, mencapai akil baligh, boleh berkahwin kerana sampai umur¹⁸ serta berusia dalam lingkungan 13 sehingga 20 tahun.¹⁹ Jangka masa di antara waktu kanak-kanak ke waktu dewasa merupakan waktu perantaraan remaja serta mengalami banyak kesinambungan termasuklah aspek biologiikal, tubuh badan, mental dan sosial.²⁰

1.2.6 Juvana

Terdapat pelbagai jenis kesalahan juvana iaitu yang terlibat dengan orang, kesalahan berkaitan seks, melanggar ordinan tahanan, perjudi, tidak mengikut peraturan kecil perbandaran, melanggar undang-undang jalan raya, perbuatan tidak terkawal atau bermoral dan lain-lain akan dihadapkan ke Mahkamah kerana kesalahan-kesalahan yang dinyatakan. SHG dan Sekolah Integriti adalah sekolah yang melaksanakan dwifungsi bawah satu pengurusan. Sekolah ini melaksanakan fungsi sebagai Sekolah Integriti dan SHG untuk membentuk sahsiah juvana yang lebih baik.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada zaman kolonial British, banduan dihukum dan diseksa dengan hukuman yang berat di penjara. Namun begitu, apabila terdapat banduan muda di bawah umur

¹⁸ <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=remaja>, (tarikh diakses 27 Jun 2022).

¹⁹ Arieff Salleh Rosman & Wardah Mokhtar, *Membentuk Jati Diri Remaja*, Pahang: PTS Professional Sdn. Bhd., 2006, hlm 115.

²⁰ Amaludin Ab. Rahman & Noralina Omar, *Kaunseling Remaja, Tips dan Panduan Ke Arah Satu Keluarga Satu Kaunselor*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd., 2008, hlm. 18.

ditempatkan di penjara, maka pihak British telah menubuhkan sekolah khas untuk mereka. Terdapat 33 buah penjara di Malaysia pada masa sekarang yang diwarisi daripada penjajah British sejak 225 tahun dahulu pada tahun 2014.²¹ Kajian terdahulu yang telah ditulis oleh Teh Guan Bee (2013), telah menyatakan bahawa:

*“The institutional treatment programme we have today in Malaysia was only introduced after the second World War. It has been shaped by many factors including British colonial involvement, the teachings of Islam and distinctive geographical and population characteristics”.*²²

Penjara khas untuk banduan muda ini dikenali sebagai Sekolah Pemulihan Lanjutan pada asalnya dan kemudian dinamakan nama Sekolah Henry Gurney. SHG sangat berkait rapat di negara ini sebagai sekolah untuk memulihkan kanak-kanak yang terlibat dalam kegiatan jenayah.

Kepentingan sekolah ini amat besar peranannya untuk membentuk remaja yang terlibat dengan perbuatan salah laku kerana alam remaja hakikatnya didapati saat yang rapuh. Mereka lebih mudah terdedah kepada pelbagai tekanan luar dan pengaruh yang kebanyakannya terdorong untuk melakukan perkara negatif. Pemilihan institusi penjara untuk menjalankan penyelidikan merupakan tempat yang paling sukar dijalankan. Faktor keselamatan mesti diberi perhatian sama ada untuk pengkaji sendiri atau pihak institusi penjara semasa menjalankan kajian. Hal ini menyebabkan masyarakat sentiasa memandang sebelah mata hasil penyelidikan yang dilakukan di sebalik tirai besi kerana mempertikaikan kredibiliti penghuni penjara sebagai

²¹ Ucapan Perasmian oleh Dato' Seri Zulkifli Bin Omar, Ketua Pengarah Penjara Malaysia, 16 Oktober 2014, di Bilik Persidangan Fakulti Sains dan Teknologi, UKM, anjuran Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Pusat Sejarah, Politik dan Strategi Fakulti, Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.

²² Teh Guan Bee, “Institutional treatment management of organisations for juvenile of offenders in Malaysia,” *UNAFEI Annual Report*, Jil. 59, 2002, 203-219 hlm. 203.

responden.²³ Walau bagaimanapun, pengkaji mempunyai beberapa faktor yang kuat untuk menjalankan penyelidikan di sini berdasarkan kenyataan mantan Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012, iaitu Alimuddin Mohd Dom menyatakan masyarakat belum mengenali bahawa terdapat sekolah istimewa yang dihuni oleh “murid khas” di sebalik tembok yang dikawal rapi serta dipenuhi kawat berduri.²⁴ Perkara ini disebabkan oleh pelbagai kegiatan salah laku yang dilakukan setelah dijatuhi hukuman oleh mahkamah. Malaysia antara negara di dunia ini yang menyediakan pendidikan sewajarnya untuk “murid khas” tersebut.

Pada era globalisasi, penglibatan golongan muda dalam jenayah dilihat sebagai masalah sosial yang amat membimbangkan. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019 pada tahun 2017 dan 2018, Malaysia melaporkan lebih daripada 5200 kes jenayah melibatkan pesalah muda, kira-kira 13 peratus daripadanya adalah kes berulang.²⁵ Kebanyakan kesalahan yang berkaitan dengan harta semakin berleluasa terutamanya kepada pesalah muda lelaki, termasuk kecurian, pecah rumah, curi kenderaan, rompakan, dan berurusan dalam harta curi.²⁶ Seterusnya pada tahun 2019, Malaysia menempatkan lebih 2500 pesalah muda di 52 penjara negeri di bawah Kementerian Dalam Negeri dan lebih kurang 1000 pesalah juvana dalam sembilan

²³ Ezza Rafedziawati Kamal Rafedzi, Abrizah Abdullah & Nur Khairunnisha Zainal, “Kajian Etnografi Tingkah Laku Maklumat Pesalah Juvana Lelaki Di Malaysia,” *Jurnal Informika*, Jil.2, 2006, hlm. 55-68.

²⁴ Darussalam Budin, “Pendidikan Juvana di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Hala Tuju, Pelaksanaan dan Cabaran,” *Jurnal Hadhari*, Jil. 6, No.1, 2014, hlm. 89.

²⁵ Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). Children statistics, Malaysia. Retrieved from, <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=TVY4ZDdTefJnMFQxWjdFc1dDZEhOZz09> (tarikh diakses 10 Mac 2022).

²⁶ Nazirah Hassan & Muhammad Amirul Aidil Rosly, “Vocational Education and Training for Young Offenders in Juvenile Approved Schools,” *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, Jil.10, No.1, 2021, hlm. 642-650.

sekolah-sekolah yang diluluskan iaitu Sekolah Tunas Bakti di bawah Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Sosial pada tahun 2018. Bilangan pesalah muda dalam negara ini semakin bertambah iaitu meningkat sebanyak 40.8 peratus dari 2010 hingga 2017, seiring dengan pertambahan penduduk sebanyak 32.9 peratus dalam tempoh 2010 hingga 2017.²⁷ Keadaan ini sudah tentu membimbangkan pelbagai pihak apatah lagi golongan muda yang merupakan aset negara untuk pembangunan pada masa hadapan. Sekiranya hal ini berterusan dan tiada strategi khusus bagi jangka masa panjang untuk menangani masalah tersebut kemungkinan ia boleh menggugat perancangan masa hadapan negara kita.

Sekolah ini juga telah berlaku banyak perubahan dan perkembangan sejak penubuhannya dari tahun 1950 sehingga 2020. Salah satu perubahan besar yang berlaku adalah Pendidikan Korektif di sekolah dalam penjara yang baru diperkenalkan pada tahun 2019 dan masih kurang kajian mengenainya.

Walaupun pendidikan di penjara telah wujud sebelum merdeka lagi tetapi dokumentasi dan analisis mengenai sejarah perkembangan Sekolah Henry Gurney yang telah didirikan sejak tahun 1949 masih terhad. Justeru itu, perlu kajian yang memberi tumpuan kepada keberkesanan pendidikan penjara dalam mengurangkan kadar jenayah berulang, perubahan dasar, program untuk juvana dan cabaran dalam pelaksanaan sistem pendidikan serta pemulihan untuk banduan perlu diberi penekanan. Hal ini dikatakan demikian kerana aspek tersebut kurang diberikan

²⁷ Jorah Ramlan, Halimahton Borhan, Fauziah Ramly & Geetha Subramaniam. "Young offenders and labour force nexus in Malaysia's economic growth," *Malaysia Correctional Journal*, Jil 5, No.1, 2021, hlm. 2.

tumpuan. Adalah penting kajian mengenai perkembangan sejarah, memahami perkembangan pendidikan di sekolah dalam penjara untuk menilai kesannya, mengenal pasti kelemahan dan merangka strategi penambahbaikan pada masa hadapan. Hal ini membuktikan kajian tentang sejarah Sekolah Henry Gurney 1950-2020, perundangan, sejarah bangunan, pelaksanaan program dan faktor-faktor yang membentuk perkembangannya dari semasa ke semasa perlu diberi penekanan.

Sebelum ini, belum ada kajian yang mengetengahkan kejayaan dalam mengurus SHG dan para penghuni. Kajian ini sudah pasti dapat memberikan persepsi berbeza daripada masyarakat umum terhadap sekolah. Kejayaan mereka ini menyumbang kepada peningkatan keputusan peperiksaan, infrastruktur, pengurusan penjara yang lebih efisien dan kerjasama yang erat daripada semua pihak. Setakat ini belum ada kajian mengenai SHG yang dibuat dari tahun 1950 sehingga 2020. Pelbagai peristiwa sejarah yang berlaku di dalam sekolah ini dari segi penubuhan, peranan serta sumbangan yang dilakukan menyebabkan kajian selanjutnya perlu dijalankan.

1.4 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian telah dibentuk berdasarkan permasalahan kajian. Berikut adalah:

1. Bagaimanakah latar belakang sejarah SHG sejak ia ditubuhkan?
2. Bagaimanakah perkembangan SHG secara kronologi bermula 1950 sehingga 2020?
3. Bagaimanakah pelaksanaan program Pendidikan Korektif di SHG?
4. Apakah sumbangan dan pencapaian sekolah ini sejak ia ditubuhkan?

1.5 Objektif Kajian

Perubahan besar telah berlaku terhadap SHG Telok Mas sejak Akta Kanak-Kanak 2001 diperkenalkan. Selain itu Akta Penjara 1995, Akta Penjara (Pindaan) 2008, Peraturan Penjara 2000 dan lain-lain lagi peraturan digunakan. Terdapat empat objektif perlu dicapai dalam kajian ini:

- 1) Menenal pasti sejarah penubuhan SHG, Telok Mas Melaka 1950-1990.
- 2) Mengkaji perkembangan SHG secara kronologi bermula 1950 sehingga 2020.
- 3) Meneliti pelaksanaan program Pendidikan Korektif di SHG.
- 4) Menganalisis sumbangan dan pencapaian di SHG.

1.6 Kepentingan Kajian

Sehingga kini kajian mengenai Sejarah SHG, Telok Mas, Melaka bermula 1950 sehingga 2020 secara mendalam belum dibuat secara khusus. Justeru, kajian ini akan menyumbang kepada pembinaan ilmu dan menjadi bahan rujukan kepada para pengkaji mengenai sejarah SHG khususnya di Telok Mas, Melaka. Hasil dapatan kajian ini juga akan menjadi rujukan kepada Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Badan Bukan Kerajaan serta semua pihak yang mengambil berat terhadap perkembangan sekolah ini. Kajian ini penting kerana dapat memberi faedah kepada golongan ibu bapa, pendidik, generasi pelajar dan masyarakat Malaysia secara umumnya. SHG Telok Mas, bukanlah sekadar sekolah untuk membentuk akhlak para pesalah juvana malahan dapat mengembangkan potensi mereka dalam bidang akademik, vokasional, sukan, seni, agama dan moral malahan bersedia untuk hidup normal kembali ke pangkuan

masyarakat kelak. Diharapkan kajian ini akan menjadi pemangkin dalam usaha selanjutnya untuk mengkaji sejarah perkembangan sekolah ini bermula penubuhannya pada tahun 1950 sehingga tahun 2020.

1.7 Metodologi Kajian

Penyelidikan ialah satu proses secara teratur yang melibatkan kutipan data secara keseluruhan serta penganalisan maklumat untuk menterjemahkan sesuatu topik, masalah atau isu.²⁸ Sesuatu kajian menjadi kurang lengkap sekiranya tiada kaedah kajian atau metodologi kajian. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, metodologi membawa maksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Kaedah dan teknik mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data agar dapat menghasilkan bukti yang berkemampuan menyokong sesuatu penyelidikan adalah metodologi penyelidikan. Ia juga menerangkan cara sesuatu masalah dikaji dan sebab sesuatu kajian dapat diterangkan melalui cara membuat huraian tentang proses kajian tersebut. Kajian ini menggunakan metod triangulasi iaitu kepelbagaian bentuk melalui penyelidikan bersifat kualitatif. Ia menggunakan lebih daripada satu metod iaitu dokumen yang melibatkan yang melibatkan sumber primer termasuk kajian kepustakaan, kajian lapangan dan pemerhatian dan temubual.

Kaedah pensejarahan (kronologi tarikh) dengan pendekatan kualitatif terhadap tumpuan konten analisis (bahan primer dan sekunder) diaplikasikan. Kaedah penyelidikan sejarah ialah penyusunan sistematik yang membabitkan kajian serta

²⁸ Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan*, Malaysia: Mc Graw Hill Education, 2010, hlm. 5.

penilaian terhadap data yang berkaitan dengan peristiwa lampau atau yang telah terjadi. Secara umumnya ia boleh mengkaji asbab, kesan atau trend (corak) sesuatu peristiwa seterusnya dapat meramalkan perkara yang bakal berlaku pada masa hadapan.²⁹

Kajian Sejarah Perkembangan SHG 1950 sehingga 2020 ini akan menggunakan bahan primer dan sekunder.

1. Bahan primer yang digunakan dalam kajian ini adalah sumber yang belum diterbitkan dan selalunya merupakan bahan simpanan peribadi dan arkib serta jabatan-jabatan kerajaan. Buku catatan, rekod-rekod rasmi, dokumen-dokumen awam seperti Perbahasan Parlimen dan Perbahasan Dewan Rakyat, Kertas Perintah, Perlembagaan, Penerbitan Kerajaan (Persekutuan dan Negeri) seperti Warta dan Laporan Kerajaan Persekutuan adalah termasuk dalam pengkelasan sumber primer. Sumber primer yang lain juga boleh terdiri daripada Dokumen Kerajaan, Dokumen Pertubuhan Antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, laporan-laporan Polis, laporan-laporan Warden Penjara dan catatan mahkamah dikategorikan sebagai sumber awalan.
2. Bahan sekunder adalah untuk memenuhi perkara yang tidak ada dalam bahan primer, termasuk pemerhatian (temu bual, perubahan tapak, bangunan, prestasi pelajar dan lain-lain). Sebagai contoh jenis sumber sekunder adalah buku-buku dan jurnal. Bahan-bahan rujukan secara dalam talian turut digunakan sebagai bahan sekunder sebagai contoh kejayaan pelajar SHG, Telok Mas memenangi

²⁹ Azizi Yahaya, et al., *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris, 2021, hlm. 49.

pertandingan tinju di peringkat antabangsa. Sumber sekunder ini boleh dicapai oleh sesiapa jua tanpa sekatan kerana maklumat berada diujung jari.

Sebelum melaksanakan pengumpulan data, pengkaji mendapatkan kebenaran daripada Pusat Pengajian Bahasa Tamadun Falsafah dan Awang Had Salleh Graduate School, Universiti Utara Malaysia. Seterusnya, pengkaji membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Dasar Kependidikan, Jabatan Penjara Malaysia. Setelah mendapat kebenaran, pengkaji perlu menandatangani Akta Rahsia Rasmi membuat aku janji untuk mengelakkan sebarang kebocoran maklumat kepada pihak awam. Empat langkah yang dicadangkan untuk dijalankan oleh seseorang pengkaji sejarah, iaitu yang pertama, pengkaji perlu mengumpul sumber sejarah secara berkesan berdasarkan kepada kaedah yang betul. Kedua, pengkaji perlu menilai sumber sejarah secara kritis melalui kritikan luaran dan dalaman supaya fakta yang diperoleh dapat dipastikan keaslian dan kesahihannya. Ketiga, pengkaji perlu memberikan interpretasi dan analisis terhadap sumber yang diperoleh supaya dapat memahami makna yang sebenar daripada bukti-bukti sejarah yang ditemui seterusnya langkah yang terakhir, pengkaji membentangkan hasil kajian dalam bentuk penulisan atau historiografi.³⁰ Penyelidikan kepustakaan (*library research*) dan temu bual dalam proses pengumpulan data akan menjadi dua asas penting yang digunakan dalam kajian ini.

Bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian, temu bual turut dijalankan bagi mengisi jurang kajian. Lapan responden yang ditemu bual ialah Timbalan Komisioner Penjara (TKP)

³⁰ Gilbert J. Garraghan, *A Guide to Historical Method*, New York: Fordham University Press, 1946, hlm. 43.

Dr Kausalya Devi a/p Sathoo, Tuan Hj Azhan bin Anuar (Mantan Ketua Sektor Akademik), Tuan Mohd Zaili Bin Talib (Sub Inspektor), Tuan Othman Bin Marcom (Penyelia SHG), Pn Nurmarliza Binti Omar (Penolong Pegawai Tadbir dan 3 orang responden yang terdiri daripada penghuni SHG).

Fakta-fakta sejarah yang mengalami proses penyusunan yang dipilih dari sumber sebuah bentuk penulisan sejarah dikenali historiografi.³¹ Perbincangan Sejarah Penubuhan SHG dan Perkembangannya 1950-2020 disusun mengikut kronologi. Maklumat yang diperoleh daripada sumber primer, sekunder dan temu bual dapat mengukuhkan kesahan serta kebolehpercayaan kajian. Kaedah ini adalah sebahagian proses triangulasi iaitu bukti daripada pelbagai sumber yang memberi ukuran fenomena yang serupa dapat meyakinkan sesuatu konsep yang dikaji dan bagi tinjauan mengelakkan bias.³² Kelebihan yang dipamerkan menggunakan pelbagai bukti yang kukuh sumber yang sangat mustahak dalam membentuk satu proses triangulasi. Malahan rumusan yang dibuat dalam sesuatu kajian kes lebih meyakinkan apabila pengkaji memperkemaskannya dari pelbagai sumber data yang berbeza.

1.8 Sorotan Literatur

Sorotan literatur merupakan asas kepada semua usaha pengkajian. Keperluan kajian literatur sangat tinggi terhadap semua kajian yang dilaksanakan kerana dapatan kajian merupakan aspek penting untuk pengkajian seterusnya.³³ Pengetahuan awal berkaitan

³¹ Ibid., hlm. 53.

³² Marohaini Yusoff, *Pengkajian Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001, hlm. 123.

³³ Fellows, R.F. & Liu, A. *Research Methods for Construction*. 2003, Wiley.

bidang yang akan dijalankan dapat di dalam oleh pengkaji menerusi sorotan kajian. Penjelasan mengenai daftar kata dan konsep yang digunakan dalam konteks kajian adalah penting melalui sorotan kajian yang diambil menerusi kajian-kajian sama ada melalui sumber internet atau perpustakaan.³⁴ Ia juga digunakan oleh pengkaji untuk menguatkan hujah kajian mereka, menambah maklumat baharu dalam kajian serta memantapkan hasil dapatan seterusnya. Sorotan literatur juga menghamparkan "landskap" bagi pengkaji dan memberikan pemahaman sepenuhnya mengenai perkembangan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji kelak.

Seterusnya Kajian Baharullah Adam, SHG sebagai Pusat Pemulihan Juvana, pada 2004 menekankan mengenai pentadbiran dan peranan SHG Telok Mas sekitar tahun 1950 sehingga 1990 sahaja. Kajian beliau seterusnya memperlihatkan peranan pusat tahanan remaja dalam memulih dan membimbing kanak-kanak salah laku.³⁵ Kajian Baharullah Adam menekankan mengenai pentadbiran dan peranan SHG Telok Mas sekitar tahun 1950 sehingga 1990 dilakukan diperingkat Sarjana. Kajian beliau juga memperlihatkan peranan pusat tahanan remaja dalam memulih dan membimbing kanak-kanak salah laku. Pengkaji turut dapat mengenal pasti hasil daripada kajian beliau iaitu beberapa bentuk pemulihan, kawalan dan hukuman yang akan dilaksanakan ke atas pesalah kanak-kanak. Program-program yang dijalankan kepada penghuni di sekolah berkenaan seperti pembelajaran dan latihan termasuk latihan akademik yang akan diberi kepada pesalah juvana akan dihuraikan dalam kajian ini.

³⁴ Chow Fook Meng & Jaizah Mahmud, *Kajian Tindakan, Konsep dan Amalan dalam Pengajaran*, Selangor: Penerbit Multimedia Sdn. Bhd. 2011, hlm. 32.

³⁵ Baharullah Adam, SHG sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990. Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004.

Selanjutnya kajian turut membincangkan faktor yang mendorong penglibatan pelajar dalam jenayah seperti keruntuhan institusi keluarga, pengaruh sosial, pengaruh media massa dan kelemahan institusi pendidikan.

Pengkaji menjadikan kajian ini sebagai salah satu sumber rujukan untuk peringkat doktor falsafah kerana didapati tiada kajian yang dibuat oleh pengkaji lain berkaitan tajuk kajian ini. Walau bagaimanapun, dalam kajian beliau cara dan bentuk tahanan yang dikenakan kepada pesalah juvana bawah 21 tahun sejak dahulu masih dijalankan sehingga 1990-an iaitu hanya terdapat sedikit perubahan sahaja yang dibuat oleh institusi ini. Namun seiring dengan masa terdapat perubahan yang ketara dalam sejarah perkembangan SHG sama ada di peringkat institusi, zon, nasional mahupun antarabangsa. Perkembangan infrastruktur, bangunan, program-program yang bermanfaat untuk pelajar SHG, pertambahan bilangan guru serta pelajar, bilangan buku dan perubahan perpustakaan serta kejayaan mereka yang telah insaf ini turut perlu dicatatkan sebagai satu momen yang sangat bersejarah.

Melalui kajian yang dijalankan oleh Ezza Rafedziawati Kamal Rafedzi, Abrizah Abdullah & Nur Khairunnisha Zainal, 2006, *Kajian Etnografi Tingkah Laku Maklumat Pesalah Juvana Lelaki Di Malaysia*, mendapati melalui *Henry Gurney Schools (Rules 38)* kelas pembelajaran perlu dibentuk melalui peruntukan tertentu untuk manfaat semua penghuni manakala peruntukan hendaklah dibuat bagi mewujudkan kelas pendidikan untuk kebaikan semua penghuni manakala (*Rules 39*) pula perlu menyediakan sekurang-kurangnya satu perpustakaan untuk setiap institusi dan semua penghuni boleh meminjam buku paling banyak sehingga 3 buah serta boleh

seberapa banyak untuk meminjam (*Henry Gurney School Rules, 1949*). Hak kanak-kanak terhadap pendidikan dalam tahanan diperuntukkan secara jelas melalui *Mandela Rules* dalam Kaedah 4 bahagian *Basic Principles* dan Kaedah 64. Perpustakaan yang dilengkapi dengan buku bertemakan santai dan pendidikan yang secukupnya diwajibkan di setiap institusi tahanan.³⁶ Peranan perpustakaan di institusi ini sangat bermanfaat sebagai sumber bacaan ilmiah kepada pesalah juvana berikutan usia mereka masih muda remaja. Menerusi sumber bacaan yang bertepatan secara tidak langsung dapat membantu mereka membentuk sahsiah serta berakhlak mulia selain menunggu masa menamatkan hukuman. Misi institusi penjara untuk mengembalikan para penghuninya ke pangkal jalan akan tercapai sekiranya perpustakaan penjara turut memainkan peranan untuk membangkitkan kesedaran spiritual dalam kalangan mereka. Selain itu, perpustakaan turut memberikan pelbagai pengetahuan menerusi ilmu serta membentuk pesalah menjadi manusia yang insaf seterusnya menyokong usaha murni misi ini.³⁷

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Sarirah binti Che Ros, 2011 mengenai prosedur perbicaraan kes jenayah kanak-kanak di Mahkamah Tinggi. Menurut beliau Akta Kanak-Kanak 2001 digubal khusus untuk memberikan perlindungan yang komprehensif kepada kanak-kanak yang memerlukannya, termasuklah kanak-kanak yang melakukan kesalahan atau jenayah yang dikenali sebagai pesalah kanak-kanak.

³⁶ Noor Aziah Mohd Awal, Mohd Al Adib Samuri, Fariza Md Sham, & Nurul Izzah Zainol. Hak Kanak-kanak dalam Institusi Tahanan Menurut Instrumen Antarabangsa dan Perundangan Malaysia, *UUM Journal of Legal Studies*, Jil.12, No. 2, Dis, 2021, hlm. 290.

³⁷ Ezza Rafedziawati Kamal Rafedzi, Abrizah Abdullah & Nur Khairunnisha Zainal, "Kajian Etnografi Tingkah Laku Maklumat Pesalah Juvana Lelaki Di Malaysia," *Jurnal Informika*, Jil.2, 2006, hlm. 55-68.

Kajian ini juga menjelaskan bahawa seksyen 117 Akta Kanak-Kanak memberikan kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk menggunakan peruntukan dalam Kanun Acara Jenayah dan Akta Kanak-Kanak dalam mendengar kes-kes yang melibatkan pesalah kanak-kanak. Selaras dengan kajian sejarah perkembangan SHG, kajian ini turut menerangkan kaedah perbicaraan kanak-kanak yang dituduh dengan kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati, adalah tidak berbeza dengan kaedah perbicaraan seorang dewasa yang dituduh dengan kesalahan serupa.³⁸ Kenyataan ini bermaksud sekiranya seorang kanak-kanak didapati bersalah melakukan kesalahan yang sama seperti orang dewasa iaitu boleh dihukum dengan hukuman mati, kaedah perbicaraan yang dilaksanakan terhadap mereka adalah serupa.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Noor Aziah Mohd Awal, Mohd Al Adib Samuri, Fariza Md Sham, & Nurul Izzah Zainol (2021), *hak kanak-kanak dalam Institusi Tahanan Menurut Instrumen Antarabangsa dan Perundangan Malaysia* telah menerangkan hak kanak-kanak dalam institusi tahanan dan peranan oleh *United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) terhadap memberi jaminan pada setiap kanak-kanak agar mendapat pendidikan yang sama rata. Ia selaras dengan konsep yang dilaungkan oleh UNESCO iaitu *Education for All*. Semua kanak-kanak tanpa mengira latar belakang termasuk kanak-kanak di institusi tahanan berhak mendapat pendidikan.³⁹ Jaminan hak kepada pendidikan dalam tahanan secara khusus diperuntukan dalam *Beijing Rules, Mandela Rules dan The UN*

³⁸ Sarirah Che Ros. Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah Kanak-Kanak di Mahkamah Tinggi, *Journal Voice of Academia*, 6(2), 2011, 109-124. hlm. 123.

³⁹ Noor Aziah Mohd Awal, Mohd Al Adib Samuri, Fariza Md Sham, & Nurul Izzah Zainol. Hak Kanak-kanak dalam Institusi Tahanan Menurut Instrumen Antarabangsa dan Perundangan Malaysia, *UUM Journal of Legal Studies*, Jil. 12, No. 2, Dis, 2021, hlm. 283–305.

Rules for the Protection of Juveniles Deprived of their Liberty (JDL). Setiap kanak-kanak dalam institusi tahanan akan dipastikan untuk menerima pendidikan yang sepatutnya mengikut *Beijing Rules*. Manakala *The Mandela Rules* pula menjelaskan secara terperinci melalui Kaedah 4 bahagian *Basic Principles* dan Kaedah 64 mewajibkan setiap institusi tahanan menyediakan perpustakaan untuk para juvana termasuk banduan dewasa. Seterusnya Kaedah 38 sehingga 42 *JDL* pula memperuntukkan kaedah-kaedah mengenai pendidikan dan latihan vokasional menjadi hak tahanan kanak-kanak.⁴⁰

*JDL rules are non-binding it does encourage social reintegration by supporting continuing education and/or vocational training and it encourages the construction of adequate living conditions and recreational activities for children in detention*⁴¹

Berdasarkan kepada hak dan keistimewaan mereka dalam institusi tahanan tersebut maka wajarlah hal berkaitan menjadi salah satu sebab pengkaji akan melakukan kajian seterusnya. Hal ini berlaku demikian kerana dalam kajian terdahulu perkara tersebut masih baharu dan belum dibincangkan dengan lebih terperinci. Sehubungan dengan hak dan keistimewaan ini juga diharapkan dapat membendung salah laku dalam kalangan remaja pada masa hadapan.

Selain itu, Rabiyyathul Basiirah Jahan Khir *Jenayah Juvana Dalam Kalangan Pelajar Sekolah di Malaysia dari Tahun 1963-2010*,⁴² telah memfokuskan jenayah juvana

⁴⁰ Ibid., hlm. 290.

⁴¹ Government of Barbados. (2016). Justice for Children in Barbados. <https://www.unicef.org/easterncaribbean/media/811/file/Situation-Analysis-of-Justice-for-Children-in-Barbados-2016.pdf>, hlm. 23.

⁴² Rabiyyathul Basiirah Jahan Khir, *Jenayah Juvana dalam Kalangan Pelajar Sekolah di Malaysia di Tahun 1963-2010*, Tesis Master. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, 2018, hlm. 4

dalam kalangan pelajar. Menurut beliau juga turut menekankan kepentingan Akta 2001 yang telah dibentuk untuk memberikan perlindungan, penjagaan, pemulihan dan hak sewajarnya kepada kanak-kanak dalam tahanan. Kajian tersebut sangat penting kerana dapat memberikan impak yang besar terhadap pengurusan dan sistem persekolahan pelajar-pelajar Sekolah Integriti, SHG, dan Sekolah Tunas Bakti. Namun begitu, kajian beliau tidak membincangkan sejarah perkembangan sekolah ini secara terperinci. Penumpuan keseluruhan juga dititik beratkan kepada soal jenayah juvana yang di mulai pada tahun 2001 memandangkan berlakunya langkah pindaan Akta Mahkamah Juvana 1947 kepada Akta Kanak-Kanak 2001. Kajian beliau juga memberi penekanan terhadap gejala jenayah juvana yang semakin hari semakin membimbangkan pelbagai lapisan masyarakat Malaysia di samping membincangkan beberapa permasalahan kajian. Objektif yang pertama, mengenal pasti jenis dan bentuk jenayah juvana di Malaysia, kedua meneliti faktor-faktor berlakunya jenayah juvana dan yang terakhir menganalisis langkah-langkah mengatasi jenayah juvana di Malaysia.

Akta Kanak-Kanak 2001 telah memberikan impak yang besar terhadap pengurusan dan sistem persekolahan pelajar-pelajar Sekolah Integriti, SHG, serta Sekolah Tunas Bakti. Mimi Kamariah Majid (2001), dengan buku beliau yang bertajuk *Satu Pendekatan Undang-undang untuk Menangani Masalah Kanak-Kanak dan Remaja Di Malaysia*, menyatakan Akta Kanak-kanak 2001 merupakan gabungan tiga akta iaitu Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Mahkamah Juvana 1947. Ketiga-tiga akta tersebut walau bagaimanapun telah dimansuhkan menerusi seksyen 130 Akta Kanak-Kanak 1991

digabungkan sepenuhnya ke dalam Akta Kanak-Kanak. Manakala bagi Akta Perlindungan Wanita 1973, mana-mana peruntukan yang tidak boleh digabungkan dimasukkan ke dalam Kanun Keseksaan. Hala tuju dan konsep perlindungan terhadap kanak-kanak mempunyai keperluan untuk diubah dan pembaharuan di dalam undang-undang perlu komprehensif mengikut perkembangan semasa maka Akta Kanak-Kanak 2001⁴³ (selepas ini akan disebut Akta 611) dan telah berkuat kuasa pada 1 Ogos 2002. Tajuk panjang Akta 611 menyatakan:

“Suatu Akta untuk menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya”.⁴⁴

Akta Kanak-Kanak digubal khusus untuk memberikan perlindungan, penjagaan dan pemulihan kepada kanak-kanak. Akta ini bukan sahaja mengangkat hak kanak-kanak sebagai komponen penting dalam masyarakat tetapi juga sebagai kunci kehidupan, pembangunan dan kemakmuran masyarakat. Pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 adalah sebahagian daripada usaha untuk membentuk undang-undang yang mampu melindungi kanak-kanak sesuai dengan perubahan zaman, disamping menjaga hak dan kepentingan mereka. Pindaan akta ini juga turut memberi perlindungan terhadap penghuni SHG daripada penganiayaan oleh masyarakat, mengelakkan kemudaratan serta meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam.

⁴³ Akta 611 telah berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2001.

⁴⁴ Akta 611 telah memansuhkan pemakaian Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis dan juga Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991.

Berdasarkan kepada pindaan ini pengkaji mendapati terdapat banyak perubahan dan sejarah perkembangan SHG Telok Mas perlu didokumentasikan. Walaupun sekolah ini menempatkan pelajar yang mempunyai masalah juvana tetapi banyak kejayaan daripada aspek akademik, sukan dan kokurikulum wajar ditonjolkan supaya masyarakat tidak memandang rendah kepada pesalah juvana atau pembawa masalah kepada masyarakat. Mereka seharusnya diterima oleh masyarakat umpama sebagai 'sehelai kain putih yang bersih' selepas menjalani pemulihan.

Selain itu, pindaan yang dilakukan pada Akta Kanak-Kanak 2001 pada tahun 2016 yang dijalankan oleh Intan Nooraini, Taufik Mohammad & Azlinda Azman, 2021 dalam jurnal Kajian Malaysia bertajuk *Sistem Keadilan Juvana di Malaysia: Empat Prospek Penambahbaikan* telah menerangkan pengurangan peruntukan berkenaan perintah sebatan yang terkandung dalam peruntukan asal Seksyen 91.⁴⁵ Setelah Akta Kanak-kanak 2001 diperkenalkan, pemindaan sekali lagi akta tersebut berlaku pada tahun 2016 dengan beberapa penambahbaikan dan penyemakan baharu telah dimasukkan.⁴⁶ Parlimen Malaysia telah meluluskan pindaan kepada Rang Undang-undang Kanak-kanak 2015 dan ia telah diwartakan pada bulan Julai 2016. Pindaan ini merangkumi empat peruntukan utama, iaitu peningkatan penalti bagi kesalahan yang dilakukan di bawah akta, mengenakan tindakan Perintah Khidmat Masyarakat, penjagaan berdasarkan keluarga, dan penubuhan Daftar Kanak-Kanak. Akta Kanak-kanak (pindaan) 2016 juga memberi tumpuan kepada tiga kaedah penalti atau

⁴⁵ Intan Nooraini, Taufik Mohammad & Azlinda Azman, *Sistem Keadilan Juvana di Malaysia: Empat Prospek Penambahan*, Kajian Malaysia. 2021, (tiada halaman).

⁴⁶ Hasnizam Hashim, Norman Zakiyy Chow Jen-T'chiang & Ramalinggam Rajamanickam, "Program Pemulihan di dalam Penjara bagi Pesalah Jenayah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia. Isu Khas," *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, Jil 5. 2018, hlm. 72-85.

hukuman, iaitu denda, penjara, dan khidmat masyarakat. Penjara digunakan sebagai cara untuk menghukum, melumpuhkan (incapacitation), mencegah, dan memulihkan pesalah. Di samping itu, denda merupakan kaedah hukuman dan pencegahan.⁴⁷ Selain itu, melalui pindaan akta ini perintah khidmat masyarakat diperkenalkan bagi pesalah kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun yang menunjukkan pemegang taruh⁴⁸ menjadi penting dan diiktiraf, seterusnya pihak kerajaan dan pesalah itu sendiri dalam proses keadilan. Perubahan akta ini seterusnya menjadikan kajian terkini terhadap sejarah perkembangan SHG perlu ditambah baik seiring dengan perubahan akta dan undang-undang semasa.

Kajian bertajuk pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pesalah juvana di Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney Telok Mas Melaka telah dilakukan oleh Mohd Taufik & Suhaila pada tahun 2021 turut menerangkan tentang perubahan terbaru di SHG Telok Mas. Kajian ini menerangkan penggunaan Kurikulum Bahasa Arab KAFA bagi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pesalah juvana. Berikutan kajian ini, tanggal 4 Januari 2016, SHG Telok Mas telah menubuhkan Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney. Bertitik tolak daripada perasmian tersebut, sekolah ini telah diisytihar sebagai sekolah agama yang berkonsepkan Pendidikan Islam secara rasmi di Institusi Jabatan Penjara Malaysia.⁴⁹ SHG Telok Mas sebelum ini tidak mempunyai sekolah

⁴⁷ Imam Supaat, Dina. "Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016: Peningkatan Penalti," *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*. 30, 2018, hlm. 422-442.

⁴⁸ Pemegang taruh sistem keadilan terbahagi kepada dua kategori utama; iaitu pemegang taruh primer (*primary stakeholders*) dan pemegang taruh sekunder (*secondary stakeholders*). Pemegang taruh primer adalah pemegang taruh yang telah terkesan dari jenayah yang dilakukan oleh pesalah secara langsung (contoh: mangsa, pesalah dan keluarga masing-masing). Manakala pemegang taruh sekunder adalah pemegang taruh yang terkesan dari jenayah yang dilakukan secara tidak langsung (contoh: komuniti dan kerajaan)

⁴⁹ BAPEM, Data Pengurusan Bahagian Agama SHG, Telok Mas, Melaka, 2018. (tiada halaman).

agama yang khusus, tetapi apabila Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney ini ditubuhkan maka semakin kuat kajian ini wajar dijalankan secara lebih mendalam.

Seterusnya, kajian oleh Cameron Johnson, 2021, *Lesson Learned from Prison Education Interruption during Pandemic*, mendapati sambutan program pendidikan penjara terhadap perubahan mendadak ini berbeza-beza sehingga tahun 2020 akibat pandemik COVID-19. Pandemik ini turut menjejaskan pendidikan dan perubahan sistem pembelajaran dan latihan didalam sekolah kerana beberapa sekatan dilaksanakan agar wabak COVID-19 tidak menular dalam kalangan penghuni. Kebanyakan sistem pendidikan di seluruh dunia telah bertukar kaedah pengajaran daripada bersemuka kepada sistem secara dalam talian berikutan penjarakan sosial yang disebabkan oleh pandemik COVID-19.⁵⁰ Walau bagaimanapun, program pendidikan penjara termasuk program pasca menengah menghadapi cabaran teknologi dan birokrasi untuk meneruskan penggal tersebut. Pelbagai program di perlukan untuk menangani masalah semasa COVID-19 ialah capaian akses internet oleh pelajar; kesukaran meyakinkan jabatan koreksional untuk membenarkan program pembelajaran jarak jauh; dan pendidik tidak mempunyai akses yang konsisten kepada pelajar.⁵¹

Majoriti program pendidikan penjara menggunakan model pengajaran bersemuka sepenuhnya, keadaan yang sama berlaku di seluruh institusi penjara termasuk SHG yang disebabkan oleh sama ada sekatan keselamatan penjara atau kekurangan sumber

⁵⁰<https://www.clasp.org/wp-content/uploads/2022/01/CLASP-Coronavirus-Prison-Education-Disruption-Mar2021.pdf> (tarikh akses 22 Mei 2022) hlm.1.

⁵¹ Ibid., hlm. 3.

kewangan. Pihak penjara juga terpaksa membuat perubahan dan penambahbaikan akibat pandemik tersebut. Hal ini termasuklah penyelesaian kerja kursus secara dalam talian, memberikan modul, melaraskan objektif dan penilaian kursus dalam norma baharu, menambah bilangan hari belajar, mengurangkan cuti akhir tahun dan seumpamanya. Kajian Sejarah perkembangan Sekolah Henry Gurney Telok Mas ini turut menerangkan sumbangan para pesalah juvana serta aktiviti yang mereka lakukan sepanjang pandemik COVID-19 pada tahun 2020.

Pada peringkat antarabangsa pula Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang melaungkan ‘Pendidikan untuk Semua’ telah menekankan Peraturan Minimum Standard Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Pentadbiran Keadilan Juvana. Misalnya:

(1) Menegaskan bahawa objektif latihan dan rawatan juvana yang ditempatkan di institusi adalah untuk memberikan penjagaan, perlindungan, pendidikan dan kemahiran vokasional, dengan tujuan untuk membantu mereka memainkan peranan yang membina dan produktif dari segi sosial dalam masyarakat.

(2) Juvana dalam institusi hendaklah menerima penjagaan, perlindungan dan semua bantuan yang diperlukan seperti sosial, pendidikan, vokasional, psikologi, perubatan dan fizikal yang mungkin mereka perlukan kerana umur, jantina, dan keperibadian mereka dan demi kepentingan perkembangan sihat mereka.

(3) Juvana dalam institusi hendaklah dipisahkan daripada orang dewasa dan hendaklah ditahan di institusi yang berasingan atau di bahagian berasingan daripada institusi yang juga memegang orang dewasa.⁵²

(4) Pesalah wanita muda yang ditempatkan di institusi berhak mendapat perhatian khusus mengenai keperluan dan masalah peribadi mereka. Mereka sama sekali akan menerima penjagaan yang adil, perlindungan, bantuan, rawatan dan latihan daripada pesalah lelaki muda. Hal ini dapat memastikan mereka menerima layanan yang adil.

(5) Kerjasama antara kementerian dan jabatan hendaklah dipupuk bagi tujuan menyediakan latihan akademik atau, mengikut kesesuaian, latihan vokasional yang mencukupi kepada juvana yang diinstitusikan, dengan tujuan untuk memastikan bahawa mereka tidak meninggalkan institusi itu dalam keadaan yang merugikan pendidikan.⁵³

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) berkaitan layanan kepada pesalah juvana ini telah diguna pakai di seluruh dunia menyebabkan kedua-dua sekolah ini di Jabatan Penjara Malaysia telah mengubah strategi terhadap program serta layanan terhadap pesalah juvana. Ini membuktikan masalah jenayah kanak-kanak merupakan satu isu yang dibincang di peringkat antarabangsa malahan langkah yang serius telah diambil setelah sekian lama. Secara keseluruhannya peraturan ini hanya disentuh sedikit oleh pengkaji sebelum ini. Oleh itu pengkaji akan mendalami peraturan-peraturan PBB dan AKK 2001 yang memberikan garis panduan serta melengkapkan kajian berkaitan.

⁵² Kanak-kanak yang ditahan hendaklah diasingkan daripada banduan dewasa (Perkara 37(c) Konvensyen Hak Kanak-Kanak 11(d) *Mandela Rules*, Kaedah 13.4 dan 26.3 *Beijing Rules*, dan Kaedah 29 JDL, Seksyen 96(c) Akta 611).

⁵³ Coyle, A., *A Human Rights Approach to Prison Management*, Handbook for prison staff, Sec Edition. International Centre for Prison Studies, London. 2009, hlm. 139.

Pada tahun 2019, Jabatan Penjara Malaysia telah memperkenalkan Pendidikan Korektif kepada pesalah juvana semua sekolah dalam institusi penjara di seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan di Sarawak.⁵⁴ Program Pendidikan Korektif ini merupakan satu dasar untuk memastikan kesemua pesalah juvana yang layak untuk mengikutinya. Pendidikan Korektif ini merupakan dasar baharu yang diperkenalkan oleh Jabatan Penjara Malaysia agar mereka dapat mengikuti pembelajaran sepanjang hayat, pembangunan modal insan dan memastikan para pesalah diberi latihan kemahiran yang sewajarnya untuk memiliki kemahiran vokasional dan industri. Pendidikan Korektif telah dibentuk berdasarkan kepada tiga asas utama iaitu Pendidikan dan Bimbingan (PB), Modul *Help Yourself, No Suffer, No Tear (HUNT)*, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mempunyai lima kluster mengikut bidang tertentu.⁵⁵ Oleh itu, kajian mengenai sejarah perkembangan SHG, Telok Mas ini perlu diteruskan kajian secara mendalam memandangkan Pendidikan Korektif ini merupakan sebuah program untuk mengawal jenayah dalam kalangan pesalah juvana. Pengkaji mengambil kesempatan dan merasakan perlu diberi penekanan sebagai salah satu kajian baharu memandangkan masih kurang diketengahkan.

Jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak berdasarkan pendapat para *fuqaha* mereka bersependapat mengatakan, perbuatan yang menyerupai kesalahan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak tidak dianggap kesalahan dari segi hukum. Kanak-kanak tersebut tidak dianggap sebagai pesalah kerana mereka belum dewasa dan berakal atau

⁵⁴ Norimah Jumai, Pendidikan Korektif Penjara, Disertasi Sarjana Muda, Universiti Sains Malaysia, Minden, 2021, hlm. 1.

⁵⁵ Ibid., hlm. 2.

lebih tepat lagi belum *mukallaf*.⁵⁶ Manakala dalam perbincangan tentang unsur moral dalam jenayah pula, sesuatu perbuatan yang dianggap sebagai kesalahan jenayah apabila ia mempunyai unsur maksiat.⁵⁷ Sebagai syarat bagi menjadi maksiat, pelaku (penjenayah) mestilah seorang yang *mukallaf*, berupaya membuat pilihan dan terikat dengan hukum Islam. Menurut Ibnu al-Humam,⁵⁸ dalam menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu pelakunya iaitu dia hendaklah mempunyai akal fikiran yang sempurna dan dewasa kerana kesalahan jenayah tidak wujud dari segi hukum tanpa kedua-dua perkara itu. Jenayah kanak-kanak menurut definisi Islam mempunyai persamaan dengan jenayah juvana. Namun demikian melalui kajian dan dapatan sebelum ini tidak memberikan perbandingan definisi secara khusus dan lebih tepat. Kajian sejarah SHG 1950-2020, akan menerangkan unsur jenayah dan sifat kanak-kanak terhadap jenayah bagi melengkapkan hasil kajian supaya lebih terperinci serta dilihat dari pelbagai sudut.

Seterusnya kajian diteruskan untuk mengkaji perkembangan sejarah berdasarkan kronologi SHG mulai tahun 1950 sehingga 2020. Kronologi ini sangat penting untuk menerangkan permulaan penubuhan sekolah, pentadbiran jabatan penjara di sekolah, pertambahan bangunan baharu dan pertambahan bilangan pelajar. Kajian ini akan menekankan Pendidikan Korektif yang merupakan wadah baharu dalam pendidikan

⁵⁶ Mukallaf-Kesan daripada sampai umur tersebut, seseorang individu yang baligh dikira seorang yang sudah mempunyai kelayakan yang cukup untuk menerima tanggungjawab (taklif) yang ditetapkan oleh Allah dan dia dinamai *mukallaf*.

⁵⁷ Alwi Abdul Rahman, *Jenayah Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 51.

⁵⁸ Ibn al-Humam, Kamal al-Din Muhammad bin 'Abd al-Wahid al-Sawasyi, "Sharh al-Fath al-Qadir, 1389H/1970", dalam Alwi Abdul Rahman, *Jenayah Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 51.

SHG dan Sekolah Integriti yang bertujuan untuk membentuk modal insan dan pendidikan sepanjang hayat serta memastikan penghuni diberi peluang kemahiran yang sewajarnya untuk mendapatkan peluang pendidikan yang sama rata. Pengkaji akan menganalisis pelbagai aspek yang menyumbang kepada kejayaan sekolah ini serta memberikan cadangan agar dapat digunakan oleh pihak yang bertanggungjawab ke atas sekolah ini nanti.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada SHG, Telok Mas, Melaka, sahaja yang meliputi jangka masa dari tahun 1950-2020. SHG dan institusi di bawah Jabatan Penjara Malaysia merupakan institusi yang sukar dan jarang dikaji kerana mempunyai halangan untuk mengakses dan sulit untuk mendapatkan maklumat. Kebenaran yang diperoleh juga mempunyai syarat-syarat tertentu yang perlu dipatuhi untuk melindungi pesalah (responden) dan institusi. Walau bagaimanapun, penumpuan diberikan lebih terhadap sejarah perkembangan sekolah tersebut kerana banyak perubahan besar sepanjang penubuhan sekolah ini.

Justeru itu, pengkaji turut memfokuskan kepada beberapa dasar seperti Akta Kanak-Kanak 2001 dan Pendidikan Korektif yang baharu diperkenalkan, peranan dan sumbangan di SHG terhadap pendidikan negara.

Manakala daripada sudut pemilihan responden pula, memandangkan SHG adalah sekolah yang dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Penjara dan berada di bawah pengurusan Kementerian Pendidikan Malaysia, temu bual turut dijalankan dengan sebilangan pegawai di Jabatan Penjara, bekas pesalah juvana dan Pegawai Pendidikan

yang terlibat untuk memperoleh maklumat. Responden yang dipilih mempunyai hubungan yang rapat dan secara langsung terlibat dalam tadbir urus SHG Telok Mas. Kementerian Pendidikan dan Jabatan Penjara di Malaysia berharap agar remaja yang dibebaskan dari tahanan dapat melanjutkan kehidupan mereka dengan positif dan produktif. Mereka berharap agar remaja tersebut dapat:

1. Membangun kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk mencapai kejayaan dalam pendidikan mereka.
2. Mengikuti program latihan dan pemulihan yang sesuai untuk membantu mereka mengatasi masalah yang mungkin berlaku.
3. Membina hubungan yang sihat dengan masyarakat dan keluarga mereka.
4. Menggunakan peluang-peluang yang diberikan untuk memperbaiki kehidupan mereka dan mengelakkan daripada terlibat dalam aktiviti yang merugikan.

Dengan harapan ini, mereka dapat mengubah kehidupan mereka dan menjadi anggota masyarakat yang berdaya maju dan bertanggungjawab.

Sebelum menjalankan kajian, pengkaji perlu menghantar permohonan yang terdiri dari surat kebenaran melalui Universiti Utara Malaysia dan proposal kajian untuk meneruskan kajian ke Bahagian Dasar Kepenjaraan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia. Setelah mendapat kebenaran untuk menjalankan kajian, pengkaji perlu menandatangani perjanjian Akta Rahsia Rasmi 1972 agar maklumat yang diperoleh tidak dibocorkan kepada pengetahuan masyarakat umum. Lokasi kajian adalah di Melaka secara keseluruhannya dan lebih khusus di Sekolah Henry Gurney Telok Mas Melaka. Pengkaji juga berpeluang untuk mengkaji di Penjara Muar, Johor, tempat asal Sekolah Henry Gurney diasaskan.

1.10 Penulisan Bab

Kajian yang dilaksanakan ini dibahagikan kepada enam bab yang terdiri daripada aspek bersesuaian dengan tajuk kajian yang dijalankan. Perbincangan secara terperinci melalui setiap bab berdasarkan kepada objektif yang telah ditentukan. Oleh itu, setiap enam bab akan dilakukan secara tersusun, supaya penyelidikan yang akan dilakukan lebih teratur dan mengikut kronologi. Seterusnya kajian yang dijalankan ini akan dibahagikan mengikut bab. **Bab satu** akan menjadi permulaan bab dibahagian pertama serta mengandungi maklumat secara keseluruhan dan meliputi kajian yang dijalankan. Menerusi bab satu ini, penerangan diberikan terhadap pengenalan, definisi konsep, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, metodologi, sorotan literatur, batasan kajian, dan yang terakhir adalah cadangan bab penulisan.

Dalam **bab kedua** pengkaji turut mengkaji tentang sejarah penubuhan SHG, Telok Mas, Melaka 1950-1990. Bab ini juga pengkaji menerangkan Sejarah Penubuhan SHG bermula tahun 1950, dasar penubuhan sekolah ini, *Juvenile Court Act* 1947, sejarah nama sekolah, Sistem *Borstal*, motto sekolah dan hukuman kepada kanak-kanak pada zaman Munshi Abdullah.

Sementara itu, bagi **bab ketiga** pengkaji meneliti sejarah perkembangan SHG secara kronologi bermula tahun 1950-2020. Kajian yang mendalam terhadap perkembangan sekolah ini dilakukan. Pengkaji juga menghurai sejarah perkembangan Pendidikan dan pemulihan SHG, Perubahan dan pengurusan program Jabatan Penjara terhadap Pesalah Juvana dan Banduan Muda, Perubahan Dasar Kementerian Pendidikan

Malaysia (KPM) terhadap Guru-guru KPM ke SHG, Perubahan Kurikulum Pendidikan Penjara, Pendidikan Korektif, Infrastruktur, Sejarah penubuhan bangunan, Perpustakaan Penjara dan statistik pesalah juvana dalam bab ini.

Bagi **bab empat** pula, pengkaji meneliti pelaksanaan Program Pendidikan Korektif, SHG dalam membentuk sahsiah pesalah juvana berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, Modal Insan, mengurangi resisivis dan Dasar Malaysia Madani juga dikaitkan selain membincangkan pendidikan korektif. Oleh yang demikian, dalam bab ini pendidikan korektif akan diterangkan secara terperinci berdasarkan kepada tiga faktor utama iaitu Pendidikan dan Bimbingan (PB), Modul HUNT, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan lima kluster mengikut bidang. Lima kluster tersebut ialah Kluster Akademik, Kluster TVET, Kluster Agama, Kluster Sukan dan Kluster Seni Budaya.

Seterusnya dalam **bab lima** pengkaji menganalisis sumbangan SHG, Telok Mas, dalam bab ini. Selain itu, peranan pengurusan Jabatan Penjara Malaysia dan Kementerian Pendidikan di sebalik pencapaian sekolah ini turut dihuraikan. Pengkaji menerangkan kejayaan yang dicapai oleh pesalah juvana melalui kecemerlangan SPM, pencapaian di peringkat kebangsaan sehingga ke peringkat antarabangsa. Usaha Jabatan Penjara Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia juga dinilai untuk mengurangkan residivis dalam kalangan pesalah juvana. Aspek-aspek lain yang memainkan peranan dan sumbangan yang penting terhadap perkembangan dan sejarah SHG turut disentuh dalam bab ini.

Bab terakhir bagi kajian ini ialah **bab enam**, iaitu, pengkaji memberikan cadangan, membuat ringkasan dan kesimpulan secara keseluruhan tentang maklumat serta isu, seterusnya menyatakan harapan dan cadangan pada masa akan datang.

1.11 Rumusan

Kesimpulannya, permulaan dalam bab satu merupakan cadangan dan garis panduan untuk membimbing pengkaji menjalankan kajian ini. Tajuk Sejarah SHG, Telok Mas, Melaka dan perkembangannya, 1950-2020 dipilih kerana terdapat perubahan sistematik menunjukkan perkembangan signifikan dan penting diberi tumpuan memandangkan sektor pendidikan di sebalik tembok adalah signifikan dalam memastikan kestabilan dan keamanan sesebuah negara dalam menguruskan populasi yang terlibat dengan jenayah dan salah laku. Selain itu, sekolah ini merupakan kerana satu-satunya institusi dalam penjara yang menyediakan pendidikan terbaik untuk pesalah juvana serta yang tertua di Malaysia.

BAB DUA

SEJARAH PENUBUHAN SEKOLAH HENRY GURNEY

2.1 Pengenalan

Penubuhan Sekolah Henry Gurney oleh pihak British di Tanah Melayu pada awalnya bertujuan untuk menghalang jenayah juvana daripada terus menular dalam kalangan masyarakat tempatan. British sedar bahawa ramai juvana yang dimasukkan ke dalam penjara bercampur dengan banduan dewasa. Hal ini telah menimbulkan banyak masalah sosial di dalam penjara. Menurut Annual Report 1906, Penjara Pudu:

*“...There were 6 juvenile offenders committed as compared to 2 in 1905. They were located in the civil Prison and kept as far as possible separate from adult prisoners”.*⁵⁹

Laporan ini menunjukkan juvana perlu diasingkan daripada banduan dewasa untuk mengelakkan psikologi mereka terganggu selain daripada mudah dipengaruhi dengan anasir negatif. Pihak British mendapati pengasingan perlu dilakukan tetapi pemulihan sewajarnya tidak diberikan kepada mereka. Pihak British mengambil masa yang lama untuk menubuhkan sebuah pusat pemulihan juvana di Tanah Melayu. Penularan dan pengaruh aktiviti komunis di Tanah Melayu telah mejadikan sebab tertubuhnya sebuah sekolah khas untuk juvana. Menurut Baharullah Adam,

*“...untuk mengawal dan menyekat pengaruh ini daripada berleluasa serta bahaya wajarlah langkah tegas dilakukan untuk membendung ancaman ini”*⁶⁰

⁵⁹ *Annual Report, Prisons Department, Selangor, 1906*, dalam Baharullah Adam, *Sekolah Henry Gurney Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990*, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004. hlm. 25.

⁶⁰ Baharullah Adam, *Sekolah Henry Gurney Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990*, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004. hlm. 26.

Jenayah juvana merupakan perkara yang perlu diambil perhatian oleh masyarakat dewasa ini. Apabila membincangkan sejarah hukuman juvana, hukuman kanak-kanak telah mula dijalankan semasa zaman Abdullah Munshi. Tulisan Abdullah Munshi⁶¹ adalah satu-satunya rekod tentang hukuman bagi kanak-kanak yang malas dalam pelajaran. Hukuman untuk kanak-kanak salah asuhan telah mula dilaksanakan pada era Abdullah Munshi sehinggalah timbulnya undang-undang berkaitan jenayah kanak-kanak, iaitu Akta Mahkamah Kanak-Kanak 1947 atau *Juvenil Court Act* 1947. Selepas Akta Mahkamah ini ditubuhkan maka sebuah sekolah yang dinamakan SHG telah ditubuhkan seterusnya berkembang dari semasa ke semasa apabila Akta Kanak-Kanak 2001 pula diperkenalkan. Terdapat banyak penambah baik telah dibuat sejak penubuhannya bermula dari tahun 1950 sehingga 2020. Sekolah di dalam penjara ini menyediakan proses pembelajaran kepada juvana yang tidak lagi bersekolah dalam aliran perdana atau individu yang dijatuhi hukuman walaupun sedang bersekolah. Sekolah yang dibina ini dahulu tidaklah selengkap seperti sekolah aliran perdana namun sekolah ini dapat memberi peluang kedua dan harapan kepada penghuninya. Perkembangan Sekolah Henry Telok Mas, Melaka dalam kajian ini dibincangkan pada tahun 1950 sehingga 1990.

SHG berada di kawasan Telok Mas yang terletak di dalam daerah Melaka Tengah. Lokasinya terletak di kawasan tepi pantai menghadap Selat Melaka dengan keluasan 38 ekar. Jaraknya lebih kurang 5 kilometer dari bandar Melaka dan 30 kilometer dari Bandar Muar, Johor. Keadaan geografinya mempunyai pantai yang berteluk serta

⁶¹ Abdullah Munshi seorang ahli bahasa dan pencetus Sastera Moden Melayu dilahirkan di Kg. Pali Melaka.

banyak galian emas ditemui pada suatu ketika dahulu.⁶² Manakala tapak SHG pula adalah pusat perlombongan bauksit yang terkenal di Semenanjung Tanah Melayu. Selain itu, kawasan ini juga kaya dengan bahan galian seperti emas sehingga Syarikat Ishara Synon Khisa (ISK), sebuah syarikat pihak Jepun mengendalikan perlombongan tersebut di sini.⁶³ Selepas kekalahan Jepun di tangan British pada tahun 1945 maka kilang tersebut terpaksa ditutup di samping simpanan bauksit pula kehabisan. Selepas pihak Jepun meninggalkan Tanah Melayu, bangunan-bangunan pentadbiran syarikat ISK dibaik pulih serta dijadikan pusat pemulihan akhlak remaja pada bulan Mei 1949, apabila Jabatan Penjara Malaya Dewasa mula mencari tempat baharu yang lebih sesuai bagi menempatkan kanak-kanak ini.⁶⁴



Rajah 2.1: Pandangan Hadapan SHG Telok Mas Melaka.⁶⁵

⁶² Pamphlet Pejabat Rekod SHG, Telok Mas Melaka, hlm. 2.

⁶³ Ibid., hlm. 2.

⁶⁴ O.V. Garratt, “*Report of the Prison of The Malaya for The Year 1949*”, dalam Baharullah Adam, SHG Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 2.

⁶⁵ Gambar pada rajah 2.1 diambil sewaktu pengkaji ke SHG membuat kajian lapangan pada 12 Februari 2023.

Rajah 2.1 menunjukkan pintu utama SHG Telok Mas yang juga merupakan pejabat pentadbiran dan keselamatan sekolah ini. SHG pada masa ini mempunyai prasarana yang lengkap dan kondusif untuk staf yang berkhidmat dan mengawal selia penghuni di dalamnya.

2.2 Asas Pembentukan Perundangan SHG

Undang-undang dan hukuman yang dilaksanakan di sesebuah negara menunjukkan sejauh mana kepintaran masyarakat mengendalikan hidup sebagai sebuah negara yang bertamadun. Semasa pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka, undang-undang dikanunkan seperti Hukum Kanun Melaka.⁶⁶ Diikuti Undang-undang Pahang, Undang-undang Kedah dan Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan, Perak.

Undang-undang atau hukuman yang dikenakan khusus kepada kanak-kanak bersabit jenayah tidak dibuat, padahal, semua undang-undang mengenai perdagangan, pentadbiran negara, hubungan luar dan jenayah dewasa disediakan. Apabila KMM jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, sistem perundangan seperti perundangan mengenai hal ehwal pentadbiran sivil dan jenayah ditambah. Hal yang sama juga berlaku apabila Belanda menakluk Melaka. Mereka menyerahkan sistem keadilan kepada ketua masyarakat untuk memutuskannya.⁶⁷ Dengan kata lain, masyarakat tempatan pada masa itu berjaya membentuk keperibadian kanak-kanak agar dapat mengikut budaya dan sistem adat.

⁶⁶ Baharullah Adam, Sekolah Henry Gurney Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004. hlm. 4.

⁶⁷ Ahmad Ibrahim, Mendekati Sejarah Undang-undang di Malaysia dan Singapura, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 17.

Negeri-negeri Selat yang ditubuhkan pada tahun 1826 semasa Inggeris menguasai Tanah Melayu, menjadi titik tolak terbentuknya satu sistem perundangan yang lebih teratur dan cekap ke atas semua penduduk yang tinggal di negeri Melaka, Pulau Pinang dan Singapura. Undang-undang yang berasaskan English Common Law seperti ‘Ordinan Kesaksian, Peraturan Mahkamah dan Order in Council No.9 telah digunakan.⁶⁸ Walau bagaimanapun, hukuman terhadap kanak-kanak salah laku masih kurang jelas. Kebanyakan hukuman jenayah yang dilaksanakan dikhaskan untuk orang dewasa di dalam penjara. Pihak Inggeris juga telah membina penjara-penjara besar pada pertengahan dan akhir kurun ke 19 di Tanah Melayu iaitu, Penjara Pulau Pinang (1849), Penjara Bandar Hilir (1860), Penjara Taiping (1879), Penjara Ayer Molek, Johor Bahru (1883) dan Penjara Pudu (1891). Berdasarkan penjara-penjara yang disebutkan tiada satupun penjara yang dikhaskan untuk kanak-kanak, malah kanak-kanak yang melakukan jenayah akan dimasukkan ke sel-sel besi bersama dengan banduan dewasa kerana tiada undang-undang khusus untuk mereka.

2.2.1 Hukuman Terhadap Kanak-kanak di era Munshi Abdullah.

Hukuman yang dikenakan ke atas juvana sebenarnya telah wujud pada masa dahulu lagi sama ada untuk bangsa Melayu atau bangsa lain. Perbezaannya kanak-kanak pada zaman dahulu dikenakan hukuman mengikut keadaan itu. Abdullah Munshi seorang ahli bahasa dan pencetus Sastera Moden Melayu dilahirkan di Kg. Pali Melaka.⁶⁹ Tulisan Abdullah Munshi adalah satu-satu rekod yang mengandungi hukuman bagi kanak-kanak yang malas dalam pelajaran. Hikayat Abdullah bin Abdul Kadir

⁶⁸ M. B. Hooker, Undang-undang Islam di Asia Tenggara, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 1991, hlm 98.

⁶⁹ Abdullah bin Abdul Kadir, *Hikayat Abdullah*, Singapura: Pustaka Antara, 1963, hlm. 21-23.

menyatakan bahawa “Melentur Buluh Biarlah Dari Rebung”. Ini jelas dalam tulisan auto-biografi Abdullah bin Kadir menceritakan bahawa apabila seorang kanak-kanak diserahkan oleh ibu bapanya kepada Tok Guru untuk mengaji al-Quran maka kanak-kanak tersebut akan disediakan beberapa bentuk hukuman. Hukuman ini akan dikenakan sekiranya kanak-kanak tersebut tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Jenis hukuman yang dikenakan adalah bergantung kepada kesalahan yang dilakukan. Sebagai salah satu contoh hukuman pertama yang dikenakan adalah dengan merotan dan apit China yang diperbuat daripada buluh.⁷⁰ Kanak-kanak yang mencuri atau memukul kawan-kawanya dikenakan hukuman dengan mengapitkan jari dengan menggunakan apit China yang diperbuat daripada buluh.

Abdullah Munshi turut menyatakan beberapa bentuk hukuman lain yang dikenakan jika mereka culas daripada mengaji al-Quran, memanjat pohon-pohon atau menendang kawan-kawan. Pada masa dahulu juga bentuk hukuman untuk kanak-kanak yang degil, bergaduh dan mencuri juga dinyatakan bentuk hukuman tertentu dalam buku beliau. Hukuman untuk kenakalan begini dikenakan rantai besi yang panjangnya sedepa (lebih kurang 1.6 meter sehingga 2 meter). Rantai besi ini dikuncikan di pinggang kanak-kanak yang bersalah dan disuruh memikul kayu tersebut mengelilingi tempat mengaji.⁷¹ Terdapat juga hukuman yang dikenali sebagai hukuman singgang’ atau ketuk ketampi, iaitu hukuman berbentuk tangan bersilang memegang telinga dan disuruh bangun duduk dengan tiada henti. Berdasarkan penerangan hukuman melalui tulisan Abdullah Munshi ini, dapat disimpulkan bahawa

⁷⁰ Ibid., hlm. 21-23.

⁷¹ Ibid.

pada zaman masyarakat Melayu Lama, hukuman telah pun dikenakan kepada kanak-kanak yang nakal. Hukuman pula dijatuhkan dan dilaksanakan dalam kalangan ahli keluarga seperti ibu bapa, datuk, adik beradik yang lebih tua atau ahli keluarga mereka. Manakala hukuman-hukuman ini dijalankan terhadap kesalahan yang dianggap serius seperti mencuri, memukul kawan, memanjat pokok, melarikan diri, berkelahi atau enggan mendengar nasihat ibu bapa.⁷²

Sistem hukuman ini menurut Abdullah Munshi diterima oleh ibu bapa dan masyarakat Melayu kurun ke 19 jika dikenakan kepada kanak-kanak. Penjelasan beliau;

“Shahdan adapun segala hukuman yang tersebut di atas ini bolehlah dihukumkan oleh gurunya dalam tempat mengaji, maka jikalau anak raja atau orang kaya-kaya tiadalah peduli, bolehlah dipukul oleh gurunya dalam tempat mengaji, meski pun sampai berdarah, tiadalah boleh didakwakan akan dia kerana dia mengajar baik. Sebagai lagi, maka adalah adat apabila seorang melepaskan anaknya mengaji maka datanglah ibu bapa budak yang akan mengaji itu dahulu menyembah guru itu serta ibu bapanya berkata tuan, atau encik, saya minta dua perkara sahaja pertama-biji mata budak ini jangan dibutakan dan kedua kaki tangannya jangan dipatahkan, maka lain daripada itu encik punya suka”.⁷³

Berdasarkan pernyataan di atas maka dapat ditafsirkan bahawa masyarakat Melayu pada kurun ke 19 ketika itu menerima serta menggalakkan hukuman ini dijalankan.⁷⁴ Ibu bapa pada masa itu berpandangan selagi anak-anak mereka dihukum dengan tujuan memberi pengajaran asalkan tidak mencederakan mata, patah kedua kaki dan tangannya ia boleh diteruskan untuk memberi pengajaran. Tok Guru yang berperanan

⁷² Baharullah Adam, SHG Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 9.

⁷³ Ibid., hlm. 9.

⁷⁴ Ibid.

mengajar mengaji bukan sahaja akan mengenakan hukuman sedemikian ke atas kanak-kanak biasa sahaja malahan anak pembesar atau anak raja juga boleh menerima hukuman apabila mereka dihantar mengaji kepada beliau.

Hukuman yang dilaksanakan pada masa dahulu dapat diterima ramai kerana selain memberi pengajaran yang baik ia juga dapat memberi perlindungan sosial kepada masyarakat pada masa itu. Mereka akan merasa takut untuk melakukan kesalahan dengan itu akan menyebabkan kurangnya berlaku salah laku dalam kalangan kanak-kanak pada masa itu berbanding hari ini. Hukuman pada masa itu sangat berkait untuk membentuk akhlak yang baik setelah melakukan kesalahan. Pada masa dahulu masalah juvana dalam masyarakat Melayu telah timbul namun tidak terlalu ketara kerana masyarakat mempunyai peraturan tersendiri.

Menurut Alwi Abdul Rahman, 1999, dalam kajian beliau yang bertajuk *Jenayah Kanak-Kanak Menurut Islam, Jenayah*, dalam bahasa Arab ialah *jarimah* atau *jinayah*. Perkataan *jarimah* berasal daripada kata kerja *jarama*, *yajrimu*, yang bererti berdosa, memperoleh dan memotong. Manakala perkataan *jinayah* pula berasal daripada kata kerja, *jana*. *Yajni*, yang bererti berdosa dan memungut buah-buahan. Dari segi istilah pula terdapat satu definisi yang jelas daripada al-Mawardi, iaitu:⁷⁵

‘Jenayah ialah pelanggaran batas-batas yang ditetapkan oleh syariat yang dihukum oleh Allah dengan hukuman had atau ta’zir’.

⁷⁵ Al-Mawardi, Abu al-Hasan ‘Ali bin Muhammad bin Habib al-Basri al-Baghdadi, 1386H/1966, *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyah*. Edisi ke-2. Kaherah: Mustafa al-Halabi, hlm. 219.

Definisi di atas menjelaskan bahawa pelanggaran batas-batas yang ditetapkan oleh syariat Islam adalah meliputi melakukan sesuatu larangan secara positif (dalam bahasa Arab disebut *al-ijabiyah* dan dalam bahasa Inggeris disebut *act*), dan juga tidak melakukan sesuatu perintah dengan secara yang negatif (dalam bahasa Arab disebut *al-Salbiyyah* dan dalam bahasa Inggeris disebut *omission*).⁷⁶ Berdasarkan penerangan definisi tersebut, pelanggaran batas-batas yang ditetapkan oleh syariat Islam tidak dikira sebagai jenayah jika tidak ditetapkan hukuman balas yang sepatutnya dikenakan ke atas penjenayah. Jenayah, ialah perbuatan yang melanggar undang-undang atau lebih tepat lagi ialah perbuatan yang menjejaskan keamanan dan kesejahteraan masyarakat umum dan menyebabkan pelakunya dihukum bersalah akan mendapat pembalasan.⁷⁷

Seterusnya, jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak berdasarkan pendapat para fuqaha' mereka bersependapat mengatakan, perbuatan yang menyerupai kesalahan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak tidak dianggap kesalahan dari segi hukum. Kanak-kanak tersebut tidak dianggap sebagai pesalah kerana mereka belum dewasa dan berakal atau lebih tepat lagi belum mukallaf.⁷⁸ Manakala dalam perbincangan tentang unsur moral dalam jenayah pula, sesuatu perbuatan yang dianggap sebagai

⁷⁶ Ahmad al-Husari, *al-Qisas, al-Dayat, al-Isiyan al-Musallih fi al-Fiqh al-Islami*, Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, al-Azhar, Kaherah, 393H/1973, hlm. 11.

⁷⁷ Menurut Salleh Abas, jenayah di dalam undang-undang positif ialah: "Kesalahan yang dilakukan oleh seseorang dengan niat hendak melakukan kesalahan itu dan dengan sebab kesalahan hukuman dengan hukuman penjara, atau didenda, ataupun disiksa atau dibunuh" Mohd. Salleh Bin Abas. *Mengenali Undang-Undang*, Kuala Lumpur: DBP, 1979, hlm.18.

⁷⁸ Mukallaf-Kesan daripada sampai umur tersebut, seseorang individu yang baligh dikira seorang yang sudah mempunyai kelayakan yang cukup untuk menerima tanggungjawab (taklif) yang ditetapkan oleh Allah dan dia dinamai mukallaf.

kesalahan jenayah apabila ia mempunyai unsur maksiat.⁷⁹ Sebagai syarat bagi menjadi maksiat, pelaku (penjenayah) mestilah seorang yang mukallaf, berupaya membuat pilihan dan terikat dengan hukum Islam. Menurut Ibnu al-Humam,⁸⁰ dalam menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu pelakunya iaitu dia hendaklah mempunyai akal fikiran yang sempurna dan dewasa, kerana kesalahan jenayah tidak wujud dari segi hukum tanpa kedua-dua perkara itu. Jenayah Kanak-Kanak menurut definisi Islam mempunyai persamaan dengan jenayah juvana.

2.2.2 Akta Kanak-Kanak Salah Asuhan / *Juvenile Court Act 1947*

Pada 25 September 1947, telah berlaku perubahan pada organisasi penjara sehingga mewujudkan pengkelasan pesalah juvana dan dewasa yang menjadi faktor kepada pengenalan Akta Kanak-Kanak Salah Asuhan juga dikenali sebagai *Juvenile Court Act 1947*.

“The year 1947 was a year of unification and reconstruction. This is reflected in the considerable output of legislation: fifty-one Ordinance were enacted during the year.”⁸¹

Pada tahun tersebut beberapa ordinan telah dibentuk untuk menjaga keselamatan dan kepentingan rakyat. Sebahagian ordinan yang diperkenalkan pada tahun 1947 ialah;

“The Advocates and Solicitors Ordinance, 1947; the Registration of Businesses Ordinance, 1947, The Children and Young Persons Ordinance, 1947, The Juvenile Courts Ordinance, 1947 and the Notaries Public Ordinance, 1947.”⁸²

⁷⁹ Alwi Abdul Rahman, *Jenayah Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 51

⁸⁰ Ibn al-Humam, Kamal al-Din Muhammad bin ‘Abd al-Wahid al-Sawasiy, “Sharh al-Fath al-Qadir, 1389H/1970”, dalam Alwi Abdul Rahman, *Jenayah Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 51.

⁸¹ *Annual Report on the Malayan Union for The Year 1947*, hlm. 88.

⁸² *Ibid.*, hlm. 88.

Pada tahun yang sama juga sebuah Mahkamah Kanak-Kanak telah dibentuk dan fungsinya seperti berikut:

1. Setiap tuduhan yang dihadapkan kepadanya akan ditentukan sama ada mereka benar atau bersalah. Ia juga menentukan keperluan penjagaan dan perlindungan diperlukan atau tidak kepada mereka.
2. Punca dan sebab kanak-kanak itu di bawa ke muka pengadilan. Keterangan yang lengkap mengenai tingkah laku, latar belakang keluarga atau penjaga yang bertanggungjawab, maklumat daripada pihak sekolah dan maklumat kesihatannya diambil, barulah cara-cara pemulihan ditentukan untuk kebajikannya. Mahkamah berhak untuk memutuskan mengenai sesuatu kes setelah segala maklumat diperolehnya.⁸³

Mahkamah ini juga dalam melaksanakan tugasnya, ia berpanduan kepada beberapa peraturan tertentu. Diantaranya ialah;

“...di dalam soal membicarakan seseorang kanak-kanak yang dihadapkan kepadanya, sama ada ia memerlukan perlindungan, jagaan atau sebagai pesalah, pihak mahkamah hendaklah mengambil berat mengenai kebajikannya dan hendaklah bertindak mengalihkan ia daripada situasi yang tidak diinginkan, memberikan mereka pelajaran dan latihan yang sempurna...”⁸⁴

Selaras dengan akta ini maka tertubuhlah *Approved School* atau Sekolah Diluluskan untuk melindungi kanak-kanak. *Approved School* merupakan sekolah yang mendapat kelulusan daripada Menteri Pendidikan, menjalankan tanggungjawab untuk pendidikan, latihan dan tahanan ke atas kanak-kanak yang ditahan atas kesalahan salah

⁸³ Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kebajikan Am Malaysia, Kuala Lumpur, Solai Press, 1970, hlm. 18.

⁸⁴ Ibid., hlm. 19.

laku. *Approved School* diletakkan di bawah pengurusan Kementerian Pembangunan Wanita, Kebajikan dan Masyarakat. Sebagai contoh, Sekolah Tunas Bakti adalah institusi Sekolah Diluluskan bagi pendidikan, latihan dan penahanan kanak-kanak yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah Seksyen 65 (Sekolah Diluluskan) AKK 2001. Objektif sekolah tersebut adalah:

1. Kanak-kanak yang terlibat dengan salah laku diberikan pemulihan.
2. Kanak-kanak dididik untuk membina sikap positif, pembentukan peribadi yang teguh serta berusaha mempersiapkan diri melalui keterampilan supaya dapat menjalani kehidupan berdikari dalam masyarakat.

Manakala kanak-kanak yang memasuki sekolah ini perlu menjalani tempoh pemulihan selama tiga tahun tetapi boleh dibebaskan sebelum tamat tempoh dengan kelulusan Kuasa Menteri atau Lembaga Pelawat.⁸⁵ Sekolah Diluluskan ini berada di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Hal ini berbeza pula *Advanced Approved School* atau *Henry Gurney School* yang termaktub sebagai sekolah yang dipertanggungjawabkan menerima arahan dan pengawalan Pengarah Penjara Malaysia dan diluluskan oleh Menteri yang berkuasa pada masa itu bagi tujuan memberikan pemulihan dalam pelbagai bentuk ke atas kanak-kanak di bawah pengawasan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Dalam Negeri. Berdasarkan kepada akta tersebut maka undang-undang dan peraturan di SHG ditubuhkan atau dicetuskan diguna pakai

⁸⁵ <https://www.prison.gov.my/en/profil-kami/profil-jabatan/undang-undang-akta>, (tarikh diakses 14 Mac 2022).

sehingga kini. Pada masa sekarang SHG menyediakan pendidikan secara formal di institusi penjara dengan kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia.⁸⁶

2.2.3 Undang-undang dan Peraturan SHG

SHG mempunyai sejarah perundangan yang tersendiri apabila Akta Mahkamah Kanak-Kanak 1947 diperkenalkan dan diikuti oleh beberapa peraturan lain. Akta Kanak-Kanak 1947 meliputi:

1. Akta Mahkamah Juvana

a) Akta Mahkamah Juvana 1947 Seksyen 38, iaitu;

- i) Umur pesalah tidak kurang 14 tahun dan di bawah 18 tahun dan
- ii) Setelah ditahan bagi faedah pesalah jangka panjang untuk membanteras jenayah, maka adalah sah disisi undang-undang bagi Mahkamah menghantar pesalah itu ke SHG.

b) Akta Mahkamah Juvana 1947 Seksyen 40.⁸⁷

- i) Tiada apa-apa peruntukan dalam Akta itu selain dari seksyen-seksyen 15 dan 16 yang boleh menyentuh kuasa Mahkamah Tinggi, dan

⁸⁶[https://www.moe.gov.my/index.php/pengenalan-si#:~:text=Penubuhan%20Sekolah%20Integriti%20\(SI\)%20dan,antara%2015%20hingga%2021%20tahun](https://www.moe.gov.my/index.php/pengenalan-si#:~:text=Penubuhan%20Sekolah%20Integriti%20(SI)%20dan,antara%2015%20hingga%2021%20tahun). (tarikh diakses 1 April 2024).

⁸⁷ Seksyen 40 Akta Mahkamah Juvana 1947 telah digantikan dengan seksyen 117 Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan berhubung kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak diberikan kepada Mahkamah Tinggi sebagaimana berikut:-

“Tiada apa-apa jua dalam Akta ini selain seksyen 96 dan 97 boleh menyentuh kuasa Mahkamah Tinggi dan semua kuasa yang boleh dijalankan di bawah Akta ini oleh sesuatu Mahkamah bagi Kanak-Kanak berkenaan dengan seseorang kanak-kanak boleh dengan cara yang sama dijalankan oleh Mahkamah Tinggi.”

- ii) kuasa-kuasa yang boleh dijalankan di bawah Akta itu oleh Mahkamah Juvana boleh dengan cara yang dijalankan oleh Mahkamah Tinggi.⁸⁸

Hal ini membuktikan Akta Mahkamah Juvana yang melibatkan dua seksyen telah menerbitkan pelbagai peraturan di SHG.

Pada masa itu juga SHG menggunakan Undang-undang Penjara 1952, Peraturan-Peraturan Penjara 1953, Peraturan SHG 1949, Perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara dan Arahan Ketua Institusi. Namun, ia tidak digunakan lagi dan undang-undang baharu digunakan. Undang-undang dan Peraturan yang diguna pakai meliputi,

1. Undang-undang Penjara 1995.
2. Peraturan Penjara 2001.
3. Peraturan-peraturan SHG 1949.
4. Perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara.
5. Arahan Ketua Institusi.

Berikutan daripada lima undang-undang dan peraturan yang dinyatakan jelaslah bahawa ia dapat mengukuhkan kredibiliti SHG sebagai sekolah khas untuk juvana. Ia selaras dengan penubuhan SHG yang berada di institusi penjara maka ia menggunakan peraturan dan perundangannya yang tersendiri. Misalnya peraturan dan perundangan SHG di Institusi Penjara adalah meliputi

1. Peraturan SHG 1949 (L.N.6116/1949).
2. Akta 611 merujuk kepada Seksyen 130.
3. Seksyen 74, Akta 611 merujuk kanak-kanak dibawah umur 14 tahun tidak boleh dihantar ke SHG.

⁸⁸ Anita Abdul Rahim & Tengku Noor Azira Tengku Zainudin, Kesalahan Mengedar Dadah oleh Kanak-kanak dan Hukumannya di Malaysia, *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*, 2014, 27-33 hlm 30.

4. Seksyen 76, Akta 611 merujuk kuasa berkenaan dengan orang yang berumur 18 tahun tetapi di bawah umur 21 tahun.

5. Perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara Malaysia.⁸⁹

Peraturan dan undang-undang yang dibuat ini adalah penting dan wajib dipatuhi oleh siapapun yang terlibat dalam institusi penjara kerana ia membentuk disiplin pesalah juvana, banduan muda dan semua kategori banduan. Malahan penjara merupakan tempat terakhir yang melaksanakan hukuman terhadap pesalah selepas mahkamah menjatuhkan hukuman.

2.2.4 Mematuhi Akta dan Peraturan


Seterusnya beberapa perkara mengenai akta dan peraturan perlu dipatuhi;

1. Mematuhi Akta Kanak-Kanak 2001

Perkara 2 AKK 2001 menyatakan makna kanak-kanak sebagai seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun dan Perkara 65(1) menyatakan kementerian boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, menubuhkan atau menetapkan sekolah-sekolah diluluskan yang dikehendaki bagi pendidikan, latihan dan penahanan kanak-kanak yang hendak dihantar ke sana menurut akta ini.⁹⁰

⁸⁹ <https://www.prison.gov.my/en/profil-kami/profil-jabatan/undang-undang-akta>, (tarikh diakses 14 Mac 2022).

⁹⁰ Akta Kanak-Kanak 2001. Diterbitkan oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia Di bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 Secara Usaha Sama dengan Percetakan Nasional Malaysia Bhd. 2006. hlm.134.



Rajah 2.2: Akta Kanak-Kanak 2001

Merujuk kepada Rajah 2.2:

“AKK 2001 ialah suatu Akta untuk menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.”⁹¹

2. Mematuhi Peraturan SHG

Perkara 38 Peraturan SHG menyatakan peruntukan hendaklah dibuat bagi mewujudkan kelas pendidikan untuk kebaikan semua penghuni; dan Perkara 39 pula menyatakan satu perpustakaan hendaklah disediakan dalam tiap-tiap institusi, dan

⁹¹ 2011/0000555, Akta Kanak-Kanak 2001, Warta Kerajaan diterbitkan dengan kuasa His Majesty Government Gazzete Jil. 54 No. 22, hlm. 3338-3342.

setiap penghuni hendaklah dibenarkan meminjam tidak lebih daripada tiga buah buku dari perpustakaan pada satu masa dan menukar buku sekerap yang diperlukan.⁹²

3. Mematuhi Peraturan- Peraturan Penjara 2000

Perkara 151 (1) di tiap-tiap penjara program kelas pendidikan hendaklah diatur dan kemudahan yang lengkap seharusnya disediakan mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah. Perkara ini boleh dilaksanakan kepada banduan yang tertentu, pada masa lapangnya, memperbaiki pendidikan mereka melalui kursus koresponden atau pengajian persendirian atau untuk berlatih kraf tangan.

Perkara 151(2) perhatian khas hendaklah diberikan kepada pendidikan bagi banduan buta huruf dalam masa yang ditentukan oleh Pegawai Yang Bertugas (PYB).

Perkara 151(3) tiap-tiap banduan yang boleh mendapat manfaat melalui kemudahan pendidikan yang disediakan hendaklah digalakkan untuk berbuat demikian.

4. Mematuhi *United Nation Standard Minimum Rules (UNSMR)*

“Perkara 77(1) UNSMR menyatakan pelbagai usaha harus dilakukan bagi membolehkan semua banduan mendapat faedah melanjutkan pelajaran, termasuk pengajaran agama negaranya. Pendidikan buta huruf dan penghuni hendaklah diwajibkan dan perhatian khas hendaklah dilakukan oleh pihak pentadbiran. Perkara 77(2) menyatakan pendidikan banduan hendaklah disepadukan dengan sistem pendidikan di negara supaya selepas dibebaskan, mereka boleh meneruskan pelajaran mereka tanpa kesukaran.”⁹³

5. Mematuhi Peraturan-Peraturan Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Orang Tahanan) 2012.

⁹² Peraturan SHG 1949. Rujuk Lampiran A.

Diperbuat di bawah Ordinan Mahkamah Juvana 1947. Bertujuan untuk menyelaraskan peraturan-peraturan berkaitan pengurusan dan layanan di SHG.

⁹³ United Nation Standard Minimum Rules of The Treatment of Prisoners (UNSMR), 1977. hlm.12.

Perkara 103 (2) tiap-tiap orang tahanan yang boleh mendapat manfaat melalui kemudahan pendidikan yang disediakan hendaklah digalakkan untuk berbuat demikian”.⁹⁴

Berdasarkan AKK 2001, SHG merupakan tempat terakhir yang pada hemat Mahkamah bagi Kanak-kanak atas syor pegawai akhlak. Latar belakang kesalahan jenayah yang dilakukan oleh penghuni adalah pelbagai antaranya menipu, mencuri, menyamun, merogol dan membunuh.⁹⁵ JPM diberikan tanggungjawab untuk memulihkan semua penghuninya agar kembali ke pangkal jalan.

Sebagaimana Undang-undang yang diperkenalkan pada 1 Mei 1965 merangkumi tujuh larangan yang telah diterangkan di muka surat 87, namun pada masa ini penghuni SHG perlu mematuhi peraturan baharu yang telah diperkenalkan pada tahun 2004 iaitu: Penghuni dilarang,

- a. Enggan melanggar perintah
- b. Tidak buat kerja
- c. Cuba melarikan diri
- d. Melakukan perkara yang tidak senonoh
- e. Menderhaka atau menghasut kawan supaya menderhaka
- f. Melakukan kekerasan terhadap banduan dan pegawai warden penjara dalam sekolah
- g. Mengganggu ketenteraman sekolah

⁹⁴ Buku Panduan Pengurusan Sekolah Integriti dan SHG, Seksyen Pemulihan dan Pendidikan, Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia, 2019, hlm. 6 (tidak diterbitkan)

⁹⁵ Norimah Jumai, Pendidikan Korektif Penjara, Disertasi Sarjana Muda, Universiti Sains Malaysia, Minden, 2021, hlm. 22.

h. Melakukan semua perkara tersebut di atas.⁹⁶

Peraturan baharu ini memastikan semua penghuni membaca ikrar semasa perhimpunan waktu pagi selepas menyanyikan Lagu Negaraku, Lagu Negeri Melaka, Lagu SHG dan Ikrar Rukun Negara. Selepas itu, mereka akan mendengar taklimat atau arahan pegawai yang bertugas sebelum bergerak ke kluster masing-masing.

2.2.5 Akta Kanak-Kanak 2001 Pindaan (2016): Peningkatan Penalti

Pada tahun 2016, parlimen telah meluluskan Rang Undang-undang Kanak-Kanak (Pindaan) 2015 dan dikuatkuasakan pada Julai 2016. Selepas 13 tahun pelaksanaan AKK 2001 (Akta 611) yang dilaksanakan sejak 2002 timbul keperluan untuk meminda akta ini. Demi meningkatkan perlindungan dan kebajikan terhadap kanak-kanak maka timbul kepekaan agar Akta 611 lebih berupaya membela kanak-kanak⁹⁷ dan mendepani isu perlindungan kanak-kanak dalam dunia yang semakin maju dengan teknologi tanpa sempadan.

Pindaan dibuat berlandaskan prinsip pengukuhan perlindungan, komitmen sebagai negara yang berpihak pada Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak; memeperkasakan pelibatan masyarakat; dan pemeliharaan berasaskan keluarga.⁹⁸

Beberapa perubahan telah berlaku melalui pindaan ini seperti

⁹⁶ Peraturan baharu diperoleh semasa pengkaji membuat kajian lapangan di SHG Melaka pada 13 Februari 2023.

⁹⁷ Peraturan Lebih Garang Bela Nasib Kanak-kanak. *Harian Metro*, <https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20160728/281947427215128> (tarikh diakses pada 20 Disember 2023).

⁹⁸ Parlimen Malaysia. (2016) Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga Belas, Penggal Keempat. Mesyuarat Pertama. Bil. 19. 6 April 2016, hlm. 82.

1. Prosedur untuk penangkapan, penahanan dan perbicaraan kanak-kanak yang melakukan kesalahan mestilah dikendalikan mengikut AKK 2001 iaitu berbeza dari prosedur ke atas individu dewasa.
2. Perkataan 'hukuman' tidak boleh digunakan untuk menggambarkan proses keadilan ke atas pesalah kanak-kanak.⁹⁹
3. Pindaan AKK 2001(2016) telah memotong peruntukan mengenai perintah sebatan yang terkandung dalam peruntukan asal Seksyen 91, AKK 2001.

Terdapat empat jenis prospek penambahbaikan Pindaan (2016) di Malaysia yang melibatkan beberapa pemegang taruh (huraian mengenai pemegang taruh dijelaskan pada nota kaki halaman 24):

1. Penglibatan mangsa jenayah dalam proses keadilan,
2. Penglibatan ahli komuniti dalam proses keadilan,
3. Penglibatan aktif dan menyeluruh oleh ahli keluarga.
4. Memberi penekanan terhadap jagaan susul memandangkan terdapat keperluan untuk mengintegrasikan pesalah kanak-kanak yang ditempatkan di institusi untuk kembali ke dalam komuniti.¹⁰⁰

⁹⁹ Intan Nooraini, Taufik Mohammad, & Azlinda Azman, "Sistem Keadilan Juvana di Malaysia: Empat Prospek Penambahbaikan Kajian Malaysia" *Journal of Malaysia Studies*, 21-July-2021, hlm. 10.

¹⁰⁰ Intan Nooraini, Taufik Mohammad, & Azlinda Azman, "Sistem Keadilan Juvana di Malaysia: Empat Prospek Penambahbaikan Kajian Malaysia" *Journal of Malaysia Studies*, 21-July-2021, hlm. 10

Pindaan ini jelas menunjukkan sistem keadilan juvana boleh ditambah baik dari semasa ke semasa demi kepentingan bersama dan kebaikan pesalah juvana pada masa akan datang.


2.2.6 Perubahan Sistem Keadilan Juvana, Undang-undang, Struktur dan Proses

Sistem Keadilan Juvana di Malaysia mengalami perubahan dari segi undang-undang, struktur mahupun proses agar sentiasa memberi penyelesaian terbaik terhadap pesalah juvana. Rajah 2.3 : Proses Umum untuk Menangani Kanak-Kanak dalam Konflik dengan Undang-Undang, diubah suai dari Razmee Razak, 164th *International Training Course Participants Paper*, 2017¹⁰¹, menunjukkan proses yang akan dilalui bermula pada hari pertama pesalah juvana ditangkap sehinggalah ia dibebaskan. Sistem keadilan juvana merujuk kepada mekanisme yang melibatkan undang-undang, prosedur, peruntukan, institusi, dan badan-badan yang berkaitan dengan pengendalian pesalah kanak-kanak yang ditahan atas kesalahan jenayah.¹⁰²

¹⁰¹ Muhammad Razmee Abdul Razak, "The Juvenile Justice System in Malaysia," *UNAFEI Annual Report*, Jil.101, 2017, 124-128. hlm.126.

https://www.unafei.or.jp/publications/pdf/RS_No101/No101_14_IP_Malaysia.pdf (tarikh diakses 19 Disember 2023). Muhammad Razmee Abd Razak merupakan Pengetua, Tunas Bakti Approved School Department of Social Welfare Malaysia.

¹⁰² <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/index.php> (tarikh diakses 21 Mei 2024).



Rajah 2.3: Proses Umum untuk Menangani Kanak-Kanak dalam Konflik dengan Undang-Undang

Rajah 2.3 menunjukkan aliran proses umum untuk menangani kanak-kanak dalam konflik undang-undang.¹⁰³ Di Malaysia, AKK 2001 digunakan untuk menguruskan pesalah kanak-kanak yang terlibat dalam pelanggaran undang-undang. Bahagian X akta ini menetapkan prosedur khusus untuk penangkapan, jaminan atau tahanan, perbicaraan, dan perintah yang dikenakan, serta peranan dan tanggungjawab polis, pegawai percubaan, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (MBKK), dan beberapa institusi berkaitan yang menguruskan pesalah kanak-kanak. Seksyen 83(1) AKK 2001 menyatakan bahawa penangkapan, tahanan, dan perbicaraan kanak-kanak yang melakukan kesalahan perlu dijalankan mengikut ketentuan AKK 2001, yang berbeza daripada prosedur biasa yang digunakan ke atas individu dewasa yang melakukan kesalahan.¹⁰⁴

Undang-undang dan dasar Malaysia terhadap juvana mendefinisi AKK 2001 bahawa "kanak-kanak" bermaksud seseorang di bawah umur lapan belas tahun dan berkaitan dengan prosiding jenayah, bermaksud seseorang yang telah mencapai umur tanggungjawab jenayah seperti yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan (Sistem Keadilan Juvani di Malaysia). Kanun Keseksaan menyatakan bahawa kanak-kanak di bawah umur 10 tahun tidak bertanggungjawab secara jenayah atas tindakan mereka. Ia juga merangkumi kesalahan *doli incapax*.¹⁰⁵ Jika mahkamah untuk kanak-

¹⁰³ Sumber rajah 2.3 diambil daripada Sistem Keadilan Juvana Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan UNICEF Malaysia, 2013.

¹⁰⁴ Intan Nooraini, Taufik Mohammad, & Azlinda Azman, "Sistem Keadilan Juvana di Malaysia: Empat Prospek Penambahbaikan Kajian Malaysia" *Journal of Malaysia Studies*, 21-July-2021, hlm. 1-40.

¹⁰⁵ Istilah *doli incapax* berasal daripada perkataan Latin yang bermaksud tidak berkeupayaan melakukan kesalahan.

kanak ragu-ragu tentang umur kanak-kanak, pendapat perlu dicari daripada pegawai perubatan. Kenyataan ini merujuk kepada AKK 2001:

“Jika MBKK berasa ragu-ragu melakukan sesuatu kesalahan, maka perakuan seorang pegawai perubatan yang bermaksud bahawa, pada pendapatnya, orang itu sudah atau belum mencapai umur yang tertentu boleh diberikan sebagai keterangan dan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu hendaklah mengistiharkan umur orang itu bagi maksud Akta ini.”¹⁰⁶

Di Malaysia, terdapat juga beberapa pengecualian untuk pesalah kanak-kanak di bawah AKK 2001 yang terpakai kepada semua pesalah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dengan perlindungan khas:

1) Kanak-kanak yang mencapai umur 18 ketika prosiding sedang berlangsung. Jika seorang kanak-kanak mencapai umur 18 ketika prosiding masih berlangsung, Mahkamah Kanak-kanak harus meneruskan mendengar kes tersebut. Walau bagaimanapun, adalah bergantung kepada budi bicara mahkamah sama ada mereka akan menggunakan peruntukan hukuman khas yang tersedia untuk kanak-kanak di bawah AKK 2001 atau mengenakan hukuman penjara dewasa.

2) Kanak-kanak yang hanya diformalkan dituduh setelah mencapai umur 18 tahun: Jika seorang kanak-kanak melakukan suatu kesalahan semasa berumur 18 tahun tetapi mencapai umur 18 tahun sebelum diformalkan dituduh, maka perbicaraan akan didengar oleh mahkamah jenayah dewasa biasa. Mahkamah boleh memilih untuk menggunakan peruntukan hukuman khas yang tersedia untuk kanak-kanak di bawah AKK 2001 atau mengenakan hukuman penjara dewasa.

¹⁰⁶ Akta Kanak-Kanak 2001. Diterbitkan oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia Di bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 Secara Usaha Sama dengan Percetakan Nasional Malaysia Bhd. 2006. hlm. 31.

3) Kanak-kanak yang dituduh bersama orang dewasa: Jika seorang kanak-kanak melakukan jenayah bersama orang dewasa, perbicaraan akan didengar di mahkamah jenayah dewasa, bukan di MBKK. Walau bagaimanapun, Mahkamah mesti "melaksanakan terhadap kanak-kanak semua kuasa yang boleh dilaksanakan di bawah Akta ini oleh Mahkamah Kanak-kanak" dan mesti mempertimbangkan laporan probasi sebelum menjatuhkan hukuman terhadap kanak-kanak.

4) Kanak-kanak yang dituduh dengan jenayah yang sangat serius: MBKK tidak mempunyai bidang kuasa ke atas kanak-kanak yang dituduh melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum mati (pembunuhan, beberapa kesalahan berkaitan dengan pengganasan, mengambil tawanan, menggubal perang, pemberontakan, penculikan untuk dibunuh, rompakan bersenjata dengan pembunuhan, pengedaran dadah). Walau bagaimanapun, walaupun AKK 2001 tidak menyatakan secara eksplisit, perlindungan khas untuk kanak-kanak berkaitan dengan prosedur penangkapan, tahanan, perbicaraan, dan hukuman seharusnya tetap berlaku sama, tanpa mengira sama ada kes berada di Mahkamah Tinggi atau di MBKK.¹⁰⁷ Jelaslah di sini ternyata AKK 2001 berkenaan lebih bersifat kemanusiaan dan menjaga kebajikan terhadap pesalah.

¹⁰⁷ Akta Kanak-Kanak 2001. Diterbitkan oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia Di bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 Secara Usaha Sama dengan Percetakan Nasional Malaysia Bhd. 2006. hlm. 88.

2.3 Perkembangan Sekolah Henry Gurney sebelum Merdeka.

Sistem Persekolahan yang dijalankan di penjara, telah diperkenalkan sejak sebelum perang dunia kedua lagi. Di Pulau Pinang sebagai contoh penjaranya mula mengalami perkembangan pendidikan yang menggalakkan apabila tranformasi konsep penjara yang baharu diperkenalkan iaitu daripada deraan dan hukuman telah ditukarkan kepada pemulihan dan rawatan.¹⁰⁸ Sebelum ini, pemenjaraan terhadap kanak-kanak bawah umur telah lama dilaksanakan sejak pentadbiran di Negeri-negeri Selat. Menurut Eric S. Lilley, pada tahun 1936,

“Juvenile offenders, sentenced to reformatory training, are sent to the Reformatory at Singapore which is administered by Education Department”

Pesalah Juvana yang telah dijatuhi hukuman akan dihantar ke Pusat Latihan Reformatory di Singapura yang ditadbir oleh Jabatan Pendidikan.¹⁰⁹ Pelaksanaan ini turut dimplementasikan di semua penjara dibawah pentadbiran negeri-negeri Selat kerana terdapat 5 penjara dibawah pentadbiran Negeri-negeri Selat iaitu Singapura, Penang, Melaka, Labuan dan Pulau Krismas. Manakala 6 lagi penjara ditadbir di bawah pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu iaitu Taiping, Batu Gajah, Kuala Lumpur, Seremban, Kuala Lipis dan Kuantan.¹¹⁰ Menurut laporan Negeri-negeri Selat juvana yang terlibat dengan jenayah telah dihantar ke Singapura.

¹⁰⁸ Siti Alwalyah Mansor & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, Penjara Pulau Pinang: Isu-isu dalam Perkembangan Pendidikan Penjara, 1941-1957, *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 5(14), 93-112. 2019. hlm. 94.

¹⁰⁹ 2013/0004912, *1936-Straits Settlement Annual Report on Prison* by Eric. S. Lilley hlm. 11.

¹¹⁰ Ibid., hlm. 2. Lampiran AF

Pada tahun 1947 telah Kerajaan British telah mencadangkan agar sebuah sekolah khusus untuk kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah juvana disediakan maka Advanced Approved School telah dibina melalui usul tersebut.

2.3.1 Advanced Approved School

Sekolah Akhlak Tertinggi dari segi sejarah merupakan institusi yang didirikan sebelum penubuhan *Advanced Approved School* pada tahun 1948 untuk membentuk sahsiah kanak-kanak. Penjara Muar Johor telah dipilih sebagai tempat untuk menerima penempatan remaja yang terlibat dengan salah laku. Menurut Laporan daripada Annual Report of 1947, Malayan Union:

“In September, Muar Prison in Johore was set aside for the reception and training of delinquent youths. Young Offenders were sentenced to jail and immediately transferred to Muar on a warrant issued by the Commissioner of Prisons. The number of persons under 16 years of age committed to prison is only 69.”¹¹¹

Namun ia telah mengalami beberapa masalah pentadbiran seperti masalah kekurangan kakitangan terlatih, kewangan dan juga terpaksa berhadapan dengan masalah melarikan diri oleh sebahagian daripada kanak-kanak. Ia juga berhadapan dengan masalah ketiadaan walau satupun bangunan penempatan dan pentadbiran yang tetap bagi membolehkan kanak-kanak itu dikawal secara langsung. Selain itu, tahap sistem keselamatan pegawai penjara juga rendah.¹¹² Justeru itu, pihak kerajaan khasnya Jabatan Penjara Malaya Dewasa pada bulan Mei, 1949 mula mencari suatu tempat baru yang sesuai bagi menempatkan kanak-kanak ini.¹¹³ Di samping itu, mereka juga

¹¹¹ *Annual Report on the Malayan Union for The Year 1947*, hlm. 96.

¹¹² O.V. Garratt, *Report of the Prison of The Malaya for The Year 1949*, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, hlm. 14.

¹¹³ *Ibid.*, hlm. 15.

memikirkan untuk menambah bilangan penghuni daripada 50 orang yang mampu disediakan oleh Sekolah Akhlak Tertinggi di Muar kepada jumlah yang lebih ramai. Tindakan ini perlu memandangkan pertambahan jumlah kes yang bersangkutan dengan salah asuhan kian meningkat. Laporan daripada *Annual Report, Federation of Malaya, 1951*, menyatakan:

*“The Advanced Approved School (Borstal Type) receives all young offenders between the ages of 14 and 17 years who are ordered detention under the provision of the Juvenile Courts Ordinance 1947 by the under the provision of the Juvenile Courts. Young Prisoners of this age group sentenced to imprisonment are also transferred to the school. In addition, young detainees are transferred from detention camp and are subject to the same training as other inmates.”*¹¹⁴

Rentetan itu kerajaan British telahewartakan Penjara Muar sebagai ‘*Advanced Approved School*’ yang pertama di Tanah Melayu pada 1 hb. Disember 1949.¹¹⁵ Kenyataan Warta ini bernombor L.N.620 (24.12.49):

*In exercise of the powers conferred by section 38 of the Juvenile Courts Ordinance, 1947, the Chief Secretary hereby appoints with effect from the 1st December 1949, the following Advanced Approved School for the purposes of the said Ordinance.*¹¹⁶

Pada masa ini Penjara Muar didapati sesuai untuk penempatan juvana di peringkat awal. Hal ini berikutan berlakunya peningkatan yang tinggi terhadap kes juvana yang terlibat dengan dadah. Akhirnya, pihak British terpaksa mengubah mereka ke tempat baharu dan terasing daripada banduan dewasa memandangkan penjara ini tidak boleh menampung jumlah juvana yang kian meningkat.¹¹⁷ Akta Kanak-Kanak Salah Asuhan

¹¹⁴ Annual Report on the Federation of Malaya for The Year 1951, hlm. 214.

¹¹⁵ Report of The Prisons Department of The Malaya For The Year 1949, hlm. 16.

¹¹⁶ 1957/0475691- Approved Schools for purposes of Juvenile Courts Ordinance No. 38 of 1947. Arkib Negara Malaysia, Lampiran AE, hlm. 372.

¹¹⁷ Ibid., hlm. 18.

atau *Juvenile Court Act 1947* pertama kali diperkenalkan pada 25 September, 1947. Walaupun akta ini diwartakan pada tahun 1947 tetapi hanya mula berkuat kuasa pada Disember 1949. Perkara ini dapat dirujuk melalui pernyataan berikut;

*“Arrangements for dealing with juvenile delinquents are still at an early stage of development. The Juvenile Courts Ordinance of 1947 was enacted during the year but not has been enforced owing mainly to shortages of Magistrates and trained officers.”*¹¹⁸

Perkara ini di sebabkan pihak pentadbir penjara menghadapi kekurangan kakitangan khasnya untuk mengawal pemindahan juvana dari penjara-penjara seluruh Tanah Melayu ke Penjara Juvana Muar, Johor.¹¹⁹ Lebih berbahaya lagi kerana pada masa itu keadaan darurat sedang berlaku dari tahun 1948 hingga 1960.¹²⁰ Peningkatan jumlah juvana bawah umur 21 tahun pada tahun 1950 amat membimbangkan apabila seramai 391 tahanan berbangsa Cina, 71 bangsa Melayu, 23 bangsa India dan 7 orang berbangsa lain telah memasuki *Advanced Approved School*.¹²¹ Kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan terdiri daripada jenayah harta benda, bersabit dengan orang lain, trafik, menagih candu dan kongsi gelap. Apabila darurat sedang berlaku antara tahun 1948-1960, terdapat seramai 1100 orang juvana yang sedang berada di seluruh penjara Tanah Melayu. Ia termasuk seramai 43 orang juvana yang sedang berada di Penjara Muar.¹²² Penjara ini pula didapati amat kecil dan tidak sesuai untuk meletakkan juvana yang begitu ramai serta tidak mematuhi konsep *Borstal* yang mensyaratkan tempat kediaman yang ‘terbuka’.

¹¹⁸ *Annual Report on the Malayan Union for The Year 1947*, hlm. 96.

¹¹⁹ Report of The Prisons Department of The Malaya For The Year 1949, hlm. 18.

¹²⁰ [https://www.rmp.gov.my/infor-korporate/polis-diraja-malaysia/sejarah/darurat-\(1948---1960\)](https://www.rmp.gov.my/infor-korporate/polis-diraja-malaysia/sejarah/darurat-(1948---1960)) (tarikh diakses 9 Mac 2022).

¹²¹ O.V Garratt, Report of The Prison of The Malaya for the Year 1950, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1950, hlm. 8.

¹²² W.B Oliver, Report of The Prison, 1948, hlm. 1.

2.3.2 Sistem *Borstal*

Pada bulan Mei 1949 pihak kerajaan telah cuba memperkenalkan satu sistem baharu cara mendidik kanak-kanak yang salah asuhan. Sistem ini dikenali sebagai sistem *Borstal* dan ia telah digunakan di England sejak tahun 1900 lagi. Sistem yang difikirkan bersesuaian ini kemudiannya telah diubah suai agar selari dengan situasi tempatan. Manakala dari segi sejarahnya sistem *Borstal* ini di perkenalkan oleh Sir Evelyn Ruggles-Brise pada tahun 1902 di *Borstal*, Rochester, Kent, England. Secara umumnya purata umur kanak-kanak yang ditempatkan di sini berumur di antara enam belas hingga dua puluh satu tahun. Sistem ini dipraktikkan dengan membenarkan sekumpulan kanak-kanak dari Penjara Feltham, London bersama-sama pegawai dan pengurusnya berjalan sejauh seratus tiga puluh dua batu bersamaan 212 kilometer menuju ke Downham tanpa sebarang kawalan. Pesalah Juvana ini tidak melarikan diri bahkan telah bersama-sama membangunkan satu kem baharu untuk penahanan mereka. Sir Alexander Paterson, Pesuruhjaya Penjara pada tahun 1922 telah menambah baik sistem ini dengan memperkenalkan sistem rumah *Borstal*. Sistem ini telah diteruskan atau ditawarkan setelah mendapat persetujuan dari Parlimen British.

Sistem ini turut diperkenalkan di beberapa negara anggota Komanwel¹²³ dan Republik Ireland. Sistem ini mempunyai beberapa ciri asasnya yang tersendiri¹²⁴ iaitu

1. Pelatihnya mempunyai watak dan bakat yang tersendiri dan boleh memperkembangkan kreativiti dan suka kepada kehidupan yang baik.
2. Layanan yang sama rata dan mengikut peraturan.
3. Pegawai dan sistem Borstal saling bersatu dan saling mempercayai antara satu sama lain. Para Pegawai dan kakitangan perlu diberi latihan yang mencukupi.¹²⁵

¹²³ Negara Komanwel merujuk kepada sekumpulan negara yang dahulunya merupakan sebahagian daripada Empayar British. Selepas memperoleh kemerdekaan, negara-negara ini membentuk satu pertubuhan antarabangsa yang dikenali sebagai Komanwel. Negara-negara Komanwel berkongsi sejarah, budaya dan bahasa yang sama dengan Britain. Mereka juga bekerjasama dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, pendidikan dan sukan. Komanwel terdiri daripada 56 negara anggota yang merangkumi pelbagai benua seperti Afrika, Asia, Eropah, Amerika dan Ocenia. Setiap negara anggota bebas dan berdaulat, tetapi mereka berkongsi nilai-nilai bersama seperti demokrasi, hak asasi manusia dan pembangunan lestari. Pertubuhan ini juga menganjurkan acara seperti Sukan Komanwel yang diadakan setiap empat tahun sekali melibatkan atlet dari semua negara. Secara ringkasnya, Negara Komanwel adalah satu kumpulan negara yang mempunyai ikatan sejarah dengan Britain dan bekerjasama dalam pelbagai bidang untuk kepentingan bersama. Negara-negara Komanwel terdiri daripada 56 buah negara merdeka. Negara-negara Asia yang menjadi ahli negara Komanwel ialah Bangladesh, Brunei Darussalam, India, Malaysia, Maldives, Pakistan, Singapura dan Sri Lanka.

¹²⁴ Ciri-ciri asas Borstal yang penting ialah;

1. Anak-anak yang sedang dilatih haruslah dipandang seorang manusia yang mempunyai watak tersendiri. Tugas Borstal tidak menghancurkan atau membuatnya menjadi sesuatu bentuk tertentu tetapi mendorong beberapa kesanggupan yang dimilikinya untuk dapat berkembang dengan teratur, membuatnya suka kepada satu kehidupan yang baik serta membentuknya menjadi manusia berguna.
2. Setiap kanak-kanak mestilah diperlakukan sebagai seorang individu sama seperti yang lain, dituntut mematuhi segala peraturan umum.
3. Sistem borstal dan para pegawainya yang bertugas mesti merupakan satu kesatuan yang saling percaya mempercayai. Latihan bagi pegawai dan kakitangan yang lain adalah perkara mesti. Sesuaikan daripada buku-buku berikut:

i) L.W. Force, *The English Prison and Borstal System*, London, 1952. Tiada Halaman (TH)

ii) Roger, *A Borstal Esperient In Vocational Guidance*, London, 1941.

iii) W. Hearly B.S Alper, *Criminal Youth and The Borstal System* London, 1941.

¹²⁵ W. Hearly B.S. Alper, *Criminal Youth and the Borstal System* London, 1941.



Rajah 2.4: Bangunan Penjara Borstal¹²⁶

Annual Report Federation of Malaya, 1953, turut menyatakan bahawa Sistem Borstal Terbuka telah didaftarkan di SHG Telok Mas. Sistem rumah yang digunakan mengikut Sistem Borstal ini beroperasi dengan penglibatan penuh penghuni, di mana mereka memikul tanggungjawab utama dalam memastikan disiplin dan kelancaran pengurusan.

“The Henry Gurney School at Telok Mas, Malacca, is administered on Borstal lines and is "open". The House system is operated and discipline is largely the responsibility of the inmates.”¹²⁷

Perlaksanaan Sistem Borstal sangat sangat menekankan disiplin dalam kalangan penghuni untuk berubah secara sukarela dan tanggungjawab terhadap diri sendiri. Di Malaysia, Sistem Borstal menerapkan elemen kekeluargaan dan mengawal penghuni juvana supaya mereka kembali ke jalan yang benar. Pada masa ini sistem ini masih

¹²⁶ Bangunan ini telah ditubuhkan pada tahun 1902 dan masih kekal sehingga kini. Bangunan ini telah berusia 132 tahun dan masih utuh.

¹²⁷ Annual Report on the Federation of Malaya for The Year 1951, hlm. 237.

dijalankan mengikut acuan Malaysia. Ia selari seperti yang diceritakan oleh Tuan Mohd Zaili ¹²⁸ mengenai peraturan yang telah diguna pakai di SHG

“Sistem Borstal merupakan sistem kekeluargaan yang masih diamalkan di sekolah ini. Para penghuni akan duduk di dalam satu dorm bersama rakan-rakan rumah dan saling nasihat menasihati selain dipantau oleh House Master. Para penghuni tidak duduk di dalam sel seperti penjara. Di dalam rumah itu pula terdapat Penolong Ketua Rumah yang mengenali setiap ahli keluarganya, hobi dan kesukaannya, keperluannya dan lain-lain seperti ahli keluarga”.

Puan Dr Kausalya pula berpendapat Sistem Borstal masih diamalkan dan menjadikan para penghuni semakin akrab bersama House Master dan Penolong Ketua Rumah.

“Buktinya setiap kali mereka selesai melakukan aktiviti bersama seperti majlis restu ilmu, latihan dan sebagainya mereka akan bersalaman dan mencium tangan sebagai tanda terima kasih. Sedangkan semasa di luar mereka amat degil, memberontak, tidak mendengar kata dan kurang ajar. Malahan dengan ibubapa serta ahli keluarga juga tiada kasih sayang”.¹²⁹

Sistem *Borstal* terbahagi kepada kepada dua iaitu ‘terbuka’ yang biasanya merupakan penempatan bagi kanak-kanak yang kurang darjah kenakalannya dan sistem berbentuk ‘tertutup’ untuk kanak-kanak yang suka bergaduh dan lari dari sekolah. Segala keistimewaan kanak-kanak ini ditarik dan dikawal rapi serta kerja berat. Oleh sebab itu ‘Advanced Approved School’ di Penjara Muar didapati tidak sesuai untuk menjalankan sistem ini.

‘...the use of prison buildings is most unsatisfactory. It is essential for the application of a system of reformatory

¹²⁸ Temu bual dengan Tuan Mohd Zaili, Sub Inspektor, Jabatan Penjara Malaysia) pada 14 Februari 2023. Tuan Mohd Zaili berumur 57 tahun dan berkhidmat di SHG Telok Mas, Melaka selama 33 tahun

¹²⁹ Temu bual dengan Dr Kausalya Devi a/p Sathoo (Timbalan Komisioner Penjara, Jabatan Penjara Malaysia) pada 1 Mac 2023. Dr Kausalya berasal dari Raub, Pahang dan mula berkhidmat pada tahun 1992. Beliau berkhidmat hampir 31 tahun dan memulakan kerjaya sebagai Timbalan Penguasa Penjara. Pada masa itu beliau bersama rakan-rakan wanita yang berijazah seramai 8 orang telah diambil secara lantikan terus. Selepas menjalani latihan selama 7 bulan di Maktab Penjara, beliau ditempatkan di Ibu Pejabat Penjara Kajang di Bahagian Penyelidikan. Beliau telah bersara mulai bulan Mei 2023.

training to young offenders that their surroundings should be entirely dissociated from the prison atmosphere...”¹³⁰

Selain itu, pada tahun 1949 bilangan juvana telah mengalami penambahan yang besar iaitu seramai 350 orang berbanding hanya 43 orang pada tahun 1948. Peningkatan ini berlaku akibat daripada pertambahan bilangan kadar jenayah seperti kes-kes pecah rumah, kongsi gelap, curi lembu, kambing dan menjadi ejen komunis.¹³¹ Keadaan yang berlaku ini akibat daripada kekejaman di bawah pentadbiran Jepun apabila mereka membina jambatan kereta api yang dikenali sebagai ‘Landasan Keretapi Maut’. Semasa projek pembinaan jambatan kereta api yang menghubungkan Siam dan Burma atau lebih dikenali sebagai ‘Landasan Keretapi Maut’, ia telah menyebabkan banyak nyawa terkorban.¹³² Peristiwa yang berlaku antara 1946-1948 menyebabkan peningkatan balu dan anak yatim di Tanah Melayu pada masa tersebut. Selain itu, isu lain yang timbul di sini ialah data yang diberikan seolah-olah mencadangkan bahawa perhatian yang serius telah diberikan kepada kumpulan sasaran anak yatim dalam masa dua tahun berkenaan.¹³³ Kenyataan ini dikaitkan dengan masalah sosial yang timbul semasa Pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan peningkatan kadar jenayah juvana yang agak signifikan pada tahun 1948.

¹³⁰ O.V. Garratt, *Report of the Prison of The Malaya for The Year 1950*, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1950, hlm. 16.

¹³¹ Ibid., hlm. 16.

¹³² Fuziah Shaffie, *Isu Berkaitan Kebajikan Sosial Kanak-kanak Zaman Kolonial: Pengurusan & Amalan Kerja Sosial*, Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2018, hlm. 103.

¹³³ Ibid., hlm. 105.

2.3.3 Penubuhan Sekolah Henry Gurney, Telok Mas

SHG ini mula digunakan pada bulan Jun 1950 dengan keluasan 38 ekar, terletak tepi pantai di KM 10 Jalan Melaka Muar ke Selat Melaka.¹³⁴ Kumpulan pertama berpindah dari ‘Advanced Approved School’ Muar ialah seramai 70 orang untuk membangunkan kawasan itu.¹³⁵ Kawasan sekitarnya dipenuhi semak samun dan berbukit. Terdapat tiga buah bangunan peninggalan syarikat Jepun diguna semula untuk dijadikan pejabat dan tempat tahanan penghuni. Para juvana terpaksa bekerja keras untuk membersihkan dan mencantikkan keadaan sekitar:

*“A very considerable amount of reality hard work was undertaken by the inmates. Land was reclaimed, terraces constructed to prevent soil erosion and recreation rounds were built. For months, a part from the important trades, all in mates were called upon to perform heavy work”.*¹³⁶

Ini jelas menunjukkan sistem kerah masih diguna khasnya pada juvana yang sepatutnya menerima cara pemulihan sistem ‘Borstal’. Tujuannya untuk menjimatkan kos kewangan pihak pentadbiran Inggeris.

Pada tahun 1950 juvana bawah umur 21 tahun telah berkurangan jika dibandingkan dengan jumlah juvana tahun 1949. Walau bagaimanapun, jumlahnya agak ramai sehingga mencapai 592 orang termasuk 94 orang ditahan kerana keselamatan Darurat. Pada tahun itu juga seramai 391 tahanan berbangsa Cina, 71 bangsa Melayu, 23 bangsa India dan 7 orang bangsa lain dimasukkan ke *Advanced Approved School*.¹³⁷ Jenayah-jenayah yang dilakukan seperti jenayah harta benda, bersabit dengan orang lain,

¹³⁴ Muzium Penjara, Melaka

¹³⁵ Kumpulan pertama berpindah dari ‘Advanced Approved School’ ialah pada 19 Julai, 1950.

1. O.V Garratt, *Report on the Prison of The Federation of Malaya, 1950*, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1950, hlm. 16.

¹³⁶ Ibid., hlm. 18.

¹³⁷ Ibid., hlm. 8.

kesalahan trafik, menagih candu dan kongsi gelap. Masalah ini amat ketara oleh masyarakat ketika itu apatah lagi Perang Kedua baru tamat.¹³⁸

Pada awal penubuhan SHG ini dasarnya adalah terletak di bawah pentadbiran Jabatan Penjara. Malaysia, Kementerian Kebajikan Am dan di bawah pengawasan Kementerian Dalam Negeri. Dasar Am SHG pada awal penubuhannya adalah berdasarkan (*Borstal Institution – England*) 1900 iaitu membentuk sikap keperibadian dan sikap bertanggungjawab penghuni-penghuni ke arah kesempurnaan kehidupan bermasyarakat yang sejahtera dan produktif kepada negara. Para penghuni SHG, Telok Mas telah diberikan pelbagai latihan pendidikan dan industri. Jurulatih dan guru-guru yang berkelayakan turut disediakan, tetapi masih di peringkat awal penubuhan.

*“Industrial and educational training of all kinds is provided and qualified trade instructors and teachers are on the Establishment. An annexe to this School was established at Umbai in the near vicinity of Telok Mas. Additional Workshops and class rooms were provided. A Henry Gurney School for girls was established at Batu Gajah towards the end of the year. The number of admission to Henry Gurney Schools during 1953 was 167.”*¹³⁹

Selain itu, ia juga tertakluk di bawah Perlembagaan Malaysia, Akta Mahkamah Kanak-Kanak Nakal, 1974.¹⁴⁰

Terdapat dua orang pegawai ekspatriat¹⁴¹ dan 17 pegawai pemulihan yang terlatih dalam kalangan warga tempatan untuk berkhidmat terhadap SHG dan mereka

¹³⁸ Ibid., hlm. 15.

¹³⁹ *Annual Report on the Federation of Malaya for The Year 1953*, hlm. 238.

¹⁴⁰ Perlembagaan Malaysia, Akta 90, hlm. 20.

¹⁴¹ Orang asing yang tinggal di negara lain, contohnya pegawai Inggeris yang bertugas ketika itu di Persekutuan Tanah Melayu dikenali sebagai Pegawai Ekspatriat.

melaksanakan tugas secara sukarela untuk menyelia dan membimbing penghuni yang akan dibebaskan.

“Two expatriate officers and seventeen locally recruits probation officers served the Juvenile Courts throughout the Federation. In addition to carrying out case work for Juvenile Courts, Probation Officers undertook voluntary supervision of adults as well as juveniles in need of guidance : after-care of boys from the Approved School and From the Advanced Approved School at Telok Mas: assistance for long term prisoners on their release; care of opium addicts and vagrants: the settlements of certain classes of family disputes....”¹⁴²

Pada masa ini, SHG Telok Mas dapat menampung kapasiti penghuni seramai 600 sehingga 800 orang dalam satu-satu masa. Menurut Tn Hj Azhan Bin Anuar;

“Penghuni SHG Telok Mas pernah mencecah lebih 1000 penghuni pada tahun 2019, tetapi jumlah yang boleh ditampung hanyalah antara 600-800 orang sahaja”

Tn Hj Azhan Anuar, Mantan Ketua Sektor Akademik, JPM.

Jumlah Muster penghuni SHG, Telok Mas pada masa bulan November 2024 ialah seramai 411 penghuni.¹⁴³

Tujuan utama penubuhannya sekarang sedikit berbeza daripada dahulu selain memberi pemulihan, pendidikan menjadi tunjang utama untuk merubah kehidupan sesuatu bangsa. Hakikatnya ruang dan peluang yang disediakan pada masa ini tujuan utamanya adalah untuk menyediakan pendidikan secara rasmi di institusi penjara dengan kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia. Pendidikan di penjara ini disediakan kepada penghuni yang berumur antara 15 hingga 21 tahun. Terdapat dua kumpulan pelajar yang bersekolah iaitu juvana di

¹⁴² *Annual Report on the Federation of Malaya for The Year 1951*, hlm. 175

¹⁴³ Jabatan Penjara Malaysia, 2024

SHG dan banduan muda di Sekolah Integriti. Bermula pada tahun 2008, enam buah SI dan dua buah SHG ditubuhkan bagi memberi peluang kedua kepada juvana dan banduan muda memperbaiki diri dalam aspek akademik, kokurikulum dan sahsiah diri. Sehingga 2017, terdapat lapan (8) SI dan empat (4) SHG di seluruh negara.¹⁴⁴

2.3.5 Nama Sekolah Henry Gurney

Pada fasa pertama penubuhannya sekolah ini berfungsi untuk mengembalikan semula peluang yang hilang kepada pesalah juvana untuk mendapatkan ilmu dan didikan yang secukupnya sebelum ini selain menjalani hukuman. Hal ini berikutan agar mereka yang telah insaf bersedia dari segi mental, fizikal serta berkemahiran tertentu sebelum kembali kepada masyarakat. Mulai tahun 1949, SHG telah mula beroperasi. Sebagai pengetahuan umum sekolah yang menjalankan pemulihan untuk kanak-kanak ini telah mengalami perubahan nama sebanyak tiga kali atas beberapa sebab. Asalnya ia diberikan nama ‘Sekolah Akhlak Tertinggi’ pada tahun 1949 kemudian mulai tahun 1950 diubah kepada ‘Sekolah Latihan Pemuda’. Seterusnya berlaku perubahan kali terakhir pada tahun 1950 juga, ia diberikan nama *Henry Gurney School* pada 19 Julai 1950. Nama tersebut diambil bersempena Sir Henry Gurney, yang menjawat jawatan sebagai Pesuruhjaya Tinggi di Tanah Melayu di waktu masa itu.¹⁴⁵ Sir Henry Gurney atau nama penuh beliau Henry Lovell Goldsworthy Gurney telah dilahirkan pada 27 Jun 1898 di Cornwall, United Kingdom.¹⁴⁶ Lantikan Sir Henry Gurney sebagai

¹⁴⁴<https://www.moe.gov.my/en/special-education/sekolah-integriti-dan-sekolah-henry-gurney/pengenalan> (tarikh diakses 9 Mei 2022).

¹⁴⁵ The Straits Times, 22hb Julai 1950.

¹⁴⁶https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/05/55305/henry-gurney-sabung-nyawa_selamatkan-isteri (tarikh diakses 28 Februari 2023).

Pesuruhjaya Tinggi British dari Oktober 1948 sehingga Oktober 1951 untuk menggantikan Sir Edward Gent.¹⁴⁷



Rajah 2.5: Bangunan ini digunakan sebagai Dapur Penghuni pada tahun 1950¹⁴⁸

Pembasmian kegiatan pengganas komunis di Tanah Melayu merupakan salah satu titik peralihan penting sehingga aktiviti kumpulan ini dapat dilumpuhkan. Sebagai usaha berterusan menangani kegiatan komunis beliau menggalakkan orang awam melibatkan diri secara sukarela dalam usaha menentang komunis dengan mengadakan ‘Kempen Bulan Rakyat Melawan Pengganas’. Kempen yang diwujudkan ini adalah untuk memberikan galakan kepada rakyat supaya menyertai pasukan Home Guards.¹⁴⁹ Beliau juga sangat berminat dan komited berkaitan kerja-kerja amal semasa menjadi Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu. O.V Garrat di dalam laporannya menulis bahawa:

¹⁴⁷ Abdul Samad Idris, *Askar Melayu 50 Tahun*, Pustaka Budiman Sdn. Bhd., 1983, hlm. 382.

¹⁴⁸ Bangunan ini digunakan sebagai tempat latihan bertinju dan muay Thai para penghuni untuk Projek Henry bermula 2017 tetapi pada masa dahulu dijadikan dapur penghuni.

¹⁴⁹ Ya’cob @ Jusoh, M. R. (2010). Pasukan Home Guard Persekutuan Tanah Melayu Semasa Darurat, 1948-1960. *Sejarah*, 18(18), 35–54. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol18no18.3> hlm. 37

*“..the late Sir Henry Gurney demonstrated a profound interest in charitable efforts to treat delinquent children. He proposed the establishment of a specialised institution modelled on the 'borstal' system in this country. In honour of his contributions, the institution was officially named the "Henry Gurney School" at its inauguration on 17 July 1950, with the consent of his wife”.*¹⁵⁰

Menurut beliau penubuhan sekolah ini memang diperlukan untuk membentuk disiplin dan kerja berat bagi para juvana. Beliau merupakan seorang yang berminat dengan kerja-kerja kebajikan terhadap masyarakat dan mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi untuk memulihkan remaja tempatan yang terlibat dengan jenayah. Pandangan beliau yang positif bahawa remaja dapat dibentuk dan dididik menjadi manusia yang boleh berjaya serta berubah pada masa hadapan menyebabkan tertubuhnya sekolah ini. Sir Henry Gurney telah meninggal dunia pada tahun 6 Oktober 1950, akibat serangan hendaap ketika perjalanan ke Bukit Fraser.¹⁵¹

¹⁵⁰ O.V.Garratt, *Report of The Prison Department of The Federation of Malaya 1953-1954*, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1954, hlm. 31.

¹⁵¹ <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/05/55305/henry-gurney-sabung-nyawa-selamatkan-isteri> (tarikh akses 2 Mac 2023).

2.3.6 Sejarah Motto Sekolah



Rajah 2.6: Motto Resurgam¹⁵²

‘RESURGAM’ menjadi motto sekolah ini sejak ia mula beroperasi. Ia berasal daripada perkataan Latin yang bermakna “*I SHALL RISE AGAIN*” atau “SAYA AKAN BANGKIT KEMBALI”.¹⁵³ Lambangnya ialah seekor burung pheonix yang sedang melebarkan sayap dari nyalaan api yang sedang menjulang dapat dilihat dalam rajah 2.9. Dalam erti kata lain, juvana akan kembali kepada kehidupan seimbang dan sempurna kepada masyarakat selepas selesai menjalani tempoh tahanan nanti. Menerusi lambang yang terdapat di pintu gerbang sekolah ini, mereka juga bersedia menerima pemulihan dan akan menjadi masyarakat yang berjasa kepada negara.

¹⁵² Motto ini diperolehi daripada Tuan Hassan Zaid semasa menjalankan temu bual pada 3 Mac 2023 semasa mendapatkan data berkaitan sekolah berkenaan.

¹⁵³ Pamphlet, Pejabat Rekod, SHG, Telok Mas, Melaka.

2.3.7 Lagu Sekolah Henry Gurney

Lagu SHG mempunyai keistimewaan terutama dalam menanam semangat untuk menjadi manusia yang berilmu dan berbudi sehingga menjadi manusia yang cemerlang.

SHG kami sanjungi

Berilmu dan berjasa wawasan kami

Berusaha tanpa jemu

Demi satu matlamat

Marilah kita berjasa

Hormatilah guru yang mendidik kita

Berbudilah pada semua

Berdisiplin dan berakhlak mulia

SHG kami sanjungi

Berilmu dan berjasa wawasan kami

Berusaha tanpa jemu

Bersama terus maju

2.3.8 Penutupan SHG Wanita di Batu Gajah, Perak 1954 dan Perpindahan ke SHG Telok Mas



Rajah 2.7: Bangunan SHG Wanita, Batu Gajah, Perak.¹⁵⁴

Pada 22 Mac 1983 berlaku perpindahan Penghuni Wanita SHG, Batu Gajah dan pertukaran nama kepada Pusat Pemulihan Akhlak (Jabatan Penjara Malaysia) tetapi tidak dinyatakan secara terperinci oleh pengkaji sebelum ini. Penahanan orang di bawah Akta Dadah Berbahaya telah dilaksanakan. Pada tahun 1954 sekolah tersebut menahan wanita bersalah berusia dibawah 21 tahun pada permulaannya.¹⁵⁵ Pengasingan dilakukan terhadap mereka di tempat yang berhampiran di rumah bekas rumah *Supritendent* yang juga dinamakan sebagai *Women Central Prison*. Semenjak itu, wanita di bawah umur yang didapati bersalah akan dihantar ke SHG tersebut.

¹⁵⁴ Gambar bangunan SHG Wanita, Batu Gajah Perak, telah diambil oleh pengkaji semasa membuat kajian pada 13 Mac 2023.

¹⁵⁵ <https://www.prison.gov.my/ms/profil-kami/profil-institusi/pusat-pemulihan-akhlak> (telah diakses pada 29 Oktober 2022).

Bangunan lama SHG Wanita yang berlokasi di Jalan Brewster, Batu Gajah Perak ini terbina dalam tahun 1902 serta dikenali sebagai Kinta Prison masih dikekalkan sehingga sekarang. Penyenaraian bangunan bersejarah dari segi signifikasi sejarah menurut Kamarul & Lilawati (2014), salah satu daripadanya:

“mempunyai kriteria seperti bangunan yang berkaitan dengan komuniti kehidupan orang-orang awam seperti mahkamah, penjara, sekolah, dewan dan lain-lain lagi”.¹⁵⁶

Apabila penghuni wanita yang mempunyai kesalahan juvana pula telah dipindahkan ke SHG Telok Mas pada 26 September 2007, sekolah ini telah ditutup dan digantikan dengan Pusat Pemulihan seperti berikut:

“Pada 26 September 2007, Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah (Wanita) mula beroperasi (sebelumnya PPABG Wanita) adalah SHG Wanita 1954-2006”.¹⁵⁷

Pusat Pemulihan tersebut digunakan untuk menahan pesalah melalui satu akta untuk menahan selama dua tahun dibawah Perintah Tahanan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri.¹⁵⁸ Penutupan SHG Wanita, Batu Gajah ini dan perpindahan penghuninya menyebabkan pertambahan penghuni SHG, Telok Mas, Melaka pada tahun 2007. Penghuni wanita dan lelaki diasingkan mengikut Peraturan SHG 1949.¹⁵⁹

¹⁵⁶ Kamarul Syahril Kamal & Lilawati Ab Wahab, *Bangunan Bersejarah, Kerosakan dan Pernyataan Kaedah Kerja Pemulihan*, Kuala Lumpur: Solid Press Sdn.Bhd., 2014, hlm. 18.

¹⁵⁷ <https://www.prison.gov.my/ms/profil-kami/profil-institusi/pusat-pemulihan-akhlak>, (tarikh diakses 29 Oktober 2022).

¹⁵⁸ Ibid.

¹⁵⁹ Tahanan kanak-kanak hendaklah diasingkan mengikut jantina (Kaedah 11(a) *Mandela Rules*).

2.4 Perkembangan Sekolah Henry Gurney selepas Merdeka

Peningkatan kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah ialah kerana faktor ekonomi, sosial dan politik. Lebih-lebih lagi Perang Dunia Kedua baharu sahaja tamat dan banyak negara menuntut kemerdekaan dari negara kolonial. Selepas merdeka, masih terdapat banyak ladang getah dan lombong bijih timah yang menjadi ekonomi eksport oleh pihak British. Peluang-peluang pekerjaan ketika selepas merdeka juga masih lagi kurang menyebabkan banyak kes-kes kenakalan dan jenayah berlaku akibat faktor kemiskinan. Kepentingan SHG sebagai pusat pemulihan akhlak remaja kian menonjol dalam tahun 1960an iaitu selepas negara mencapai kemerdekaan akibat masalah sosial yang semakin meningkat seperti pelacuran, ketagihan arak, candu, kecurian, rompakan dan lain-lain.

Pada masa dahulu juvana yang sukar dikawal akan ditahan terlebih dahulu di Penjara Pusat Muar sebelum dimasukkan ke dalam Penjara Banda Hilir iaitu SHG II (pada masa sekarang menjadi Muzium Penjara Malaysia). Sistem Borstal secara tertutup telah dilaksanakan di SHG II untuk menahan juvana yang ganas dan agresif agar mereka sedar dan insaf. Pihak Pengurusan Penjara pada masa itu berpendapat para juvana perlu dipulihkan melalui dua cara, iaitu melalui nasihat tetapi jika masih berdegil, cara 'kekerasan' akan digunakan diikuti dengan cara psikologi.¹⁶⁰

¹⁶⁰ Temu bual dengan Tuan Hassan Zaid Pegawai Penjara, Jabatan Penjara Malaysia) pada 12 Februari 2023.




Rajah 2.8: SHG II di Banda Hilir, Melaka

Rajah 2.5 menunjukkan pemandangan dari luar SHG II dan dataran yang digunakan oleh penghuni semasa perhimpunan diadakan.



Rajah 2.9: Ruang di dalam sel yang terdapat di SHG II



Rajah 2.10: Sel dan pintu yang terdapat di SHG II¹⁶¹

Rajah 2.6 dan rajah 2.7 menunjukkan ruang sel dan pintu SHG II Banda Hilir Melaka yang pernah digunakan terhadap penghuni pada tahun 1964. Pada 11 Jun 1990, ia ditukarkan nama sebagai Penjara Banda Hilir sebelum ia dijadikan salah satu bahan pameran di Muzium Penjara tersebut. Sewaktu di SHG II mereka lebih banyak terkurung di dalam sel-sel mengikut kesalahan mereka. Kerja-kerja berat akan diberikan terhadap mereka manakala pengambilan makan juga dikawal. Para juvana akan dilayan hampir serupa dengan layanan terhadap banduan dewasa, sehinggalah berlaku perubahan tingkah laku yang dikehendaki, barulah mereka dibenarkan bekerja di bengkel kayu dan rotan. Di situ juga mereka akan digalakkan belajar membaca, mengira dan menulis sekiranya didapati telah mengalami perubahan menjadi 'baik'.¹⁶²

¹⁶¹ Bukti peninggalan sejarah pintu sel di SHG sebagai salah satu artifak pameran sejarah pada masa kini.

¹⁶² *Report of the Prison Department in the Federation Of Malaya for the Years 1951 and 1952*, O.V Garrat, Commisioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: hlm. 21.

Sekolah ini sentiasa diberi perhatian terutama terhadap prasarananya mengikut keperluan semasa akibat pertambahan kemasukan pesalah juvana sejak penubuhannya sehingga kini.

2.4.1 Sekolah Henry Gurney Keningau, Sabah dan Sekolah Henry Gurney Puncak Borneo, Sarawak

Selain SHG Telok Mas, terdapat dua buah lagi SHG di Malaysia iaitu SHG Keningau dan SHG Puncak Borneo, Sarawak. Kedua-dua sekolah ini memainkan peranan yang sama penting dengan SHG Telok Mas.

2.4.2 Sekolah Henry Gurney Keningau, Sabah.

SHG Keningau, Sabah terletak 6.2 Kilometer (Km) dari Pekan Keningau dan 112 Km dari Kota Kinabalu Sabah dengan berkeluasan 89.51 ekar. Pembukaan SHG Keningau dibuat sejak tahun 1966 pada asalnya ialah Penjara Terbuka Keningau (PTK), berkedudukan di Km 3, Jalan Nabawan-Keningau, Sabah. PTK pada awal operasinya mempunyai 8 orang kakitangan sahaja. Kemudahan yang ada ialah dua buah blok dormitori, sebuah pejabat pentadbiran, sebuah dewan makan dan satu stor. SHG Keningau menjadi Penjara Terbuka sebelum tahun 1991 untuk menahan para banduan daripada Penjara Pusat Kota Kinabalu (PPKK). Para banduan yang berada di PTK dilatih dalam bidang pertanian dan penternakan. Mereka diberikan amali dalam pertanian seperti menanam sayur, rumput untuk ternakan, penternakan ikan air tawar dan menanam padi bukit. Penternakan haiwan seperti lembu, kuda, ayam dan khinzir

turut disediakan. Jabatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Keningau pernah menerima hasil tenusu yang dihasilkan oleh PTK pada tahun 1982.

Pada tahun 1991, PTK telah ditutup dan semua yang ada telah dipindahkan semula ke PPKK. Pada 10 April 1991, PTK telah diwartakan sebagai Sekolah Henry Gurney II menempatkan budak-budak nakal. Pada 13 Ogos 1991, pemindahan pertama budak-budak nakal iaitu seramai 20 orang yang telah dipilih daripada SHG, Kota Kinabalu telah dilakukan.

“Untuk menjamin keselamatan dan keselesaan penghuni dan kakitangan, aspek-aspek keselamatan telah dipertingkatkan dengan menambahkan *German Barb Wire* pada pagar *chain ling* yang sedia ada di samping pembinaan bilik-bilik asingan, pondok pengawal, surau, dewan kuliah dan perpustakaan. Penghuni SHG Keningau mempunyai keistimewaan sama seperti SHG Telok Mas Melaka.”

Mereka mendapat pendidikan akademik dan diberikan pendidikan formal untuk mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dilatih untuk menternak haiwan seperti lembu tenusu, kambing, menternak air tawar, berkebun sayur dan lain-lain lagi yang memberi manfaat kepada penghuni. Sehingga 1 Januari 2024 bilangan guru di SHG Keningau berjumlah 8 orang dengan bilangan murid lelaki seramai 23 orang.

2.4.3 Sekolah Henry Gurney Puncak Borneo, Sarawak

SHG Puncak Borneo, Sarawak melalui pewartaan oleh Menteri Dalam Negeri pada 1 Jun 2015 telah memulakan operasi pada 15 April 2016. Bilangan penghuni pertama ialah seramai 2 orang daripada SHG Keningau, Sabah dan mula beroperasi sepenuhnya apabila menerima perpindahan seramai 50 orang penghuni dari SHG

Keningau, Sabah. Sesi akademik untuk semua penghuni dilaksanakan apabila semua kluster akademik dari SHG Keningau tiba di SHG Puncak Borneo pada bulan Mei 2016.¹⁶³

“Perpindahan pertama daripada SHG Keningau, Sabah ke SHG Puncak Borneo, Sarawak seramai dua orang pada mulanya dengan menaiki kapal terbang dari Kota Kinabalu, Sabah ke Kuching, Sarawak. Kesemua penghuni perlu menaiki Kapal Terbang kerana tidak boleh melalui jalan darat disebabkan perlu melalui negara Brunei. Perpindahan seterusnya dilakukan sehingga 20 orang yang mengikuti kluster akademik dipindahkan dan diiring oleh pegawai penjara. Perpindahan dengan menaiki kapal terbang diteruskan sehingga kesemua 50 orang dipindahkan ke SHG Puncak Borneo”.¹⁶⁴

Puan Glora Nyaun, Penyelia SHG Puncak Borneo.

Sejarahnya bermula apabila 5 orang penghuni kelas SPM yang pertama telah mendaftar peperiksaan SPM pada tahun 2016. SHG Puncak Borneo juga menerima 50 orang penghuni yang berasal dari Sarawak yang sebelum ini menjadi penghuni SHG Keningau. SHG ini menawarkan mata pelajaran teras SPM iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Pendidikan Moral, Pendidikan Islam dan Sejarah. Terdapat 3 Kluster yang diperkenalkan di sini iaitu Akademik, TVET dan Sukan. Sehingga sesi 2023/2024 bilangan penghuni yang mengikuti kluster akademik ialah seramai 58 orang daripada 122 orang penghuni, 20 orang mengikuti Pra SPM, 19 SPM dan 19 pemulihan (3M).¹⁶⁵ Semua penempatan penghuni di Sekolah Integriti

¹⁶³ Penjara Puncak Borneo Kuching, Sarawak. Rujuk Lampiran W.

¹⁶⁴ Puan Gloria Nyaun, Penyelia Akademik SHG Puncak Borneo berumur 51 tahun dan berketurunan Bidayuh. Memulakan perkhidmatan di SI Kuching pada tahun 2009 seterusnya sebagai guru akademik di SHG Puncak Borneo pada tahun 2014 sebagai guru mata pelajaran Sains. Beliau berpengalaman mengajar selama 24 tahun.

¹⁶⁵ Penjara Puncak Borneo, Sarawak, 2023.

Kuching dipindahkan ke SHG Puncak Borneo pada 1 Februari 2017. SHG Puncak Borneo berada di bawah Pengurusan Penjara Puncak Borneo.

2.4.4 Sejarah Penubuhan Sekolah Integriti

Pada tahun 2008 pula, dengan kerjasama KPM, JPM telah menyediakan pendidikan secara formal kepada juvana dengan mewujudkan Sekolah Integriti. Sebanyak enam buah Sekolah Integriti secara zon telah diwujudkan, iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Sarawak dan Zon Sabah. Semua sekolah ini dibina di dalam kawasan penjara melalui pengubahsuaian bangunan yang sedia ada.¹⁶⁶

Kesemua sekolah ini telah didaftarkan sebagai sekolah kerajaan pada Januari 2011 dan menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dibawah penyeliaan penuh KPM dan membenarkan setiap murid yang berdaftar di sekolah ini menduduki peperiksaan awam seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).¹⁶⁷ Peluang pendidikan yang diberikan ini adalah sebagai pengukuhan sendiri bagi penghuni penjara setelah dibebaskan agar mereka mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik.

Penyediaan Pendidikan Korektif kepada penghuni bukan sahaja untuk memastikan tahap pendidikan setiap penghuni diperluaskan secara sukarela malah usaha ini dijalankan bagi membolehkan mereka menjalani program

¹⁶⁶ Jabatan Penjara Malaysia, 2009.

¹⁶⁷ Suhid, A., Ahmad, A. M., Sabri, S. M., & Mohamad, A. E., Pendidikan untuk Semua: Amalannya dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Training*, 1(2), 2015, hlm. 1-7.

pemulihan bersepadu dan pendidikan yang lebih formal termasuk menduduki peperiksaan awam seperti SPM. Pendidikan pengajian tinggi juga turut dibuka kepada penghuni penjara yang berminat dan program ini dilaksanakan dengan kerjasama universiti awam dan swasta yang tertentu.

Apabila Sekolah Integriti diwujudkan pada tahun 2008 dan lebih ramai juvana berpeluang untuk bersekolah. Pada waktu itu, kebanyakan juvana ditempatkan di zon sekolah. Mereka diberikan pendidikan melalui Sistem Perbengkelan atau Sistem Persekolahan. Berdasarkan peluang pendidikan ini, jabatan telah berusaha untuk melaksanakan saranan UNESCO iaitu 'Pendidikan Untuk Semua'. Dengan peradaban ini diharapkan ia dapat melaksanakan fungsinya untuk memberi peluang kepada juvana untuk membina masa hadapan.¹⁶⁸

Sekolah Integriti mengguna pakai undang-undang dan peraturan yang sama dengan banduan dewasa yang lain iaitu Peraturan-Peraturan Penjara 2000 dan semua program pendidikan dirujuk kepada Perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara. Melalui Perintah Tetap ini kuasa diberikan kepada Pengarah dibawah seksyen 12 Akta Penjara 1995. Ketua Pengarah pada menjalankan kuasanya boleh mengeluarkan apa-apa perintah tetap berhubung pengurusannya.¹⁶⁹ Apabila Sekolah Integriti mula diperkenalkan terdapat enam buah penjara menjalankan operasi untuk melaksanakan pendidikan di institusi penjara. Ia dibahagikan mengikut zon seperti berikut;

¹⁶⁸ Darussalam Budin, "Pendidikan Juvana di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Hala Tuju, Pelaksanaan dan Cabaran," *Jurnal Hadhari*, Jil. 6, No.1, 2014, hlm. 93.

¹⁶⁹ Jabatan Penjara Malaysia, 2020.

1. SI Kluang, Johor – Zon Selatan
2. SI Kajang, Selangor – Zon Tengah
3. SI Marang, Terengganu – Zon Timur
4. SI Sungai Petani, Kedah – Zon Utara
5. SI Puncak Borneo, Sarawak – Zon Sarawak
6. SI Kota Kinabalu, Sabah- Zon Sabah.

Seterusnya pada tahun 2014, Sekolah Integriti telah bertambah mengikut keperluan semasa, daripada enam buah bertambah kepada lapan buah sekolah. Laporan pihak SUHAKAM yang telah menjalankan kajian Sekolah Integriti di Malaysia pada ketika itu merekodkan terdapat sebanyak lapan buah sekolah yang terdiri daripada;

1. SI Sungai Petani, Kedah
2. SI Kajang, Selangor
3. SI Marang, Terengganu
4. SI Kluang, Johor
5. SI Kota Kinabalu, Sabah
6. SI Kuching, Sarawak
7. SI Muar, Johor
8. SI (Wanita) Bentong, Pahang.¹⁷⁰

Tanggal 18 November 2020, Sekolah Integriti Muar telah ditukarkan ke Sekolah Integriti Kluang apabila Penjara Muar telah bertukar kepada nama dan fungsinya kepada Pusat Pemulihan Akhlak Muar, Johor yang menempatkan banduan dewasa

¹⁷⁰ Laporan Lawatan SUHAKAM, 2014.

lelaki.¹⁷¹ Seterusnya, Sekolah Integriti Kajang pula telah dipindahkan ke Sekolah Integriti Puncak Alam, Selangor setelah bangunan baharu yang lebih moden dibina. Pada 15 Februari 2018, Perisytiharan di bawah Seksyen 3 Warta Kerajaan Persekutuan, Pusat Koreksional Puncak Alam, Selangor telah diwartakan sebagai suatu penjara bagi maksud Akta bagi pemenjaraan atau penahanan orang dalam jagaan sah melalui rujukan surat [KDN.PDP(S):03/171/1 Jld.5:PN(PU2)163/XVII] dengan no. warta P.U.(B) oleh Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri. Kumpulan pertama pemindahan adalah seramai 98 orang banduan muda daripada Penjara Kajang ke Pusat Koreksional Puncak Alam.¹⁷²

Manakala pada 1 Julai 2003, Penjara Wanita Kota Kinabalu telah berpindah ke lokasi SHG Kota Kinabalu. Penghuni lelaki SHG telah ditempatkan di Keningau manakala penghuni wanita dikekalkan dan telah diletakkan di bawah pengurusan Penjara Wanita. SI (W)Kota Kinabalu pula berasal dari SHG Perempuan, Kota Kinabalu yang telah diambil alih oleh pentadbiran institusi Penjara Wanita melalui perwartaan KDN.S.171/1335, Klt 4, PN(PU2) 163/VI dan kini dijadikan SI (W)Kota Kinabalu, Sabah.¹⁷³

Sehingga tahun 2023, Sekolah Integriti kekal menjadi lapan buah dibawah kelolaan Jabatan Penjara Malaysia. Lapan buah Sekolah Integriti tersebut adalah seperti berikut:

¹⁷¹ Jal Zabidi Mohd Yusoff & Zulazhar Tahir, Akta Kanak-Kanak 2001: Penguatkuasan Semula Tugas dan Tanggungjawab Ibu Bapa Atau Penjaga? *Jurnal Undang-Undang* 2005, hlm. 129-151.

¹⁷² <https://www.prison.gov.my/ms/profil-kami/profil-institusi/penjara-pusat-koreksional/3602-pusat-koreksional-puncak-alam> (tarikh diakses 3 Mac 2024).

¹⁷³ Jabatan Penjara Malaysia, 2020.

1. SI Puncak Alam
2. SI Kluang
3. SI Marang
4. SI Kota Kinabalu
5. SI Kuching
- 6 SI Kajang
7. SI (W) Kota Kinabalu
8. SI (W) Kajang.¹⁷⁴

SI(W) Kota Kinabalu dan SI (W) Kajang menyediakan pendidikan untuk murid banduan muda wanita di Malaysia. Sekolah Integriti merupakan sinar baharu bagi pesalah juvana atau banduan muda. Ia ditubuhkan pada April 2008 secara kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia. Kesemua Sekolah Integriti telah didaftarkan sebagai sekolah kerajaan pada Januari 2011 dan menjalankan aktiviti sepertimana sekolah kawalan penuh Kementerian Pelajaran Malaysia serta membenarkan setiap murid yang berdaftar di sekolah ini menduduki peperiksaan awam seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Selain enam buah sekolah terbabit, calon di SHG Telok Mas dan SHG Keningau turut didaftarkan sebagai calon sekolah persendirian bagi mengelakkan stigma masyarakat.¹⁷⁵

¹⁷⁴ Jabatan Penjara Malaysia, 2023.

¹⁷⁵ Jabatan Penjara Malaysia, 2009.

2.5 Jenayah Juvana

Jenayah juvana merupakan satu masalah sosial yang memerlukan perhatian yang serius dari semua pihak ketika ini. Remaja bawah umur yang terjerumus ke dalam kancan jenayah seperti pembunuhan, samun, rogol, penyalahgunaan dadah, masalah moral menyebabkan kecederaan, keganasan jenayah, gangsterisme, dan sebagainya dikenali sebagai jenayah juvana. Kelalaian masyarakat memberi perhatian terhadap terhadap golongan remaja ini menyebabkan sedikit jenayah telah mengambil kesempatan dengan membabitkan remaja sebagai penjenayah upahan terus merebak dan berkembang.¹⁷⁶ Manakala kesalahan jenayah dalam kalangan remaja terutama pelajar di negara ini masih di tahap membimbangkan dan usaha pencegahan perlu dipergiatkan lagi supaya perkara itu dapat ditangani sewajarnya.¹⁷⁷ Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di dalam kongresnya mengenai ‘Pencegahan terhadap jenayah dan pemulihan ke atas pesalah-pesalah’ telah menjelaskan bahawa;

“...di kebanyakan negara, makna bagi kanak-kanak salah asuh ini adalah terlalu luas yang mana merangkumi segala manifestasi perlakuan tentang kenakalan. Di bawah pengaruh beberapa teori yang dikemukakan, kanak-kanak salah asuh diidentifikasi sama ada satu keadaan yang tidak teratur atau pun perkara yang berkait rapat dengan keadaan hidup yang miskin. Maka oleh itu perlakuan seperti tidak menurut perintah, keras kepala, kurangnya sikap menghormati orang lain, merokok tanpa kebenaran, ketawa dengan cara keterlaluan dan sebagainya adalah tergolong di dalam kategori salah asuh...”¹⁷⁸

¹⁷⁶ Berita Harian, 4 Ogos 2004.

¹⁷⁷ <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/11/627250/jenayah-dalam-kalangan-pelajar-masih-membimbangkan> (tarikh diakses 10 Mei 2022).

¹⁷⁸ Marvin E. Wolfgang, Leonard Savitz, Norman Johnston (ed), *The Sociology Of Crimes and Delinquency*, John Wiley & Sons, Inc., New York, 1970, hlm. 22.

Manakala di Kanada pula Juvana didefinisikan mengikut undang-undang negaranya iaitu dengan menggunakan Akta *Juvenile Delinquency* tahun 1952 seperti berikut;

“... sesiapa sahaja yang melanggar sebarang peraturan yang termaktub di dalam undang-undang serta peraturan wilayah dan daerah ataupun mereka yang ditahan berdasarkan sebab-sebab yang munasabah serta di hantar ke sekolah pemulihan di bawah pengawasan kerajaan...”¹⁷⁹

Di negara Malaysia Akta Mahkamah Juvana 1947 menjelaskan bahawa juvana adalah seorang yang telah meningkat umur sepuluh tahun dan di bawah umur lapan belas tahun serta terlibat di dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang dan telah didapati bersalah oleh Mahkamah Juvana. Undang-undang Juvana digubal untuk melindungi golongan remaja bawah umur di Malaysia. Penubuhan Mahkamah Juvana di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 telah meletakkan setiap remaja tertakluk dibawah Undang-undang Juvana.¹⁸⁰ Seksyen 2(1) Akta Mahkamah Juvana 1947 pula mentakrifkan juvana sebagai seseorang yang berumur bawah 18 tahun yang mana individu tersebut didakwa di bawah seksyen 82 kanun Keseksaan. Dalam seksyen 2(1) Akta Mahkamah Juvana 1947 juga memperuntukkan adalah tidak menjadi kesalahan apa-apa perbuatan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak di bawah umur 10 tahun.

Manakala bagi kes yang melibatkan remaja, sekiranya disabitkan kesalahan oleh pihak mahkamah, tempoh tahanan yang perlu dilalui oleh remaja terbabit, iaitu selama tiga tahun dan juvana yang berdisiplin serta tingkah laku yang baik akan disingkatkan hukuman sehingga 18 bulan. Walau bagaimanapun, apabila genap 24 bulan ditahan,

¹⁷⁹ Ibid., hlm. 22.

¹⁸⁰ Ahmad Abu Hassan, ‘Wajarkah Undang-Undang Juvana Dikaji Semula?’ *Dewan Masyarakat*, Disember 1997. hlm. 50-52.

juvana akan mendapat pembebasan secara berlesen, iaitu mengikut seksyen 28 Akta Mahkamah Juvana.¹⁸¹

2.6 Faktor-faktor Berlakunya Salah Asuhan era 1950an-1990an

Pada abad ke-19 perubahan sosial berlaku begitu dinamik sekali akibat daripada zaman kolonial British, penjajahan Jepun, ancaman komunis serta darurat. Perubahan sosial ini berlaku dengan kadar yang pantas telah banyak mempengaruhi jiwa remaja pada masa itu. Keadaan ini akan mendorong tingkah laku mereka serta amat mudah terjerumus dalam keruntuhan akhlak dan aktiviti penjenayahan. Pada masa itu remaja dan kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti jenayah akan dikenakan tindakan undang-undang jika didapati bersalah mengikut Perlembagaan Malaysia, Akta 90, Mahkamah Budak-Budak, 194. Menurut akta ini juvana adalah seseorang yang telah mencapai umur 17 tahun dan di bawah 21 tahun serta melanggar undang-undang negara yang boleh dikenakan hukuman atau denda oleh pihak mahkamah.¹⁸²

Pelbagai pengaruh negatif, desakan jiwa serta banyak masalah salah laku dihadapi oleh remaja menyebabkan mereka terlibat dengan jenayah pada masa itu kerana zaman remaja sangat mencabar. Dalam era globalisasi ini, zaman remaja dikatakan sangat kritikal kerana banyak faktor sama ada faktor dalaman atau faktor luaran. Sekiranya remaja terlibat dalam melakukan kesalahan dan jenayah bermula dari peringkat kanak-kanak lagi maka mereka mempunyai potensi yang besar untuk menjadi penjenayah pada masa hadapan. Terdapat beberapa sebab yang mendorong kepada berlakunya

¹⁸¹ Ibid., hlm. 50-52.

¹⁸² Perlembagaan Malaysia, Akta 90 Akta Mahkamah Budak-budak, 1947, (revised 1972), Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1977, hlm. 8.

keadaan salah asuhan dalam kalangan remaja. Beberapa aliran yang telah dikemukakan memberikan pendapat bahawa aliran peringkat pertama dikenali dengan peringkat 'kronologi'. Pada peringkat ini kanak-kanak senang terpengaruh dengan benda-benda sekelilingnya dan mudah sekali terjerumus dalam kancah jenayah. Mereka ini tidak berfikir panjang apabila bertindak dan melakukan sesuatu perkara itu demi mencapai kepuasan sementara. Para pengkaji mendapati mereka yang tergolong pada tahap umur di antara dua belas atau tiga belas tahun dan ianya akan berterusan sehinggalah kanak-kanak ini mencapai tahap umur dua puluhan.

Jika dilihat dari sudut fisiologi, permulaan zaman remaja apabila berlaku perubahan yang melibatkan perkembangan kelenjar-kelenjar seks. Hormon daripada kelenjar-kelenjar seks tersebut membawa pembiakan organ ke arah kedewasaan dan individu berupaya untuk membiak.¹⁸³ Manakala proses itu dikatakan berlaku apabila masyarakat mengadaptasikan remaja sudah mencapai akil baligh atau cukup umur.¹⁸⁴

Tahap perubahan remaja dinyatakan seperti berikut:

- i. Pada usia 11-15 tahun, susuk tubuh badan berubah.
- ii. Pada usia 15-17 tahun, personaliti dan penampilan diutamakan
- iii. dan, pada usia 17 tahun dan seterusnya, mereka berperanan seperti meniru orang dewasa.

Dari sudut kognitif pula, remaja didefinisikan sebagai seseorang yang berkebolehan menggunakan bentuk-bentuk, kebolehan mengabstrak dan mempunyai strategi untuk

¹⁸³ Anuar Puteh., Perkembangan dan pembentukan remaja menurut perspektif Islam. *Kajian Malaysia*, 2001, 19(2), 79-101. hlm. 82.

¹⁸⁴ Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad., Panduan Mengurus Remaja Moden, Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., 2004, hlm. 4.

menyelesaikan masalah dalam pemikiran.¹⁸⁵ Piaget¹⁸⁶ dan Elkind, antara ahli psikologi yang menyokong definisi ini.¹⁸⁷ Pada peringkat kedua pula dikenali sebagai peringkat ‘Psikologi’. Di tahap ini pengkaji mendapati yang kebanyakan kanak-kanak akan berada di suatu pinggir khas dalam mencari suatu penyesuaian baru untuk menukar sifat serta tingkah laku yang keanak-anakan kepada sifat dan perlakuan orang dewasa. Pandangan dari sudut psikologi ini disokong oleh Arieff dan Wardah (2006) menjelaskan perlakuan remaja digambarkan sebagai perlakuan emosi. Apa yang dirasakan mereka seperti fikiran yang bercelaru boleh mempengaruhi akal mereka yang masih mentah. Selain itu pengalaman suka duka kehidupan akan memberi pengajaran untuk membentuk perangai remaja sehingga kadang-kadang mengelirukan tindak-tanduk mereka. Pelbagai perkara yang luar biasa dilalui oleh remaja semasa mereka membesar sehingga mengganggu serta memberi tekanan dari segi mental dan fizikal. Perkara yang menyedihkan lagi apabila tiada siapa yang membantu disaat mereka memerlukan sehingga menyebabkan mereka mengambil jalan mudah seperti terlibat dalam kesalahan menyalahi undang-undang.¹⁸⁸ Keruntuhan nilai akhlak dan moral akan menjadi asbab kepada kemusnahan yang lebih besar sekiranya tidak diatasi kerana keruntuhan nilai ini akan melonggarkan kerukunan dan kemakmuran negara. Hakikatnya, bagi remaja yang menjadi objek penderaan pula akan mengalami masalah dari segi psikologi seperti trauma, suka menyendiri dan kurang selesa bergaul dalam

¹⁸⁵ Zainuddin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan., Faktor-faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka; *Journal of Education Psychology & Counseling*, (1), 2011, 115-140. hlm. 121.

¹⁸⁶ Piaget, J., *Intellectual Evolution from Adolescence to Adulthood*. Human Development.,1972, hlm.15.

¹⁸⁷ Elkind, D., Egocentrism in Adolescence, *Child Development*., 1967, hlm. 38.

¹⁸⁸ Arieff Salleh Rosman & Wardah Mokhtar, *Membentuk Jati Diri Remaja*, Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., 2006, hlm. 28.

masyarakat sehingga terbawa-bawa dalam kehidupan seharian. Keadaan akan menjadi semakin kritikal jika ia mengalami mimpi ngeri, ketakutan, depresi yang melampau dan kebimbangan akibat penderaan seterusnya menyebabkan tingkah laku antisosial seperti lari dari rumah, ponteng sekolah, sentiasa dibelenggu rasa bersalah, merasa rendah diri yang menjurus kepada kelakuan mengasingkan diri serta selalu diselubungi perasaan tidak keruan.

Peringkat terakhir perkembangan diri kanak-kanak itu dapat dilihat dari sudut 'Sosiologi'. Ia merupakan zaman peralihan terakhir dari sifat kanak-kanak yang terlalu bergantung kepada kedua ibu bapa sebagai rujukan kepada pembentukan satu sifat berdikari serta cuba menyelesaikan setiap masalah yang dihadapi secara perseorangan. Aspek sosiobudaya, kewangan, pentadbiran negara, serta gaya hidup yang lebih terbuka, politik, dan komuniti sekitarnya ditekankan dalam teori ini bermula perubahan remaja dari pra-remaja sehingga melalui fasa awal dewasa. Selanjutnya, Richard Lerner (1978), menerusi Teori Konteks Perkembangan, menyatakan kumpulan seperti keluarga, sekolah dan rakan seangkatan mempunyai kaitan dalam memainkan peranan untuk membentuk perubahan tingkah laku dan perkembangan remaja dalam struktur sosial. Faktor-faktor risiko dan kawalan perlu dikenalpasti dan difahami oleh pengkaji menerusi lima jenis pembolehubah yang diperolehi iaitu baka, persekitaran sosial, persekitaran yang dipersepsikan, personaliti dan tingkahlaku supaya lebih mendalami masalah salah laku yang dicetuskan oleh mereka.¹⁸⁹ Seterusnya faktor biologi yang mempunyai risiko termasuk sejarah penyakit mental

¹⁸⁹ Zainuddin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan., Faktor-faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Leroh, Melaka; *Journal of Education Psychology & Counseling*, (1), 2011, hlm. 115-140.

dalam keluarga, ketagihan alkohol dan penyakit-penyakit yang ditentukan oleh baka.¹⁹⁰ Faktor kawalan pula didapati daripada tahap intelektual keluarga yang memberangsangkan, kadar kematangan atau memiliki ciri fizikal yang sempurna. Manakala kemiskinan dan sentimen perkauman pula akan menjadi faktor risiko persekitaran sosial mereka. Disebabkan oleh perbezaan faktor ini, mungkin ia dapat menerangkan ‘kumpulan yang berbeza’ terlibat dalam salah asuhan serta kenakalan dalam kalangan juvana. Di antara sebab itu ialah sikap ingin melanggar undang-undang dan peraturan yang ada akibat didorong oleh satu tindak balas dan keinginan di dalam masyarakat.¹⁹¹

2.6.1 Tahun 1950-an dan 1960-an

Tahun 1950 an sehingga 1960 an mempunyai sejarah yang melibatkan juvana yang kebanyakannya terdiri daripada golongan yang buta huruf kerana kemiskinan keluarga sehingga sukar untuk mendapat pendidikan pada zaman itu. Juvana ini diberi layanan yang sama seperti juvana dalam Sistem Borstal terbuka di Telok Mas. Setiap minggu mereka dibenarkan menonton wayang dan melakukan aktiviti bersukan secara tertutup di dalam penjara seperti badminton, bola tampar, ping pong, sepak takraw serta bola keranjang.

Penyerapan ideologi komunis melalui remaja Cina amat cepat dan berkembang pesat pada jangka masa tahun tersebut apabila remaja Cina memberikan sokongan yang kuat. Pengaruh Parti Komunis Malaya (PKM) menyebarkan idea ini melalui kelas

¹⁹⁰ Ibid., hlm. 121.

¹⁹¹ Paul W, Tappan, *Juvenile Delinquency*, Mc. Graw-Hill Book Com., Inc., New York, 1949, hlm. 82.

malam menyebabkan pihak British merasa bimbang apabila jumlah kanak-kanak yang terlibat melanggar undang-undang darurat berjumlah 173 orang pada tahun 1951-1952 termasuk peningkatan penggunaan candu dan dadah. Peningkatan jenayah dalam kalangan kanak-kanak pada masa itu adalah kerana faktor ekonomi, sosial dan politik. Faktor terpengaruh dengan rakan sebaya, didorong dan diperalat oleh orang dewasa serta kekurangan latar belakang pendidikan sekular mahupun pendidikan pondok turut meningkatkan jumlah juvana yang terlibat pada masa itu.¹⁹² Jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh juvana pada tahun 1963 sehingga tahun 1971 terdapat dalam Jadual 2.1 berikut.



Jadual 2.1

*Jenis Kesalahan yang Dilakukan oleh Juvana*¹⁹³

¹⁹² O.V. Garrat, *Report on the Prison Department of The Federation of Malaya 1951-1952*, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1952, hlm. 13.

¹⁹³ *Pejabat Rekod SHG*, Telok Mas Melaka, dalam Baharullah Adam, SHG sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990. Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 62.

Jenis kesalahan	1963	1964	1966	1968	1969	1970	1971	Jumlah
Harta Benda	1059	1368	1324	1418	1323	1449	1312	9253
Orang	135	159	131	123	164	110	101	923
Jantina	16	15	17	16	20	24	17	125
	130	82	124	96	116	194	186	928
Judi								
Trafik	342	350	267	275	331	285	314	2164
Undang-Undang	165	118	170	42	15	18	9	537
Kecil Perbandaran								
Ordinan Tahanan	27	36	53	9	97	40	24	286
Kastam dan Eksais	21	34	32	16	28	33	28	192
Lain-lain	339	373	284	455	558	357	282	2648
Jumlah	2234	2535	2402	2450	2652	2510	2273	17026

Jadual 2.1 menunjukkan jenis kesalahan yang dilakukan oleh juvana pada tahun 1963 sehingga 1971 di SHG, Telok Mas, Melaka menjadi penting dan menonjol dalam tahun 1960 an melalui pertambahan bilangan penghuni akibat peningkatan masalah sosial seperti pelacuran, ketagihan arak, candu, todi, kecurian, rompakan dan lain-lain lagi pada masa itu. Jadual 2.1 juga menunjukkan sebanyak 1059 kes yang melibatkan harta benda pada tahun 1963 mencapai ke angka 1312 kes pada tahun 1971.¹⁹⁴ Manakala kes trafik pula sebanyak 2164 kes dari 1963 hingga 1971. Seterusnya bilangan kes judi pada 1970 sebanyak 194 kes judi dilakukan oleh kanak-kanak. Begitu juga jenayah yang berkaitan dengan orang lain sebanyak 923 kes, kesalahan jantina sebanyak 537 kes, ordinan tahanan 286 kes, dan kesalahan dengan kastam serta

¹⁹⁴ Laporan Tahunan Kementerian Kebajikan Am, Malaysia, Kuala Lumpur, Solai Press, 1980, hlm. 30.

eksais sebanyak 192 kes.¹⁹⁵ Jumlah kesemua kes jenayah yang dilakukan oleh pesalah juvana dari tahun 1963 hingga 1971 ialah 17026 kes.



¹⁹⁵ Ibid., hlm. 30.

2.6.2 Tahun 1970-an dan 1980-an

Pada tahun 1970 an sehingga 1980 semakin bertambah berikutan pertambahan penduduk dan peningkatan jumlah kes dalam kalangan pesalah muda.

Jadual 2.2

Jadual Kemasukan Penghuni, SHG, Telok Mas, Melaka¹⁹⁶

Tahun	Melayu	Cina	India/Serani	Lain-lain	Jumlah
1963	64	75	45	-	184
1964	86	96	39	-	221
1965	101	89	49	2	200
1967	70	112	54	1	207
1968	44	85	38	2	237
1969	67	66	78	1	169
1970	56	69	58	1	212
1971	68	58	58	-	185
1972	66	68	52	-	182
1973	90	88	64	1	186
1974	109	86	45	1	243
1975	167	145	61	1	241
1976	128	121	64	3	374
1977	180	136	63	4	316
1978	180	136	63	4	383
1979	146	130	43	2	321
1980	111	135	57	-	304
1981	126	133	46	-	305
1982	158	118	76	2	354

¹⁹⁶ Pejabat Rekod SHG, Telok Mas Melaka.

Menurut Jadual 2.2, Kemasukan Penghuni, SHG, Telok Mas, Melaka 1963 sehingga 1982 adalah seramai 4867 orang mengikut bangsa berjumlah 1895 orang Melayu, Cina berjumlah 1904 orang, 1045 orang berbangsa India dan Serani serta kaum lain seramai bangsa 23 orang. Bilangan juvana Melayu amat tinggi dari tahun 1974 hingga 1979. Faktor peningkatan ini disebabkan orang-orang Melayu semakin terdedah kepada arus kemodenan dan menerima unsur-unsur Barat. Kepincangan keluarga seperti perceraian ibu bapa, kemiskinan dan kelonggaran hidup bermasyarakat menjadi penyumbang utama kepada peningkatan jenayah juvana ini. Pertambahan belia Melayu dalam penagihan dan penjualan dadah, pergaduhan, mencederakan orang lain, memukul, membunuh selain itu mula terlibat dalam budaya kuning, lari dari rumah serta hamil tanpa berkahwin.¹⁹⁷

Jadual 2.3, Bilangan Kes Mengikut Negeri Antara Tahun 1963-1971, juga mendapati kebanyakan masalah juvana datang dari negeri-negeri yang sedang berkembang maju di Semenanjung seperti Pulau Pinang, Selangor, Johor, Melaka, Perak dan Negeri Sembilan. Kanak-kanak mudah terjebak dalam jenayah kesan daripada perbandaran dan mobiliti sosial.¹⁹⁸ Negeri yang menyumbang bilangan kes yang banyak ialah Pulau Pinang, Perak dan Selangor. Jenayah Kanak-kanak bawah umur yang dilakukan di negeri ini amat tinggi berbanding dengan kadar jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak di negeri Perlis, Kedah dan negeri di Pantai Timur. Data yang jelas dapat dilihat

¹⁹⁷ Baharullah Adam, SHG sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990. Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm 63.

¹⁹⁸ Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1976, hlm. 175.

kadar jenayah di Perlis dalam tempoh 9 tahun (1963-1971) iaitu sebanyak 104 direkodkan diikuti Kelantan sebanyak 161 kes.¹⁹⁹

Jadual 2.3

Bilangan Kes Yang Berlaku Mengikut Negeri Antara Tahun 1963-1971²⁰⁰

Negeri	1963	1964	1965	1966	1967	1968	1969	1970	1971	Jumlah
Perlis	13	23	12	9	10	13	14	16	29	139
Kedah	57	61	64	66	68	61	65	60	73	575
P. Pinang	129	98	109	112	125	140	138	134	150	1135
Perak	131	160	163	167	175	161	151	169	173	1450
Selangor	139	200	217	215	230	248	244	280	237	2010
N. Sembilan	41	35	37	26	30	32	26	57	73	357
Melaka	57	51	58	36	42	47	40	58	63	452
Johor	100	86	78	51	70	77	69	55	52	638
Pahang	49	35	31	26	30	31	36	42	44	326
Terengganu	25	21	18	16	15	14	18	22	15	164
Kelantan	30	36	24	26	22	20	25	24	20	227
Jumlah	771	806	811	750	817	844	826	919	929	7473

Berdasarkan jadual 2.3, ia menunjukkan bilangan kes yang berlaku mengikut negeri antara tahun 1963-1971. Sekitar tahun 1963 sehingga 1971, sektor pertanian diberi tumpuan menyebabkan kekurangan peluang pekerjaan. Faktor jurang ekonomi yang ketara telah menjadi punca pergaduhan sehingga terjadi peristiwa 13 Mei 1969.²⁰¹ Keadaan ini secara langsung atau tidak langsung telah menyekat peluang kepada remaja untuk meneruskan alam persekolahan. Akibatnya berlaku keciciran dan terlibat

¹⁹⁹ Laporan Tahunan Kementerian Kebajikan Am, Kuala Lumpur, Solai Press, 1980.

²⁰⁰ Laporan Tahunan Kementerian Kebajikan Am, Malaysia, Kuala Lumpur, Solai Press, dalam Baharullah Adam, SHG sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990. Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 65.

²⁰¹ Baharullah Adam, SHG sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990. Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 67.

dengan aktiviti jenayah. SHG, Telok Mas, Melaka telah menggubal satu bentuk undang-undang tubuhnya yang tersendiri apabila bilangan penghuni juvana yang dihantar ke sini semakin meningkat. Undang-undang ini ialah;

1. Jangan lari atau cuba melarikan diri
2. Jangan melawan atau cari lawan
3. Jangan mencuri atau bercakap bohong
4. Mestilah rajin menjalankan kerja
5. Menghormati pegawai-pegawai penjara
6. Jangan menghisap atau memiliki rokok
7. Mengikut segala peraturan sekolah.

Undang-undang ini telah di kuat kuasakan pada 1 Mei 1965 sehinggalah sekarang.²⁰² Peraturan ini mesti dipatuhi dan ditaati oleh semua penghuni supaya disiplin dan sahsiah yang baik dapat dibentuk dalam kalangan mereka. Jika terdapat kesalahan mereka akan didenda seperti dikurangkan 'keistimewaan' untuk turun melawat bandar atau hukuman yang lebih berat lagi akan digunakan. Sekiranya terdapat juvana yang lebih agresif seperti melarikan diri, mereka akan dihantar ke SHG Kedua di Banda Hilir di mana mereka dikenakan kawalan yang maksimum.

Pegawai-pegawai penjara terdiri daripada orang tempatan dilantik untuk bertugas di pusat pemulihan ini bagi melaksanakan undang-undang ini berikutan kebanyakan pegawai Inggeris kurang memahami latar belakang juvana dan masalah komunikasi pegawai Inggeris yang kurang difahami. Perlantikan ini bertujuan supaya para juvana dapat berdamping dan bergaul mesra kerana pegawai tempatan lebih memahami sosio

²⁰² Abdul Ghani Salleh, "*Panduan Penjara*, Jabatan Penjara Taiping, 1970", Baharullah Adam, SHG sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990. Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 68.

budaya mereka. Pegawai tempatan yang terawal yang menjawat jawatan penguasa di SHG, Telok Mas ialah Dato, Murad b. Arshad dan Mr. Victor Francis Rozario.²⁰³

2.6.3 Tahun 1980-an dan 1990-an

Peningkatan dan jumlah juvana yang dimasukkan ke pusat pemulihan semakin meningkat pada era 80-an dapat dilihat dalam Jadual 2.4.

Jadual 2.4

*Bilangan dan Jenis Kesalahan yang telah dilakukan oleh Juvana antara 1983-1990*²⁰⁴

Jenis Kesalahan	1983	1984	1985	1986	1987	1988	1989	1990
Harta Benda	1501	1710	1690	1830	1985	2008	2185	2200
Rogol Orang & Bunuh	19	23	15	19	14	21	18	22
Judi	208	185	211	230	170	154	176	210
Trafik	610	530	512	605	618	385	478	492
Ordinan Tahanan	24	20	18	15	17	16	12	18
Kastam & Eksais	21	20	15	12	18	24	25	29
Dadah	175	208	218	216	310	318	301	347
Lain-lain	85	98	16	12	18	17	24	25
Jumlah	2643	2794	2695	2939	3150	2943	3219	3343

Berdasarkan Jadual 2.4 di atas, berlaku peningkatan jenayah dalam kalangan remaja khususnya pada era 1980-an dan penghujung 1990-an. Peningkatan yang paling tinggi dalam kes yang melibatkan jenayah harta benda, iaitu berjumlah 2200 pada tahun 1990 jika dibandingkan pada tahun 1983 seramai 1501. Semua jenayah seperti merogol dan membunuh, judi, trafik, ordinan tahanan, dadah serta lain-lain, berlaku peningkatan

²⁰³ OV. Garratt, "Report on the Prison Department of The Federation of Malaya 1951-1952", dalam Baharullah Adam, SHG sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990. Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 69.

²⁰⁴ Laporan Tahunan Kementerian Kebajikan Am, Malaysia, Kuala Lumpur, Solai Press, hlm 15. Dan Pejabat Rekod SHG, Telok Mas, Melaka.

yang melibatkan semua jenis kesalahan. Beberapa faktor yang mendorong remaja melakukan jenayah pada masa itu adalah;

a) Kemiskinan- Keadaan memiliki nilai kebendaan yang kecil dan sempit serta mempunyai bilangan adik beradik yang ramai menyebabkan mereka lebih selesa melepak di luar rumah. Perkara ini juga menjadi tekanan kepada mereka untuk mencari keperluan asas dan ingin memiliki nilai kebendaan.

b. Pendidikan – Keciciran dalam pendidikan dan kurang pendidikan agama merupakan faktor yang mendorong mereka ke arah gejala sosial.

c. Penyalahgunaan dadah- Ramai remaja terjerumus dengan penagihan dadah dan arak. Kurang perhatian daripada ibu bapa akibat bekerja menyebabkan mereka tidak mendapat perhatian sewajarnya, seperti kekurangan kasih sayang, perhatian serta mendisiplinkan anak dengan betul.

d. Perceraian- Akibat daripada perceraian ibu bapa anak-anak menjadi terbiar, tertekan, ketakutan serta dibelenggu rasa bersalah.²⁰⁵

Seterusnya, dari segi bilangan mengikut kaum pula, berlaku peningkatan dari segi kaum terutama kaum Melayu, diikuti Cina dan India.

²⁰⁵ Aminah binti Hj Noh, *Persoalan Remaja Masa Kini*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 1998, hlm. 15.

Jadual 2.5

*Kemasukan Penghuni, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka*²⁰⁶

Tahun	Melayu	Cina	India/Serani	Jumlah
1983	176	131	70	377
1984	190	141	102	433
1985	205	157	203	565
1986	240	135	175	550
1987	257	142	110	509
1988	270	95	110	475
1989	245	43	90	378
1990	265	130	99	494

Berdasarkan Jadual 2.5, kaum Melayu didapati menunjukkan bilangan yang tertinggi disebabkan oleh peningkatan kes pecah rumah dan permasalahan dadah. Pihak kerajaan dan agensi swasta telah bersungguh-sungguh mengatasi atau mengurangi masalah ini tetapi masih di tahap buntu.²⁰⁷ Masalah dadah juga merupakan masalah yang dihadapi oleh pihak kerajaan sehingga kini. Pada masa itu Persatuan Pencegahan Dadah Malaysia (PEMADAM) yang menganggap kewujudan penagih dadah di negara ini sebagai ‘bom jangka’ yang boleh mencetuskan pelbagai masalah jenayah kepada rakyat. Ditegaskan lagi bahawa hampir 70 peratus daripadanya membabitkan orang Melayu.²⁰⁸ Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Bakri Omar menyarankan agar polis dan semua agensi berkaitan diminta menumpukan usaha pada langkah-

²⁰⁶ Pejabat Rekod SHG, Telok Mas Melaka dalam Baharullah Adam, SHG sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990. Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 71.

²⁰⁷ Utusan Malaysia, 29 Januari, 2004.

²⁰⁸ Utusan Malaysia, 23 Januari 2004.

langkah pencegahan, penguatkuasaan, rawatan dan pemulihan kerana ia merupakan tiga strategi utama.²⁰⁹

2.7 Rumusan

Bab ini menghuraikan sejarah perkembangan SHG sebelum merdeka dan selepas merdeka sehingga 1990. Pada awalnya peningkatan masalah sosial seperti pelacuran, ketagihan arak, candu, todi, kecurian dan rompakan telah berlaku pada tahun 1960-an dalam kalangan remaja. Manakala kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh juvana menjadi semakin bertambah antara tahun 1970 sehingga 1990. Perkembangan undang-undang untuk melindungi juvana seterusnya dibincangkan bermula tahun 1946 sehingga pindaan AKK 2001 (2016). Kesalahan yang dikenal pasti pada masa tersebut terdiri daripada kesalahan harta benda, rogol orang dan bunuh, perjudi, kesalahan trafik, ordinar tahanan, kastam dan eksais, dadah serta lain-lain. Kesalahan yang melibatkan harta benda menunjukkan kes yang tertinggi diikuti kesalahan trafik dan dadah antara tahun 1980. Ini membuktikan penubuhan SHG sebagai sebuah pusat pemulihan juvana mempunyai sejarah yang penting sejak ia ditubuhkan. Sehingga kini ia menjadi institusi semakin berperanan untuk memulihkan juvana agar kembali ke pangkal jalan.

²⁰⁹ Ibid.

BAB TIGA

PERKEMBANGAN SEKOLAH HENRY GURNEY 1950-2020

3.1 Pengenalan

Advanced Approved School adalah nama asal Sekolah Henry Gurney (SHG) sebelum ia berpindah ke Telok Mas, Melaka. Sekolah Henry Gurney telah ditubuhkan oleh British kerana keperluan untuk mengatasi jenayah juvana di Tanah Melayu yang semakin membimbangkan ramai pihak pada masa itu. Sehubungan dengan itu, Akta Kanak-Kanak Salah Asuhan *Juvenile Court Act 1947*, pertama kalinya diperkenalkan pada 25 September, 1947. Pada tahun yang sama juga sebuah Mahkamah Kanak-Kanak dibentuk dan dikenali sebagai nama Mahkamah Juvana. Mahkamah ini berperanan untuk mengadili kanak-kanak yang ditahan atas kesalahan tingkah laku. Rajah 3.1 ialah Penjara Muar yang pernah menjadi tempat tahanan juvana yang pertama di Tanah Melayu sebelum berpindah ke SHG Telok Mas.



*Rajah 3.1: Penjara Muar*²¹⁰

Perubahan sosial, ekonomi dan politik Malaysia berlaku begitu pesat untuk menuju ke arah negara maju, dan slogan “Pendidikan Untuk Semua” melalui perjuangan UNESCO telah menyebabkan pendidikan dan hak asasi manusia diperjuangkan untuk mendapat keadilan. Bidang sosial pula lebih menitikberatkan pendidikan, kesihatan, membasmi kemiskinan dan memperbaiki taraf hidup rakyat agar seimbang dan harmoni.

Sehubungan dengan itu, kajian yang melibatkan perkembangan SHG secara kronologi bermula 1950-an sehingga 2020-an, akan dihuraikan dengan lebih lanjut di dalam bab ini.

²¹⁰ Gambar diambil oleh pengkaji semasa membuat kajian lapangan di Penjara Muar, Johor pada 9 Februari 2022.

3.2 Pengurusan Juvana Era 1950 sehingga 2020

Pengurusan penjara di Jabatan Penjara Malaysia juga mengalami beberapa perubahan sejak abad ke 18 lagi melalui pendudukan *The East India Company*.²¹¹ Semasa zaman British, pentadbiran sekolah ini diletakkan di bawah seorang penguasa dan beberapa pegawai kanan dan rendah. Kebanyakan jawatan-jawatan di monopoli oleh pegawai kanan British sehingga tahun 1961 sebelum diserahkan kepada orang tempatan. Penguasa sekolah terdiri daripada Mr. A.J.N (1950), Mr.H.R. Bennert (1950-1961) dan Mr. H.E Ashe, OBE, AMN (1961). Selepas itu warga tempatan mula menjadi penguasa dimulai oleh Mr Victor Francis Rozario, KMN, AMN, PJK(1961-1980) dan En Abdullah Ariffin, A.M.N 1980-1983.

Sekolah ini juga mempunyai sebuah Lembaga penasihat yang terdiri daripada orang-orang tertentu di dalam masyarakat bagi mengawasi perjalanan sekolah agar mengikut perancangan. Pentadbiran sekolah ini mempunyai dua pecahan yang penting iaitu pengurusan dan keselamatan atau pemulihan. Di bawah bahagian keselamatan dan pemulihan terdapat tiga bahagian penting iaitu rekod, kawalan keselamatan dan kebajikan banduan atau penghuni. Oleh kerana SHG pada masa itu menggunakan konsep terbuka maka ramai juvana yang berpeluang melarikan diri, kerana penggunaan dawai bergulung masih belum digunakan.²¹²

²¹¹ Mohd Samsudin. "Sejarah penubuhan penjara pertama Malaysia di Pulau Pinang," *Malaysia Correctional Journal*, Jil 1, No.2, 2017, hlm. 33.

²¹² Baharullah Adam, Sekolah Henry Gurney Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004. hlm. 77.

Jabatan Penjara mempunyai beberapa objektif yang dibahagikan kepada lima bahagian iaitu Penahanan, Keselamatan, Layanan, Pemulihan dan Pemasyarakatan.

Objektifnya adalah seperti berikut;

1. Penahanan: Memastikan banduan/penghuni/tahanan menjalani penahanan yang sah sehingga dibebaskan.
2. Keselamatan: Memastikan kawalan dan persekitaran yang selamat dan terjamin.
3. Layanan: Memastikan setiap/banduan/penghuni/tahanan diberi layanan berdasarkan undang-undang dan peraturan.
4. Pemasyarakatan: Memastikan Program Pemasyarakatan (Social Reintegration) ke atas banduan/penghuni/tahanan dilaksanakan dengan berkesan.

Manakala fungsinya pula adalah i) melaksanakan perintah penahanan oleh mahkamah atau pihak berkuasa ke atas penghuni sehingga penghuni dibebaskan, ii) memberi kawalan ke atas penghuni semasa mereka menjalani hukuman atau penahanan serta layanan semasa mereka menjalani hukuman atau penahanan serta layanan yang berperikemanusiaan, dan iii) melaksanakan program pemulihan ke atas penghuni melalui pelbagai pendekatan.²¹³

Kebanyakan penghuni yang dijatuhi hukuman oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak adalah mereka yang berumur antara 10 tahun sehingga 18 tahun. Mereka adalah remaja lelaki dan perempuan yang sedang mengalami perkembangan dari segi mental, fizikal dan emosi. Perubahan hormon berlaku pada waktu ini mempunyai kaitan yang


²¹³ <https://www.prison.gov.my/ms/profil-kami/profil-jabatan/visi-misi-fungsi> (tarikh akses 21 Julai 2022).

rapat dengan perkembangan seorang kanak-kanak dari alam remaja sehingga menjadi dewasa.

Pada masa kini, pengurusan dan pentadbiran penjara terdapat tiga orang orang Timbalan Komisioner Jeneral Penjara. Mereka terdiri daripada Bahagian Keselamatan dan Koreksional, Bahagian Pemasyarakatan dan Bahagian Pengurusan.²¹⁴ Pusat pentadbiran dan pengurusan Jabatan Penjara Malaysia beralamat di Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang-Semenyih ByPass, Selangor Darul Ehsan. Kini terdapat 48 buah institusi penjara termasuk penjara satelit,²¹⁵ 4 buah SHG, 7 buah sekolah Integriti di seluruh Malaysia. Jumlah banduan yang menghuni penjara di Malaysia melebihi kepadatan yang sepatutnya walaupun telah wujud 50 institusi penjara. Menurut sumber Bahagian Keselamatan Ibu Pejabat Penjara Malaysia bertarikh 16 Mac 2022, kapasiti penghuni institusi Penjara Malaysia di seluruh negara mengalami kepadatan banduan sehingga melebihi kapasiti yang sepatutnya iaitu sehingga 70,000 orang banduan berbanding 62,000 pada tahun sebelumnya. Hal ini dimaklumkan oleh Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (Pemasyarakatan) Jabatan Penjara Malaysia (JPM), Dato' Ibrisam bin Abdul Rahman.

²¹⁴ Carta Organisasi (prison.gov.my) (tarikh diakses 21 Julai 2022).

²¹⁵ <https://www.sinarharian.com.my/article/193177/EDISI/Penjara-di-Malaysia-alami-kepadatan-banduan> (tarikh diakses 21 Julai 2022).



Rajah 3.2: Carta Organisasi Jabatan Penjara Malaysia²¹⁶

Struktur Organisasi baharu mempunyai 12 bahagian sepertimana yang tercatat dalam Carta Organisasi Jabatan Penjara Malaysia melalui Rajah 3.2 seperti berikut

1. Bahagian Keselamatan dan Inteligen
2. Bahagian Pengurusan Banduan
3. Bahagian Banduan/Tahanan Radikal dan Berisiko Tinggi
4. Bahagian Parol dan Bahagian Komuniti
5. Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dan Pemindahan
6. Bahagian Agama dan Kaunseling
7. Bahagian Dasar Kependajaan
8. Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran
9. Bahagian Kewangan

²¹⁶ Carta Organisasi (prison.gov.my) (tarikh diakses 19 Disember 2023).

10. Bahagian Pembangunan dan Perolehan

11. Bahagian Teknologi Maklumat

12. Bahagian Pembangunan Profesionalisme

Pengarah Bahagian mengetuai setiap bahagian sementara Ketua Seksyen bertanggungjawab kepada Pengarah Bahagian bagi memastikan semua dasar kepenjaraan di peringkat institusi dilaksanakan selaras dengan prosedur, objektif dan matlamat yang ditetapkan oleh Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Berdasarkan kepada bahagian-bahagian tersebut Seksyen Pemulihan dan Pendidikan, Seksyen Vokasional dan Industri dan Seksyen Rawatan dan Layanan terletak di bawah Bahagian Pengurusan Banduan. Di bawah Seksyen Pemulihan dan Pendidikan inilah yang menjalankan fungsi utamanya adalah unit akademik yang telah berusaha memberi pendidikan kepada penghuni yang memerlukannya dengan menyediakan guru-guru akademik. Jabatan Penjara akan membantu penghuni yang tercicir dan berhajat untuk menyambung pelajaran dengan menyalurkan akses pembelajaran kepada mereka. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan penuh komited menyediakan tenaga pengajar kontrak dan guru-guru melalui jawatan guru kader. Tujuan sebenar ialah memberi perkhidmatan pendidikan kepada semua penghuni juvana, banduan muda dan banduan yang berminat untuk melanjutkan pelajaran dan menambah ilmu pengetahuan. Semenjak tahun 2008, Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan pendidikan secara formal kepada juvana dengan mewujudkan Sekolah Integriti.²¹⁷

²¹⁷ Darussalam Budin, "Pendidikan Juvana di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Hala Tuju, Pelaksanaan dan Cabaran," *Jurnal Hadhari*, Jil. 6, No.1, 2014, hlm. 93.

3.3 Statistik Kes Juvana 1950-2020

Setiap juvana yang dijatuhi hukuman oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang dimasukkan ke SHG akan melalui proses tertentu sebelum ditempatkan di rumah tahanan. Segala butir peribadi diambil dan dicatat dalam rekod peribadinya di pejabat penerimaan.²¹⁸ Pegawai perubatan dan pergigian akan memeriksa tahap kesihatan mereka untuk mengetahui sama ada terdapat penyakit berbahaya atau penyakit berjangkit. Penghuni akan diasingkan dan diberi rawatan yang sepatutnya. Juvana akan diasingkan selama dua minggu di bilik penerimaan. Mereka akan ditemudugakan oleh anggota lembaga yang terdiri daripada Pengarah Penjara, Timbalan Penguasa, Pegawai Penerimaan, Pegawai Perusahaan dan guru agama²¹⁹ Mereka juga tidak diberi ampun. Selepas itu ditempatkan di blok-blok yang dipanggil 'Rumah'. Dua orang pegawai kanan bertanggungjawab dalam semua urusan seperti membuat rekod, mengira gaji, perjumpaan dan lain-lain lagi.

Kanun Kesenaksaan (Akta 574), menyatakan seseorang kanak-kanak itu mempunyai tanggungjawab jenayah apabila berumur 10 tahun sehingga bawah 18 tahun ketika melakukan jenayah. Seringkali jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak adalah jenayah harta benda seperti mencuri, pecah rumah, pergaduhan dan sebagainya malahan jika tidak dibendung mereka akan lebih berani melakukan jenayah berat seperti membunuh, merompak dan merogol. Remaja yang mengalami masalah sosial yang serius perlu menjalani proses pemulihan tertentu agar dapat menjalani kehidupan yang normal bersama masyarakat. Masalah remaja yang semakin meningkat ini perlu dirawat sewajarnya dengan menggunakan pendekatan yang bersesuaian dengan masalah yang dihadapi. Kamus Dewan Edisi Keempat menjelaskan, pemulihan bermaksud perbuatan memulihkan, pengembalian kepada keadaan yang semula,

²¹⁸ Sekarang dikenali sebagai Pejabat Pendaftar yang menjadi nadi SHG.

²¹⁹ *Pejabat Rekod Sekolah Henry Gurney*, Telok Mas Melaka, dalam Baharullah Adam, Sekolah Henry Gurney sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990. Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 73.

pemulangan atau pengembalian (hak, harta benda dan lain-lain)²²⁰. Di Malaysia, perkhidmatan pemulihan untuk pesalah untuk pesalah kanak-kanak adalah pendidikan melalui sistem persekolahan.²²¹ Sekolah-sekolah yang melaksanakan program pemulihan yang dikenalpasti adalah Sekolah Tunas Bakti di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan SHG di bawah Jabatan Penjara Malaysia. Pemulihan secara pendidikan dapat membantu memulihkan pesalah juvana daripada segi tingkah laku, kemahiran hidup dan membina keyakinan diri supaya mereka dapat berhadapan dengan masyarakat luar apabila dibebaskan dari pusat pemulihan kelak.

Sehubungan dengan itu peranan penjara menjadi semakin bertambah apabila mereka perlu menyediakan pelbagai program pemulihan seperti Program Pemulihan Akhlak dan perlu memastikan ia berkesan seiring dengan pembangunan negara yang memerlukan generasi remaja yang produktif serta berkualiti. Pengurusan penjara perlu melakukan beberapa perubahan agar pesalah juvana tidak mengulangi jenayah sejajar dengan program pemulihan serta berusaha untuk memulihkan mereka dari aspek tingkah laku dan aspek mental. Kenyataan ini selari dengan pandangan yang diberikan oleh Dr Kausalya iaitu:

“Institusi SHG Telok Mas dijadikan sebagai pusat untuk mengasingkan diri sementara untuk mengelak mereka dari terjerumus ke dalam kancah jenayah.”²²²

Dr Kausalya Devi a/p Sathoo, Timb. Komisioner Penjara.

²²⁰ <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=pemulihan> (tarikh diakses 12 Oktober 2022).

²²¹ Darussalam Budin, “Pendidikan Juvana di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Hala Tuju, Pelaksanaan dan Cabaran,” *Jurnal Hadhari*, Jil. 6, No.1, 2014, hlm. 93.

²²² Temu bual dengan Dr Kausalya Devi a/p Sathoo (Timbalan Komisioner Penjara, Jabatan Penjara Malaysia) pada 1 Mac 2023.

Jadual 3.1

*Juvana Bersalah Mengikut Etnik*²²³

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
1996	2564	723	419	505	4211
1997	2825	679	593	493	4590
1998	3836	1072	814	616	6338
1999	3792	837	654	417	5700
2000	3442	869	613	360	5284
2001	3459	831	614	278	5182
2002	3705	698	566	350	5319

Merujuk pada jadual 3.1 remaja Melayu didapati mendahului remaja lain dalam melakukan pelbagai kesalahan juvana. Pada tahun 2002, remaja Melayu mencatatkan 3705 kes berbanding remaja Cina 698 kes, remaja India 566 kes dan lain-lain sebanyak 350 kes berbanding jumlah keseluruhan 5319 kes. Jadual 3.2 pula menunjukkan secara perbandingan jenis kesalahan juvana yang bersabit dengan harta benda seperti terbabit dalam kes rompakan dan mencuri menunjukkan bilangan yang tinggi iaitu sebanyak 3950 kes pada tahun 1998 berbanding kesalahan lain seperti kesalahan bersabit dengan orang (586), kesalahan jantina (84), melanggar ordinan tahanan (65), terlibat dengan dadah (559), judi (139), senjata atau bahan api (56), kesalahan lalu lintas (522)

²²³ Statistik Perkhidmatan Kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, dalam Azizi Yahaya, Yow Kiaw Geok & Amir Hamzah Abdul, *Keberkesanan Program Pemulihan Akhlak di SHG dan Sekolah Tunas Bakti: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme* (Sivic 2004), Hotel City Bayview Langkawi. 4-6 September 2004, hlm. 2.

dan lain-lain sebanyak 322. Kesalahan juvana memiliki senjata yang paling rendah pada tahun 1999 iaitu sebanyak 55 kes.

Jadual 3.2

Kesalahan Juvana Mengikut Jenis Kesalahan

Jenis Kesalahan	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Bersabit dengan harta benda	2932	3950	3790	3401	3060	3250
Bersabit dengan orang	341	586	497	467	524	602
Kesalahan jantina	53	84	84	98	70	79
Melanggar Ordinan Tahanan	38	65	68	22	43	22
Dadah	476	559	428	442	506	562
Judi	132	139	88	98	131	72
Senjata/bahan api	55	56	47	59	83	76
Lalu lintas	287	522	427	389	327	205
Memiliki senjata	39	55	39	38	41	48
Lain-lain	227	322	232	270	397	403
Jumlah	4590	6338	5700	5284	5182	5319

Berdasarkan Jadual 3.2 pula menunjukkan pada tahun 2002, jenis kesalahan ini mencatat sebanyak 3250 kes daripada 5319 (sebanyak 61%). Manakala kesalahan bersabit dengan orang adalah terdiri daripada kes mengugut, bergaduh dan sebagainya. Jenis kesalahan ini semakin meningkat sejak tahun 1997 dan tercapai sebanyak 602 kes pada tahun 2002.

Jadual 3.3

*Kesalahan Juvana Mengikut Negeri*²²⁴

Negeri	1999	2000	2001	2002	2003	2004
Johor	538	585	568	381	558	751
Kedah	515	315	358	342	443	334
Kelantan	345	307	366	347	432	325
Melaka	122	82	97	70	77	117
Negeri Sembilan	391	479	319	263	153	246
Pahang	299	266	383	342	290	182
Perak	675	583	529	519	326	713
Perlis	72	40	78	124	106	100
Pulau Pinang	452	512	471	351	317	317
Selangor	962	878	831	903	835	816
Terengganu	286	372	251	406	525	525
Kuala Lumpur	276	296	528	777	581	874
Labuan	9	9	16	0	10	0
Sabah	175	130	121	191	155	394
Sarawak	583	430	266	303	190	362
Jumlah	5700	5284	5182	5319	4998	6056

Jadual 3.3 menunjukkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan rekod kesalahan juvana tertinggi iaitu sebanyak 874 kes mendahului negeri lain diikuti oleh Selangor sebanyak 816 kes dan Perak 713 kes pada tahun 2004. Wilayah Persekutuan

²²⁴ https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Statistik/J9_13.pdf (tarikh diakses 24 Mei 2024).

Labuan pula mencatatkan tiada kes dan diikuti negeri Perlis sebanyak 100 kes seterusnya Melaka sebanyak 117 kes.

3.4 Faktor Berlaku Kes Juvana era 1950-2020

Zaman remaja merupakan fasa peralihan antara kanak-kanak dan dan alam dewasa, kerana pelbagai perubahan berlaku secara semula jadi dalam diri remaja. Perubahan tersebut termasuk aspek biologikal, fizikal, mental dan sosial.²²⁵ Dengan adanya perubahan ini, remaja akan berdepan tanggungjawab, peranan dan komitmen baharu terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Perubahan tersebut juga boleh membawa kejutan kepada remaja, terutamanya bagi mereka yang kurang pendedahan, pengetahuan dan kemahiran. Perkara ini juga berupaya menimbulkan suatu kejutan terhadap remaja, lebih-lebih lagi bagi mereka yang kurang pendedahan, pengetahuan dan kemahiran.

Apabila tubuh manusia sampai di peringkat pertumbuhan tertentu, kelenjar pituitari yang terletak di bahagian otak akan mengeluarkan isyarat kepada kelenjar seks untuk mula mengeluarkan hormon. Hormon kemudiannya memberi isyarat kepada bahagian tertentu tubuh supaya membesar dan matang. Perubahan ini bertujuan untuk menyediakan individu yang berubah daripada keadaan aseksual (tidak boleh membiak) kepada seksual (boleh membiak).²²⁶ Hormon yang dikeluarkan oleh remaja lelaki daripada kelenjar testis adalah testosteron dan dalam kalangan gadis pula ialah

²²⁵ Amaludin Ab. Rahman & Noralina Omar, *Kaunseling Remaja: Tips dan Panduan ke Arah Satu Keluarga Satu Kaunselor*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2008, hlm. 18.

²²⁶ Ibid., hlm. 19.

estrogen dan progesteron daripada kelenjar ovari. Hormon ini mengalir melalui saluran darah ke bahagian tubuh tertentu supaya berkembang dan matang.

Pengeluaran hormon ini akan membawa perubahan kepada manusia, iaitu:

1. Pertumbuhan fizikal secara mendadak termasuklah ketinggian badan sehingga boleh mencapai ketinggian orang dewasa.
2. Keinginan seksual mula dirasai.
3. Mula menunjukkan minat terhadap individu berlainan jantina.
4. Kulit menjadi lebih berminyak dan risiko lebih untuk mendapat jerawat.
5. Kelenjar peluh mula berfungsi dan kesannya individu lebih banyak berpeluh.
6. *Mood* berubah-ubah.²²⁷

Perubahan-perubahan tubuh badan yang terjadi kepada lelaki dan perempuan secara umumnya membuatkan rupa paras dan fizikal mereka menjadi lebih mempersona dan menarik perhatian. Suara akan menjadi lebih merdu atau garau, badan akan menjadi berotot atau pinggul menjadi semakin seksi sebagai contoh. Ia juga mampu memberahikan dan memberi daya tarikan seksual kepada individu lain yang berlainan jantina apabila apabila di pandang.

Remaja pada hari ini kebanyakannya remaja melalui proses perkembangan menuju alam dewasa dengan sihat tanpa melalui proses yang berliku dan cabaran hidup. Namun begitu mereka tidak dapat lari daripada masalah sepanjang mereka menuju dewasa kerana ia akan memamatkan diri mereka setiap kali mereka berdepan dengan cabaran. Masalah sosial dalam kalangan remaja sekolah telah lama dibincangkan dan

²²⁷ Ibid., hlm. 20.

menjadi salah satu isu penting di negara kita. Pelbagai pihak di setiap lapisan masyarakat perlu melihat isu ini sebagai satu masalah yang perlu ditangani secara menyeluruh, memandangkan remaja adalah generasi yang bakal mewarisi negara. Jika kita gagal melahirkan generasi yang berwibawa maka perkembangan negara kita akan terjejas pada masa depan.

3.5 Masalah Remaja

Umumnya, masalah sosial merangkumi pelbagai perlakuan negatif yang tidak mendatangkan sebarang keuntungan atau kekuatan kepada sistem dalam masyarakat. Bahkan, masalah sosial banyak dikaitkan dengan masalah keruntuhan moral dan akhlak. Masalah sosial yang sering melanda remaja khususnya di negara ini adalah seperti mencuri, meragut, penagihan dadah, samseng, lumba haram serta salah laku seks (rogol dan seks bebas). Menurut *Utusan Online* bertarikh 2 Disember 2020:

pada tahun 2018, tangkapan melibatkan pelajar sekolah dalam indeks jenayah adalah sebanyak 1,388 kes menurun kepada 1,230 kes pada tahun 2019. Manakala tahun 2020, sebanyak 538 kes direkodkan dari awal Januari hingga Oktober lalu. 95 peratus pelaku jenayah dalam kalangan pelajar adalah lelaki, selebihnya melibatkan pelajar perempuan. Seterusnya bagi kes jenayah yang dilaporkan 58 peratus mangsa adalah pelajar perempuan manakala 42 peratus adalah pelajar lelaki.²²⁸

Penglibatan kes jenayah yang semakin meningkat setiap tahun sudah pasti membimbangkan banyak pihak. Keadaan ini dibuktikan lagi menerusi statistik kesalahan mengikut jumlah juvana dan kes juvana bagi tahun 2016 sehingga 2020 mengikut kategori umur 13-18 tahun.

²²⁸<https://www.utusan.com.my/berita/2020/12/trend-jenayah-remaja-dan-kanak-kanak-membimbangkan/> (tarikh diakses 11 Mei 2022).

Jadual di bawah menunjukkan Statistik Penglibatan dan Tangkapan Juvana dalam Jenayah Indeks Malaysia bagi tahun 2016-Disember 2020.²²⁹

Jadual 3.4

*Statistik Jumlah Juvana dan Kes Juvana Mengikut tahun 2016-2020*²³⁰

Tahun	Jumlah Juvana	Kes Juvana
2016	7985	7825
2017	8560	8118
2018	6813	6713
2019	6510	5669
2020	2145	1839

Jadual 3.4 di atas menunjukkan kes juvana dan jumlah juvana yang terlibat dari tahun 2016 sehingga 2020. Kes Juvana dan jumlah juvana menunjukkan angka kes yang tinggi pada tahun 2017 iaitu 8560 dan 8118, diikuti tahun 2016 sebanyak 7985 dan 7825. Namun Jumlah Juvana dan Kes Juvana menurun begitu ketara pada tahun 2020 iaitu 2145 dan 1839 diikuti tahun 2019, 6510 dan 5669 dan ketiga 6813 dan 6713.

²²⁹ <https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/readcontent4&id=178> (tarikh diakses 25 Ogos 2023).

²³⁰ Ibid.

Jadual 3.5

Kesalahan Kes Juvana bagi Tahun 2016 mengikut kategori umur 13-18 Tahun

Tahun/Jenis Kesalahan	2016	2017	2018	2019	2020	Jumlah
Kes Juvana						
Curi Motosikal	2855	2911	2251	1749	444	10024
Curi	1529	1615	1447	1409	438	6444
Pecah Rumah & Curi	847	924	820	743	320	3592
Samun Berkawan Tanpa Bersenjata Api	735	837	712	631	258	3326
Mencederakan	709	760	626	486	206	2696
Rogol	673	661	566	440	118	2688
Curi Motokar	196	138	107	81	23	514
Samun Tanpa Senjata Api	111	135	74	66	15	427
Curi Ragut	87	53	62	42	10	210
Bunuh	72	19	33	8	7	180
Curi Van/Lori/ Jentera Berat	11	15	15	7	0	55
Samun Berkawan Bersenjata Api	0	0	0	7	0	8

Statistik Kesalahan kes Juvana bagi Tahun 2016 sehingga 2020 mengikut kategori umur 13-18 tahun menunjukkan kes-kes yang dilakukan oleh juvana sepanjang tahun 2016 hingga 2020. Kes-kes yang disenaraikan ialah kes curi motosikal, curi, pecah

rumah dan curi, samun berkawan tanpa senjata api, bunuh, curi ragut, curi van atau lori atau jentera berat dan samun berkawan dan bersenjata api. Kes curi motosikal dan curi menunjukkan jumlah paling tinggi iaitu 10024 dan 6444 kes. Manakala kes samun berkawan bersenjata api paling sedikit dengan jumlah 8 kes. Pada tahun 2019 dan tahun 2020 menunjukkan penurunan yang amat ketara terhadap kes juvana dan jumlah kes kerana Perintah Kawalan Pergerakan.²³¹

Jadual 3.6: Jenis Etnik Juvana yang terlibat dalam Jenayah Indeks Malaysia 2016-2020.

Tahun / Bangsa	2016	2017	2018	2019	2020	Jumlah
Melayu	5716	6021	4765	3934	1299	21735
Cina	372	464	426	325	170	1757
India	1204	1239	965	865	329	4602
Sabah & Sarawak	601	708	583	555	261	2708
Asli	23	42	16	28	28	137
Sikh	6	1	6	5	0	18
Lain-Lain Bangsa	63	85	52	66	58	324

Kes etnik juvana di atas menunjukkan penglibatan dan tangkapan dalam jenayah indeks Malaysia, menunjukkan etnik Melayu mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu sebanyak 2175 orang, Cina (1757 orang), India (4602 orang), etnik Sabah dan Sarawak

²³¹Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dimulai pada 18 Mac 2020 berdasarkan nasihat dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan selaras dengan ketetapan (World Health Organisation) WHO. Penguatkuasaan PKP dibahagikan kepada empat fasa yang berlangsung sehingga 3 Mei 2020, kemudian diikuti oleh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 4 Mei 2020 hingga 9 Jun 2020, dan seterusnya Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berkuat kuasa dari 10 Jun 2020 hingga 31 Disember 2020. Tindakan ini selaras dengan Akta 342, iaitu Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988.

(2708 orang) , orang asli (137 orang), Sikh (18 orang) dan lain-lain bangsa (324 orang). Menurut laporan utusan lagi:

“Mangsa paling tinggi adalah bagi kes rogol, mencederakan orang dan curi motosikal. Hampir 99 peratus pelaku jenayah dan mangsa merupakan pelajar sekolah menengah berusia lingkungan umur 13 hingga 18 tahun.”²³²

Laporan ini menunjukkan pelaku jenayah kebanyakannya terdiri daripada remaja malah semakin meningkat setiap tahun dan membimbangkan ramai pihak. Seterusnya, dapatan statistik bermula tahun 2016 sehingga 2020 menunjukkan bilangan kes juvana tertinggi ialah pada tahun 2017 iaitu 8118 kes, sebaliknya pada tahun 2020 menunjukkan bilangan kes paling rendah iaitu 1839 kes.²³³

Sementara itu, antara faktor utama yang menyumbang kes tertinggi adalah masalah keluarga. Sekiranya peranan institusi keluarga sebagai tempat berlindung dan mendapat kasih sayang tidak mampu dipenuhi serta kurangnya didikan agama akan menyumbang kepada kegagalan remaja mempamerkan akhlak yang baik. Golongan remaja yang mempunyai masalah ini akan mengalihkan perhatiannya ke luar rumah yang tanpa disedari boleh mengundang risiko kepada diri mereka sendiri.

Menurut penjelasan salah satu teori tingkah laku jenayah iaitu Teori Proses Sosial, semua aspek pengalaman hidup daripada lahir hingga remaja dan dewasa, keadaan individu dan pengalaman hidup yang membawa kepada penglibatan individu dalam

²³²<https://www.utusan.com.my/berita/2020/12/trend-jenayah-remaja-dan-kanak-kanak-membimbangkan/> (tarikh diakses 11 Mei 2022).

²³³<https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/readcontent4&id=178> (tarikh akses 25 Julai 2022).

jenayah dapat dinilai melalui teori ini. Teori ini melihat hubungan atau interaksi dengan ibu bapa atau penjaga dan rakan sebaya pihak autoriti (seperti guru, majikan, dan agensi sistem keadilan) akan mempengaruhi tingkah laku individu. Sekiranya individu mempunyai hubungan yang positif dan menyokong satu sama lain penting dalam kehidupannya agar individu tersebut boleh mematuhi aturan dan norma sosial yang telah ditetapkan oleh masyarakat. Manakala sebaliknya, jika individu mempunyai hubungan yang bermasalah dengan individu lain, ia akan merosakkan tingkah lakunya.²³⁴

3.6 Pelaksanaan Program Penjara Sejahtera, 2014


Pengurusan penjara turut mengalami beberapa perubahan apabila pada 8 Februari 2014, Penjara Sejahtera telah diperkenalkan sebagai konsep untuk memantapkan pengurusan kepenjaraan dan mematuhi standard dan piawaian antarabangsa melalui pendekatan penjara sebagai institusi koreksional di negara ini. Cetusan idea ini diberikan oleh Menteri Dalam Negeri pada masa tersebut untuk mencapai dua matlamatnya, beberapa transformasi utama JPM dilakukan menerusi Konsep Penjara Unggulnya, iaitu penahanan yang selamat dan pemulihan yang berkesan.²³⁵ Manakala Dato' Seri Zulkifli bin Omar, Mantan Ketua Pengarah JPM menegaskan tujuan memperkenalkan konsep ini adalah dengan harapan agar individu terbabit memiliki


²³⁴ Mohd Alif, Siti Hajar, Noralina & Norruzeyati, "Memahami Residivisme: Tinjauan Asas Teori-teori Utama Tingkah Laku Jenayah," *The Malaysian Journal of Social Administration*, Jilid 15. 2021, hlm. 49.

²³⁵ TKPj Jamaluddin Saad, Pengarah Bahagian Pengurusan Banduan Jabatan Penjara Malaysia, Pemulihan Pesalah Syarie Jabatan Penjara Malaysia. Temu bual, Persidangan Meja Bulat Kali Kedua anjuran Kumpulan Pengkajian FRGS/2/2013/SSI 10/UKM/02/8 bertempat di Hotel Puri Pujangga UKM pada 30 April 2015, hlm.74.

kemampuan untuk berubah dan kembali menjadi insan yang lebih cemerlang pada masa depan. Adalah diharapkan agar mereka mempunyai iltizam dan jati diri agar kesilapan yang lalu tidak akan diulangi lagi.

Sejak konsep Penjara Sejahtera diperkenalkan oleh JPM, terdapat satu bahagian yang bertanggungjawab dalam merencana dan melaksanakan program pemulihan ke atas pesalah atau banduan, iaitu Bahagian Pengurusan Banduan iaitu Seksyen Pemulihan & Rawatan. Bahagian ini bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program serta aktiviti rawatan dan pemulihan kepada pesalah bagi memperbaiki dan membina semula fizikal, mental, sikap, akhlak, dan rohani berasaskan nilai murni. Selain itu ia dapat membentuk nilai murni serta menjadikan pendekatan pemulihan yang benar-benar bersesuaian dengan keperluan pesalah agar perubahan sikap yang positif akan terhasil dalam kalangan pesalah.





Rajah 3.3: Carta Organisasi Jabatan Penjara Malaysia Negeri Melaka²³⁶

Merujuk Rajah 3.3 menunjukkan carta organisasi Jabatan Penjara Malaysia Negeri Melaka. SHG Telok Mas Melaka ditadbir di bawah TKP Rosman Bin Norman @ Normin, selaku Pengarah Jabatan Penjara Negeri. Pengarah SHG Telok Mas Melaka yang memikul amanah kini ialah KP Tuan Azuwan Hafiz bin Ahmad. Mereka mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan semua penghuni SHG mendapat pemulihan, pendidikan, kawalan dan keselamatan yang sewajarnya.

3.7 Perkembangan Program dan Pendidikan di SHG

SHG di Telok Mas yang ditubuhkan sejak 1950 telah ditadbir dan diuruskan oleh beberapa pengarah yang sangat bertanggungjawab dan berdedikasi. Sekolah ini didirikan bertujuan untuk memulihkan dan memberi pendidikan yang sewajarnya

²³⁶ Carta Organisasi digunakan sehingga Oktober 2024.

kepada penghuni juvana. Terdapat beberapa kepentingan tujuan sekolah ini ditubuhkan antaranya, mematuhi akta dan peraturan yang telah ditetapkan.

3.7.1 Penerapan Pendidikan di Sekolah Henry Gurney sebelum Merdeka

Semasa zaman British, pentadbiran sekolah ini diletakkan di bawah seorang Penguasa dan beberapa pegawai kanan dan rendah. Kebanyakan jawatan-jawatan tertinggi dimonopoli oleh pegawai kanan British sehingga tahun 1961. Walau bagaimanapun akhirnya jawatan tersebut diserahkan kepada pegawai kanan yang terdiri daripada orang tempatan.

Sebelum kemerdekaan, pendidikan kerohanian tidak ditekankan secara bersungguh-sungguh tetapi selepas merdeka pendidikan ini diutamakan. Guru-guru agama datang mengajar juvana mengenai 'Fardhu Ain', kelas membaca al-Quran dan cara-cara sembahyang setiap hari. Buku-buku diberi agar dapat meluaskan pengetahuan agama dan memahami konsep beragama dengan lebih mendalam. Para rahib dan sami juga dijemput untuk memberi ceramah dan bersembahyang bersama-sama juvana baik yang beragama Buddha mahu pun Hindu. Walau bagaimanapun terdapat segelintir juvana yang tidak bersungguh-sungguh untuk mempelajari ilmu agama. Hanya suka berbual-bual ketika ceramah dijalankan.²³⁷

Pendidikan agama amat penting dalam membantu juvana dari melibatkan diri mengulangi segala kesilapan lalu. Pada awal tahun 1950-an, buat pertama kalinya juvana yang beragama Islam dibenarkan menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid

²³⁷ Baharullah Adam, Sekolah Henry Gurney Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004. hlm. 89.

Pernu tanpa kawalan.²³⁸ Dalam sistem "Borstal" sikap mempercayainya diberi kepada juvana.

Seorang Pegawai Agama akan memberi ceramah agama manakala juvana yang beragama Kristian dibenar pergi ke gereja di Melaka setiap minggu. Walau bagaimanapun, program ini dihapuskan kerana berlaku kelarian penghuni, kecurian dan kesalahan "abscond" iaitu menghilangkan diri buat sementara waktu. Mereka dikatakan bersiar-siar di bandar Melaka dan ada yang pulang ke rumah (dalam negeri Melaka). Oleh yang demikian juvana ini tidak dibenar keluar sembahyang Jumaat kerana masalah tersebut.

Jelaslah di sini sikap malas, degil dan tiada kesungguhan untuk belajar serta dipengaruhi oleh kawan-kawan yang buta huruf menyebabkan tahap pencapaian mereka dalam peperiksaan amat rendah sekali. Apatah lagi mereka diwajibkan bekerja pada sebelah petang. Ini menjejaskan minat dan penumpuan mereka pada pelajaran kerana terlalu letih. Nilai-nilai dan norma-norma Inggeris ditekankan mengikut konsepsi pentadbir-pentadbir Inggeris terutama sebelum merdeka. Pelajaran mengenai Alexander, Marco Polo dan Francis Drake juga diajar.²³⁹ Lebih ketara lagi juvana berbangsa Cina dan India diajar tidak berteraskan Malaya. Oleh yang demikian jelaslah di sini bahawa pentadbir Inggeris ketika itu tidak menitikberatkan tentang pendidikan bercirikan tempatan.

²³⁸ Ibid., hlm. 89.

²³⁹ Baharullah Adam, Sekolah Henry Gurney sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990. Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 88.

3.7.2 Penerapan Pendidikan di Sekolah Henry Gurney selepas Merdeka

Pegawai-pegawai penjara dari orang tempatan telah dilantik untuk berkhidmat di pusat pemulihan bagi melaksanakan undang-undang ini selepas merdeka. Perlantikan pegawai penjara tempatan dapat membantu dapat pesalah juvana berdamping dan bermesra kerana pegawai tempatan lebih memahami sosio-budaya mereka. Pegawai Inggeris yang bertugas pada masa itu kurang memahami latar belakang juvana menyebabkan berlaku masalah komunikasi. Para juvana pula tidak memahami bahasa Inggeris kerana latar belakang pendidikan yang kurang sempurna. Antara pegawai tempatan terawal ialah Dato' Murad bin Arshad dan Encik Victor Francis Rozario, di mana kedua-duanya pernah memegang jawatan sebagai Penguasa di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas pada tahun-tahun berikutnya.

Jenis latihan vokasional yang disediakan termasuklah bidang pertukangan kayu, tukang jahit, menenun kain, tukang kasut, kimpalan, membina sampan, kerja dobi, anyaman rotan, ternakan ayam, pancaragam, menanam sayur dan elektrik. Barang-barang ini dijual kepada kakitangan dan masyarakat luar. Wang yang diperolehi akan disimpan oleh pihak sekolah dan akan diserahkan pada juvana apabila dibebaskan kelak. Sejak awal penubuhannya, latihan vokasional ini diberi untuk melatih dan menggalakkan penghuni membuat segala bentuk kerja yang diarahkan. Ini akan menambahkan lagi pengetahuan juvana dalam bidang pekerjaan dengan cara yang halal. Di samping itu akan menambahkan lagi punca pendapatan penghuni dan sekolah

serta mengisi masa lapang mereka agar tidak bosan. Gaji yang diberi ialah sebanyak 0.30 sen, 0.40 sen dan yang tertinggi ialah 0.50 sen sehari.²⁴⁰

Pada awal tahun 1960an penduduk tempatan banyak membuat aduan mengenai masalah penghuni dan banduan yang berkelakuan yang tidak menyenangkan semasa menunaikan solat Jumaat maka mereka telah dikecualikan dari menunaikan sembahyang Jumaat atas sebab-sebab tertentu khasnya keselamatan. Temasya sukan tahunan diadakan setiap tahun. Para keluarga dan saudara mara dijemput hadir. Ini semua untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan yang kian lama terpisah. Secara tidak langsung akan dapat memberi harapan kepada budak-budak untuk kembali kepada masyarakat. Dalam masa yang sama pasukan pancaragam telah telah ditubuhkan pada tahun 1953 dan telah mengambil beberapa bahagian. Misalnya:

*“It played at the World Assembly of Youth Festival, the Federation Youth Parade Kuala Lumpur and led the Malacca Remembrance Day Parade. The Band also played at many charity functions and at the Passing Out parade of the 7th. Warders Training Class at Taiping”.*²⁴¹

²⁴⁰ O.V. Garrat, “*Report of the Prison of The Malaya For The Year 1949*”, dalam Baharullah Adam, Sekolah Henry Gurney Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004. hlm. 79.

²⁴¹ Ibid., hlm. 90.



Rajah 3.4: Salah satu alat muzik pancaragam yang terdapat di Muzium Penjara.

Rajah 3.4 menunjukkan alat muzik pancaragam iaitu saksafon. Para penghuni juga dibenarkan mengambil bahagian dalam beberapa aktiviti lain seperti bersukan, memasuki pergerakan pengakap, palang merah dan kadet polis

3.7.2.1 Pelaksanaan Latihan Akademik.

Kebanyakan juvana pada masa itu mempunyai latar belakang kelulusan akademik tetapi gagal dalam peperiksaan, maka pihak sekolah dengan kerjasama yang diberikan oleh Jabatan Penjara Pusat telah merumuskan bahawa mereka ini perlu dibimbing semula. Pada peringkat awal, penghuni diajar dalam bahasa Cina, Melayu, Tamil dan Inggeris. Ketika itu juvana terdiri daripada mereka yang tidak mendapat didikan yang sempurna dan buta huruf.

Kebanyakan remaja yang datang dari Pantai Timur adalah terdiri daripada bangsa Melayu dan mempunyai latar belakang kehidupan keluarga yang miskin. Peratusan buta huruf remaja Melayu dari Pantai Timur kian meningkat dalam jangka masa 20

tahun penubuhan sekolah ini. Sementara guru- guru dipinjam dari Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan berkelulusan Maktab Perguruan sahaja. Dalam pada itu masa belajar ditetapkan selama 3 jam sehari iaitu bermula dari pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Berbagai-bagai jenis alat bantu mengajar digunakan seperti penayangan filem mengenai Seni Perusahaan dan Pertanian. Juvana yang buta huruf diajar membaca, menulis dan mengira manakala juvana yang mempunyai latar belakang pelajaran seperti tingkatan 1, 2 dan 3 dibenarkan mengambil peperiksaan L.C.E²⁴² dan M.C.E.²⁴³ tetapi hampir kesemuanya gagal. Kegagalan ini disebabkan oleh sikap juvana yang sukar dibentuk walaupun terdapat pelbagai kemudahan disediakan seperti perpustakaan dan menjemput guru-guru yang terbaik untuk membimbing mereka. Berbagai masalah dihadapi oleh guru misalnya mereka tidak suka belajar, suka mengikut tabiat buruk kawan-kawan, ingin mengelak kerja berat dan kerap ponteng menyebabkan pencapaian akademik mereka amat rendah.

3.7.2.2 Pelaksanaan Latihan Sukan

Dalam bidang sukan pula, sekolah ini telah menempah nama kerana telah melahirkan ramai ahli sukan Ini dinyatakan oleh O.V.Garratt dalam laporannya;

"The school Athletic team competed in the Malacca Combined Schools Sports and several inmates took First place. One lad broke the Malacca Schools Record for the

²⁴² L.C.E ialah singkatan kepada Lower Certificate Education diperkenalkan pada tahun 1957.

²⁴³ M.C.E ialah singkatan kepada Malaysia Certificate Education diperkenalkan pada tahun 1964.

mile. Five inmates were selected to represent Malacca at the Inter-State Schools meeting at Kuala Lumpur",²⁴⁴

Temasya sukan tahunan dianjurkan setiap tahun dengan jemputan kepada keluarga dan saudara mara untuk hadir. Matlamat utama adalah untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan yang telah lama terpisah. Secara tidak langsung, acara ini memberi motivasi kepada anak-anak untuk kembali berintegrasi dengan masyarakat. Dalam masa yang sama, pasukan pancaragam juga menjalankan latihan mereka.

Selain itu, para penghuni turut dibenarkan menyertai pelbagai aktiviti lain seperti bersukan, menyertai pergerakan pengakap, palang merah, dan kadet polis. Dalam bidang sukan, misalnya, pelajar sekolah ini menyertai pelbagai acara sukan yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia/Melaka (M.S.S.M.). Sekolah ini terkenal di negeri Melaka dan pernah menjuarai pertandingan bola sepak pada tahun 1985, 1986, 1987, dan 1988. Walau bagaimanapun, penyertaan mereka telah dibatalkan kerana kebanyakan juvana melebihi had umur yang ditetapkan iaitu 18 tahun, dengan umur mereka menjangkau antara 19 hingga 21 tahun.

Di samping itu, beberapa juvana telah terpilih untuk mewakili Sekolah Henry Gurney dalam sukan untuk anggota penjara. Malah, mereka dilatih oleh bekas pemain bola sepak negara pada era 1970-an seperti Shahrudin Abdullah, Namat Abdullah, Jalil Che Din, Ali Bakar, Wan Zawawi, Ibrahim Salleh, dan Syed Ahmad. Mereka ini adalah kakitangan Jabatan Penjara yang telah mengharumkan nama jabatan dan negara dalam arena bola sepak.

²⁴⁴ 1957/0457002, O.V. Garratt, "*Report of the Prison Department of Federation of Malaya for years 1953 and 1954*", hlm. 36.

Aktiviti-aktiviti ini telah dijalankan dengan jayanya dan mendapat pujian daripada masyarakat luar. Para juvana juga membuktikan bahawa mereka mampu berjaya setanding dengan remaja lain di luar dan mampu berdikari selepas menjalani pemulihan. Selepas ini, bekas penghuni dijangka dapat menentukan hala tuju masing-masing, khususnya dalam bidang yang diminati, termasuk bidang sukan.

3.8 Pelaksanaan Program Pembangunan Insan (PPI), 1990

SHG, Telok Mas seterusnya mengalami banyak perubahan dan perkembangan melalui program-program yang dikhususkan untuk para penghuninya. Program-program telah dirancang untuk jangka masa panjang bagi membanteras masalah keruntuhan akhlak remaja dan kerosakan sosial seperti program pemulihan akhlak dan kempen Penghayatan Akhlak Mulia. JPM, JKM dan institusi-institusi pemulihan akhlak menggalas tanggungjawab untuk memastikan program-program dijalankan. Usaha JPM di bawah Seksyen Pemulihan dan Rawatan, telah melaksanakan program yang dinamakan sebagai Program Pembangunan Insan (PPI) telah diperkenalkan pada bulan Februari 2002. Malah menurut Hasnizam²⁴⁵ pelajaran boleh diikuti bermula pada pendidikan asas sehingga ke peringkat tertinggi melalui program pengajian akademik yang disediakan di peringkat kelas asas seperti pemulihan, 3M (Membaca, Menulis dan Mengira), Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Sekiranya berkecukupan, pendidikan boleh diteruskan sehingga ke peringkat pengajian tertinggi seperti diploma, sarjana muda dan sarjana kerana peluang disediakan.

²⁴⁵ Hasnizam Hashim, Norman Zakiyy Chow Jen-T'chiang & Ramalingam Rajamanickam, "Program Pemulihan di dalam Penjara bagi Pesalah Jenayah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia. Isu Khas," *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, Jil 5.2018, hlm. 77.

Ternyata program pemulihan di penjara boleh dibanggakan kerana berhasil melahirkan pesalah yang mempunyai kelulusan Ijazah Kedoktoran.

Perubahan ini berlaku sejajar dengan dasar pendidikan negara. Dasar ini juga memberi garis panduan yang lebih jelas bahawa banduan muda akan mendapat pendidikan di Sekolah Integriti manakala pesalah juvana akan menimba ilmu di SHG.²⁴⁶ Banduan Muda dan Juvana akan mengikuti program pendidikan sedikit berbeza mengikut keperluan semasa sejak penubuhannya.

3.9 Pertambahan Bilangan Sekolah di Sekolah Henry Gurney

Pada tahun 2008 persekolahan rasmi dalam penjara oleh Jabatan Penjara Malaysia telah dilaksanakan.²⁴⁷ Mengikut laporan Jabatan Penjara Malaysia 2008 mulai bulan Jun 2008, terdapat enam (6) buah Sekolah Integriti (SI) disediakan mengikut zon di samping dua (2) buah SHG yang sedia ada. Sehingga 31 Jan 2010 terdapat 513 murid yang sedang mengikuti aliran akademik di semua sekolah di bawah seliaan Jabatan Penjara Malaysia dengan bilangan perjawatan sebanyak 102 jawatan Guru Berijazah bertugas di sekolah-sekolah tersebut.²⁴⁸ Setiap sekolah memiliki 11 orang guru, 8 daripadanya melaksanakan pengajaran dan pembelajaran sementara tiga lagi ialah guru khas iaitu Guru Bimbingan dan Kaunseling, Guru Pendidikan Islam dan Guru Pemulihan. Mereka merupakan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang disediakan oleh Kementerian kepada Jabatan Penjara Malaysia yang mempunyai sekolah dalam

²⁴⁶ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Dasar Pendidikan Kebangsaan*, 2012, Giga Wise Network Sdn. Bhd. hlm.145.

²⁴⁷ Darussalam Budin, "Pendidikan Juvana di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Hala Tuju, Pelaksanaan dan Cabaran," *Jurnal Hadhari*, Jil. 6, No.1, 2014, hlm. 87-104.

²⁴⁸ Ibid., hlm. 91.

penjara. Manakala Ketua Sektor Pendidikan dan Penyelia yang bertugas perlu memastikan jawatan ini tiada kekosongan di institusi kerana setiap guru mempunyai tanggungjawab ke atas subjek mereka.²⁴⁹ Jawatan ini menunjukkan bahawa JPM dengan KPM saling bekerjasama untuk memastikan pendidikan dilaksanakan kepada semua yang memerlukan di negara ini.

3.10 Pengurusan Pendidikan

Pengurusan pendidikan melibatkan Bahagian Pengurusan Banduan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia (IPPM) serta institusi. Pengurusan Sektor Pendidikan berada di bawah pentadbiran Seksyen Pemulihan dan Pendidikan, Bahagian Pengurusan Banduan. Pelaksanaan aktiviti pendidikan sekolah dalam penjara diselia oleh empat orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di bawah sektor pengurusan pendidikan, Pengurusan Banduan.²⁵⁰ Sektor ini diketuai oleh Ketua Sektor Pendidikan (KSP) dan dibantu oleh tiga (3) orang Penolong Ketua Sektor iaitu:

- i. Pengurusan dan Pentadbiran
- ii. Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum
- iii. Akademik, Kemahiran dan Pengajian Tinggi

Manakala Pengurusan Unit Akademik SHG pula berada di bawah Unit Pemulihan Institusi. Unit Akademik SHG diketuai oleh penyelia dan dibantu oleh tiga (3) orang penolong penyelia iaitu: i) Pengurusan Akademik, ii) Ehwal Murid (HEM) dan iii) Kokurikulum. Organisasi pengurusan sekolah adalah tertakluk kepada pengisian perjawatan yang diluluskan mengikut keperluan setiap sekolah.

²⁴⁹ Ibid., hlm. 98.

²⁵⁰ Ibid., hlm. 97.

Seksyen Pemulihan dan Pendidikan turut mempunyai beberapa objektif utama. Antara objektif utama seksyen ini ialah memastikan banduan mengikuti program pemulihan secara berkesan agar kadar residivisme²⁵¹ dapat dikurangkan sehingga tidak melebihi 17 peratus. Terdapat tiga fungsi utama bahagian ini iaitu;

1. Pemulihan akhlak penghuni iaitu dengan melaksanakan program pemulihan ke atas banduan bagi memperbaiki fizikal, mental dan akhlak berteraskan nilai-nilai murni masyarakat.
2. Layanan ke atas penghuni iaitu memastikan banduan diberi layanan berasaskan nilai kemanusiaan dari segi kesihatan, keperluan asas, perhubungan dengan keluarga dan masyarakat dengan berpandukan garis panduan yang termaktub dalam United Nation Standard Minimum Rules of The Treatment of Prisoners (UNSMR), Akta Penjara 1995 dan Peraturan – Peraturan Penjara 2000.
3. Rawatan kesihatan penghuni iaitu memastikan semua banduan yang memerlukan rawatan kesihatan mendapat rawatan yang sempurna di klinik penjara dan hospital luar.

Penubuhan institusi khas buat juvana pertama kali ditubuhkan pada tahun 1948, iaitu di Penjara Muar, Johor merupakan sebuah pusat pemulihan belia yang dinamakan Sekolah Pemulihan Lanjutan. Institusi ini telah dipindahkan ke Telok Mas, Melaka pada tahun 1950 dan telah dirasmikan oleh Sir Henry Gurney seorang Pesuruhjaya Tinggi British di Malaya pada 19 Julai 1950. Nama SHG diambil bersempena dengan nama beliau.²⁵² Jabatan Penjara Malaysia telah mewujudkan lima buah SHG sebelum tahun 1990, iaitu:-

²⁵¹ Residivisme bermaksud pengulangan tingkah laku jenayah.

²⁵² <https://eshopshgtm.myfreesites.net/tentang-kami> (tarikh diakses 8 Julai 2022).

1. SHG Batu Gajah, Perak.
2. SHG Kota Kinabalu, Sabah.
3. SHG Keningau, Sabah.
4. SHG Banda Hilir, Melaka.
5. SHG Dusun Dato' Murad, Melaka.

Bagaimanapun hanya dua buah sekolah daripada lima buah SHG masih kekal sehingga sekarang dan fungsinya juga telah ditukar. Pada Jun 1990, SHG Banda Hilir ditutup kerana ditukar menjadi Penjara Banda Hilir. Manakala pada bulan April 2003 pula, SHG Dusun Dato' Murad ditutup dan menjadi penjara Pra Bebas Dusun Dato' Murad. Manakala sebuah Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah digantikan fungsinya daripada SHG Wanita Batu Gajah yang telah ditutup pada Julai 2007.²⁵³ Perubahan-perubahan ini dilakukan demi memastikan para pesalah Juvana yang semakin bertambah diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak berwajib seiring dengan pertambahan bilangan salah laku remaja pada tahun 1990-2020 yang akan dibincangkan secara mendalam dalam bab ini.


3.11 Objektif Penubuhan Sekolah dalam Penjara

Penubuhan sekolah dalam penjara mempunyai beberapa objektif yang tertentu agar hala tuju dan matlamat pendidikan dalam kalangan banduan dan penghuni juvana tercapai.

1. Memperbaiki disiplin dan mengukuhkan akhlak penghuni.
2. Membantu menghapus buta huruf melalui aktiviti membaca, mengira dan menulis.

²⁵³ Ibid. (*tiada halaman*).

3. Menyediakan dan memberi peluang kepada penghuni memulakan dan meneruskan persekolahan
4. Membangkitkan minat untuk belajar dan meyakinkan murid bahawa pendidikan dapat menjamin masa hadapan yang lebih cerah.
5. Menyediakan terapi pemulihan melalui pendidikan bagi melahirkan banduan yang dapat menyumbang kepada diri, keluarga dan negara.
6. Melahirkan murid berkeyakinan dalam meneruskan kehidupan selepas dibebaskan melalui program-program yang diperkenalkan.
7. Memberi peluang untuk meneruskan persekolahan atau diberi peluang kedua untuk bersekolah semula.
- viii. Menyediakan program khas mengikut umur juvana di Institusi Penjara.



3.12 Penambahan Infrastruktur di Sekolah Henry Gurney

Penubuhan SHG 1950 telah banyak memberi kesan positif dan membawa perubahan tingkah laku penghuni. Pada asal penubuhannya tujuan sekolah ini untuk memperbaiki akhlak dan memberi beberapa kemahiran asas supaya mereka bersedia berubah untuk kembali kepada masyarakat apabila dibebaskan kelak. Namun apabila berlaku pertambahan penghuni seterusnya akta kanak-kanak 2001 pemulihan untuk kanak-kanak juvana pada tahun 2009 SHG, Telok Mas telah berkembang sehingga memiliki bangunan akademik dan asrama baharu. Sekolah ini pada masa sekarang mengalami beberapa perubahan yang membanggakan seperti mempunyai Blok Akademik dalam kabin sementara menanti Blok Akademik bernilai RM 48 juta yang siap dilengkapi

dengan peralatan moden sesuai dengan pendidikan alaf ke 21. Antara kemudahan yang disediakan dalam blok Akademik ialah sebuah klinik pergigian dan kesihatan, Dewan Parameswara (dewan besar), surau yang bakal memuatkan 800 orang penghuni, bengkel-bengkel, padang permainan yang luas, Pentas Pavilion, dapur memasak, dewan tinju dan Muay Thai, Dewan Seroja untuk majlis rasmi, dewan yang selesa untuk perjumpaan dengan para waris, tempat menunggu, kantin, perpustakaan dan banyak lagi kemudahan lain yang disediakan untuk penghuni.



Rajah 3.5 Perpustakaan SHG Telok Mas.

Rajah 3.5 di atas menunjukkan majlis perasmian perpustakaan SHG pada 25 Februari 2020. Perpustakaan ini menyediakan pelbagai bahan ilmiah untuk penghuni.



Rajah 3.6: Dewan Seroja

Merujuk kepada Rajah 3.6, Dewan Seroja menjadi tempat perjumpaan para penghuni bersama ibubapa untuk meraikan hari perayaan, restu ilmu dan aktiviti kebudayaan. Dewan ini juga digunakan untuk menyambut tetamu yang datang melawat SHG.



Rajah 3.7: Dewan Parameswara

Manakala rajah 3.7 pula ialah Dewan Parameswara digunakan untuk perhimpunan, peperiksaan awam dan aktiviti bersama orang awam yang ingin membuat aktiviti seperti ceramah motivasi atau aktiviti dalaman. Dewan ini boleh menampung kapasiti hampir 800 orang penghuni dan sangat kondusif.



Rajah 3.8: Ruang Menunggu Pelawat

Rajah 3.8 ialah ruang menunggu keluarga yang sangat selesa untuk pelawat sambil menunggu giliran sebelum bertemu penghuni.



Rajah 3.9: Ruang Perjumpaan Keluarga

Manakala rajah 3.9 ialah kafeteria yang luas dan ceria untuk perjumpaan keluarga dan saudara rapat penghuni. Kafeteria juga menyediakan juadah yang berkhasiat dan boleh ditempah oleh pelawat jika ingin menjamu selera.



Rajah 3.10: Klinik Kesihatan dan Pergigian

Para penghuni disediakan klinik kesihatan dan klinik pergigian demi menjamin kesejahteraan mereka seperti Rajah 3.10 di atas. Pegawai kesihatan dan pegawai pergigian daripada Kementerian Kesihatan Malaysia akan bertugas mengikut jadual bagi memastikan penghuni berada pada tahap kesihatan yang optimum sepanjang menjalani latihan pemulihan.

Kajian terhadap perubahan bangunan baharu yang menggantikan bangunan lama institusi penjara belum lagi diterokai oleh para sarjana sebelum ini. Merujuk kepada Badan Warisan Malaysia (1990a) dan A Ghafar Ahmad (1997), bangunan bersejarah yang terdapat di Malaysia boleh diklasifikasikan kepada 12 kategori mengikut

kegunaan dan salah satunya ialah institusi seperti bangunan kerajaan, mahkamah, penjara, hospital dan kedutaan.²⁵⁴ Bangunan SHG yang telah usang dan menggunakan bangunan lama sejak didirikan pada 19 Julai 1950 telah digantikan pada tahun 2009. Sekolah ini telah memiliki bangunan dan asrama baharu dan dirasmikan oleh Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Mohd Khalil Bin Yaacob.²⁵⁵ Bangunan baru ini mempunyai reka bentuk moden dan menarik serta sesuai dijadikan sebagai pusat pembelajaran bagi semua pesalah juvana. Di Malaysia, setiap institusi merangkumi antara lima hingga 20 hektar kawasan yang dikelilingi oleh bangunan pentadbiran, asrama, bilik atau sel untuk tahanan, bengkel untuk latihan vokasional, kelas pengajian akademik, perpustakaan, dewan makan, kedai roti, dewan tertutup, seminar bilik, ruang untuk aktiviti luar dan peralatan lain seperti bilik komputer, gimnasium, bilik mandi, tempat membasuh dan dewan solat.²⁵⁶ Ini membuktikan terlalu banyak kemudahan telah disediakan oleh pihak berwajib untuk memastikan pesalah juvana dilayan mengikut ketetapan *United Nations Children's Fund* (UNICEF). Sejarah perkembangan bangunan ini belum lagi dibuat kajian secara terperinci daripada aspek keluasan dan fungsinya dalam sejarah penubuhan sekolah tersebut.

Selain itu, pembinaan blok perumahan kakitangan dan bangunan akademik SHG, Telok Mas yang bernilai RM 45 juta serta lengkap dengan keperluan bilik darjah ini yang dijangka dibina pada tahun 2022 untuk kemudahan para pelajar SHG, Telok Mas,

²⁵⁴ Kamarul Syahril Kamal & Lilawati Ab Wahab, *Bangunan Bersejarah, Kerosakan dan Pernyataan Kaedah Kerja Pemulihan*, Kuala Lumpur: Solid Press Sdn. Bhd., 2014, hlm. 7.

²⁵⁵ <https://www.prison.gov.my/ms/arkib/1301-majlis-perasmian-bangunan-dan-asrama-baru-sekolah-henry-gurney> (tarikh diakses 5 Julai 2022).

²⁵⁶ Teh Guan Bee, "Institutional treatment management of organisations for juvenile of offenders in Malaysia," *UNAFEI Annual Report*, Jil. 59, 2002, hlm. 203-219.

Melaka.²⁵⁷ Pembinaan bangunan ini adalah perlu disebabkan pertambahan bilangan pelajar sekolah dan keadaan bangunan lama yang uzur serta perlu dibaiki dari semasa ke semasa. Kepentingan pembinaan bangunan ini sudah pasti akan mengubah landskap dan persekitaran sekolah yang sedia ada serta memberi manfaat kepada pelajar SHG dan kakitangan penjara.

3.13 Kesenambungan dan Peralihan Tadbir Urus Pengarah Sekolah Henry Gurney, 1950-2020.

Sewaktu pemerintahan British, pengurusan sekolah diletakkan di bawah seorang Penguasa dan beberapa pegawai rendah dan kanan. Kebanyakan jawatan utama dikuasai oleh pegawai kanan British sehingga tahun 1961, kemudian diserahkan kepada pegawai kanan yang terdiri daripada orang tempatan. Berikut adalah senarai nama pengarah SHG,²⁵⁸ dari dahulu sehingga kini.

1. A.J.M GWVNN	19.07.1950 - 06.10.1950
2. H.J.R. EENETT	07.10.1950 - 26.04.1951
3. ASHEEMEE	27.04.1951-01.12.1961
4. VICTOR FRANCIS ROZARIO	02.12.1961-31.05.1980
5. ABDULLAH B. ARIFFIN	01.06.1980-15.12.1983
6. SHAARI B. HJ HUSSIN	16.12.1983-28.02.1986
7. ABD AZIZ B. HJ IDRIS	28.02.1986-15.04.1988
8. ABDULLAH B. BAKAR	03.05.1988-31.12.1988
9. YUSOF B. MOHD NOOR	01.01.1989-30.11.1989
10. ZAINAL ABIDIN HJ. ABD GHANI	10.12.1989-30.04.1991
11. SYED ABDULLAH B. SYED ALWI	01.05.1991-12.10.1993
12. TIAN TENG LENG	13.10.1993-05.12.1994

²⁵⁷ Portal Rasmi Kerajaan Malaysia, <https://www.kkr.gov.my/ms/node/44889> (tarikh diakses 2 Januari 2022).

²⁵⁸ Pejabat Rekod SHG Telok Mas, 2023.

13. GEORGE JINIVON	16.01.1995-14.06.1995
14. HJ NAIM B. YUSOF	28.06.1995-05.03.1999
15. IDRIS B. ISMAIL	06.03.1999-31.10.2001
16. HJ. DARUSSALAM B. HJ BUDIN	01.11.2001-14.07.2004
17. PKP JAMIL RAZIF B. KASSIM	15.07.2004-04.06.2007
18. PKP SAMIHAN B. HJ MISDI	05.06.2007-14.04.2004
19. PKP MD DIN B MAMAT	15.04.2010-22.11.2011
20. PKP JAMIL RAZIF B. KASSIM	22.11.2011-28.05.2013
21. PP ARZAE BIN ABDULLAH	28.05.2013-09.09.2013
22. PKP HAJAH ROHANA BTE ABDULLAH	09.09.2013-14.05.2014
23. PKP LIM KIM MOOI	14.05.2014-15.09.2015
24. PKP SAIDUN BIN OTHMAN	15.09.2015-20.06.2016
25. PKP ABD RAHMAN BIN TAIB	20.06.2016-06.11.2019
26. PKP R. NAZRIL AZMAN BIN R. AZAM ISKANDAR	06.11.2019-14.10.2020
27. PKP HAIROL HISHAM BIN MOHD HARITH	14.10.2022-03.08.2021
28. PKP AZHAR BIN AHMAD	03.08.2021.15.08.2022
29. PKP ZAN AZIM BIN AZIZ	15.08.2022-18.12.2023
30. PKP AZUWAN HAFIZ BIN AHMAD	19.12.2023-KINI ²⁵⁹

3.14 Statistik Kemasukan Penghuni Sekolah Henry Gurney

Pada umumnya mereka yang ditahan di SHG adalah pesalah juvana yang terjebak dengan masalah disiplin dan akhlak. Penahanan mereka berdasarkan keputusan mahkamah kanak-kanak yang dijatuhkan terhadap penghuni. Tempoh penahanan tertakluk kepada jenis kesahan dan laporan pegawai akhlak daripada JKM. Sepanjang tempoh ini penghuni akan diberi bimbingan di bawah satu program secara holistik

²⁵⁹ Senarai nama diperoleh semasa pengkaji membuat kajian lapangan di SHG Telok Mas, Melaka pada 13 Februari 2023.

merangkumi disiplin, akhlak dan kemahiran. Bilangan kemasukan penghuni ke Sekolah Henry sepanjang tahun 2003 sehingga 2020 dapat dilihat melalui jadual 3.7 berikut;

Jadual 3.7

Statistik Kemasukan Penghuni SHG 2003 sehingga 2020²⁶⁰

Bilangan	Tahun	Kemasukan
1	2003	137
2	2004	144
3	2005	116
4	2006	109
5	2007	134
6	2008	96
7	2009	155
8	2010	170
9	2011	203
10	2012	264
11	2013	288
12	2014	79
13	2015	207
14	2016	295
15	2017	335
16	2018	152
17	2019	47
18	2020	304

²⁶⁰ Statistik Kemasukan Penghuni Sekolah Henry Gurney 2003 sehingga 2020 diperoleh semasa membuat kajian lapangan di SHG Telok Mas, Melaka pada 13 Februari 2023.

Menurut jadual 3.7, statistik kemasukan penghuni ke SHG pada tahun 2017 menunjukkan jumlah penghuni paling ramai berjumlah 335 orang, tahun 2020 menduduki tempat kedua iaitu 304 orang dan ketiga pada tahun 2016 iaitu seramai 295 orang. Manakala bilangan penghuni menunjukkan pengurangan yang ketara pada tahun 2019 iaitu hanya 47 orang sahaja kerana COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Jumlah kemasukan penghuni menjadi semakin meningkat sehingga pada masa ini menunjukkan perhatian perlu diberikan terutamanya aspek pemulihan dan pendidikan yang berfokus. Program pemulihan dan pendidikan bukan sahaja bertujuan untuk mengubah minda, tingkah laku dan corak pemikiran penghuni daripada negatif kepada positif semasa berada di SHG sahaja tetapi menjadi harapan agar terus kekal dan berterusan sehingga selepas mereka dibebaskan.

Terdapat tiga pendekatan asas yang digunakan dalam proses pembentukan disiplin, akhlak dan kemahiran penghuni. Jabatan Penjara Malaysia bertanggungjawab sebagai sebuah institusi penahanan dan pemulihan serta tertakluk kepada akta dan peraturan yang telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia. Akta dan peraturan-peraturan daripada JPM mempunyai kuasa secara sah untuk menahan seseorang sebagai penghuni penjara dan melaksanakan program-program pemulihan. Pendekatan ini merangkumi Pemulihan Kendiri, Pemulihan Melalui Teladan dan Pemulihan Berstruktur.

3.14.1 Pelaksanaan Pemulihan Berstruktur

Semua penghuni dan banduan muda perlu melalui pemulihan secara berstruktur melalui Program Pembangunan Insan (PPI). Pemulihan Berstruktur merupakan kaedah pemulihan yang dilaksanakan secara terancang dan sistematik. Kaedah ini

dijalankan secara berperingkat mengikut silibus dan jadual dalam tempoh yang ditetapkan.²⁶¹ Perkembangan dan kemajuan penghuni dalam mengikuti program pemulihan akan diukur melalui penilaian yang khusus pada setiap akhir fasa. Program ini merupakan program pemulihan secara bersepadu, merangkumi segala aktiviti fizikal dan kerohanian.²⁶² Perlaksanaan aktiviti fizikal seperti latihan kawad kaki dan memikul beban untuk meningkatkan ketahanan badan. Aktiviti kerohanian pula seperti solat berjemaah, membaca dan menghafal al-Quran, berzikir, dan lain-lain agar mereka dapat meningkatkan kekuatan rohani dan jiwa. Pemulihan berstruktur melibatkan empat fasa iaitu Fasa Orientasi, Fasa Pengukuhan Sahsia, Fasa Kemahiran dan yang terakhir ialah Fasa Kemasyarakatan. Namun semenjak tahun 2019 setelah pendidikan korektif diperkenalkan hanya tiga fasa sahaja yang digunakan untuk penghuni SHG²⁶³ kecuali fasa kemahiran.

3.14.2 Pelaksanaan Kemaskini Proses Pendaftaran Rekod Penghuni Sekolah Henry Gurney

Program pemulihan penghuni yang telah dijatuhi hukuman oleh mahkamah perlu melalui proses pertama iaitu mendaftar diri di Pejabat Pendaftar SHG. Pejabat Pendaftar merupakan nadi SHG, Jabatan Penjara Malaysia. Setiap maklumat peribadi penghuni perlu direkod dan diproses dengan teliti pada hari pertama menjejakkan kaki ke sekolah ini.²⁶⁴

²⁶¹ Jabatan Penjara Malaysia, *Program Pembangunan Insan*, United Mind. 2014, hlm. 22.

²⁶² Hasnizam Hashim, Norman Zakiyy Chow Jen-T'chiang & Ramalingam Rajamanickam, "Program Pemulihan di dalam Penjara bagi Pesalah Jenayah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia. Isu Khas," *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, Jil 5.2018, hlm. 77.

²⁶³ Norimah Jumai, *Pendidikan Korektif Penjara*, Disertasi Sarjana Muda, Universiti Sains Malaysia, Minden, 2021, hlm. 3

²⁶⁴ Temu bual dengan Puan Nurmarliza Binti Omar, Pegawai N29, SHG, Jabatan Penjara Malaysia pada 9 Februari 2023.



Rajah 3.11: Pejabat Pendaftar

Merujuk kepada Rajah 3.11 pejabat pendaftar menjadi tempat pertama apabila penghuni mendaftar masuk ke SHG. Semua laporan, tarikh dijatuhkan hukuman, maklumat lengkap penghuni akan di laporkan dan disimpan di pejabat ini sebelum mereka menjalani latihan pemulihan.



Rajah 3.12: Suasana di dalam pejabat pendaftar

Peranan pejabat pendaftar penting kerana proses pemulihan bermula daripada data yang terkumpul seterusnya membantu proses pemulihan dan pendidikan penghuni. Rajah 3.12 ialah kaunter pejabat pendaftar SHG di bahagian dalam. Pihak pengurusan dapat mengenal pasti rekod dan maklumat penghuni.

Fasa Orientasi perlu dilalui oleh semua penghuni dalam tempoh masa antara dua hingga tiga bulan berdasarkan kecenderungan penghuni yang mempunyai latar belakang akademik yang bagus atau lebih kepada bidang kemahiran. Selanjutnya penghuni perlu melalui fasa yang kedua selepas dikelaskan kepada lima kluster seperti akademik, sukan, agama, seni, Pendidikan Latihan dan Teknikal Vokasional (TVET). Manakala Fasa ketiga dan terakhir ialah proses pengintegrasian semula ke dalam masyarakat.



Rajah 3.13: Blok Tun Ali ²⁶⁵

²⁶⁵ Blok Tun Ali menjadi tempat latihan yang pertama apabila penghuni juvana melangkah masuk ke SHG. Mereka akan dilatih dengan disiplin yang ketat dari segi fizikal dan mental. Jangka masa berada di sini bermula 3 hingga 6 bulan bergantung kepada tahap disiplin yang ditunjukkan oleh mereka.

Setelah mendaftar para penghuni akan menjalani pemulihan di Blok Tun Ali seperti Rajah 3.13 dengan latihan disiplin dan kawalan yang ketat. Latihan yang dijalankan lebih tegas untuk pembentukan disiplin mereka. Seterusnya penghuni akan menjalani peringkat kedua iaitu mengikuti kluster yang ditentukan berdasarkan ujian diagnostik yang telah dijalankan pada peringkat pertama. Pada fasa kedua, selepas menjalani program dalam kluster yang ditetapkan, penghuni juga boleh membuat “*rotation*” bagi menyertai kluster-kluster lain atau mengikuti lebih daripada satu kluster mengikut kesesuaian dan tempoh penahanan. Apabila selesai fasa kedua, penghuni perlu mengikuti fasa terakhir (ketiga) iaitu pengintegrasian semula ke dalam masyarakat.

Proses pengintegrasian semula dilakukan berdasarkan perkembangan dan pencapaian penghuni semasa menjalani Program Pendidikan Korektif selama tempoh penahanan. Pelaksanaan program pemulihan terhadap para penghuni merupakan program yang meliputi semua aspek yang saling berkait antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepadu yang menyeluruh, bukan sekadar menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja serta dibentuk mengikut keperluan penghuni itu sendiri agar segala pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi semasa di sekolah ini dapat diimplementasikan sewaktu menjalani kehidupan setelah mereka keluar daripada SHG.

3.14.3 Penambahbaikan Jadual Harian Penghuni Sekolah Henry Gurney

Para penghuni SHG tinggal di blok yang dikategorikan mengikut bidang yang mereka ikuti setelah dipilih mengikut kelayakan dan kemahiran masing-masing. Pada tahun 1950an sehingga 1970an blok-blok mereka dipanggil ‘Rumah’. Dua orang pegawai kanan yang bertugas akan bertanggungjawab dalam semua urusan seperti membuat

rekod, mengira gaji, perjumpaan dan lain-lain lagi. Para penghuni akan mula melakukan aktiviti harian apabila seorang penghuni yang ditugaskan meniup ‘Bugler’.²⁶⁶ Tiupan itu menandakan bermula atau tamat aktiviti harian mereka.



²⁶⁶ Bugler ialah sejenis alat tiupan yang diwarisi sejak zaman British dan ditiup tepat pukul 6.15 pagi.

Jadual 3.8

Jadual Harian Penghuni Henry Gurney²⁶⁷

Masa	Aktiviti
6.15 pagi	Semua penghuni bangun dari tidur
7.00 pagi	Semua penghuni menuju ke padang kawad Ikrar Rukun Negara dan lagu Negaraku dinyanyikan
7.30 pagi	Sarapan pagi
8.00 pagi	Latihan Vokasional dan akademik
12.00 tengahari	Berhenti kerja dan kembali ke rumah masing-masing
1.00 tengahari	Penghuni bekerja semula di bengkel masing-masing
4.00 petang	Minum petang
4.30 petang	Solat Asar bersama Ustaz. (penghuni Islam)
5.00 petang	Aktiviti sukan bagi semua penghuni
6.30 petang	Makan malam
7.00 malam	Semua penghuni berada di rumah masing-masing. Mereka dibenarkan menonton televisyen dan bermain <i>Indoor Games</i> Bagi penghuni beragama Islam pula akan ke surau untuk menunaikan solat maghrib dan isyak secara berjemaah
9.00 malam	Lampu dipadamkan Ksemua dikehendaki tidur

²⁶⁷ Abdul Ghani Salleh, *Panduan Penjara Malaysia, dalam* Baharullah Adam, SHG Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 68.

Jadual 3.8 menerangkan aktiviti seharian penghuni sepanjang menjalani latihan pemulihan. Panggilan rumah itu lebih dikenali sebagai blok tetapi nama-nama asal rumah dikekalkan dan ada yang ditukar. Nama-nama blok seperti Blok Tuah, Jebat, Lekir, Lekiu dan Kasturi masih digunakan manakala penghuni wanita SHG pula tinggal di Blok Tun Teja.²⁶⁸ Ini membuktikan pesalah lelaki lebih ramai dari pesalah wanita. Penghuni yang baru sahaja mendaftar masuk akan tinggal di blok yang dikhususkan untuk pembentukan disiplin dan pemulihan awal iaitu di Blok Tun Ali yang agak berasingan dan dikawal ketat daripada segi keselamatan berbanding blok-blok lain yang telah melalui fasa orientasi. Jadual harian penghuni turut ditambah baik selaras dengan Peraturan Penjara 2000.



²⁶⁸ Rujuk Lampiran B halaman 323.

Jadual 3.9

Jadual Harian Penghuni Henry Gurney 2020

Masa	Aktiviti
5.30 pagi	Semua penghuni bangun dari tidur dan solat Subuh berjemaah (yang beragama Islam)
7.00 pagi	Penghuni keluar dari blok masing-masing menuju ke dataran. Membaca ikrar Rukun Negara. Menyanyikan lagu Negaraku, Negeri Melaka dan lagu sekolah Taklimat diberikan kepada semua penghuni seperti ucapan dalam perhimpunan mengandungi nasihat dan teguran
7.30 pagi	Sarapan pagi
8.00 pagi	Latihan Vokasional dan Akademik
12.00 tengahari	Berhenti rehat & makan tengahari, solat zohor berjemaah dan ke blok masing-masing
2.00 - 4.00 petang	Rehat di dorm masing-masing (sekiranya penghuni memilih kluster agama dan sukan muay thai atau tinju mereka akan mengikuti kelas mengikut masa yang disediakan)
4.30 petang	Solat Asar (penghuni Islam)
5.00 petang	Minum petang
5.30 petang	Bersukan
6.30 petang	Makan malam
7.30 malam	Menunaikan solat maghrib dan isyak di bilik masing-masing.
10.00 malam	Lampu dipadamkan. Semua dikehendaki tidur

Jadual Harian SHG di dalam jadual 3.9 telah diubah suai memandangkan pihak JPM telah berusaha agar para penghuni dapat mengaplikasikan pembangunan jati diri

penghuni terutamanya bilangan penghuni yang beragama Islam semakin bertambah. Hal ini disebabkan melalui amali dan kefahaman dalam bidang kerohanian dapat meningkatkan pembangunan jati diri seseorang yang beragama Islam, melakukan amal soleh supaya kekuatan iman dapat dipertingkatkan dan seterusnya dapat mempraktikkan akhlak Islam yang sebenarnya semasa menjalani pemulihan.

3.15 Penambahbaikan Kurikulum Sistem Persekolahan Sekolah Henry Gurney.

Kurikulum yang dilaksanakan di Sekolah Integriti atau SHG adalah berteraskan kurikulum KPM yang sedia ada dan digunakan secara fleksibel mengikut keperluan, persekitaran, tahap dan sosio budaya agar murid mendapat pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk diaplikasikan dalam kehidupan mereka sebagai pembelajaran sepanjang hayat. Sistem persekolahan di SHG memang jauh berbeza dengan sistem persekolahan pada tahun 1950, 1960, 1970, 1980 dan 1990an. Pada masa itu para penghuni diberikan latihan vokasional dan pendidikan asas. Beberapa perkara telah ditambah seperti membenarkan guru agama dibawa masuk untuk mengajar pendidikan agama Islam.²⁶⁹ Selain itu ustaz yang dibawa masuk untuk mengajar penghuni yang beragama Islam, sami Buddha dan Hindu juga turut dibenarkan untuk membimbing penghuni yang menganut agama tersebut. Pada masa ini konsep pendidikan di Sekolah Integriti atau SHG adalah pendidikan formal yang berstruktur dan berfokus mengikut keperluan dan Dasar Pendidikan Negara.

²⁶⁹ Baharullah Adam, *SHG Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990*, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm.75.



Rajah 3.14: Para Penghuni Kluster Akademik pulang ke Blok Hang Tuah selepas tamat sesi persekolahan.²⁷⁰

3.15.1 Pengenalan Model Pendidikan Baharu

Model Pendidikan yang digunakan di Jabatan Penjara Malaysia ialah Modul Putra yang telah diperkenalkan sejak 2004. Modul Putra merangkumi kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M), kedua akademik dan terakhir kemahiran vokasional.

Kurikulum yang digunakan di SHG sama seperti yang digunakan di Sekolah Integriti. Pelaksanaan kurikulum lebih berfokuskan kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) serta berpandukan kepada modul asas literasi dan numerasi (LINUS) yang dikeluarkan oleh KPM. Umum mengetahui bahawa kebanyakan penghuni yang mendapat pemulihan di SHG merupakan golongan yang keciciran sewaktu

²⁷⁰ Setelah bersarapan pagi para penghuni akan memulakan program seperti jadual mengikut kluster masing-masing.

bersekolah. Kelas Pemulihan 3M yang menekankan kemahiran membaca, menulis dan mengira turut disediakan terhadap semua penghuni supaya mereka mampu membaca dan menulis setelah mengikuti program ini.

Selain memasuki kelas untuk pendidikan formal, penghuni yang lemah dalam pelajaran akan diberikan kelas pemulihan. Pembelajaran dan pengajaran berlangsung dari 8.00 pagi hingga 1.00 petang. (tertakluk kepada masa dan waktu mengikut Zon A dan Zon B). Mata pelajaran yang ditawarkan: Bahasa Melayu, Matematik, Pendidikan Islam / Pendidikan Moral. Manakala Bahasa Inggeris dan Pendidikan Seni Visual mengikut opsyen dan kemampuan guru.²⁷¹

Seterusnya sistem akademik yang digunakan di sekolah ini berpandukan kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM, KPM. Mata pelajaran yang ditawarkan untuk penghuni yang akan menduduki Pra SPM dan SPM ialah:

i. Mata pelajaran teras iaitu terdiri daripada bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral, Sejarah, Matematik dan Sains. Manakala mata pelajaran elektif pula terdiri daripada Ekonomi Asas, Perniagaan, Tassawur Islam, Geografi dan Pendidikan Seni Visual. Penghuni SHG boleh mengambil maksima tiga subjek elektif daripada lima mata pelajaran yang ditawarkan.

Manakala kemahiran vokasional pula berpandukan kepada Sukatan Pelajaran Kemahiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian

²⁷¹ Buku Panduan SHG dan Sekolah Integriti, Jabatan Penjara Malaysia, 2019, (tidak diterbitkan), hlm. 25.

Sumber Manusia. Kelas Kemahiran Vokasional ditawarkan terhadap SHG yang mempunyai kemudahan prasarana yang lengkap SHG berkenaan diwajibkan melaksanakan program-program kemahiran bersijil yang ditawarkan oleh Kementerian Sumber Manusia.

3.15.2 Spesifikasi Pelaksanaan Pembelajaran Dan Pengajaran Formal Di Bilik Darjah.

Proses Pembelajaran dan Pengajaran pula dilaksanakan secara formal di bilik darjah dan bengkel yang disediakan. Pihak Jabatan Penjara turut menyediakan infrastruktur yang lengkap dan persekitaran sekolah yang kondusif terhadap para penghuni. Oleh yang demikian kelas akademik dijadualkan seperti berikut:

Masa Kelas Akademik:

i. Zon A (Ahad hingga Khamis)

8.00 a.m-1.40 p.m

ii. Zon B (Isnin hingga Jumaat)

8.00 a.m-1.40 p.m. (Isnin hingga Khamis)

8.00 a.m hingga 12.20 p.m (Jumaat)

Masa Kelas Kemahiran:

i. Zon A (Ahad hingga Khamis)

8.00 a.m hingga 4.30 p.m.

ii. Zon B (Isnin hingga Jumaat)

8.00 a.m hingga 4.30 p.m (Isnin hingga Khamis)

8.00 a.m hingga 4.30 p.m (Jumaat)

3.15.3 Pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional

SLDN merupakan singkatan daripada Sistem Latihan Dual Nasional. ‘Dual’ bermaksud latihan di dalam dua situasi pembelajaran iaitu, tempat kerja sebenar (syarikat) yang merangkumi 70 peratus hingga 80 peratus latihan amali (prestasi) dan pusat latihan yang merangkumi 20 peratus hingga 30 peratus pembelajaran teori (pengetahuan).

1. Merupakan latihan dalam dua situasi pembelajaran iaitu tempat kerja yang sebenar dan institut latihan serta dikendalikan melalui usahasama syarikat-syarikat dan institusi latihan.
2. Kursus yang ditawarkan di bawah program SLDN:
Juru Kecantikan, Pendandan Rambut, Pembuat Pakaian Wanita dan Lelaki, Juruteknik Elektrik, Mekanik Kenderaan Motor, Pembuat Perkakasan-Acuan Suntikan Plastik serta kursus lain yang ditawarkan oleh institusi.
3. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)
SKM Tahap 1
SKM Tahap 2

Umum setiap sekolah menyediakan lima kelas mengikut keperluan. Bilangan murid dalam sesebuah kelas tidak boleh melebihi 25 orang bagi memudahkan proses kawalan dan keselamatan.²⁷² Setiap bilik darjah di sekolah mestilah dilengkapi dengan kemudahan asas seperti kerusi dan meja murid, kerusi dan meja guru, papan hitam dan putih, papan kenyataan, kipas angin atau penyaman udara dan lampu siling. Sebuah

²⁷² Dasar dan Konsep Pendidikan di Penjara, Jabatan Penjara, 2019, (tiada halaman). Rujuk Lampiran C.

pusat sumber yang lengkap dan kondusif serta berperanan sebagai sumber maklumat yang penting turut disediakan untuk mengukuhkan pelaksanaan dan keberkesanan program pendidikan di penjara.²⁷³

3.16 Rumusan

Jelaslah bahawa SHG Telok Mas melalui satu proses pembangunan dan perubahan yang lebih baik selepas tahun 1990 sehingga 2020. Pelbagai aktiviti pendidikan seperti program pemulihan dan pendidikan telah ditambah baik agar mempunyai silibus atau sukatan pelajaran yang sama seperti sekolah yang berada di aliran arus perdana di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Malahan pengajaran dan pembelajaran di SHG juga berupaya melahirkan penghuni yang cemerlang dari segi akademik selain membentuk sahsiah terpuji. Tidak hairanlah mengapa SHG Telok Mas menjadi sekolah di bawah kelolaan Jabatan Penjara Malaysia yang sentiasa memperoleh pencapaian yang cemerlang berbanding Sekolah-sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti di seluruh Malaysia.

²⁷³ Ibid., hlm. 26.

BAB EMPAT

PELAKSANAAN DAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN KOREKTIF DI SEKOLAH HENRY GURNEY

4.1 Pengenalan

Pada era kolonial pembinaan sekolah di dalam penjara telah mendapat perhatian daripada pihak British. Ini berikutan, pada tahun 1941 pihak British telah mula membina sekolah-sekolah penjara secara berperingkat melalui pembinaan lebih banyak perpustakaan dan mempergiatkan usaha-usaha pembelajaran ketika banduan menjalani kehidupan di dalam penjara.²⁷⁴ Usaha berterusan dilakukan sehinggalah dalam tempoh selepas Perang Dunia Kedua pihak British menggalakkan pendidikan penjara ke seluruh penjara Tanah Melayu dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan kelengkapan yang sesuai kepada para banduan yang mengikut kelas-kelas penjara.²⁷⁵ Konsep pemulihan, rawatan dan perhatian terhadap pendidikan di semua penjara Persekutuan Tanah Melayu telah mula dilaksanakan secara pada tahun 1941 dengan perhatian terhadap aspek pendidikan.

Permulaan kepada usaha ini dilaksanakan dengan membina sekolah penjara yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan perpustakaan, kelas pendidikan akademik, pendidikan jasmani dan kelas pendidikan agama. Konsep pemenjaraan dan hukuman mengalami perubahan kepada konsep Pemulihan Pendidikan (Correctional Education). Ia dimulai di Penjara Pulau Pinang dengan penubuhan kelas-kelas

²⁷⁴ Siti Alwalyah Mansor & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, Penjara Pulau Pinang: Isu-isu dalam Perkembangan Pendidikan Penjara, 1941-1957, *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 5(14), 93-112. 2019. hlm. 95.

²⁷⁵ Ibid.

vokasional dan akademik. Dalam melaksanakan program pendidikan penjara, semua program yang dirancang bertujuan memberikan galakan dan peluang kepada banduan dan penghuni juvana untuk berubah dengan memupuk tabiat bekerja dengan baik di samping membina jati diri agar lebih bertanggungjawab dan berdikari dalam menjalani kehidupan seharian.

Begitu juga Pendidikan Korektif Sekolah Henry Gurney yang diperkenalkan pada tahun 2019 ia selaras dengan fungsi Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia iaitu, melaksanakan program pendidikan ke atas penghuni bagi membangunkan modal insan dan pembelajaran sepanjang hayat dan memastikan penghuni diberi peluang kemahiran yang sewajarnya untuk mendapatkan kemahiran vokasional dan industri. Semua penghuni perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran daripada segi emosi dan psikologi agar dapat belajar serta mendapat pengalaman yang indah melalui pendidikan korektif yang disediakan oleh pihak penjara. Hal ini kerana hanya penjara satu-satunya tempat yang mempunyai program pemulihan untuk membantu para penghuninya supaya bersedia untuk kembali ke pangkuan masyarakat setelah tamat tempoh hukuman. Sebelum Program Pendidikan Korektif diperkenalkan, Modul Putra juga telah digunakan terhadap semua banduan muda bermula tahun 2004.²⁷⁶

²⁷⁶ Norimah Jumai, *Pendidikan Korektif Penjara*, Disertasi Sarjana Muda, Universiti Sains Malaysia, Minden, 2021, hlm. 1.

4.2 Pelaksanaan Modul Putra di Sekolah Henry Gurney

Pada awalnya Modul Putra digunakan sebelum Pendidikan Korektif dilaksanakan Jabatan Penjara Malaysia. Modul ini digunakan untuk pesalah muda di SHG dan Sekolah Integriti sejak tahun 2004. Ia berasaskan pendidikan yang hampir sama dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, KPM. Penghuni akan dapat membentuk sahsiah diri dan memupuk semangat kepimpinan dalam kalangan mereka melalui modul ini. Modul Putra juga merupakan salah satu modul yang dilaksanakan di bawah Program Pembangunan Insan (PPI) yang dilancarkan pada tahun 2004. Program Pembangunan Insan telah dikembangkan ke seluruh institusi penjara di Malaysia dengan memberi penekanan kepada Modul Terapeutik Komuniti, Modul Halaqah dan Modul Putra. Menerusi program ini juga satu kaedah penilaian baharu telah diguna pakai dengan menggunakan Sistem Pemarkahan Mengikut Jam Kredit dalam profil penghuni.²⁷⁷ Aktiviti kaunseling dan kerohanian atau moral juga dilaksanakan kepada penghuni bagi memastikan keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Ia selaras dengan pernyataan yang dibuat oleh Tuan Haji Azhan iaitu

“Pendidikan Korektif berasal dari Modul Putra yang telah dimodifikasi, ditambah baik terutama program bimbingan. Pendidikan Korektif ini maknanya kita betulkan semula, menjajarkan balik pemikiran dan tingkah laku mereka. Ia juga merupakan gabungan antara pendidikan dan bimbingan dan proses pendidikan. Dalam negara Malaysia program pendidikan yang dibuat mestilah berpusat dan tidak boleh lari daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Pendidikan Korektif bertujuan untuk membetulkan mereka, jadi disinilah ia diadun seterusnya disiplin mereka dibetulkan, sahsiah yang baik dibentuk dan akhirnya kita beri peluang kepada mereka untuk maju sama seperti kanak-kanak yang berada di luar iaitu di sekolah arus perdana.”²⁷⁸

²⁷⁷ Jabatan Penjara Malaysia, *Program Pembangunan Insan*, United Mind. 2014, hlm. 3.

²⁷⁸ Temu bual dengan Tn Haji Azhan Bin Anuar (Mantan Ketua Sektor Pendidikan, Jabatan Penjara Malaysia) pada 6 Mac 2023. Beliau menjadi Ketua Sektor Akademik di Ibu Pejabat Penjara Malaysia,

Selepas melalui Fasa Pembentukan Disiplin penghuni Juvana di SHG akan mengikuti Fasa Pengukuhan Sahsia yang merupakan *core treatment*²⁷⁹ dalam PPI yang dilaksanakan selama 6 bulan yang memberi penekanan kepada aspek pembentukan jati diri dan modul yang bersesuaian mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Modul-modul yang dilaksanakan dalam fasa ini adalah Modul Terapi Komuniti, Modul Halaqah, Modul Pendidikan Dan Bimbingan serta Modul Tegar dan Modul Putra. Program ini dijalankan oleh Pihak Jabatan Penjara Malaysia mendapati satu program baharu perlu dibentuk supaya lebih terarah dan mempunyai objektif yang lebih bersepadu sesuai dengan konsep Penjara Sejahtera. Menurut Dr Puan Kausalya (KP4)

“sebelum dijenamakan sebagai pendidikan korektif ia dinamakan sebagai Modul Putra ya, tetapi err kita lihat dia punya pengaturan pengasingannya kurang jelas, dia macam caca-merba sikit, bertindan dan kurang mantap”.²⁸⁰

dan

“Pendidikan korektif bukan sesuatu yang baharu. Ia bermula daripada Modul Putra. Modul Putra pun sudah ada akademiknya, pembinaan sahsiahnya, pembentukan disiplinnya. Cuma Pendidikan Korektif ini adalah satu program pendidikan yang bertujuan untuk menambah baik program pemulihan, menambah baik program bimbingan di Sekolah Henry Gurney”.²⁸¹

Kajang selama 5 tahun dan terlibat secara langsung dengan Pendidikan Korektif, Jabatan Penjara Malaysia.

²⁷⁹ Program *core treatment* dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan hingga 12 bulan di mana penekanan diberi kepada aspek pembentukan jati diri dan pembentukan sikap positif.

²⁸⁰ Temu bual dengan Dr Kausalya Devi a/p Sathoo (Timbalan Komisioner Penjara, Jabatan Penjara Malaysia) pada 1 Mac 2023.

²⁸¹ Temu bual dengan Tn Haji Azhan Bin Anuar (Bekas Ketua Sektor Pendidikan, Jabatan Penjara Malaysia) pada 6 Mac 2023.

Sehubungan dengan itu hasil kajian yang menyeluruh dan program yang bersepadu perlu digubal agar penghuni mempunyai pendidikan dan kemahiran yang lebih terjamin pada masa hadapan perlu dibentuk. Program yang dirancang dengan rapi oleh Jabatan Penjara Malaysia dengan Kerjasama Kementerian Pendidikan ini bertujuan supaya para penghuni SHG mendapat pendidikan yang sempurna agar selepas tamat pemulihan mereka dapat menyambung pelajaran atau bekerja di sektor yang sesuai dengan kemahiran yang dibekalkan kepada mereka.

4.3 Dasar dan Polisi Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney

Para penghuni juvana perlu diberikan satu pendekatan pemulihan yang menggabungkan akademik dan juga program yang lebih berkesan sepanjang tempoh penahanan mereka sama ada di SHG mahupun di Sekolah Integriti (SI). Pendidikan Korektif bertujuan memastikan setiap penghuni SHG memiliki sekurang-kurangnya satu sijil apabila dibebaskan kelak. Ia diputuskan kerana para penghuni mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan yang setara dengan pelajara di luar yang menerima pendidikan arus perdana.

Matlamat utama Pendidikan Korektif adalah memastikan setiap penghuni menerima pendidikan yang sesuai. Jabatan Penjara Malaysia, di bawah Seksyen Pemulihan dan Pendidikan, telah membangunkan program komprehensif yang meliputi pakej pendidikan lengkap untuk penghuni juvana, yang membawa kepada kewujudan Pendidikan Korektif.

Selain membenarkan penghuni menduduki peperiksaan SPM, mereka juga boleh memilih bidang lain seperti sukan, atau mempelajari muzik, seolah-olah mengikuti

sekolah sukan atau seni, bagi memberikan mereka pelbagai alternatif selepas tamat pemulihan di SHG.

Walaupun begitu, semua penghuni wajib menjalani Program Pemulihan dan Bimbingan (PB) untuk membetulkan adab, akhlak, dan disiplin mereka agar mereka insaf, berdisiplin, dan bersedia untuk mengikuti suasana persekolahan baharu. Pendidikan Korektif sebenarnya lebih memfokuskan kepada pembentukan insan, sesuai dengan maksud asal perkataan "corrective" iaitu pembetulan.


Merujuk Hak Kanak-kanak dalam Institusi Tahanan Menurut Instrumen Antarabangsa dan Perundangan Malaysia, 2021, dalam Kaedah 38 Kaedah-Kaedah SHG 1949, menyatakan peruntukan hendaklah dibuat bagi mewujudkan kelas pendidikan untuk kebaikan semua penghuni.²⁸² Kaedah 39 pula menegaskan bahawa perpustakaan perlu disediakan di setiap institusi, dan setiap penghuni dibenarkan meminjam tidak lebih dari tiga buah dan bertukar-tukar buku dengan seberapa kerap yang boleh dilaksanakan. Ini bertujuan untuk menggalakkan penghuni menghabiskan banyak masa untuk membaca dan menambah ilmu pengetahuan.

Selain itu, Peraturan 151 (1) Peraturan-Peraturan Penjara 2000 menyatakan setiap penjara hendaklah mewujudkan program pendidikan dengan kemudahan yang lengkap untuk banduan yang tertentu mengikut pada masa lapangnya untuk memperbaiki kelulusan akademik mereka melalui kursus koresponden, pengajian persendirian atau latihan kraftangan. Cadangan juga dibuat agar peruntukan ini dipinda bagi

²⁸² Noor Aziah Mohd Awal, Mohd Al Adid Samuri, Fariza Md Sham & Nurul 'Ízzah Zainol, "Hak Kanak-kanak dalam institusi tahanan menurut instrumen Antarabangsa dan Perundangan Malaysia," *UUM Journal of Legal Studies*, Vol. 12, No. 2, 2021, hlm 283-305.

membolehkan pembelajaran berubah menjadi lebih inovatif dan terkini seperti pembelajaran atas talian bagi membolehkan kanak-kanak mendapat akses pendidikan menggunakan teknologi terkini. Kenyataan ini menekankan kepentingan dan kesesuaian program Pendidikan Korektif yang diperkenalkan di SHG.

Seterusnya pendidikan yang diberikan terhadap penghuni bukan sekadar berfokus kepada akademik dan intelektual semata-mata tetapi juga sokongan kokurikulum terhadap mereka, dalam erti kata lain selain mendorong penghuni mendapat pendidikan selayaknya. Jabatan Penjara Malaysia juga membetulkan kembali kesalahan penghuni melalui pendidikan terbaik di SHG. Selaras dengan kenyataan berikut



“Kita kena sedar bahawa mereka datang dalam pelbagai latar belakang pelbagai umur, maka pendidikan kita mesti bersifat untuk menyantuni, bersifat untuk memastikan semua orang, dapat mencapai dua perkara iaitu yang pertama mereka yang tidak boleh membaca maka mereka mesti boleh membaca. Yang boleh dikembangkan akademiknyanya, mereka mesti ambil SPM.”²⁸³

Hasil daripada Pendidikan Korektif akan memastikan penghuni SHG memiliki sekurang-kurangnya satu sijil apabila dibebaskan. Ia selaras dengan hasrat Pendidikan Korektif agar mereka mempunyai masa depan dan hidup secara bermaruah.

Visi dan Misi pendidikan korektif ialah “Peneraju Perkhidmatan Korektif” dan “Membentuk insan produktif melalui pemulihan efektif, persekitaran kondusif dan pengintegrasian strategik”. Pendidikan Korektif telah dibentuk berdasarkan kepada

²⁸³ Temu bual dengan Dr Kausalya Devi a/p Sathoo (Timbalan Komisioner Penjara, Jabatan Penjara Malaysia) pada 1 Mac 2023.

tiga asas utama iaitu Pendidikan dan Bimbingan (PB), Modul HUNT, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan mempunyai lima kluster mengikut bidang tertentu.²⁸⁴ Oleh itu kajian mengenai sejarah perkembangan SHG ini perlu diteruskan memandangkan Pendidikan Korektif merupakan sebuah program untuk mengawal jenayah dan kesalahan tingkah laku dalam kalangan pesalah juvana.

4.4 Pengurusan Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney

Pengurusan Pendidikan Korektif di SHG, mempunyai bahagian-bahagian di dalam Jabatan Penjara Malaysia yang memainkan peranan agar setiap perancangan yang dilaksanakan lebih terancang dan mampu mencapai matlamat untuk jangka masa panjang. Segala urusan pelajar SHG dan banduan muda kini berada di bawah Bahagian Pengurusan Banduan. Manakala bahagian tersebut diuruskan pula oleh Seksyen Pemulihan dan Pendidikan, Seksyen Vokasional dan Industri dan Seksyen Rawatan dan Layanan. Selain itu Seksyen Pemulihan dan Pendidikan melalui unit akademik telah menyediakan guru-guru akademik berjawatan kader dari KPM, guru-guru agama dari Jabatan Agama Islam Melaka, Jurulatih Muzik dan pengajar daripada pelbagai bidang industri bagi memenuhi permintaan Pendidikan Korektif di SHG. Sejak tahun 2008, Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan pendidikan secara formal kepada juvana dengan mewujudkan Sekolah Integriti.²⁸⁵

²⁸⁴ Norimah Jumai, *Pendidikan Korektif Penjara*, Disertasi Sarjana Muda, Universiti Sains Malaysia, Minden, 2021, hlm. 2.

²⁸⁵ Darussalam Budin, "Pendidikan Juvana di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Hala Tuju, Pelaksanaan dan Cabaran," *Jurnal Hadhari*, Jil. 6, No.1, 2014, hlm. 93.

Pelaksanaan aktiviti pendidikan sekolah dalam penjara diselia oleh empat orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di bawah sektor pengurusan pendidikan, Pengurusan Banduan.²⁸⁶ Sektor ini diketuai oleh Ketua Unit Pendidikan (KUP) dan dibantu oleh tiga (3) orang Penolong Ketua Sektor iaitu:

- i. Pengurusan dan Pentadbiran
- ii. Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum
- iii. Akademik, Kemahiran dan Pengajian Tinggi

Manakala Pengurusan Unit Akademik SHG pula berada di bawah Unit Pemulihan Institusi. Unit Akademik SHG diketuai oleh penyelia dan dibantu oleh tiga orang penolong penyelia iaitu Pengurusan Akademik, Ehwal Murid (HEM) dan Kokurikulum. Organisasi pengurusan sekolah adalah tertakluk kepada pengisian perjawatan yang diluluskan mengikut keperluan setiap sekolah.

Pengurusan pendidikan melibatkan Bahagian Pengurusan Banduan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia (IPPM) dan semua institusi di penjara. Pengurusan Sektor Pendidikan yang berada di bawah pentadbiran Seksyen Pemulihan dan Pendidikan, Bahagian Pengurusan Banduan boleh dikatakan sebagai nadi untuk menggerakkan jentera bermula dari seorang penghuni dijatuhi hukuman sehinggalah saat mereka dibebaskan. Jabatan Penjara Malaysia akan memastikan banduan atau tahanan atau juvana dapat mengikuti program pemulihan sepanjang tempoh mereka berada dalam penahanan. Kenyataan ini juga dijelaskan oleh Mantan Ketua Sektor Akademik menerusi Bernama Radio mengenai topik di Pendidikan di Sebalik Tirai Besi.²⁸⁷

²⁸⁶ Ibid., hlm. 97.

²⁸⁷ Video tersebut adalah siaran langsung Bernama Radio dengan topik "Pendidikan Di Sebalik Tirai Besi" pada 27 November 2019. Tetamu jemputan ialah Encik Azhan Anuar, Ketua Sektor Pendidikan,

Beliau turut menerangkan para penghuni perlu mengikuti sub modul pembinaan disiplin dan sahsiah diri, di samping proses pendidikan memfokuskan pembentukan diri, pengurusan diri, muhasabah diri, kemahiran sosial, perlakuan jenayah dan kenegaraan,

“Many offenders have limited education Goebel (2005), and many prisoners have had negative experiences with compulsory schooling, thereby rejecting learning at the earliest opportunity Irwin (2003). For the vast majority of incarcerated offenders, prison is a transitional placement. After serving their sentences, the majority of offenders transition from incarceration back to their communities. Ex-offenders struggle to find their place in society while coping with the social pressure and economic hardships that led them to crime in the first place.”²⁸⁸

Goebel (2005), menyatakan bahawa ramai penghuni mendapat pendidikan yang terhad. Pengalaman negatif semasa berada di alam persekolahan menyebabkan mereka tidak dapat meneruskan pembelajaran di awal kehidupan. Irwin (2003)²⁸⁹ berpendapat bagi sebahagian besar penghuni yang dipenjarakan, penjara adalah penempatan untuk pemulihan. Kekurangan kemahiran asas dan akademik yang diperlukan oleh majikan menyebabkan banyak individu menghadapi masalah dalam pasaran pekerjaan selain tidak bersedia untuk memenuhi permintaan di tempat kerja.²⁹⁰ Oleh yang demikian pendidikan dalam kalangan penghuni perlu diberi penekanan agar mereka boleh

Jabatan Penjara Malaysia. Perbincangan ini menekankan kepentingan pendidikan dalam penjara dan usaha yang dilakukan oleh Jabatan Penjara Malaysia untuk menyediakan peluang pendidikan kepada banduan. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai inisiatif pendidikan yang disediakan kepada banduan bagi membantu mereka selepas tempoh hukuman berakhir. <https://www.facebook.com/bernamaradio/videos/691937658002380> (tarikh diakses pada 7 Januari 2025).

²⁸⁸ Moore, C. A, *Learning behind Bars : the Experiences of Undergraduate Students in a South African Prison*, 2017, hlm. 27.

²⁸⁹ Irwin, T., *Prison Education in Northern Ireland: Learning from our Paramilitary past. The Howard Journal* 42(5), 2003, hlm 471-484.

²⁹⁰ A. Malek, Mohd Ahsani & Mohamad Zabidi, Mohamad Irfan (2022) *Penyisihan pekerjaan dan kesejahteraan psikologi penghuni penjara*. In: *Penyisihan Sosial Kumpulan Marginal*. UUM Press. UUM, hlm. 128-149.

meneroka banyak peluang pekerjaan. Seterusnya Stevens & Ward (1997) pula menjelaskan peranan pendidikan korektif adalah

1. Berfungsi sebagai agen perubahan untuk banduan dan sistem,
2. Mengekalkan integritinya dari segi komitmen asasnya kepada kebebasan membuat inkuiri,
3. Mengkaji, menilai dan bertindak balas kepada semua pembolehubah dalam individu, sistem dan masyarakat yang mendapat manfaat daripada keseimbangan pendidikan dengan proses, produk dan pembaharuan sosial.²⁹¹

Menerusi pendidikan akademik untuk korektif seharusnya dapat menghilangkan rasa terasing semasa di penjara dan membantu penghuni agar dapat menyesuaikan diri seperti memberi mereka pemahaman yang lebih baik melalui pendidikan. Seterusnya dapat menjimatkan banyak kos sekiranya mereka dipenjarakan tanpa sebarang program yang bermanfaat. Lempert, Bergeron, dan Linker (2005) berpandangan bahawa

“prisoners are often built in inaccessible areas to remove society’s evil-doers, the bad apples that threaten the security of law-abiding citizens. Prison removes these evil influences from the visibility and consequently, from the collective consciousness of less transgressive citizens”.²⁹²

Menurut pernyataan ini, penjara seringkali dibina di kawasan tertutup untuk menghapuskan individu yang bermasalah, seperti mengancam keselamatan dan

²⁹¹ Stevens, D. J., & Ward, C.S. (1997). College Education and Recidivism: Educating Criminal Is Meritorious. *Journal of Correctional Education*, Jil. 48, No. 3, hlm. 106-111.

²⁹² Lempert, Lora Bex, Suzanne Bergeron, and Maureen Linker. "Negotiating the Politics of Space: Teaching Women's Studies in a Women's Prison." *NWSA Journal*, Jil 17, No. 2, 199-207. muse.jhu.edu/article/184737. 2005, hlm. 199-207.

ketenteraman masyarakat sekeliling. Selain berperanan menghapuskan warga yang memberi pengaruh negatif ini daripada kumpulan masyarakat yang harmoni, penjara juga boleh mendidik manusia ke arah yang lebih baik melalui pemenjaraan dan pemulihan.

Masyarakat juga perlu didedahkan dengan pendidikan korektif ini agar lebih memahami sistem dan tidak melabel penghuni sebagai pesalah atau penjenayah. Selain itu sekiranya para penghuni mendapat pendidikan korektif ini usaha Jabatan Penjara Malaysia melahirkan penghuni yang mempunyai beberapa kemahiran dan tenaga buruh separa mahir dan mempunyai disiplin yang tinggi turut menyumbang kepada ekonomi negara daripada segi pasaran buruh.

Pemulihan didefinisikan sebagai perbuatan memulihkan, pengembalian kepada keadaan yang semula atau pemulangan atau pengembalian (hak, harta benda dan lain-lain)²⁹³. Berdasarkan kepada dasar pemulihan penjara, Jabatan Penjara Malaysia berusaha untuk melahirkan penghuni yang mampu kembali kepada fitrahnya melalui proses pemulihan yang dinamik, sistematik dan bersepadu. Program pemulihan kepada penghuni melalui PPI adalah berkonsepkan *K.A.S.I.H* iaitu akronim kepada *Knowledge, Attitude, Skills, Intelligence dan Humanity*. Tujuannya adalah untuk mengubah minda, tingkah laku dan corak pemikiran penghuni daripada negatif kepada ke arah yang positif. Perubahan yang diharapkan diharapkan bukan semasa berada di SHG sahaja malahan akan terus kekal dan berlanjutan sehinggalah mereka dibebaskan.

²⁹³ <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=pemulihan>, (tarikh diakses 6 Feb 2024).

SHG yang berada dibawah pengurusan Jabatan Penjara Malaysia sebenarnya bukan sahaja merupakan tempat untuk menghukum mereka yang melakukan kesalahan, namun lebih menjurus sebagai institusi yang bertanggungjawab untuk memulih, memimpin dan mendidik penghuni agar menjadi individu yang berdisiplin dan bertanggungjawab setelah mereka kembali ke pangkuan masyarakat.²⁹⁴ Proses pemulihan dan pendidikan di SHG pula, para penghuni yang masih di bawah umur perlu dipulihkan, dilindungi dan dikembalikan hak kanak-kanak supaya dapat mengenali diri mereka sendiri sehinggalah dibebaskan.

4.4.1 Peranan Jabatan Penjara Malaysia dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney

Jabatan Penjara Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan pendidikan di sekolah dalam penjara adalah berdasarkan dasar-dasar pendidikan yang ditetapkan oleh KPM.²⁹⁵ Jabatan Penjara Malaysia mempunyai peranan yang besar terhadap pendidikan Korektif di SHG Telok Mas iaitu melalui pandangan dua orang pakar yang terlibat dalam pemulihan penghuni seperti berikut

1. Memberikan pendidikan yang seimbang dari segi akademik dan sahsiah terhadap penghuni Juvana.

“Kita tak mahu dia *excel* dalam akademik tapi akhlaknya tak berubah dia orang diberi sama semua so bila dia ada berada di tahap satu, dia akan adalah pemulihan dari segi lebih kepada fizikal sebab kita nak bentukkan dia dulukan disiplin, disiplin, perbetulkan diri. Dia bertanya

²⁹⁴ Ucapan Perasmian Dato’ Seri Zulkifli Bin Omar, Ketua Pengarah Penjara, Jabatan Penjara Malaysia dalam Seminar, *Sejarah Penubuhan Penjara* pada 16 Oktober 2014 di bilik Persidangan Fakulti Sains dan Teknologi, UKM.

²⁹⁵ *Dasar dan Konsep Pendidikan di Penjara*, Sektor Pendidikan, Jabatan Penjara Malaysia, 2019, hlm 3 (Tidak diterbitkan).

melalui kawan dan *slowly* kita pergi kepada kelas pemulihan macam tadi TC Terapeutik Komuniti, agama, dan lain-lain.”²⁹⁶

Tn Hj Azhan Anuar, Mantan Ketua Sektor Akademik, JPM

2. Memantapkan Pengukuhan Sahsiah dan Disiplin Penghuni.

“memantapkan lagi dia punya pengukuhan sahsiah dialah. So kita ada dari segi disiplin dan juga pengukuhan sahsiah. Lepas tu kita buat juga program bersama dengan masyarakat supaya dia boleh *adapt* diri dia apabila dia keluar nanti dia tahu ini adalah norma masyarakat.”²⁹⁷

Dr. Kausalya Devi a/p Sathoo, Tim. Komisioner Penjara

3. Melatih penghuni agar bersedia menghadapi pelbagai cabaran selepas tamat

Pemulihan.

“boleh ada idea sendiri tapi tidak semestinya serasi dengan norma yang telah ditetapkan oleh masyarakat yang diberikan oleh warden apabila pulang nanti. Ya, sebab kita kita ada dilakonan ataupun kita ada buat teater”

Dr. Kausalya Devi a/p Sathoo, Tim. Komisioner Penjara

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pendidikan korektif wajar dilaksanakan kepada pesalah juvana mahupun banduan muda disebabkan oleh keperluan yang tinggi di pasaran kerja. Tidak dinafikan bagi memastikan hasrat ini tercapai seharusnya program pendidikan korektif di penjara perlu disusun dengan lebih terancang agar masa hadapan mereka lebih terjamin. Ia selaras dengan pandangan Tuan Hj Azhan

“Penghuni SHG patut diberi peluang supaya mempunyai jalan keluar, mereka juga dapat sama-sama menyumbang ke arah kesejahteraan negara. Kerana tujuan mereka ditahan bukannya satu hukuman sebaliknya untuk diberikan perlindungan dan pemulihan. Mereka semua perlu dilindungi kerana mungkin melanggar undang-

²⁹⁶ Temu bual dengan Tn Haji Azhan Bin Anuar (Mantan Ketua Sektor Pendidikan, Jabatan Penjara Malaysia) pada 6 Mac 2023.

²⁹⁷ Temu bual dengan Dr Kausalya Devi a/p Sathoo (Timbalan Komisioner Penjara, Jabatan Penjara Malaysia) pada 1 Mac 2023.

undang kerana terikut dengan tingkah laku orang dewasa”²⁹⁸

Tn Hj Azhan Anuar, Mantan Ketua Sektor Akademik, JPM.

4.4.2 Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah ditubuhkan pada bulan April 1946. Sebagai sebuah agensi kerajaan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial, ia telah ditempatkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sejak 2004 sehingga kini. JKM menyediakan beberapa perkhidmatan terutamanya untuk perkembangan sosial masyarakat Malaysia. Salah satu perkhidmatan yang penting ialah perkhidmatan terhadap kanak-kanak. Terdapat sebanyak 28 perkhidmatan untuk menjaga kebajikan kanak-kanak yang disediakan oleh JKM dan yang berkaitan dengan Sekolah Henry Gurney ialah Jagaan Susul Kes Pemulihan.

Objektif Jagaan Susul Kes Pemulihan adalah memastikan pelaksanaan pengurusan kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan mengikut akta dan peraturan yang berkaitan. Bagi pengurusan kes pemulihan yang dikendalikan oleh Pegawai Akhlak (PA) dan Pelindung adalah merangkumi:

- i. Kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah/ konflik undang-undang (PA);
- ii. Kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan/ terdedah kepada bahaya moral (Pelindung); dan

²⁹⁸ Temu bual dengan Tn Haji Azhan Bin Anuar (Mantan Ketua Sektor Pendidikan, Jabatan Penjara Malaysia) pada 6 Mac 2023.

iii. Kanak-kanak luar kawalan ibu bapa penjaga (PA);²⁹⁹

Pengendalian kes-kes berkenaan adalah bermatlamatkan “pemulihan” dan bukannya “hukuman”. Ianya bertujuan untuk membantu kanak-kanak memahami diri mereka, hubungan dengan orang lain dan pengharapan mereka sebagai seorang ahli dalam masyarakat. Dalam konteks pemulihan sama ada di dalam atau luar institusi, tugas Pegawai JKM adalah untuk menjalin hubungan yang bermakna dengan kanak-kanak serta membantu mereka mengubah corak pelakuan sejajar dengan nilai-nilai masyarakat.

Pengurusan kes terhadap kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah adalah melibatkan seseorang yang telah mencapai umur bagi bertanggungjawab jenayah yang ditetapkan di bawah Seksyen 82 Kanun Keseksaan akan dikendalikan oleh Pegawai Akhlak (PA). Berdasarkan Seksyen 10(1) Akta Kanak-Kanak 2001, PA dilantik oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui pemberitahuan dalam warta. Pengendalian kes adalah berdasarkan Akta Kanak-Kanak 2001, Kanun Prosedur Jenayah dan Kanun Keseksaan (Akta 574).

Berdasarkan laporan Pegawai Akhlak (PA) dari JKM inilah seseorang kanak-kanak akan dihantar ke SHG sebagai pelajar atau ke Sekolah Integriti sebagai Banduan Muda. JKM mempunyai hubungan yang penting dengan Jabatan Penjara Malaysia kerana kedua-dua buah sekolah ini terletak di bawah tanggungjawab JPM.

²⁹⁹<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/content&id=bkc4dWQzUVVoNUFYVHFWeTVDbEZ2Zz09> (tarikh diakses 23 Julai 2024).

4.4.3 Peranan KPM dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney

Kementerian Pendidikan merupakan satu organisasi yang bertanggungjawab membentuk hala tuju pendidikan di Malaysia. Selain itu ia bertanggungjawab untuk merancang, menggubal, menyediakan dan memastikan pelaksanaan dasar-dasar pendidikan berlaku di Bahagian Pengurusan Banduan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia (IPPM). SHG Telok Mas telah didaftarkan sebagai SHG Telok Mas dengan nombor pendaftaran MIA 2003 di Kementerian Pendidikan Malaysia.³⁰⁰ Tugas di Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia³⁰¹ tersenarai seperti berikut:

Jadual 4.1

Tugas Bahagian Kementerian Pendidikan terhadap SHG

Bahagian KPM	Peranan
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)	Merancang, mengurus dan memantau dan melestarikan Program SDP
Bahagian Perancangan dan Penyelarasan Dasar Pendidikan (BPPD)	Membantu Pengurusan data
Jemaah Nazir	Instrumen pemantauan dan penilaian
Bahagian Pengurusan Kukurikulum (BPK)	Membangunkan, menyebarkan dan menyediakan kurikulum sekolah.

³⁰⁰<https://www.moe.gov.my/pendidikan/khas/sekolah-integriti-dan-sekolah-henry-gurney/senarai-sekolah> (tarikh diakses 22 Ogos 2023).

³⁰¹ Dasar dan Konsep Pendidikan di Penjara, Sektor Pendidikan, Jabatan Penjara Malaysia, 2019, hlm 4. (Tidak diterbitkan).

	Memantau pelaksanaan dan menyediakan bahan sokongan kurikulum sekolah. Menjalankan penilaian untuk pembangunan kurikulum sekolah.
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK)	Menyediakan khidmat nasihat pengoperasian aktiviti sukan, kokurikulum dan kesenian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)	Mengurus waran dan perjawatan
Bahagian Profesionalisme Guru (BPG)	Latihan pembangunan profesionalisme
Institut Aminuddin Baki (IAB)	Latihan pembangunan profesionalisme pemimpin sekolah
Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan (BSTP)	Mengurus peralatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (TMK)
Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK)	Latihan pembangunan profesionalisme guru (Bimbingan dan Kaunseling)
Lembaga Peperiksaan (LP)	Menyelaras dan membantu penyediaan soalan peperiksaan dan pendaftaran untuk peperiksaan awam
Bahagian Kewangan (BKew)	Membantu permohonan Bantuan Awal Persekolahan Persekolahan (BAP) dan PCG

Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPTLV)	Membantu mengurus pendidikan vokasional/kemahiran
Bahagian Pendidikan Islam (BPI)	Membantu mengurus program Insaniah
Bahagian Buku Teks (BBT)	Mengurus buku teks

4.4.4 Peranan JPN dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney

SHG, Telok Mas turut diuruskan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan Pejabat Pendidikan Daerah Melaka Tengah selain ditadbir oleh Jabatan Penjara Malaysia. Antara peranannya ialah,

1. Bertanggungjawab dalam melaksanakan pengoperasian dasar pendidikan merangkumi mengurus, menyelaraskan dan menambah baik Program Sekolah dalam Penjara (SDP)³⁰² supaya dapat memenuhi keperluan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) murid yang ditempatkan di institusi berkenaan;
2. Bertanggungjawab dalam aspek pentadbiran dan perkhidmatan, pengurusan guru dan PdP murid;
3. Bertanggungjawab dalam pemantauan PdP, khidmat bantu dan pembangunan profesionalisme guru-guru SDP;
4. Bertanggungjawab menyediakan kemudahan bahan PdP yang diperlukan di SDP seperti buku teks dan kemudahan sumber pendidikan teknologi maklumat

³⁰² Sekolah dalam Penjara (SDP) terdiri daripada SHG dan Sekolah Integriti yang menyediakan pendidikan secara formal di institusi penjara dengan kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia terhadap penghuni yang berumur antara 15 hingga 21 tahun.

4.4.5 Peranan Sekolah Penjara dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney

Sekolah dalam penjara turut berperanan secara khusus terhadap para penghuni dan banduan muda yang sedang belajar di bawah institusi penjara.

1. Bertanggungjawab memberikan pendidikan yang berkualiti kepada murid yang berumur di bawah 18 tahun.
2. Bertanggungjawab menerapkan nilai murni dan memberikan sokongan moral dalam bentuk motivasi bagi membina sahsiah murid;
3. Bertanggungjawab melaksanakan prosedur bagi menyokong peperiksaan awam atau ujian dalaman dijalankan dengan berkesan;
4. Bertanggungjawab dalam memberikan peluang kepada murid untuk mengambil bahagian dalam aktiviti atau program yang dijalankan di SDP;
5. Bertanggungjawab dalam membantu kaunselor untuk mengembalikan keyakinan murid yang berpeluang meneruskan pendidikan ke sekolah aliran perdana selepas dibebaskan.

4.4.6 Peranan Kementerian Pengajian Tinggi dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney

Pihak Kementerian Pengajian Tinggi diharapkan juga dapat menyediakan peluang laluan pengajian lanjutan yang bersesuaian kepada pelajar SHG dan Sekolah Integriti melalui sijil akademik atau kemahiran yang setaraf mereka perolehi.

4.5 Pelaksanaan Program–Program Dalam Pendidikan Korektif Di Sekolah Henry Gurney

Pengurusan pendidikan di SHG dan Sekolah Integriti melibatkan Bahagian Pengurusan Banduan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia (IPPM) serta institusi. Pelaksanaan pendidikan adalah tanggungjawab Sektor Pendidikan, Seksyen Pemulihan dan Pendidikan, Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia. Pada masa ini, guru dan kakitangan sekolah berdasarkan seperti berikut.


- i. Guru penolong yang merupakan pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang ditempatkan sebagai pegawai kader DG41/42/44/48/52/54 dari Kementerian Pendidikan Malaysia.
- ii. Guru Bimbingan dan Kaunseling yang akan menjalankan tugas memberikan sesi bimbingan dan kaunseling dan senarai tugas Bimbingan dan kaunseling yang lain oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- iii. Guru Pemulihan (Literasi dan Numerasi-3M).
- iv. Guru Kemahiran yang dilantik sebagai Pegawai Pertukangan Latihan Vokasional (PPLV) yang sedang berkhidmat di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia.

4.6 Konsep Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney

Konsep pendidikan Korektif di SHG Telok Mas merangkumi empat elemen penting iaitu, Pendidikan dan Bimbingan (PB), Modul HUNT, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan 5 Kluster mengikut bidang seperti yang terdapat dalam Rajah 4.1 Kerangka Pendidikan Korektif. Pendidikan Korektif bermatlamat agar semua banduan muda sabitan atau reman atau penghuni muda atau juvana dapat mengikuti

Program Pemulihan dan Pendidikan yang telah dikhususkan kepada mereka selama mereka berada di bawah tanggungjawab institusi dibawah pentadbiran Jabatan Penjara Malaysia. Pendidikan dan Bimbingan (PB) merupakan asas yang dilaksanakan pada fasa pertama dan fasa kedua di mana pembentukan disiplin penghuni akan dipupuk dan diperkukuhkan untuk membentuk jati diri mereka. Modul HUNT (*Help Yourself, No Suffer, No Tear*) merupakan salah satu modul yang digunakan untuk pesalah penagihan dadah. KSSM pula merupakan rujukan asas kluster akademik iaitu kluster yang wajib disertai penghuni berpandukan kepada sukatan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kerangka Pendidikan Korektif SHG dan Sekolah Integriti (SHGSI)



Rajah 4.1: Kerangka Pendidikan Korektif (SHGSI) Jabatan Penjara Malaysia

Rajah 4.1 di atas menunjukkan Kerangka Pendidikan Korektif SHG bermula dari kemasukan penghuni, penempatan sementara, orientasi sehingga ke peringkat kluster yang terdiri daripada lima kluster iaitu, akademik, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), agama, sukan dan seni. Rajah juga menunjukkan apabila para penghuni berada di fasa 3, mereka berada di dalam fasa pengintegrasian semula dan rakan PPI (Program Pemulihan Insan). Program pemulihan di Sekolah Henry Gurney dilaksanakan mengikut saranan dan ketetapan *United Nation Children's Fund* (UNICEF). Berdasarkan peraturan UNICEF terhadap hak semua kanak-kanak, mereka wajib mengikuti pelajaran yang sewajarnya. Oleh yang demikian, langkah menekankan pendidikan terhadap banduan muda dan juvana turut dibentuk dan hak sama rata diberikan sama seperti kanak-kanak yang berada di luar tembok penjara. Pernyataan UNICEF menyatakan seperti berikut;

The administration of juvenile approved school is guided by the child Act 2001 and the Approved School Regulations, all young people have to be treated with adequate care and protection. That is, every child deprived of liberty must be treated with humanity and respect and in manner that takes into account needs, including needs related to education, vocational skills, meaningful treatments, accommodations, and contact with family members.

(UNICEF, 2013).

Pendidikan Korektif adalah program yang diadakan memenuhi keperluan semasa seiring dengan saranan UNICEF. Pendidikan dan latihan vokasional memainkan peranan yang penting terhadap proses pemulihan banduan muda dan pesalah juvana. Ia juga dapat membentuk karakter yang berharga terhadap individu dengan cara tersendiri, menyumbang terhadap kesan jangka panjang yang positif termasuk menjamin masa depan yang cerah dan memberi banyak peluang dalam menjalani

kehidupan.³⁰³ Selain itu juga pendidikan korektif didapati sangat bertepatan dengan keperluan semasa. Ini disebabkan oleh Pendidikan Korektif dapat meningkatkan jati diri para pesalah juvana dan menyediakan modal insan pada negara untuk jangka masa yang panjang serta mengurangkan residivis. Pendidikan Korektif yang telah diperkenalkan ini akan menjadi wadah baharu yang dapat memberikan solusi untuk memantapkan lagi program untuk masa depan para juvana.

Pendidikan dan pemulihan secara inklusif diterapkan sebagai persediaan kepada penghuni melalui tiga fasa. Pendidikan dan pemulihan secara inklusif diterapkan sebagai persediaan kepada penghuni melalui tiga fasa diterangkan seperti berikut;

1. Fasa pertama ialah Fasa Orientasi yang perlu dilalui oleh penghuni selama dua hingga tiga bulan atau 80 jam kredit (mana yang terdahulu). Melalui fasa ini tumpuan lebih diberikan terhadap pembentukan kepatuhan disiplin, dan peraturan, kenegaraan dan sivik, kesihatan dan kebersihan diri³⁰⁴ penghuni SHG. Semua penghuni perlu melalui modul PB seperti penerapan pembentukan asas disiplin yang ketat seperti kawad kaki serta latihan dalam kumpulan. Penghuni yang telah diperakukan oleh pegawai pemulihan dan mendapat sekurang-kurangnya gred B dalam penilaian Fasa Pertama boleh naik ke fasa kedua. Pada fasa ini penghuni akan mengikuti kluster yang ditentukan melalui ujian diagnostik.³⁰⁵

³⁰³Siti Balqis Mohd Azam, Siti Hajar Abu Bakar, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Siti Hajar Abdul Rauf, A case study on academic and vocational training for child offenders undergoing a multisystemic therapy-based rehabilitation order in Malaysia, *Children and Youth Services Review*, Volume 122, 2021, 105911.

³⁰⁴ Pamphlet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara, Malaysia Kajang, Selangor.

³⁰⁵ Ujian diagnostik adalah alat pengukuran yang membolehkan guru pemulihan khas mengesan punca dan kawasan kelemahan secara terperinci yang dihadapi oleh seseorang murid.

2. Fasa kedua ialah pengkelasan penghuni kepada lima (5) kluster (Akademik, Sukan, Agama, Seni, TVET) manakala Fasa ketiga dan terakhir ialah proses pengintegrasian semula ke dalam masyarakat. Fasa pertama, penghuni akan melalui modul PB di mana semua penghuni akan diterapkan dengan pembentukan dan asas disiplin yang tinggi sebelum naik ke fasa seterusnya melalui aktiviti kawad kaki serta latihan dalam kumpulan. Hanya penghuni yang telah diperakukan oleh pegawai pemulihan dan mendapat sekurang-kurangnya gred B dalam penilaian Fasa pertama sahaja akan naik ke fasa kedua. Seterusnya penghuni akan menjalani peringkat kedua iaitu mengikuti kluster yang ditentukan berdasarkan ujian diagnostik yang telah dijalankan pada peringkat pertama. Pada fasa kedua, selepas menjalani program dalam kluster yang ditetapkan, penghuni juga boleh membuat “rotation” bagi menyertai kluster-kluster lain atau mengikuti lebih daripada satu kluster mengikut kesesuaian dan tempoh penahanan. Apabila selesai fasa kedua, penghuni perlu mengikuti fasa terakhir (ketiga) iaitu pengintegrasian semula ke dalam masyarakat.³⁰⁶

3. Fasa ketiga iaitu proses pengintegrasian semula dilakukan berdasarkan perkembangan dan pencapaian penghuni semasa menjalani Program Pendidikan Korektif selama tempoh penahanan. Program pengintegrasian ini terdiri daripada Penghuni Berkemahiran Luar (PKL), Banduan Berkemahiran Luar Penjara (BKLP), Pelepasan Banduan Secara Berlesen (PBSL) dan PAROL. Parol merujuk kepada pelepasan secara perintah parol yang melayakkan banduan menjalani hukuman di luar

³⁰⁶ Noor Hafizah, M. H., Maizan, M., Norsaleha, M.S., & Ahmad Munawar, I. (2017). Pembangunan Modal Insan Kepentingannya Dalam Program Pemulihan Remaja Bermasalah. Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke 3 (IRSYAD2017), 3, hlm. 214-226. www.intanbk.intan.my/portal/index.php/ms/rmk11 hlm. 215.

penjara.³⁰⁷ Penilaian dibuat oleh kakitangan yang ditugaskan menyelia setiap kluster. Justifikasi penilaian membolehkan penghuni yang layak untuk dipertimbangkan mendapat pembebasan awal sekiranya diberi peluang untuk bekerja atau menyambung pelajaran di institusi pengajian tinggi awam dan swasta mahupun kolej kemahiran. Bukan itu sahaja, penghuni yang ditawarkan bekerja juga boleh dipertimbangkan untuk mendapat pembebasan awal.

“Di SHG dipanggil bebas berlesen, maknanya jika dia (penghuni) duduk satu tahun satu bulan, dia dah lepas syarat untuk bebas berlesen. Maksudnya mereka dah bersedia, ini sebab kita bebaskan secara berlesen. Kita hantar dia di Sate Haji Samuri, Di M Hotel, apa itu Cameron Highland? Teh Boh kita hantar ni jadi dia di bawah pengawasan parol untuk persediaan diberi pembebasan berlesen tetapi belum bebas la. Kalau dia lakukan kesalahan automatik kita ambil balik”.³⁰⁸

4.7 Sistem Persekolahan dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney

Kurikulum yang dilaksanakan di SHG dan Sekolah Integriti adalah berteraskan kurikulum KPM yang sedia ada dan digunakan secara fleksibel mengikut keperluan, persekitaran, tahap dan sosio budaya agar murid mendapat pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk diaplikasikan dalam kehidupan mereka sebagai pembelajaran sepanjang hayat. Konsep pendidikan di SHG dan Sekolah Integriti adalah pendidikan formal yang berstruktur dan berfokus.

³⁰⁷ Pengenalan (moha.gov.my) (tarikh diakses 5 September 2024).

³⁰⁸ Temu bual dengan Tuan Mohd Zaili (Sarjan Penjara, SHG Telok Mas, Melaka) pada 9 Februari 2023.

4.7.1 Model Kurikulum Pendidikan di Jabatan Penjara Malaysia

Model Pendidikan yang digunakan di Jabatan Penjara Malaysia ialah asalnya daripada Modul Putra. Modul Putra merangkumi: i) Kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M), ii) Akademik, iii) Kemahiran Vokasional.

i) Kurikulum yang digunakan di SHG sama sepertimana digunakan di Sekolah Integriti. Pelaksanaan kurikulum lebih berfokuskan kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) serta berpandukan kepada modul asas literasi dan numerasi (LINUS) yang dikeluarkan oleh KPM.

ii) Sistem akademik yang digunakan di sekolah ini berpandukan kepada DSKP, KSSM, KPM.

iii) Kemahiran Vokasional pula berpandukan kepada Sukatan Pelajaran Kemahiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

Kelas Akademik di SHG, Telok Mas, Melaka melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran secara formal. Selain itu sekolah ini menawarkan mata pelajaran yang bersesuaian untuk para penghuni, kelas pemulihan 3M, kelas kemahiran vokasional, jadual waktu serta melaksanakan Skim Latihan Dual Nasional (SLDN).³⁰⁹

³⁰⁹ SLDN merupakan singkatan daripada Sistem Latihan Dual Nasional. 'Dual bermaksud latihan di dalam dua situasi pembelajaran iaitu:

a. Tempat kerja yang sebenar (syarikat) yang merangkumi 70% hingga 80% latihan amali (prestasi) dan;
b. Pusat latihan yang merangkumi 20% hingga 30% pembelajaran teori (pengetahuan).

4.7.2 Kepentingan Program

Dewasa ini, kegiatan atau program pemulihan bersepadu kepada penghuni sangat penting untuk membantu mereka memperbaiki kesilapan diri. Program pemulihan berbentuk akademik, latihan vokasional, seni, sukan dan agama sangat penting sebagai persiapan kepada penghuni apabila keluar dari SHGTM. Sebagaimana dasar yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penjara Malaysia, Program Pendidikan Korektif yang dilaksanakan khas untuk penghuni terus diperkasa sesuai dengan persekitaran dan fasiliti yang terdapat di SHGTM. Kenyataan ini disokong oleh Sims B., & Preston P., (2006). Menurutnya,

‘The focus of most educational or vocational programs is to increase education levels and attainment of future career opportunities, to prepare and train juveniles for successful employment, and to teach juveniles to become productive citizens. There are several programs that target the educational or vocational needs of juveniles. In addition to basic reading, writing, and mathematics classes, creative and cooperative ventures between the institutions and the community have been developed.’³¹⁰


4.8 Pembahagian Kluster dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney

Pendidikan Korektif di Jabatan Penjara Malaysia dibahagikan kepada beberapa kluster agar para penghuni mendapat pendidikan dan pemulihan yang bersesuaian dengan minat serta kecerdasan mereka. Pendidikan Korektif yang diperkenalkan melalui pembahagian kluster berupaya untuk mengklasifikasikan keupayaan dan kebolehan penghuni mengikut kategori masing-masing.

³¹⁰Sims, B., & Preston, P. (Eds.), *Handbook of Juvenile Justice: Theory and Practice* (1st ed.), Routledge. 2006, <https://doi.org/10.1201/b13627>.

4.8.1 Kluster Akademik

Kluster Akademik yang dilaksanakan di sekolah ini mengandungi program transisi, kemudian dibahagikan kepada mengikut kebolehan kumpulan 3M (membaca, menulis dan mengira), kelas Pra SPM untuk KSSM tingkatan 4 dan kelas SPM untuk KSSM tingkatan 5.



Rajah 4.2: Kluster Akademik

Rajah 4.2 menunjukkan Kluster Akademik merangkumi 4 kelas iaitu 3M, Transisi, Pra-SPM dan SPM. Kelas 3M memberikan penekanan kepada penghuni yang buta huruf dalam Kelas Menulis, Membaca dan Mengira. Kelas Transisi pula ialah penghuni yang keciciran persekolahan sama ada hanya belajar sehingga sekolah rendah atau sekolah menengah iaitu tingkatan satu dan dua. Penghuni yang ditempatkan dalam Kelas Pra-SPM pula merupakan penghuni yang sedang menjalani

kelas berdasarkan KSSM Tingkatan 4 sebelum ditempatkan dalam Kelas SPM berdasarkan KSSM. Manakala Tingkatan 5 pula untuk penghuni yang didaftarkan sebagai calon SPM seperti pelajar sekolah harian semasa. Hasrat Jabatan Penjara Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia agar penghuni mendapat pendidikan sepenuhnya pada masa hadapan akan tercapai apabila bangunan akademik baharu yang sedang di bina di jangka siap pada tahun 2025 dan menelan belanja sebanyak RM 48 juta.³¹¹

Selain itu Penyelia SHG memberikan pandangan bahawa,

“Harapan saya ialah saya hendak lebih ramai penghuni SHG Telok Mas Melaka memiliki Sijil SPM pada masa hadapan. Kalau boleh semua penghuni dapat mengambil SPM dan bilangan mereka yang menguasai 3M (kemahiran membaca, mengira dan menulis) terhapus. Kami para guru bersedia menghadapi sebarang kemungkinan tetapi hasrat untuk semua penghuni supaya mendapat pendidikan sewajarnya akan tercapai”.³¹²

Othman Marcom, Penyelia SHGTM

Universiti Utara Malaysia

Penyusunan strategi agar pendidikan di SHG menjadi lebih kemas dan terancang sejak tahun 2008 telah dibuat melalui kerjasama antara Jabatan Penjara Malaysia dan KPM. Pada tahun 2017, Dasar Pendidikan Kebangsaan Edisi Keempat telah menyenaraikan keperluan SHG dan Sekolah Integriti agar matlamat untuk menjadikan penghuni lebih cemerlang dari segi akademik tercapai. Menurut dasar ini SHG³¹³ pesalah juvana di

³¹¹ <https://www.kkr.gov.my/sites/default/files/borang-jadual-tender%20Kuarters%20Blok%20Akademik%20Sekolah%20Henry%20Gurney%20Telok%20Mas.pdf> (tarikh diakses 22 Julai 2023).

³¹² Temu bual dengan Tn Othman Bin Marcom (Penyelia) SHG, Telok Mas, Melaka, Jabatan Penjara Malaysia pada 10 Februari 2023. Tuan Othman Marcom mula bertugas di SHG, Telok Mas pada tahun 2008 dan mengajar Bahasa Melayu sehingga beliau bersara pada tahun 2023.

³¹³ Dasar-dasar SHG adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan sistem pendidikan formal yang bersistematik berdasarkan kurikulum kebangsaan.
- ii. Menjalinkan kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Jabatan Penjara Malaysia Dalam urusan profesionalisme guru dan operasi pendidikan.

SHG diberi peluang untuk mendapat akses pendidikan kebangsaan sebagai medium pemulihan alternatif. Selain dipastikan mendapat peluang kedua untuk memperbaiki diri dalam aspek akademik, kokurikulum dan sahsiah diri, mereka juga diberikan ketahanan mental agar dapat menghadapi cabaran apabila dibebaskan.³¹⁴

Pencapaian yang ditunjukkan oleh para penghuni SHG Telok Mas sangat memberangsangkan sejak tahun 2008 sehingga 2020 kerana pernah mencapai peratus lulus 100 peratus. Kejayaan ini membuktikan bahawa jika seseorang boleh dibentuk, sudah pasti mereka sedia berubah ke arah yang lebih baik jika diberi didikan dan disiplin yang ketat. Kejayaan cemerlang mereka boleh dirujuk melalui rajah di bawah.



-
- iii. Mengurus dan mentadbir sekolah di bawah Sektor Pendidikan, Jabatan Penjara Malaysia.
 - iv. Melaksanakan saringan murid melalui Fasa Orientasi untuk menilai tahap akademik atau kecenderungan murid sebelum disalurkan ke aliran akademik atau kemahiran.
 - v. Mengkelaskan murid bukan berdasarkan umur tetapi mengikut tahap pencapaian akademik.
 - vi. Menyediakan peluang kepada pesalah juvana menduduki peperiksaan awam dan didaftarkan sebagai calon persendirian.
 - vii. Menawarkan kelas-kelas yang berikut:
 - Kelas Akademik – Menggunakan sukatan kurikulum berdasarkan kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu 3M (Membaca, Menulis dan Mengira), Pra-SPM dan SPM. Kemahiran dan Vokasional – berdasarkan sukatan pelajaran NOSS, Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia, Kementerian Sumber Manusia. Kelas Kemahiran dan Vokasional.
 - viii. Memastikan murid menyertai kokurikulum, unit beruniform, sukan dan permainan.
 - ix. Membuat persediaan mengambil guru pelatih dalam kalangan bekas murid Sekolah Henry Gurney untuk ditempatkan di SHG sebagai guru selepas tamat pengajian

³¹⁴ Dasar Pendidikan Kebangsaan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, 2017, hlm. 145.

Jadual 4.2

Bilangan A dan peratus lulus mengikut tahun dan mata pelajaran Sijil Pelajaran Malaysia SHG Telok Mas Melaka (2008-2014)³¹⁵

Tahun	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Bilangan Calon	49	61	62	58	76	51	72
Bahasa Melayu	1	7	5	5	10	3	32
Bahasa Inggeris	0	3	0	1	0	1	1
Pendidikan Islam	0	2	7	5	30	4	21
Sejarah	5	6	10	10	13	17	25
Matematik	4	2	9	1	34	17	13
Sains	4	8	18	17	70	31	51
Perdagangan	3	1	3	6	14	8	5
Ekonomi	0	0	1	1	2	1	3
Tasawwur Islam	3	0	0	7	33	23	15
Pendidikan Moral	0	0	0	0	0	0	1
Al-Quran Sunnah	1	0	0	1	0	0	0
Bilangan "A"	18	29	53	54	206	105	167
Peratus Lulus	100	100	95.60	86.21	98.70	100	100

Jadual 4.2 menunjukkan bilangan A dan peratus lulus mengikut tahun dan mata pelajaran SPM, SHG Telok Mas pada tahun 2008 sehingga 2014. Calon yang paling ramai mengambil SPM ialah pada tahun 2012 iaitu 76 orang dengan bilangan A

³¹⁵ Diperoleh daripada Bahagian Akademik SHG, Telok Mas Melaka.

sebanyak 206 dan peratus lulus pula 98.7 peratus. Manakala pada tahun 2011 pula menunjukkan peratus lulus paling rendah iaitu 86.21 peratus dengan bilangan calon seramai 58 orang dan bilangan A ialah sebanyak 54. Namun begitu pada tahun 2008, 2009 2013 dan 2014 pula mencapai kelulusan yang memberangsangkan iaitu 100 peratus.

Jadual 4.3

Bilangan A dan peratus lulus mengikut tahun dan mata pelajaran Sijil Pelajaran Malaysia SHG Telok Mas (2015-2020)³¹⁶.

Tahun	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bil Calon	75	70	63	62	66	60
Bahasa Melayu	6	3	5	5	4	6
Bahasa Inggeris	0	0	1	0	1	0
Pendidikan Islam	15	18	9	8	18	17
Sejarah	11	17	17	25	14	22
Matematik	18	19	23	10	20	3
Sains	43	37	42	24	30	22
Tasawwur Islam	3	9	7	0	1	31
Pendidikan Moral	0	0	1	0	0	0
Al-Quran Sunnah	0	0	0	0	0	0
Bilangan "A"	104	119	122	87	105	85
Peratus Lulus	100	100	100	100	100	100

³¹⁶ Diperolehi daripada bahagian Akademik SHG, Telok Mas, 10 Feb 2023 (tidak diterbitkan).

Jadual 4.3 menunjukkan bilangan A dan peratus lulus mengikut tahun dan mata pelajaran SPM, SHG Telok Mas pada tahun 2015 sehingga 2020. Calon yang paling ramai mengambil SPM ialah pada tahun 2015 iaitu 75 orang dengan bilangan A sebanyak 104 dan peratus lulus pula 100 peratus. Manakala pada tahun 2020 pula menunjukkan bilangan calon paling sedikit iaitu seramai 60 orang dan bilangan A paling sedikit iaitu sebanyak 85 sahaja. Namun sepanjang tahun 2015 sehingga 2020 peratus kelulusan sangat membanggakan iaitu 100 peratus.

4.8.2 Kluster Agama

Kluster Agama pula ditujukan khas kepada penghuni beragama Islam di bawah pengawasan pegawai JAIM (Jabatan Agama Islam Melaka). Rajah 4.3 memaparkan aktiviti yang dijalankan meliputi asas pendidikan agama Islam seperti mengaji Al-Quran, Kelas Fardhu Ain, dan ceramah agama. Program Bersijil turut disediakan kepada penghuni untuk menduduki Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK). Berdasarkan kajian oleh Asmawati Suhid et al. (2015), pelajar Islam perlu diperkukuhkan dengan perkara asas Fardhu ‘Ain melalui program Penilaian Perkara Asas Fardhu ‘Ain (PAFA) di peringkat rendah dan menengah. Pelaksanaan PAFA bertujuan memastikan setiap murid memahami dan mampu melaksanakan perkara asas Fardhu ‘Ain dengan betul dan sempurna. Selain itu, ia juga bertujuan untuk membimbing murid yang lemah atau tertinggal sehingga mereka boleh mengamalkan perkara tersebut dengan sempurna serta menanamkan keinsafan dan kerelaan positif untuk menghayati dan mengamalkannya. Kini, Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) telah digantikan dengan Peperiksaan Sijil Penilaian Khas Agama (SPKA) yang diselenggarakan oleh Jabatan Agama Islam Melaka. Sejak diperkenalkan pada tahun 2022 kepada 56

calon, terdiri daripada 41 penghuni lelaki dan 15 penghuni wanita, 44 orang (78 peratus) memperoleh Pangkat A manakala 12 orang (21 peratus) memperoleh Pangkat B.



Rajah 4.3: Kluster Agama

Rajah 4.3 menunjukkan Kelas Agama yang dijalankan di SHG dan mendapat kerjasama dengan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Para penghuni yang mengikuti kursus ini akan mendapat Sijil Peperiksaan Penilaian Agama (SPKA). Guru-guru agama pula dibekalkan oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

4.8.3 Kluster Sukan

Kluster Sukan pula terdiri daripada penghuni yang mengikuti Sukan Tinju, Muay Thai dan Angkat Berat. Salah satu projek sukan yang diberi nama “Projek Henry” merupakan kerjasama antara Majlis Sukan Negeri (MSN) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Penghuni yang terlibat dengan sukan dilatih oleh jurulatih yang terdiri

daripada pegawai penjara sendiri serta jurulatih professional yang ditugaskan oleh Negeri Melaka kerana penghuni merupakan atlet podium yang telah berjaya merangkul kemenangan iaitu Emas, Perak dan Gangsa di peringkat antarabangsa dalam Kejohanan Tinju Antarabangsa bagi Tahun 2017 dan 2018. Penghuni yang menyertai Muay Thai juga berjaya memenangi Emas dan Perak dalam Kejohanan Muay Thai Peringkat Amatur dan Pro Challenge bagi Tahun 2019.



Rajah 4.4: Kluster Sukan

Kluster Sukan di SHG terbahagi kepada Muay Thai, Tinju dan Angkat Berat di bawah program Projek Henry.



Rajah 4.5: Kejohanan Tinju



Rajah 4.6: Menjulung piala Kejohanan Tinju

Rajah 4.5 dan 4.6 menunjukkan Projek Sukan SHG yang terdiri daripada Muay Thai, Tinju dan angkat berat yang dimenangi oleh pelajar-pelajar berkenaan. Manakala

untuk sukan tinju, muay Thai dan angkat berat turut mendapat kerjasama daripada Majlis Sukan Negeri dan Kementerian Belia dan Sukan. Pencapaian penghuni terhadap sukan ini amat membanggakan dan mengharumkan nama Sekolah, Jabatan Penjara Malaysia, Negeri Melaka dan Negara.

Jadual 4.4

Pencapaian Kejohanan Boxing 2017-2019

Bil	Pertandingan	Peringkat Kemenangan
1	Piala Dato Bandar Pro dan Amatur Johor Bahru 2017	4 Gangsa
2	Pesta Tinju Antarabangsa Pulau Pinang 2017	1 Perak 4 Gangsa
3	Kejohanan Tinju Piala Malaysia dan Remaja Kebangsaan 2018	1 Gangsa
4	Kejohanan Tinju Antarabangsa Pulau Pinang 2018	1 Emas, 1 Perak, 3 Gangsa
5	SUKMA 2018	1 Emas, 2 Gangsa
6	Kejohanan Tinju Piala Datuk Bandar Johor Bahru 2019	1 Emas, 2 Gangsa
7	Kejohanan Tinju Pelapis Kebangsaan Siri 1/ 2019	1 Perak, 2 Gangsa
8	Kejohanan Tinju Remaja Kebangsaan Sirkuit 1/2019	1 Perak, 1 Gangsa
9	Kejohanan Johor Boxing Sirkuit 1/2019	2 Emas

Jadual 4.4 menunjukkan pencapaian Kejohanan Sukan Tinju dan Pencapaian Sukan Tinju. Penghuni mendapat pingat emas gangsa dan perak pada setiap acara yang dipertandingkan dalam kejohanan ini.

Jadual 4.5

Pencapaian Kejohanan Muay Thai SHG Telok Mas 2018-2019

Bil	Pertandingan	Peringkat Kemenangan
1	Kejohanan Muay Thai Rentap Night 2018	1 Emas, 1 Perak
2	Kejohanan Muay Thai Pro Am Peringkat Kebangsaan	1 Gangsa
3	Kejohanan Muay Thai di penjara Sg. Udang Melaka	8 Emas, 4 Perak
4	Kejohanan Muay Thai Antara Kelab dan Sekolah Peringkat Kebangsaan 2019	1 Emas, 2 Perak, 5 Gangsa
5	Kejohanan Muay Thai Antara Juara 2019	1 Emas
6	Kejohanan Muay Thai Antara Sekolah-Sekolah dan Remaja Peringkat Kebangsaan 2019	4 Emas
7	Kejohanan Muay Thai Challenge Pro International 2019	1 Emas
8	Kejohanan Muay Thai Amatur Remaja Peringkat Kebangsaan 2019	1 Emas, 1 Perak


9	Kejohanan Muay Thai Terbuka Negeri Sembilan 2019	3 Emas
10	Johor International Muay Thai Super Series 2019	8 Emas, 1 Perak
11	Kejohanan Muay Thai KL Fight Loco PMKL 2019	3 Emas
12	Kejohanan AMG Challenge 2019	1 Perak
13	Kejohanan Muay Thai Terbuka Kebangsaan 2019	3 Emas, 2 Perak, 5 Gangsa

Jadual 4.5 menunjukkan pencapaian Kejohanan Muay Thai SHG Telok Mas. Setiap acara yang disertai oleh penghuni menunjukkan hasil yang memberansangkan melalui pencapaian mendapat pingat emas gangsa dan perak pada setiap acara yang dipertandingkan.

4.8.4 Kluster TVET

Seterusnya Kluster TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) merupakan kelas di mana penghuni dilatih dalam pelbagai kemahiran sama ada bersijil mahupun tidak bersijil. Bagi kemahiran bersijil, penghuni ditawarkan dengan dua program iaitu Program Khas Sijil dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)³¹⁷ merangkumi kemahiran automatif industri, kimpalan, paip, landskap, pertukangan batu-bata, pertukangan elektrik serta ketuk dan cat kenderaan.

³¹⁷ Norimah Jumai, Pendidikan Korektif Penjara, Disertasi Sarjana Muda, Universiti Sains Malaysia, Minden, 2021, hlm. 15.



Rajah 4.7: Kluster TVET

Rajah 4.7 menunjukkan program yang terdapat dalam Kluster Teknik dan Vokasional yang disediakan oleh SHG. Program yang disediakan ialah automatif industri, kimpalan, kek dan pastri, penyelenggaraan elektrik, jahitan dan ketuk cat kenderaan.

4.8.5 Kluster Seni dan Budaya

Kluster Seni dan Budaya pula ialah merangkumi aktiviti Pancaragam, “Band” dan “Buskers” secara bersijil SKM2 (*Rhythm Ensemble Performing*) dan Program Pensijilan Seni Budaya bersama JKKN (Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara). Pancaragam di SHG telah ditubuhkan sejak impak program ini telah berjaya menobatkan SHG Telok Mas di pentas kebangsaan apabila berjaya mendapat Tempat Kedua dalam NatComp (National Band Competition) dan MWBC (Malaysia World Band Competition) 2019 serta memenangi Kategori Terbuka, Drum Major Terbaik serta Uniform Terbaik.



Rajah 4.8: Penghuni SHG sedang menjalani latihan pancaragam ³¹⁸

Latihan bermain alat pancaragam dilakukan setiap hari dan dilatih oleh jurulatih bertauliah.



Rajah 4.9: Pasukan Pancaragam SHG, Telok Mas Melaka ³¹⁹

³¹⁸ (1) [Pancaragam Penjara Malaysia | Facebook](#) tarikh diakses pada 8 Ogos 2024.

³¹⁹ <https://www.prison.gov.my/ms/arkib/47244-Pancaragam-Perbarisan-Hari-Kebangsaan-ke-58-Peringkat-Negeri-Melaka> (tarikh diakses 27 Ogos 2023).

Rajah 4.9 menunjukkan Pasukan Pancaragam SHG membuat persembahan semasa Sambutan Hari Kebangsaan ke 58. Pancaragam SHG mengutamakan disiplin yang tinggi untuk para pelatuhnya. Sebelum penghuni mula belajar, para penghuni dididik agar mematuhi disiplin selepas itu barulah mereka diajar bermain alat bermula dengan tidak mengenal apa-apa sehingga dapat membentuk irama yang sangat menarik dan kemas.

“Kat pancaragam ni dia utamakan disiplin. Disiplin dia memang paraslah (ketat). Okey macam saya dulu tak ada disiplin bila masuk pancaragam ni dia ajar disiplin. Dulu saya tak tahu apa-apa tapi dia ajar *step by step*”³²⁰

Menurut beliau lagi,

“Mula-mula masuk tak ada rasa minat, kosong saya tak tahu apa-apa. Tetapi lama-lama saya dapat ilmu muzik tu sikit-sikit, teori-teori, ikut rentak dan main muzik berkumpul. Lama-lama jadi mahirlah puan”

Pancaragam SHG menjadi kumpulan pancaragam yang terbaik dan mendapat pujian daripada *Correction Bureau, Ministry of Justice*, Jepun iaitu Hiroshi Tsutomi. Catatan beliau dalam buku pelawat pada 20 September 1992 menulis,

“Surprised too see a well-trained brass band. Boys are well disciplined and I hope you will continue to be successful”.³²¹

Selain itu catatan daripada P.W Hoane, Assistant Commissioner, Support Service NSW, Dep. Of Corrective Service, Australia pada 9 Ogos 1994 melahirkan rasa,

³²⁰ Temu bual Penghuni Juvana 2, Kluster Seni, SHG Melaka pada 13 Februari 2023 di Dewan Seroja. Pengkaji berada di dalam Sekolah Henry Gurney selama 5 hari. Penghuni Juvana 2 diiring oleh seorang warder yang bertugas dan berada berdekatan dengan pengkaji. Temu bual mengambil masa 3 jam sahaja kerana mereka terikat dengan jadual program korektif yang telah ditetapkan. Penghuni Juvana 2 sangat memberikan kerjasama dan gembira ketika di temu bual kerana dapat berkomunikasi dengan orang luar.

³²¹ Buku Pelawat SHG Telok Mas, Jabatan Penjara Malaysia 1980-2000.

*“My wife and I were extremely impressed by the Boys Band and the hospitality extended to us both by you and your staff. Many thanks”.*³²²



Rajah 4.10: Kluster Seni Budaya

Rajah 4.10 menunjukkan Kluster Seni Budaya yang mendapat Pensijilan SKM2. Pensijilan SKM2 merangkumi bidang pancaragam, band dan buskers. Program Pensijilan ini turut mendapat Bimbingan Seni Budaya (BSB) bersama Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN). Proses pemulihan terhadap penghuni menjadi asas dalam pembentukan jati diri serta pembentukan modal insan penghuni semasa menjalani tempoh penahanan di SHG Telok Mas (SHGTM).

Berdasarkan kepada lima kluster di atas, dapat disimpulkan bahawa kluster –kluster yang telah dibentuk di bawah Program Pendidikan Korektif telah berjaya menunjukkan kecemerlangan di dalam bidang akademik, sukan, Agama Seni budaya

³²² Ibid., (tiada halaman)

dan TVET. Selain itu, ia dapat membangunkan spiritual dan fizikal dalam kalangan penghuni SHG. Proses pembangunan jati diri remaja akan membantu melahirkan remaja yang seimbang kehidupan dunia dan akhirat. Program pemulihan seperti Program Pendidikan Korektif ini akan menjadi wadah baharu yang dapat memberikan solusi untuk memantapkan lagi program untuk masa depan para juvana apabila dibebaskan kelak. Berbekalkan keazaman yang tinggi dalam kalangan penghuni yang tinggi, disiplin dan kerjasama daripada semua pihak, diharapkan menjadi contoh teladan dan mereka terhindar daripada mengulangi kesilapan yang lalu. Program Pendidikan Korektif yang diperkenalkan berupaya melahirkan penghuni yang mampu menyumbang kepada agama, keluarga, bangsa, dan negara dalam pelbagai aspek. Jabatan Penjara Malaysia berharap untuk menilai dan meningkatkan lagi program pemulihan bagi penghuni di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti. Melalui Pendidikan Korektif ini, mereka diharapkan dapat bersedia menjadi warganegara yang bertanggungjawab bagi memudahkan proses reintegrasi mereka ke dalam masyarakat dan memberi manfaat kepada semua.

4.9 Aktiviti Kokurikulum dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney

SHG turut terlibat aktif dalam kegiatan Kokurikulum, Kesenian dan Kebudayaan. Kegiatan ini akan dipantau oleh penyelia sekolah dengan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kokurikulum dan sukan untuk melaksana dan menilai aktiviti kokurikulum dan sukan sekolah.³²³

³²³ Buku Panduan SHG dan Sekolah Integriti, Jabatan Penjara Malaysia, 2019, (tidak diterbitkan). hlm. 32.

4.9.1 Komponen Aktiviti Kokurikulum

Komponen aktiviti kokurikulum terbahagi kepada Persatuan dan Kelab, Pasukan Badan Beruniform dan Sukan. Persatuan dan Kelab di SHG terdiri daripada Persatuan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Kesenian dan Kebudayaan, Pendidikan Islam, Sains dan Matematik, Kelab Etika dan Profesional, Kelab Rekacipta dan Inovasi serta Kelab Pusat Sumber. Pasukan Badan Beruniform Kadet Putra dan Puteri Islam merupakan aktiviti wajib untuk SHG. Selain itu terdapat aktiviti pilihan yang boleh dipilih oleh penghuni iaitu Pancaragam dan Kadet Jabatan Pertahanan Awam. Manakala sekiranya penghuni ingin mengikuti aktiviti badan beruniform yang lain mereka perlu mendapatkan persetujuan Ibu Pejabat Penjara Malaysia (IPPM). Para penghuni juga turut didedahkan dengan aktiviti sukan sama seperti murid-murid dalam aliran arus perdana. Aktiviti olahraga seperti acara balapan, padang, acara khas seperti tarik tali dan kawad perbarisan rumah sukan juga mendapat permintaan dan minat dalam kalangan pelajar.

Aktiviti permainan untuk penghuni seperti permainan dalaman (*indoor*) dan permainan luar (*outdoor*) juga disediakan untuk semua penghuni agar mereka menjadi sihat dari segi mental dan fizikal. Permainan dalaman yang disediakan seperti ping pong, catur, karom, dam, congkak dan batu Seremban. Permainan seperti bola tampar, petanque, sepak takraw dan futsal pula merupakan permainan luar.

4.9.2 Pelaksanaan Program Ko-Akademik

Sejak Pendidikan Korektif diperkenalkan pada tahun 2019, pelbagai program diadakan terhadap penghuni SHG selain Kluster Akademik, Sukan, Seni, Sukan TVET dan Agama. Program pendidikan Korektif tetap dilaksanakan walaupun pada tahun 2020 dan 2021 pelaksanaannya agak perlahan akibat pandemik COVID-19. Pihak Jabatan Penjara Malaysia mengadakan pelbagai program yang mematuhi *Standard Of Procedure* (SOP) secara atas talian agar penghuni dapat belajar secara aktif dan bermakna. Program Ko-akademik turut dijalankan secara aktif bagi melaksanakan Dasar Pendidikan Kebangsaan 2017 terhadap penghuni SHG iaitu perkara kelapan, memastikan murid menyertai kokurikulum, unit beruniform, sukan dan permainan.³²⁴

Jabatan Penjara Malaysia menganjurkan Karnival Pendidikan Korektif terhadap semua penghuni di SHG dan Sekolah Integriti seluruh Malaysia. Penganjuran Karnival Pendidikan Korektif ini bermatlamat sebagai salah satu strategi untuk melahirkan pelajar yang berkembang secara seimbang daripada segi jasmani, rohani, emosi, intelek serta mampu dan sanggup berubah ke arah yang positif untuk memberi sumbangan kepada diri, keluarga dan negara.

Para penghuni SHG turut mendapat beberapa kelebihan apabila menjalani pemulihan di sini. Selain mendapat pendidikan yang terbaik mereka juga diberikan peluang untuk

³²⁴ Dasar Pendidikan Kebangsaan (4th Ed), Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017, hlm. 145.

terlibat dengan beberapa pertandingan ko akademik bersama-sama SHG dan Sekolah Integriti di bawah seliaan Jabatan Penjara Malaysia. Objektif karnival ini adalah untuk

1. Menggalakkan pelajar meneruskan minat dan kemahiran serta potensi dan bidang ko-akademik
2. Memberi peluang pelajar mengaplikasi ilmu yang dipelajari melalui kemahiran ko-akademik dalam bilik darjah
3. Membina dan memupuk nilai-nilai disiplin, kerjasama, daya saing dan daya juang yang tinggi dalam kalangan pelajar.

Para penghuni turut terlibat dalam beberapa pertandingan bagi pertandingan ko akademik seperti pertandingan bercerita, *story telling*, tazkirah 5 minit, serta nyanyian yang terbahagi kepada kategori solo, berkumpulan dan buskers.

Pertandingan tangan emas pula ialah pertandingan melukis yang telah diberikan tema tertentu. Para penghuni perlu melukis mengikut tema dan menepati kehendak juri untuk menjuarai kejohanan.

Seterusnya para penghuni yang berbakat dari segi sukan pula boleh menyertai pertandingan sukan dan permainan mengikut kategori seperti kategori kecergasan, permainan dan olahraga. Kategori kecergasan yang dipertandingkan ialah pertandingan senam Aerobik (*air dance*) dan ujian larian ulang alik (*bleep test*). Kategori permainan pula ialah Sepak bulu ayam @ chapteh dan sepak raga bulatan. Manakala dalam kategori olahraga pula acara yang dipertandingkan ialah lontar peluru, lempar cakera dan lompat jauh.

Melalui Pertandingan Ko-Akademik antara SHG dan Sekolah Integriti seluruh Malaysia ini, bakat serta kerjasama antara penghuni dapat dicungkil dan diketengahkan. Selain itu jurulatih yang terlibat turut memberikan komitmen yang tidak berbelah bahagi agar wakil penghuni yang menyertai pertandingan tidak membawa pulang tangan yang kosong. Pihak Jabatan Penjara Malaysia pula sangat komited terhadap pembangunan sahsiah penghuni melalui pertandingan Ko-Akademik ini sehingga meluluskan perbelanjaan yang bersesuaian sebagai tanda sokongan terhadap keterlibatan para penghuninya.

4.10 Pelaksanaan Program Pembentukan Jati Diri dan Modal Insan dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney.

Pendidikan Korektif yang diperkenalkan bukan sahaja dapat memberi pemulihan dan membentuk disiplin yang tinggi dalam kalangan penghuni malah dapat membentuk jati diri dan modal insan yang berkualiti untuk negara pada masa akan datang.

4.10.1 Program Jati Diri

Istilah jati diri berasal dari perkataan Perancis *identite* atau secara bahasanya sebagai identitas manakala dalam bahasa Latin, -tatis, terbit dari kata sifat Latin yang bermaksud “yang sama”. Jati diri bermaksud sifat atau ciri yang khas dan istimewa yang menjadi teras, identiti dan lambang keperibadian.³²⁵ Disamping itu, jati diri menekankan kepada sifat ketahanan diri, tidak lupa kepada nilai-nilai kebudayaan bangsa, tidak mudah terpengaruh dengan nilai asing dan pada masa yang sama dapat

³²⁵ Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Harishon Radzi & Mohd Shabri Yusof. *Pemeriksaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapan Kata Asing. Jurnal Melayu*, Jil. 6, 2011, hlm. 13-27.

menyesuaikan diri dengan keadaan semasa. Jati diri bersifat abstrak dan tidak dapat dihitung dengan sesuatu nilai atau digambarkan melalui mata kasar.

Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan jati diri sebagai sifat atau ciri yang unik dan istimewa (dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya) yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, sesuatu bangsa dan sebagainya, identiti³²⁶ Namun begitu sifat jati diri dapat diperhatikan melalui peribadi dan lakuan individu. Melalui pelbagai program melalui pelbagai kluster diharapkan para penghuni dapat memantapkan jati diri penghuni.

Jati diri bermaksud suatu sifat atau ciri yang unik atau istimewa sama ada dari segi adat, budaya, agama dan sebagainya. Teras dan lambang keperibadian seseorang mahupun sesuatu bangsa juga dapat diterjemahkan melalui jati diri. Kemampuan menahan diri dari segi mental, fizikal dan spiritual apabila menghadapi cabaran dalam kehidupan seperti menghalang anasir negatif di peringkat dalaman mahupun luaran menjadi ciri keperibadian jati diri berkait rapat dengan semangat juang yang tinggi dan kukuh, beriltizam, berfokus untuk memenuhi kehendak, mempunyai keazaman yang mendalam untuk berhijrah ke arah yang lebih positif dan cemerlang. Keteguhan hati berkait rapat dengan ciri-ciri kekuatan dalaman jati diri individu.

Kekukuhan jati diri dalam kalangan generasi muda sering kali menjadi kebimbangan masyarakat dewasa ini. Generasi muda sering dilabel sebagai golongan yang terkenal dengan sifat-sifat seperti ingin mencuba sesuatu yang baharu dan mudah terikut-ikut

³²⁶ <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=jati+diri> (tarikh diakses 19 Julai 2023).

dengan rakan. Dari perspektif lain pula generasi muda merupakan harapan negara dan aset penting yang bakal menerajui negara pada masa hadapan.

Fasa kedua program pemulihan untuk juvana yang lebih dikenali sebagai fasa pemulihan sahsiah, penekanan diberikan kepada aspek pembentukan jati diri dan perubahan tingkah laku.³²⁷ Penekanan pembentukan jati diri sangat penting terhadap semua penghuni kerana tanpa usaha dalam diri mereka sendiri ia tidak akan berhasil walaupun mereka telah dididik dengan tegas semasa menjalani pemulihan.

Hasil temu bual juga menunjukkan masalah dalaman responden seperti tiada jati diri, degil, bertindak ganas, tiada matlamat hidup, tidak berfikir panjang dan mudah dipengaruhi rakan-rakan turut menyumbang kepada salah laku jenayah juvana. Responden juga tidak pasti dengan identiti dirinya seperti mana yang dinyatakan oleh responden berikut. PJ2 terlalu mengikut kata hati pamarah, panas baran dan terikut-ikut dengan ajakan rakan-rakan lalu menyamun dengan menggunakan senjata di sebuah kedai runcit.

“Saya tak fikir panjang, saya ikut kawan-kawan, mereka ajak. Masa tu saya tak ingat nasihat mak ayah saya. Akhirnya beginilah saya, saya insaf...”

(PJ2, Kuala Selangor, Jenayah Samun 395).³²⁸

³²⁷ Pamphlet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang, Selangor.

³²⁸ Penghuni Jenayah 2 (PJ2) terlibat dengan kes samun dan berusia 19 tahun. Kejadian samun bersama bersama rakan dan beliau dijatuhi hukuman selama 3 tahun kerana masih di bawah umur ketika itu.

Manakala seorang lagi responden PJ3 memberitahu beliau mencuba sekali sahaja kerana terikut dengan ajakan kawan.

“Pada masa itu saya lepak-lepak dengan kawan, dia bagi saya cuba, saya cubalah... tak sangka pula masa ujian urin di sekolah saya kantai..”³²⁹

(PJ3, Kajang Selangor, Dadah).

Pembentukan jati diri dalam kalangan penghuni adalah penting supaya personaliti terbaik dapat dihasilkan supaya mereka bersedia menghadapi hari yang mendatang. Pembangunan negara dapat direalisasikan secara berterusan dan berkesan sekiranya generasi muda iaitu para penghuni dibekalkan dengan pendidikan serta dibentuk dengan baik. Hal yang sedemikian menjadikan pendidikan menjadi elemen paling penting dalam membentuk jati diri. Proses pendidikan pula boleh berlangsung secara formal dan tidak formal. Tujuan kedua-dua kaedah tersebut adalah sama, cuma kaedah penyampaiannya berlainan. Di negara kita proses menggalak dan memupuk jati diri kebangsaan secara formal terhadap generasi muda diterajui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi.³³⁰

Negara Malaysia yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum, untuk memperkukuhkan jati diri terhadap generasi muda, jati diri kebangsaan perlu disebar luaskan serta diberi penekanan supaya mereka mempunyai unsur-unsur kepunyaan kepada bangsa dan negara. Seterusnya jati diri kebangsaan yang akan ditekankan di

³²⁹ Penghuni Juvana 3 (PJ3) seorang remaja perempuan berumur 18 tahun dijatuhkan hukuman kerana terdapat dadah di dalam urin. PJ2 menjadi pelajar harapan SPM SHG kerana mempunyai keputusan yang cemerlang di dalam Peperiksaan Percubaan SPM.

³³⁰ Mohd Yusof Othman, Jawiah Dakir, Abd. Latif Samian, Mohd. Safar Hasim, Noor Aziah Mohd Awal, Shamsul Azhar Yahya, Rosilawati Mohd. Hanapi, Noralina Omar, & Mujahid Abu Bakar, Jati diri kebangsaan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Hadhari, Special*, 2012, hlm. 67-78.

negara ini perlulah mengambil kira kepelbagaian etnik dan budaya yang ada memandangkan kepelbagaian budaya menjadikan negara ini unik.

Selain itu, identiti yang diwujudkan tidak membawa kepada perpecahan kaum. Ini bermakna individu daripada kaum yang berlainan bebas mengamalkan adat dan budaya masing-masing namun berkongsi suatu Jati Diri Kebangsaan yang sama dengan individu dari kaum lain.³³¹ Jati Diri Kebangsaan semakin berkembang apabila nilai-nilai patriotisme telah diterapkan dalam mata pelajaran sejarah dan penerapan nilai sivik dan kenegaraan terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu, Pendidikan Islam, Bahasa Inggeris dan Sejarah disebabkan perlunya penghuni SHG mempunyai semangat patriotisme selain mempunyai semangat jati diri. Semangat jati diri dan patriotisme didapati semakin berkurangan dalam kalangan generasi muda yang berbilang kaum di negara kita menjadikan konsep ini penting dan perlu diterapkan dalam diri masing-masing sejak awal persekolahan lagi supaya keharmonian negara dapat dijaga. Penglibatan dalam gejala sosial dan delinkuen dalam kalangan remaja semakin membimbangkan sepatutnya dibanteras daripada menjadi akar umbi dengan berkesan pada masa akan datang. Para penghuni SHG perlu mempunyai jati diri dan patriotisme yang tinggi dan ditanamkan keazaman yang kuat agar tidak mengulangi kesilapan yang lalu serta kembali kepada kehidupan normal. Konsep jati diri dalam diri mereka membuatkan tiada siapa yang boleh mengubahnya melainkan mereka menanam di dalam diri secara bersungguh-sungguh agar tidak akan melakukan perkara yang sama apabila tamat latihan. Kesedaran dalam diri sangat penting agar

³³¹ <https://www.utusanborneo.com.my/2019/03/01/jati-diri-pembentuk-identiti-bangsa> (tarikh diakses 19 Julai 2023).

masyarakat mempunyai persepsi yang positif terhadap penghuni selain mereka terpaksa berdepan ancaman globalisasi.

4.10.2 Program Modal Insan

Modal insan terdiri daripada tiga komponen utama, pertama pendidikan seperti pendidikan formal dan pengalaman, kedua kebolehan-kebolehan lain seperti komunikasi, kepimpinan dan kerjasama kumpulan, ketiga tingkah laku merangkumi motivasi, kepuasan bekerja dan kreativiti.³³² Seterusnya menurut Muhammad Hisham Mohamad (2005), modal insan (*human capital*) atau dikenali juga sebagai pembangunan sumber manusia. Nilai modal insan ini yang akan mencorakkan hala tuju jati diri, identiti sesebuah negara ke arah wawasan yang disasarkan. Tanpa sumber manusia yang ada jati diri yang baik, sesebuah negara akan lemah kerana ketiadaan faktor manusia yang menjadi pencetus kepada inisiatif baru dalam kegiatan sosio ekonominya.³³³ Pembangunan modal insan ialah proses pendidikan manusia dengan tumpuan terhadap aspek fizikal dan spiritual secara bersesuaian dengan fungsi dan peranan setiap komponen secara tepat. Setiap komponen berkembang seperti tujuan asal kejadian setiap komponen mengikut kesesuaian.³³⁴

³³² Sa'adi Awang, Siti Arni Basir & Hassan Al-Banna Mohamed. (2019). Cabaran dalam pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan (PMI) di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *Jurnal Hadhari*, 11(1), 87-105. ISSN 1985-6830. hlm. 95.

³³³ Muhammad Hisham Mohamad, 2005, dalam Rosli, M. A. B., Ajmain@Jima'ain, M. T., Abdul Majid, S. F. B., & Zulkifly, M. N. I. B., December). Pengaruh Hassan Al Banna dalam pembentukan jati diri Muslim. In *Proceedings of the Sixth International Social Sciences Postgraduates Conference (6th ISPC 2019)*. School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 2019. (tiada halaman)

³³⁴ Noor Hafizah, M. H., Maizan, M., Norsaleha, M.S., & Ahmad Munawar, I., Pembangunan Modal Insan Kepentingannya Dalam Program Pemulihan Remaja Bermasalah. Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke 3 (IRSYAD2017), 3, 2017 hlm. 214-226.
www.intanbk.intan.my/portal/index.php/ms/rmk11 hlm. 215.

Modal insan merujuk kepada modal atau sesuatu yang boleh dikeluarkan dari seorang insan untuk mendapat faedah. Dengan kata lain modal insan juga juga merujuk kepada semua yang bersumberkan dari manusia. Oleh itu, modal insan juga boleh disamakan dengan istilah sumber manusia.

Di Malaysia pelaksanaan modal insan mempunyai beberapa kelainan dari konsep *human capital* yang sedia ada kerana ia mengambil kira pelbagai aspek terutamanya akhlak, etika dan nilai-nilai murni selain daripada pembangunan fizikal semata-mata. Hasrat negara untuk melaksanakan pembangunan modal insan mengikut acuannya, masyarakat Malaysia perlu melalui satu proses terhadap penguasaan ilmu pengetahuan, mengamalkan nilai-nilai murni, memiliki spiritual yang bercita-cita tinggi, cintakan negara, memiliki kekuatan fizikal, kekuatan moral dan keutuhan jiwa. Dalam kata lain Pendidikan Korektif yang dilaksanakan di SHG merupakan satu hasrat Jabatan Penjara Malaysia dan KPM untuk memantapkan dan meningkatkan jati diri penghuninya dalam semua aspek kehidupan.

Melalui modal insan program dan latihan merupakan medium yang diperlukan untuk membentuk masyarakat serta tenaga buruh yang mempunyai budaya kerja yang cekap. Rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan sama ada dalam pembangunan negara, perekonomian dan sebagainya³³⁵ menurut Kamus Dewan. Bersesuaian dengan pendidikan korektif yang dijalankan Jabatan Penjara Malaysia menyediakan pelbagai program seperti pembahagian kluster mengikut minat dan

³³⁵ Hajah Noresh Hj Baharom, Kamus Dewan ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007, hlm. 1233.

kebolehan penghuninya. Manakala Asma Ahmad mendefinisikan latihan sebagai proses menyediakan pelatih supaya berkebolehan untuk melakukan sesuatu tugas.³³⁶ Melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK 9) dan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) pembangunan modal insan dimantapkan dengan beberapa pengisian agar menjadi lebih berkualiti bermula di peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi.

Penghuni SHG Telok Mas turut mempunyai kepentingan dan berkeperluan tinggi sebagai aset negara terutamanya dalam program pemulihan di institusi yang memulihkan akhlak juvana di Malaysia. Jabatan Penjara Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia memastikan elemen modal insan diterapkan dalam setiap program-program pemulihan yang dilaksanakan misalnya Pendidikan Korektif yang mempunyai wadah bersepadu agar penghuni mempunyai lebih daripada satu kemahiran supaya bersedia bekerja atau meneruskan pengajian selepas tamatnya program pemulihan. Pendidikan Korektif juga turut membina dan merangsang sikap penghuni agar sedar malah tidak akan mengulangi kesilapan lagi. Elemen modal insan ini yang diterapkan dalam kalangan penghuni dapat melahirkan individu yang berakhlak mulia, menjalani cara hidup yang baik, mempunyai jati diri serta sentiasa memperbaiki diri menjadi warganegara yang bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara. Menurut Bennabi ³³⁷(1985) manusia berpotensi untuk mempunyai

³³⁶Rasid Muhamad, Mohd Yadman & S. Salahudin Suyurno, "Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia," dalam Pengurusan Islam Teori dan Praktis. Selangor: Universiti Teknologi Mara (UPENA), 2010, hlm. 115.

³³⁷ Malek Bennabi. (1985). Syurat al-Nahdah, terj. 'Abd Sobur Syahin. Damsyiq: Dar al-Fikr, dalam Rosli, M. A. B., Ajmain@Jima'ain, M. T., Abdul Majid, S. F. B., & Zulkifly, M. N. I. B., (December). Pengaruh Hassan Al Banna dalam pembentukan jati diri Muslim. In *Proceedings of the Sixth International Social Sciences Postgraduates Conference (6th ISPC 2019)*. School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 2019, (tiada halaman)

masa hadapan yang cerah melalui ilmu yang banyak, sanggup bersaing dan berakhlak mulia dalam segenap keadaan dengan tuntutan agama. Menurut Phelps 2011,

“The treatment and education are important elements in the institutions that helps offenders to address their offending behaviour and helps offenders with progression. In the institutions, treatment and education is served for the purpose of rehabilitation. Rehabilitation is the one of the most important purposes of incarceration that deeply rooted in the idea that offenders could be return to the free world as law abiding citizen.”³³⁸

Beliau menekankan pemulihan dan pendidikan menjadi elemen yang dapat membantu untuk mengubah tingkah laku penghuni secara progresif. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kekangan yang akan menggagalkan usaha pendidikan korektif sekiranya penghuni dan banduan muda masih terikat dengan perbuatan mengulangi jenayah atau lebih dikenali sebagai residivisme.

4.11 Kadar Residivisme dan Faktor-faktor Residivisme di Sekolah Henry Gurney

Konsep residivisme digunakan untuk memahami corak pengulangan jenayah seseorang individu. Residivisme merujuk kepada melibatkan diri semula dalam jenayah selepas menerima hukuman atau intervensi.³³⁹ Residivisme adalah kecenderungan untuk kembali kepada corak tingkah laku jenayah yang lepas dan menyebabkan penangkapan semula, penyabitkan semula, atau pemenjaraan semula.³⁴⁰

³³⁸ Michelle S. Phelps, 2011, Rehabilitation in punitive era: The gap between rhetoric and reality in US prison programs. Jurnal Law & Society review, Jil. 45, 2011, hlm. 36, (33-22).

³³⁹ King, R. &, Elderbroom, B. *Improving recidivism as a performance measure*. Urban Institute, 2014, hlm. 2

³⁴⁰ Dele Joseph Tenibiaje International Review of Social Sciences and Humanities Vol. 5, No. 1, pp. 30-37 www.irssh.com ISSN 2248-9010 (Online), ISSN 2250-0715 (Print) Educational Attainment and Peer Group Influence as Predictors of Recidivism, 2013, hlm. 31.

Tiada satu definisi yang tepat untuk mentakrifkan residivisme namun semua definisi berkongsi tiga ciri umum yang hampir sama. Keterlibatan pertama, iaitu peristiwa permulaan seperti pembebasan dari jagaan (seperti, penjara, pusat pemulihan), penyelesaian program, atau diletakkan dalam tempoh percubaan. Kedua, ukuran berdasarkan kegagalan berikutan peristiwa permulaan tersebut, seperti penangkapan, penyabitkan akibat penangkapan atau pemenjaraan. Ketiga, tempoh masa residivisme (seperti enam bulan, satu tahun, dua tahun, tiga tahun) bermula dengan tarikh peristiwa permulaan.³⁴¹

Kadar pengulangan jenayah yang semakin meningkat setiap tahun mendorong kepada keperluan untuk meneroka faktor-faktor yang menyebabkan pengulangan jenayah ini. Peningkatan kadar pengulangan jenayah semakin hari semakin di Malaysia meningkat walaupun pihak penjara mengenakan hukuman yang keras terhadap pesalah. (Rahim et al., 2016). Residivisme bukan sahaja meningkatkan kadar jenayah tetapi meningkatkan lagi kos ekonomi jenayah dan kos rawatan pemulihan yang disediakan oleh sistem keadilan. (Thomas et al., 2002). Hadi Zakaria (1980) dalam penyelidikan yang dijalankan berhubung residivisme bersama Yayasan Pencegah Jenayah Malaysia mentakrifkan residivisme seperti berikut:

“Residivisme merujuk kepada bilangan kesalahan ulangan yang boleh dilakukan seseorang yang pernah dihukum penjara kerana sesuatu kesalahan jenayah. Menjadi petunjuk utama bagi menentukan keberkesanan program pemulihan yang dijalankan di institusi kurungan yang lain”.³⁴²

³⁴¹ Mohd Alif Jasni et al., Memahami Residivisme: Tinjauan Asas Teori-teori Utama Tingkahlaku Jenayah, *Malaysian Journal of Social Administration*, Jil. 15, 2021, hlm. 44-66.

³⁴² Ibrahim Samad, Jamludin Mustafa & Kamal Ab. Hamid. “Faktor-faktor yang mempengaruhi Residivisme Banduan di Penjara Taiping,” *Malaysia Correctional Journal*, Jil. 1, No.3, 2017, hlm. 63.

Kepentingan pendidikan ini turut ditegaskan dalam kajian Castillo, Sessions, Steer, Hinojosa, O'Neill, Reill Jr. dan Rhodes (2004), bahawa pesalah di bawah umur 21 tahun menunjukkan tahap residivis lebih tinggi (35.5%) berbanding pesalah yang berumur lebih 50 tahun (9.5%). Pada peringkat usia remaja ini, proses pemulihan semula penghuni perlu melalui proses yang tepat dan sesuai agar mereka boleh berubah menjadi insan yang lebih baik pada masa hadapan.

Menurut (Moore, 2017), penyelidikan awal tentang faedah pendidikan untuk mengurangkan residivisme adalah jauh dari matlamat; ia sering menunjukkan hasil yang bercampur-campur dan, kadang-kadang, bercanggah (Martinson 1974; Palmer, 1976) dipetik dalam Richards et al. (2008). Frolander-Ulf dan Yates (2001) menunjukkan bahawa kajian telah menunjukkan bahawa semakin banyak seseorang yang dipenjarakan menerima persekolahan, semakin kecil kemungkinan dia mendapat masalah apabila dibebaskan. Program celik huruf, pendidikan dan latihan kemahiran terbukti dapat mengurangkan residivisme. Pandangan Ashley ini didapati bertepatan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Norimah Binti Jumai terhadap 266 orang penghuni SHG Telok Mas pada tahun 2021. Jadual 4.6 di bawah menunjukkan bilangan responden dari SHG Telok Mas yang pernah memasuki Asrama Akhlak atau Sekolah Tunas Bakti.

Jadual 4.6

*Jadual Kemasukan Penghuni ke Asrama Akhlak atau Sekolah Tunas Bakti tahun 2021.*³⁴³

Pernah Masuk Asrama Akhlak atau Sekolah Tunas Bakti		Frekuensi	Peratus (%)
	Ya	83	31.2
	Tidak	183	68.8
	Jumlah	266	100.0

Hasil dapatan daripada jadual 4.6 menunjukkan seramai 83 orang penghuni (31.2%) pernah memasuki asrama akhlak atau Sekolah Tunas Bakti sebelum memasuki SHGTM manakala seramai 183 orang penghuni (68.8%) tidak pernah memasuki Asrama Akhlak atau Sekolah Tunas Bakti. Hasil kajian terhadap bekas pelajar dari Asrama Akhlak dan Sekolah Tunas Bakti mendapati mereka mengulangi semula jenayah atau residivis yang pernah dilakukan sebelum ini. Keadaan ini sudah tentu akan memberikan kesan serta pengaruh yang tidak baik terhadap penghuni yang baharu sahaja masuk ke SHG Telok Mas jika tidak melakukan sesuatu untuk mencegah daripada berulang. Adalah menjadi tanggungjawab Seksyen Pemulihan dan Rawatan yang terletak di bawah Bahagian Pengurusan Banduan khususnya Sektor pendidikan, Jabatan Penjara Malaysia untuk mengembalikan semula sahsiah penghuni seterusnya membekalkan pendidikan dan kemahiran secukupnya agar mereka bersedia kembali ke pangkuan masyarakat setelah dibebaskan nanti.

³⁴³ Norimah Jumai, Pendidikan Korektif Penjara, Disertasi Sarjana Muda, Universiti Sains Malaysia, Minden, 2021, hlm. 42.

*“Early research on the benefits of education for reducing recidivism was far from conclusive; it often showed mixed and, at times, contradictory results (Martinson 1974; Palmer, 1976) cited in Richards et al. (2008). Frolander-Ulf and Yates (2001) indicate that studies have shown that the more schooling an imprisoned person receives, the less likely he or she is to get in trouble upon release. Literacy programmes reduce recidivism, job-training programmes reduce recidivism, and college programmes reduce recidivism.”*³⁴⁴

Pada dasarnya Program Pendidikan Korektif yang diperkenalkan mempunyai hasrat supaya dapat melahirkan penghuni yang boleh memberi sumbangan melalui pelbagai aspek kepada agama, keluarga, bangsa dan negara. Manakala Jabatan Penjara Malaysia pula diharapkan dapat menilai dan memantapkan program pemulihan secara keseluruhannya terhadap penghuni di SHG dan SI. Melalui pendidikan korektif ini diharapkan mereka akan lebih terlatih untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab apabila tamat menjalani hukuman kelak.

Kadar residivis atau jenayah berulang oleh bekas banduan seluruh negara masih terkawal iaitu sebanyak 14.97 peratus, kata Komisioner Jeneral Penjara, Datuk Nordin Muhamad.³⁴⁵ Beliau turut menyatakan angka tersebut menunjukkan bahawa bagi setiap 100 banduan yang dibebaskan, lebih kurang 15 orang memasuki penjara semula dalam tempoh tiga tahun. Selain itu menurut beliau lagi, Penjara Sarawak merekodkan kadar residivis atau banduan yang berulang kali menjalani hukuman di penjara terendah iaitu 0.25 peratus berbanding kadar purata residivis di Jabatan Penjara

³⁴⁴ Moore, C. A, Learning behind Bars : the Experiences of Undergraduate Students in a South African Prison, 2017, hlm. 3.

³⁴⁵ BERNAMA - Kadar residivis bekas banduan 14.97 peratus - Komisioner Jeneral Penjara (tarikh diakses 20 Julai 2022).

Malaysia sebanyak 13.86 peratus.³⁴⁶ Pada tahun 2022, negara Malaysia mencatat 9 peratus sahaja kadar jenayah residivisme menjadikan ia terendah berbanding negara-negara membangun yang lain.

“The criminal recidivism rate in Malaysia is below 9 per cent, which is lower than the rate in some developed countries”

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Menurut (Mohd Alif Jasni et al., 2021), matlamat sistem keadilan jenayah adalah memastikan jumlah pengulangan jenayah berada dibawah 10 peratus. Berdasarkan standard ukuran ini, dapat disimpulkan bahawa kadar residivisme dalam kalangan bekas banduan di Malaysia bagi tahun 2017 hingga 2019 adalah membimbangkan kerana ia menunjukkan peningkatan pada setiap tahun. Seksyen Pemulihan dan Rawatan terletak di bawah Bahagian Pengurusan Banduan mempunyai beberapa objektif utama untuk memastikan banduan mengikuti program pemulihan secara berkesan agar kadar residivisme dapat dikurangkan sehingga tidak melebihi 17 peratus.³⁴⁷ Secara tidak langsung, ia juga memberi gambaran kepada ketidakberkesanan program integrasi semula dalam masyarakat untuk bekas banduan. Justeru Pendidikan korektif yang diperkenalkan ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kadar residivisme dalam kalangan banduan muda.

Selain itu tahap pendidikan turut mempengaruhi residivis (Castillo, Sessions, Steer, Hinojosa, Horowitz, O'Neill Relly Jr, dan Rhodes, 2004). Semakin rendah tahap pendidikan seseorang itu, semakin tinggi tingkah laku residivis individu berkenaan.

³⁴⁶<https://www.utusanborneo.com.my/2022/01/26/kejayaan-penjara-sarawak-rekod-kadar-residivis-terendah-kawal-kesesakan-penjara-akan> (tarikh akses 20 Julai 2022).

³⁴⁷ Mohd Alif Jasni et al., Memahami Residivisme: Tinjauan Asas Teori-teori Utama Tingkahlaku Jenayah, *Malaysian Journal of Social Administration*, Jil. 15, 2021, 44-66. hlm. 48.

Ini boleh dilihat dalam kajian Castillo dan rakan-rakan (2004) yang menyatakan pesalah dengan tahap pendidikan kurang daripada sekolah menengah berkecenderungan tinggi ke arah residivis (31.4%), diikuti oleh pesalah dengan pendidikan sekolah menengah 19.3%, sedikit pengajian di kolej (18.0%) dan pesalah dengan ijazah.³⁴⁸

Terdapat banyak faktor penyebab yang mungkin dapat menjelaskan mengapa bekas banduan yang dilepaskan akan mengulangi semula jenayah. Sebilangan besar kajian mengkaji faktor-faktor penyumbang kepada residivisme yang dihadapi sepanjang pembebasan mereka adalah pelbagai faktor risiko yang bersifat individu, keluarga, dan masyarakat. Bekas banduan mengulang tingkah laku jenayah kerana pelbagai sebab. Misalnya disebabkan ketiadaan tempat tinggal, hidup gelandangan, penolakan keluarga, perkahwinan yang bermasalah, pengangguran, diskriminasi masyarakat, pergaulan dengan rakan-rakan sebaya yang antisosial atau penjenayah, ketagihan dadah atau arak dan mempunyai penyakit berjangkit yang memberi kesan kepada kesejahteraan hidup mereka. Bekas banduan perlu diselidiki mengapa mereka melakukan semula jenayah mampu membantu ahli kriminologi dan agensi pemulihan mengembangkan cara untuk mengawal jenayah dan memulihkan residivis.³⁴⁹

Berdasarkan buku panduan keluaran *United Nations Office on Drugs and Crime* (2012), ketahanan diri merupakan faktor penting dalam diri pesalah untuk tidak mengulangi kesalahan jenayah. Oleh yang demikian, proses meningkatkan tahap

³⁴⁸ Castillo, R., Sessions, W.K.I., Steer, J. R., Hinojosa, R.H., Horowitz, M. E., O'Neill, M. E., Relilly, E. F.J., & Rhodes, D. J. (2004). *Recidivism and the first offender, A component of the fifteen year report on the U.S sentencing commission's legislative mandate*. (Issue May). hlm. 3.

³⁴⁹ Mohd Alif Jasni et al., Memahami Residivisme: Tinjauan Asas Teori-teori Utama Tingkahlaku Jenayah, *Malaysian Journal of Social Administration*, Jil. 15, 2021, 44-66. hlm. 48.

kemahiran dan pendidikan sangat penting agar jati diri pesalah dapat dikukuhkan seterusnya mengurangkan residivis dalam kalangan mereka.

Menurut kajian terhadap keberkesanan pelaksanaan program Pelan Pembangunan Insan (PPI) yang dilaksanakan oleh (Samad, 2013), majoriti responden bersetuju terhadap pelaksanaan program PPI yang dijalankan berjaya memberikan kesedaran, mengubah sikap dan pemikiran mereka. Walau bagaimanapun keadaan ini bergantung kepada diri mereka sendiri untuk membuktikannya apabila bebas nanti. Walaupun sebahagian mereka nampak benar-benar insaf serta bertaubat tidak akan mengulangi lagi kegiatan jenayah semasa menjalani hukuman penjara, tetapi setelah bebas ada dalam kalangan banduan mereka terlibat semula dengan kegiatan berkeñaan. Ini kemungkinan berlaku kerana lebih 32% residivis merasakan kehidupan mereka di penjara lebih terjamin di luar penjara. Oleh itu pihak Jabatan Penjara Malaysia membentuk satu dasar Pendidikan korektif yang mempunyai tiga asas utama iaitu Pendidikan dan Bimbingan (PB), Modul HUNT, KSSM dan lima kluster mengikut bidang tertentu agar para penghuni disediakan ilmu yang berguna apabila dibebaskan kelak. Pendidikan korektif juga dibentuk agar para penghuni mampu bersaing apabila kembali ke pangkuan masyarakat. Kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney telah berjaya menyediakan pemulihan yang berkesan serta menggalakkan penghuni memberi fokus kepada bidang yang diminati, sekali gus dapat mengurangkan kadar residivisme. Kadar Residivisme dan Pendidikan Korektif dari perspektif Institusi Jabatan Penjara Malaysia, adalah jelas bahawa pengkelasan penghuni SHG mengikut kluster merupakan platform penting dalam pendidikan dan pemulihan moral. Sebagai contoh, Pencapaian SPM penghuni

dalam kluster akademik yang sangat membanggakan dan kluster sukan seperti tinju telah mencapai kejayaan cemerlang sehingga ke peringkat antarabangsa. Hal ini bukan sahaja melahirkan penghuni yang bijak, sihat dan cerdas, tetapi turut memupuk semangat patriotisme, solidariti dan kerjasama, serta menyemai sifat positif seperti disiplin dan fokus dalam kalangan penghuni.

4.12 Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan di dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan pernyataan yang boleh dilihat sebagai panduan, arah tuju atau pandangan-pandangan terhadap hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan. Falsafah Pendidikan mengandungi kepercayaan, sistem nilai dan harapan yang akan diperolehi daripada sistem pendidikan yang dihasilkan oleh falsafah berkenaan (Alexander, Lewis, Saylor, 1981; Olivia, 1997).³⁵⁰

Dasar dan konsep pendidikan di SHG berkait rapat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Merujuk kepada pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah

"Pendidikan di Malaysia adalah usaha berterusan untuk mengembangkan potensi individu secara keseluruhan dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, semangat, emosi dan jasad berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertakwa kepada Tuhan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berusaha untuk mencapai kesejahteraan diri dan menyumbang kepada kesejahteraan dan kesejahteraan keluarga, masyarakat dan negara."³⁵¹

³⁵⁰ Olivia, P.F. *Developing the Curriculum*. 4th ed: Addison Wesley Longman, Inc. 1997.

³⁵¹ Falsafah Pendidikan Negara, 1996, hlm. 8.

Pendidikan Korektif yang dirancang oleh Jabatan Penjara Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia sangat bertepatan dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara. Tujuan pendidikan yang diberikan sehingga tiada seorang pun yang ketinggalan membuktikan hasrat ini mendapat sokongan yang tidak berbelah bahagi.³⁵² Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan diimplementasikan secara menyeluruh di semua Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti apabila pendidikan secara formal diperkenalkan pada tahun 2008.

Berdasarkan FPK, objektif pendidikan adalah untuk melahirkan manusia yang seimbang dan harmoni dari semua aspek kemanusiaan. Jadi dalam pernyataan ini, terdapat unsur-unsur penting yang berkaitan dengan perkembangan manusia. Unsur-unsur ini penting untuk disatukan dalam pendidikan korektif untuk menyedarkan penghuni agar memilih jalan yang benar. Oleh itu, FPK penting untuk perkembangan pendidikan Malaysia termasuk semua penghuni di SHG Telok Mas dalam menjadikan rakyat Malaysia sebagai manusia yang seimbang dan harmoni.

Di samping itu, FPK penting dalam perkembangan pendidikan kerana dapat berfungsi sebagai pertimbangan asas dan prinsip untuk menentukan kurikulum, bahan pembelajaran dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana falsafah pendidikan di Malaysia telah memberikan panduan dan arahan kepada guru untuk melaksanakannya dalam pembelajaran di bilik darjah. Contohnya, guru akan menyampaikan pelajaran yang benar-benar mengikuti prinsip dan garis panduan

³⁵² Ibid., hlm. 8.

dalam FPK seperti menggunakan prinsip pedagogi, menggunakan buku teks yang telah diluluskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan sebagainya.

Konsep pendidikan berterusan juga merupakan salah satu kepentingan FPK untuk perkembangan pendidikan. Ini membuktikan bahawa pendidikan berterusan tidak terganggu walaupun melibatkan peringkat usia yang berbeza. Konsep pendidikan ini merangkumi tiga peringkat, iaitu tahap awal, peringkat sekolah dan tahap luar sekolah. Proses pembelajaran bermula dari zaman kanak-kanak dan hanya mendapat pendidikan dari keluarga dan kemudian mendapat pendidikan formal di sekolah. Selepas tamat sekolah, individu akan meneruskan pendidikan secara tidak formal melalui pelbagai kaedah pembelajaran seperti media massa.

Pendidikan Korektif menunjukkan terdapatnya kerelevanan objektif dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Objektif Pendidikan Korektif sangat relevan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan kerana semua kluster yang ditawarkan kepada penghuni memberikan pengalaman pembelajaran yang terarah serta dapat membantu mereka berdepan dengan keadaan masyarakat sebenar. Ciri-ciri yang terdapat dalam pendidikan korektif, seperti Modul Hunt, PB dan kluster yang dijalankan serta di pelajari oleh penghuni adalah seperti yang di kehendaki oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu ilmu pengetahuan, ketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Program pendidikan untuk banduan muda dan pesalah juvana merupakan kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Jabatan Penjara Malaysia. Menerusi

Dasar Pendidikan Kebangsaan, pernyataan dasar bermaksud memastikan murid yang sedang atau telah disabitkan kesalahan diberi peluang untuk mendapat akses pendidikan kebangsaan. Selain itu juga, kerelevanan sesuatu objektif pendidikan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan diperlukan kerana ia berguna dalam menentukan perancangan dan perkembangan pendidikan.³⁵³ Secara umumnya melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan pembentukan sahsiah penghuni di SHG Telok Mas mendapat pendidikan yang sama seperti di luar tembok penjara.

Secara keseluruhannya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) memainkan peranan penting dalam kemajuan pendidikan di Malaysia. Setiap struktur dan bentuk yang disusun secara kritis oleh pihak kerajaan mampu memajukan sistem pendidikan negara ini, selari dengan negara-negara maju. Pendidikan yang diterima dan disampaikan oleh guru dapat melahirkan individu yang berkualiti, seimbang, dan harmoni dari aspek intelek, rohani, emosi, dan jasmani, dalam usaha mencapai visi dan misi FPK. dalam mencapai visi dan misi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

4.13 Pelaksanaan Kerangka Dasar MADANI dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney.

Kerangka MADANI³⁵⁴ adalah merupakan pendekatan yang dijadikan hala tuju negara Malaysia apabila YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah dilantik sebagai Perdana Menteri yang ke sepuluh. Pendekatan ini adalah bertujuan untuk pembinaan negara

³⁵³ Alias Mat Saad, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, Ruhizan Mohammad Yassin, Kajian Kerelevanan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dengan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia Politeknik Port Dickson, Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Ajtlhe Vol. 3, No.2, 2011, 60-70. hlm. 69.

³⁵⁴ Maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan (berkenaan masyarakat, generasi dan sebagainya) usaha untuk membentuk masyarakat-dengan menyemaikan nilai-nilai murni kekeluargaan. Manhaj itu terarah kepada pembinaan masyarakat.

secara islah atau perubahan setelah 65 tahun negara ini merdeka. Terdapat dua perkara yang perlu difahami dan dihayati oleh semua rakyat Malaysia iaitu kita perlu memahami kenyataan bahawa kita sedang berhadapan dengan dunia pasca normal dan pada masa yang sama nilai-nilai tradisi yang ada dalam kalangan rakyat berbilang kaum ini perlu di kekalkan dan dikongsi bersama.

Pendidikan Korektif haruslah seiring dengan perkembangan pembangunan Malaysia MADANI supaya semua banduan muda dan penghuni yang sedang mengikutinya turut sama menyediakan diri dengan perkembangan ini seterusnya akan mengambil tanggung jawab sebagai warganegara yang mendukung dasar dan kehendak masa kini. Sebagai mana yang telah sedia maklum, pendidikan korektif adalah satu usaha untuk membantu proses pemulihan diri dan memberikan peluang pendidikan yang sebaik mungkin untuk menyediakan banduan muda dan penghuni SISHG yang dapat memainkan peranan dalam masyarakat pada masa akan datang.

Membangun Malaysia MADANI pada asasnya adalah untuk pembinaan kerangka positif individu melalui enam nilai atau rukun yang seharusnya diterapkan dengan bersungguh-sungguh supaya setiap nilai atau teras ini meresap ke dalam jiwa melalui program, projek ataupun aktiviti yang dijalankan di dalam SISHG. Penghuni SHG yang mempunyai masa lebih panjang sekitar 1 – 3 tahun untuk memahami nilai-nilai ini pastinya mampu menyediakan diri dengan lebih berkualiti bagi menyambut usaha murni pihak kerajaan. Perkara yang dibawa oleh Perdana Menteri ini bukanlah sesuatu yang baharu tetapi ia bertujuan membawa pemikiran setiap rakyat tentang

perubahan yang berlaku di seluruh dunia dan kita sebagai rakyat perlu bersedia untuk menghadapi perubahan ini dengan sebaik mungkin.

Seterusnya kita akan membincangkan tentang kesiapsiagaan penghuni SHG untuk melalui zaman pasca normal ini. Mereka perlu didedahkan dengan persoalan – persoalan yang dibincangkan dalam zaman ini. Pasca normal telah menimbulkan seribu kerumitan, pelbagai percanggahan, kekacauan dan keserentakan yang akan mencorakkan dunia masa hadapan. Kerumitan yang ada setelah kita melalui tahun – tahun mencabar sementelah pula dengan isu COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Bagaimana penghuni ini akan disediakan untuk melalui seribu kerumitan nanti. Tempoh masa yang mereka ada tidak boleh dipersiapkan apatah lagi sebahagian besar mereka yang akan dibebaskan adalah berumur 21 tahun. Harustah faham tentang kerumitan dan bagaimana mereka harus menghadapi setiap yang berlaku kepada diri, keluarga dan masyarakat sebaik dibebaskan nanti. Kita perlu berikan mereka alat atau mekanisme yang sesuai untuk mereka bertahan dan seterusnya menjulang harga diri melalui enam nilai MADANI yang akan dibincangkan nanti.

Begitu juga dengan percanggahan demi percanggahan yang dikumpul oleh pelbagai pihak demi memenuhi kepentingan peribadi dan kumpulan masing-masing. Penyatuan semakin lama semakin hilang kerana penyebaran secara berleluasa tanpa memikirkan kesan atau natijah kepada kemakmuran negara. Percanggahan ini juga sebenarnya antara penyebab kepada ramai remaja yang terpaksa dihantar ke SHG. Mereka tidak berupaya untuk bertindak secara rasional dan akhirnya mereka akan bertindak secara melulu. Pendidikan korektif sememangnya telah menyediakan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian untuk mengekalkan perasaan rasional dalam kalangan penghuni.

Kesesuaian untuk melihat perkembangan negara akan membantu penghuni yang sememangnya telah layak untuk membuat pilihan di kotak undi selepas dibebaskan kelak.

Keharmonian sesebuah negara sering dipandu oleh rukun negara yang diterima oleh keseluruhan anggota masyarakat. Undang-undang disediakan sebagai penentu kepada keupayaan seseorang untuk menjaga keharmonian. Kekacauan akan timbul apabila peristiwa-peristiwa yang berlaku tidak ditangani secepat mungkin. Nilai-nilai yang dimasukkan dalam Malaysia MADANI sebenarnya juga bertujuan untuk memberikan daya tahan kepada rakyat Malaysia untuk bertindak secara matang dalam menghadapi usaha-usaha kekacauan yang sentiasa ingin tumbuh dalam zaman pasca normal. Kerajaan tidak mungkin membiarkan kekacauan berlaku kerana negara ini berkembang tumbuh dengan kerjasama dan penyatuan pelbagai kaum utama di negara ini.

Usaha kerajaan ini juga patut digunakan untuk meletakkan pendidikan korektif sentiasa dikemaskini dengan kepentingan negara. Selain itu kepelbagaian agama dan bangsa, negara ini juga bebas bagi mana-mana pihak untuk berkumpul atau berpersatuan. Setiap kumpulan pastinya ingin membina kekuatan dan pada masa yang sama juga ingin melihat kumpulan yang lain seakan lemah. Ini jugalah yang sering digunakan dalam konteks jenayah dan pihak kerajaan juga telah melihat bagaimana jika kekuatan setiap kumpulan dapat menjadi sinergi kepada pembangunan Malaysia

MADANI.³⁵⁵ Penghuni SHG yang telah dibimbing untuk memahami maksud pasca normal ini pastinya akan berubah pemikiran dan bersedia untuk membantu pembangunan negara.

Zaman pasca normal adalah persediaan pemikiran masa depan yang cuba dipandu oleh seorang Perdana Menteri yang berfikiran futuristik. Berdasarkan kepada penulisan oleh Anwar Ibrahim yang menakrifkan Malaysia MADANI hendaklah disusuli dengan ikhtisar tentang matlamat dan visi atau wawasan yang ingin dicapai dalam setiap istilah yang dikemukakan. Setiap nilai atau rukun yang dinyatakan adalah didasari oleh lapan polisi atau perkara yang mesti di petik dan di amati oleh semua warganegara. Ia adalah merangkumi sebuah kehidupan bernegara yang cukup memberikan makna untuk sebuah negara yang ingin maju dengan nilai kemanusiaan. Jika kita merujuk kepada visi yang dibawakan dalam kerangka Malaysia MADANI maka kita akan dapat melihat keterangkuman usaha untuk mencapai kejayaan secara holistik.

Visi kita dalam Malaysia MADANI adalah untuk membangun tanah air yang lebih mampan dan makmur berteraskan roh daya cipta, nilai hormat, keyakinan dan ihsan, di mana keterangkuman dan kesaksamaan menjadi teras utamanya – yakni sebuah masyarakat Malaysia yang adil.

³⁵⁵ Anwar Ibrahim, *Membangun Negara Madani, Visi dan Kerangka dasar Reformasi*, Institut Darul Ehsan, Shah Alam, 2023, hlm. 31-34.

Visi yang tertera dalam Malaysia MADANI telah memasukkan nilai atau rukun yang jelas untuk dihayati dan dijadikan amalan oleh rakyat pelbagai kaum di negara ini. Enam nilai atau rukun ini perlu disesuaikan dalam pendidikan korektif sama ada melalui pembentukan disiplin, pemulihan diri mahupun dalam kluster-kluster yang ada di SHG. Nilai atau rukun yang pertama adalah tentang kemapanan yang ditakrifkan oleh Perdana Menteri adalah tentang kemajuan mutu kehidupan bangsa Malaysia yang saling mengasihi sesama bangsa dan juga memastikan kelestarian kepada alam agar kesuburan dan kebahagiaan akan kekal berpanjangan. Usaha ini adalah secara kolektif dan berterusan bagi setiap lapisan masyarakat. Sebagai rakyat yang bertamadun, kita perlu melihat alam dan manusia adalah sejagat dan perlu ada proses pemuliharaan sepanjang masa. Manusia dan alam sama ada haiwan atau tumbuhan saling memerlukan. Kepatuhan kita kepada nilai atau rukun kemapanan sajalah akan menjadikan negara ini terus kekal dan bersedia menghadapi masa hadapan dengan cemerlang.

Nilai atau rukun kedua adalah kesejahteraan yang ditakrifkan dalam Malaysia MADANI adalah tentang keseimbangan kehidupan dan mencari kebahagiaan di akhirat. Negara ini perlu diberikan dorongan dengan kesejahteraan yang mengimbangkan tentang kehidupan di mana rakyat hendaklah menjadi baik dan progresif. Perkara ini telah sekian lama diamalkan namun takrifan kesejahteraan juga memfokuskan kepada keperluan untuk mengembangkan potensi masing-masing dengan kaedah yang betul iaitu tanpa niat untuk menjatuhkan orang lain.

Pendidikan korektif juga perlu diberikan corak yang sesuai melalui pengertian kesejahteraan dalam kalangan penghuni SHG. Mereka perlu memahami tentang kesejahteraan adalah menjadikan keseimbangan dalam kehidupan yang perlu disebatikan dalam jiwa sebelum mereka melangkah keluar dari SHG. Tenaga dan potensi mereka hendaklah dikembangkan dan aktiviti – aktiviti yang dijalankan hendaklah bersifat kolaboratif bagi mengelakkan daripada ditimpa perasaan untuk berjaya dengan menjatuhkan orang lain.

Nilai atau rukun yang ketiga adalah mengenai keperluan setiap rakyat negara ini untuk berfikir secara kreatif sehingga mampu membuat pembaharuan, mencipta sesuatu yang baru dan seiring dengan teknologi terkini. Di dalam ucapannya, Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa rakyat negara ini terutama jurutera-jurutera atau pekerja-pekerja TVET adalah mempunyai kemampuan namun perlu ada peningkatan kepada ilmu-ilmu teknologi terkini untuk menggalakkan daya cipta yang lebih cemerlang pada masa akan datang. Negara ini memerlukan penciptaan demi penciptaan sehinggakan Kementerian Ekonomi telah mengadakan program Innovathon.³⁵⁶ SHG juga tidak harus ketinggalan untuk memulakan langkah ke arah pemikiran kreatif melalui potensi yang ada dalam kalangan penghuni. Kita boleh menggunakan program pemulihan dan pendidikan itu sendiri sebagai satu inovasi dalam mengenal pasti kecenderungan untuk melakukan jenayah termasuk Pendidikan Korektif sebagai satu inovasi kesedaran remaja terhadap pembangunan sosial positif remaja.

³⁵⁶ <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/04/1089950/innovathon-buka-peluang-rakyat-kembangkan-idea-inovatif> (tarikh akses 2 Ogos 2023).

Nilai atau rukun yang keempat adalah tentang hormat yang telah sekian lama dijadikan panduan hubungan sesama manusia. Namun perubahan demi perubahan telah berlaku dengan mana asalnya perasaan hormat ini telah menjadi taklid buta di mana ketaatan adalah mutlak. Perasaan hormat ini sesama kita adalah untuk meletakkan maruah manusia ditempat yang sepatutnya. Rakyat negara ini hendaklah sentiasa berbudi bahasa, kesopanan dan ketawadukan sebagai adab rakyat Malaysia. Penghuni SHG sememangnya telah diajar tentang adab-adab ini dalam setiap program dan rutin harian mereka sebaik sahaja mereka di tempatkan. Ini bermakna terdapat keperluan untuk pihak pengurusan SHG untuk meningkatkan usaha mewar-warkan kemampuan penghuni menyambut nilai atau rukun ini.

Nilai atau rukun yang kelima adalah keyakinan yang membawa kepada maksud keimanan dan tanggung jawab. Apabila rakyat dan pemimpin memahami tentang keimanan dan tanggung jawab ini maka mereka akan menjalankan amanah dengan sebaik mungkin. Keyakinan yang terbentuk dalam diri setiap rakyat Malaysia akan melahirkan semangat untuk membina negara yang tercinta. Keyakinan kepada kerajaan untuk membawa negara kepada kecemerlangan secara langsung mencetuskan usaha untuk bertindak menuju kecemerlangan dalam diri setiap orang. Penghuni SHG juga perlu diyakinkan bahawa mereka boleh menjadi warganegara yang hebat selepas dibebaskan. Mereka perlu diberikan rasa tanggungjawab dan amanah sebagai khalifah di muka bumi. Keyakinan akan membantu mereka untuk memajukan diri sama ada melalui usaha pemulihan atau pendidikan seperti yang di sediakan dalam Pendidikan Korektif.

Nilai atau Rukun keenam adalah tentang Ihsan yang mampu mengangkat diri ke peringkat yang lebih tinggi. Ia bermaksud kepedulian dan belas kasihan terhadap orang lain seperti keluarga, sahabat handai, jiran tetangga dan masyarakat secara amnya. Ini merupakan tanggungjawab sosial yang diperlukan kepada kita semua dalam pembinaan negara bangsa. Sebagai orang Islam, kepedulian ini dapat disalurkan melalui zakat dan juga cukai pendapatan. Keinginan untuk mempunyai nilai atau rukun ihsan membawa kepada setiap warga berusaha untuk menjadi individu yang mampu untuk mengeluarkan zakat atau membantu negara dengan cukai pendapatan. Penghuni SHG yang dapat menghayati nilai atau rukun ihsan pastinya akan menjadi warga negara yang mempunyai empati yang tinggi. Mereka akan mudah untuk berada semula dalam masyarakat. Masyarakat juga yang menghayati rukun ini pastinya dapat menerima kembali penghuni SHG dan seterusnya membimbing mereka sebaiknya. Nilai atau Rukun MADANI telah jelas mampu membawa diri kita sebagai anggota dalam masyarakat untuk memberikan sumbangan kepada membangun negara MADANI. Kefahaman tentang nilai atau rukun MADANI perlu disegerakan untuk merencanakan lagi usaha untuk membentuk negara yang tercinta. Keperluan untuk penyesuaian pengisian Pendidikan Korektif juga akan membantu sebagai peranan jabatan penjara untuk melahirkan penghuni SHG yang dapat bersama-sama dengan hasrat murni Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

4.14 Rumusan

Perbincangan mengenai Pendidikan Korektif SHG Telok Mas, Jabatan Penjara Malaysia, jelas sekali pembahagian kluster terhadap penghuni menjadi salah satu platform yang penting dalam proses pemulihan akhlak penghuni. Contohnya kluster sukan bagi tinju yang memperoleh pencapaian yang membanggakan sehingga ke

peringkat antarabangsa. Ia bukan sahaja dapat melahirkan para penghuni yang sihat dan cerdas tetapi menyemai semangat cinta akan negara, setiakawan, kerjasama antara pasukan serta membentuk sikap yang positif seperti berdisiplin dan fokus dalam diri penghuni.

Disamping itu Program Pendidikan Korektif di semua SHG dan Sekolah Integriti mempunyai program yang mantap melalui pembahagian lima kluster seperti Akademik, Agama, Sukan, TVET dan Seni Budaya. Program ini lebih memberikan tumpuan kepada pemulihan berasaskan latihan mengikut kecenderungan dan kelayakan penghuni. Justeru, penghuni perlu menjadi lebih optimis dan bersedia untuk terus berusaha memperbaiki diri agar menjadi insan yang lebih baik. Akhirnya ke mana hala tujunya, melalui elemen pendidikan dalam misi Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap penghuni ini akan menjadikan negara sejahtera melalui program ini. Program Pendidikan Korektif seumpama ini perlu diteruskan agar mereka lebih bersedia dengan pelbagai ilmu apabila dibebaskan kelak serta membawa kebaikan kepada masyarakat.

BAB LIMA

SUMBANGAN DAN KEJAYAAN SEKOLAH HENRY GURNEY

5.1 Pengenalan

Bab lima akan membincangkan sumbangan SHG terhadap masyarakat dan negara selepas Pendidikan Korektif dihuraikan di dalam bab lima. Bilangan penghuni yang semakin bertambah diikuti dengan perubahan dasar yang sentiasa berhasrat untuk meningkatkan kemahiran dan produktiviti penghuni menyebabkan kompetensi dan kemahiran mereka bertambah seterusnya memberi peluang mereka untuk menyumbang khidmat bakti secara tidak langsung kepada masyarakat dan negara. Pendidikan merupakan unsur yang penting bagi sesebuah negara melalui usaha membangunkan masyarakat yang cemerlang dalam pelbagai aspek meliputi politik, ekonomi dan sosial. Pendidikan yang dijalankan melalui sistem persekolahan di Sekolah Henry Gurney ini agak berbeza dengan persekolahan di sekolah arus perdana kerana tujuan utamanya adalah untuk mendidik banduan menjadi berdisiplin dan memiliki sedikit ilmu pengetahuan apabila mereka bebas kelak. Kes yang melibatkan juvana dalam kalangan masyarakat bukan sahaja menular dalam negara Malaysia malahan berlaku di seluruh dunia dan diberi perhatian yang serius agar dapat dibanteras di peringkat global. Menurut UNICEF, di dalam tempoh 2008-2013, jenayah dalam kalangan remaja menurun lebih jauh, hampir 20 peratus secara purata. Penurunan tertinggi di Republik Czech dan Belanda lebih daripada 50 peratus manakala peningkatan paling kuat di Turki hampir 50 peratus dan di Australia juga di kalangan belia.³⁵⁷ Walaupun negara Malaysia masih berada pada paras rendah dalam

³⁵⁷https://www.oecd-ilibrary.org/social-issues-migration-health/society-at-a-glance-2016/crime-and-prisoners_soc_glance-2016-29-en (tarikh diakses 21 September 2023).

indeks jenayah juvana tetapi keprihatinan, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) telah memberi peluang mereka kembali menjadi masyarakat yang bermaruah dan memberi sumbangan khidmat bakti kepada negara. Masyarakat pada awalnya melabel SHG sebagai sekolah untuk ‘budak-budak jahat’, namun persepsi itu semakin pudar apabila terbukti sekembalinya mereka kepada masyarakat setempat mereka menjadi warga yang baik serta menjalani kehidupan normal seperti bekerja, berkeluarga dan berjaya seperti warga yang lain.

5.2 Sumbangan Sekolah Henry Gurney

Tujuan dan peranan sesebuah sekolah didirikan bertujuan untuk meneruskan dasar pendidikan yang dihasratkan melalui Falsafah Pendidikan Negara. Ia bertujuan untuk melahirkan pelajar yang memiliki pengetahuan, budi pekerti yang baik, kemahiran yang berkualiti, identiti diri yang kukuh dan kasih sayang terhadap keluarga, sekolah dan negara. Selain itu, usaha juga dilakukan untuk meningkatkan prestasi akademik dan keputusan peperiksaan awam, menyediakan fasiliti sekolah yang mencukupi untuk meningkatkan pencapaian dalam kurikulum, kokurikulum, disiplin dan keselesaan pelajar dan menyediakan tenaga manusia yang sesuai dengan keperluan negara.

Melalui pendidikan ia bukan sahaja menambah ilmu pengetahuan malah berjaya mengubah tingkah laku seseorang, daripada buta huruf kepada pandai membaca kemudian mereka diberikan ujian untuk menguji tahap kefahaman seterusnya menentukan tahap pencapaian. Semasa peringkat awal penubuhan SHG kebanyakan

penghuni didapati melakukan kesalahan yang berkaitan dengan harta benda seperti mencuri, pecah rumah, merompak dan lain-lain lagi. Terdapat juga kesalahan bersabit dengan orang iaitu perbuatan menyerang seseorang, mencederakan, menculik atau menghina dikhalayak ramai. Kesalahan jantina pula yang dilakukan mereka ialah seperti merogol, bersekedudukan, menjadi pelacur serta berjudi khasnya sebarang bentuk judi yang diharamkan.³⁵⁸ Semua kesalahan ini dikenakan terhadap kanak-kanak bawah umur yang dikategorikan sebagai kesalahan juvana melalui *Juvenile Court Act 1947*.

Kanak-kanak juga akan ditahan jika didapati bersalah sekiranya melakukan kesalahan kecil lain seperti lari dari rumah, menentang ibubapa dan sebagainya manakala mereka juga boleh dianggap bersalah jika melanggar ordinan tahanan seperti cuba melarikan diri dari sekolah atau asrama akhlak, sekolah akhlak atau penjara.³⁵⁹

5.2.1 Sumbangan Sekolah Henry Gurney pada Era Kolonial

Sistem persekolahan yang dijalankan di penjara pada era kolonial sebenarnya telah diperkenalkan sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Menurut Siti Alwaliyah, 2019,

“Di Pulau Pinang, penjaranya mula mengalami perkembangan pendidikan yang menggalakkan apabila transformasi konsep penjara yang baharu iaitu daripada deraan dan hukuman telah ditukarkankan kepada kepada pemulihan dan rawatan. Hal ini secara tidak langsung telah mengangkat keperluan pendidikan

³⁵⁸ Baharullah Adam, SHG Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 29.

³⁵⁹ Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kebajikan Am Malaysia, Kuala Lumpur, Solai Press, 1970, hlm. 22.

sebagai salah satu instrumen penting bagi melancarkan dasar pemulihan banduan.”³⁶⁰

Penubuhan SHG pada tahun 1949 pada asalnya bertujuan menahan kanak-kanak yang nakal dan gagal dikawal oleh ibubapa. Sebelum nama Sekolah Akhlak Tertinggi pada 1949 ditukarkan kepada SHG pada tahun 1950, aktiviti kraftangan dan pertukangan telah dilakukan oleh penghuni juvana. Pada masa tersebut kebanyakan penghuni yang masuk sangat nakal dan mereka dilatih dengan disiplin yang ketat. Pendidikan secara formal di penjara juga tidak ditekankan kerana kebanyakan mereka buta huruf dan tidak berminat terhadap pelajaran. Mereka lebih berminat bidang vokasional daripada bidang akademik.³⁶¹

Setiap penghuni akan berhadapan dengan tiga bentuk latihan iaitu latihan kerja kasar iaitu bagi yang baru masuk atau yang melanggar peraturan, latihan kerja sederhana bagi yang telah berjaya mengikuti latihan awal dan latihan kerja mahir bagi yang telah mahir dalam kerja-kerja seperti pertukangan, kimpalan, motor mekanik dan lain-lain.³⁶²

Oleh kerana mereka nakal dan pernah melanggar peraturan sekolah maka bagi penghuni yang baru masuk mereka diberikan kerja-kerja kasar dan berat sehingga ada yang terpaksa berpanas di bawah terik matahari.³⁶³ Bermula selepas Perang Dunia Kedua, pendidikan penjara semakin diberi penekanan seiring dengan perkembangan pentadbirannya. Pendidikan terhadap banduan mula mendapat perhatian apabila pihak British menukarkan dasarnya terhadap penjara. Usaha secara berperingkat pada

³⁶⁰ Siti Alwaliyah Mansor & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, Penjara Pulau Pinang: Isu-isu dalam Perkembangan Pendidikan Penjara, 1941-1957, *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 5(14), 93-112. 2019. hlm. 94.

³⁶¹ <https://www.prison.gov.my/images/carta/shg.htm> (tarikh diakses 11 September 2023)

³⁶² Ibid.

³⁶³ Baharullah Adam, SHG Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 79.

mulanya diteruskan sehingga berterusan dalam tempoh Perang Dunia Kedua untuk memberikan pendidikan terhadap banduan. Penubuhan Sekolah Henry Gurney sejak tahun 1949 telah banyak memberi sumbangan terutamanya sumbangan terhadap ekonomi di era kolonial. Sepanjang tempoh pemulihan mereka lebih terarah kepada program pemulihan seperti pembentukan disiplin dan pembentukan sahsiah.

Keadaan negara yang mengalami kekacauan komunis sehingga melibatkan ramai remaja terlibat pada tahun 1960an turut menyebabkan kanak-kanak bawah ini dihantar ke SHG. Peranan dan tanggungjawab SHG turut bertambah mengikut keperluan semasa apabila kes-kes jenayah dan salah laku yang melibatkan juvana semakin meningkat.

5.2.1.1 Sumbangan Pendidikan

Sebelum kemerdekaan negara, pendidikan kerohanian tidak ditekankan secara bersungguh-sungguh tetapi selepas merdeka pendidikan ini diutamakan. Guru agama datang mengajar juvana mengenai 'Fardhu Ain', kelas membaca al-Quran dan cara-cara sembahyang setiap hari.³⁶⁴ Buku –buku turut diberi agar dapat meluaskan ilmu pengetahuan agama dan memahami konsep beragama dengan lebih mendalam. Para Rahib dan sami dari agama Buddha dan rahib turut dijemput untuk memberi ceramah dan bersembahyang bersama-sama juvana.

³⁶⁴ Baharullah Adam, SHG Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 89.

Pada tahun 1953 terdapat perpustakaan yang bersaiz besar dan buku boleh didapati dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Jawi serta Rumi, Cina dan Tamil. Buku-buku terdiri daripada buku cerita tauladan disediakan agar para penghuni dapat mengisi masa terluang dengan perkara yang berfaedah. Manakala program pendidikan diperluas dan dipelbagaikan. Kelas-kelas yang diajar pada menggunakan Bahasa Inggeris. Selain itu guru-guru dan kakitangan berjawatan tetap dan guru sukarela dari sekolah menengah di Daerah Melaka Tengah turut mengadakan kelas setiap petang. Bantuan tenaga pendidikan ini diberikan oleh guru seperti En. G. Daniels, Guru Besar Governments English School Muar, Johor. Kelas diadakan dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Cina. Pemantauan untuk kelas-kelas Melayu pula dilaksanakan oleh nazir-nazir Sekolah Melayu Muar. Kelas-kelas agama seperti memberi kuliah dan kelas sivik turut diberikan kepada para penghuni. Tayangan filem bercorak pendidikan dan moral, vokasional dan hiburan juga ditayangkan pada setiap minggu.³⁶⁵

Para penghuni diperkenalkan dengan pendidikan vokasional dan pendidikan asas 3M (membaca, menulis dan mengira). Aktiviti yang disediakan mereka pada peringkat awal ialah pertukangan kayu, membuat perabot daripada rotan, membuat kabinet dan perabot, menggilap dan menjahit kasut, mencuci kain dan pertanian seperti berkebun sayur dan penternakan. Kelas Vokasional penjara turut disediakan kebanyakannya memberi tumpuan terhadap aspek perusahaan dan industri penjara. Sepanjang sesi pembelajaran, banduan digalakkan untuk menghasilkan produknya sendiri. Pendapatan yang diperolehi akan disimpan oleh kakitangan penjara dan akan

³⁶⁵1957/0457002, O.V. Garratt, "Report of the Prison Department of Federation of Malaya for years 1953-1954. hlm. 32

diberikan apabila mereka dibebaskan nanti. Para pelatih turut menyumbang dengan menjual hasil yang diperolehi kepada kakitangan penjara dan masyarakat luar berdekatan. Inilah antara sumbangan penghuni SHG pada ketika itu. Justeru sudah tentulah keadaan ini terpakai di semua penjara dan di semua sekolah dalam penjara memandangkan Penjara Melaka juga berada dibawah pentadbiran kerajaan persekutuan.

5.2.1.2 Sumbangan dalam Bidang Sukan

Para penghuni juga turut aktif dalam bidang sukan dan melahirkan ramai atlet. Minat para penghuni terhadap sukan menyebabkan temasya sukan diadakan pada setiap tahun. Pelbagai acara sukan dipertandingkan seperti bola sepak dan acara balapan. Semasa temasya sukan diadakan ibu bapa dan waris dijemput hadir agar dapat mengeratkan hubungan dengan para penghuni. Selain acara sukan, pasukan pancaragam yang ditubuhkan sejak tahun 1953 juga turut mengambil bahagian di dalam persembahan terutamanya pada Pesta Perhimpunan Pemuda Dunia dan Perarakan Hari Mengingati Melaka. Kenyataan ini turut diberikan oleh O.V. Garrat:

It played at the World Assembly of Youth Festival, the Federation Youth Parade Kuala Lumpur and led the Malacca Remembrance Day Parade. The band also played at many charity events, functions and at the Passing Out parade of the 7th. Warders' Training Class at Taiping³⁶⁶

Selain itu, para penghuni juga melibatkan diri dengan mengambil bahagian di dalam aktiviti bersukan, memasuki pergerakan pengakap, palang merah dan kadet polis.

³⁶⁶ O.V.Garratt, "Report of the Prison of The Malaya for The Year 1953-1954", dalam Baharullah Adam, SHG Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 90.

Para penghuni juga terlibat dengan beberapa acara sukan yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia Melaka dan menjuarai pertandingan bola sepak pada tahun 1985, 1986, 1987, dan 1988. Penglibatan mereka menghadapi masalah untuk ke peringkat seterusnya kerana faktor umur yang melebihi 18 tahun. Terdapat juga di antara penghuni yang terpilih mewakili SHG ke sukan anggota-anggota penjara Malaysia. Para penghuni telah dilatih oleh bekas pemain bola sepak negara tahun 1970 yang handal seperti Shahrudin Abdullah, Namat Abdullah, Jalil Che Din, Ali Bakar, Wan Zawawi, Ibrahim Salleh dan Syed Ahmad.³⁶⁷ Kejayaan penghuni SHG dalam permainan boleh sepak banyak dibantu oleh pemain-pemain legenda ini seterusnya mengharumkan nama SHG.

5.2.1.3 Persembahan Pancaragam

Para penghuni juga turut mempelajari pancaragam dan membuat persembahan kepada para pelawat yang datang melawat SHG. Persembahan dalam kalangan penghuni turut menjadi tarikan kerana harmoni, berdisiplin dan seragam. Penghargaan dibuat oleh Setiausaha Tetap, Jabatan Menteri, Malaysia iaitu Encik Shamsuddin Bin Ariffin yang datang melawat pada 9 September 1965 dengan ucapan;

“...saya mengucapkan tahniah khas kepada Pancaragam Sekolah ini yang telah menyaksikan darjah pancaragam dari sebuah sekolah tinggi semacam yang terdapat di sekolah ini.”³⁶⁸

Para penghuni turut ditekankan dengan pemulihan dan didikan agar mempunyai kemahiran bersesuaian dengan kebolehan mereka agar sekembalinya mereka kepada

³⁶⁷ Baharullah Adam, SHG Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004. hlm. 91.

³⁶⁸ Buku Pelawat 1950-1965 dalam Baharullah Adam, SHG Sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950-1990, Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, hlm. 116.

masyarakat nanti mereka bersedia untuk berkhidmat dan bekerja seperti biasa serta hidup secara harmoni. Sumbangan para penghuni SHG pada awal penubuhannya tidaklah begitu ketara serta kurang diketengahkan kerana tumpuan lebih banyak diberikan untuk memulihkan banduan dewasa.³⁶⁹ Namun begitu mereka tetap memberikan sumbangan-sumbangan dari segi produktiviti dan perkhidmatan dalam skop yang kecil seperti dalam kalangan kakitangan penjara serta masyarakat setempat sahaja. Sumbangan mereka menjadi semakin bertambah sejak Akta Kanak-kanak 2001 diperkenalkan dan ianya mula diberikan perhatian secara menyeluruh untuk kebajikan dan masa hadapan penghuni.

5.2.2 Sumbangan Sekolah Henry Gurney 1990 sehingga 2020

SHG melakar sejarah apabila seorang pelajarnya memperoleh kejayaan 9A di dalam SPM 2017,³⁷⁰ manakala seorang lagi mendapat 8A, 2B. Pencapaian yang membanggakan dalam bidang akademik di bawah program pemulihan JPM menjadi sejarah paling gemilang buat semua pihak yang terlibat. Kekhilafan masa lalu bukanlah menjadi penghalang kepada pesalah juvana untuk dinobatkan sebagai pelajar cemerlang dalam kalangan 63 pelajar SHG yang lain pada masa tersebut malah menjadi contoh tauladan kepada semua.

Pada tahun 2021 pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) oleh SHG dan SI sangat membanggakan kerana Gred Purata Sekolah (GPS) 4.57 telah dicapai oleh mereka berjaya mengatasi Gred Purata Nasional (GPN) dengan mata 4.86. Sepanjang tempoh

³⁶⁹ Dr Temu bual dengan Dr Kausalya Devi a/p Sathoo (Timbalan Komisioner Penjara, Jabatan Penjara Malaysia) pada 1 Mac 2023.

³⁷⁰ Berita Harian, 18 Mac 2018. Rujuk lampiran D.

5 tahun, ia menunjukkan peningkatan prestasi yang terbaik SHG apabila seramai 27 orang pelajarnya memperoleh pencapaian 4A dan ke atas.³⁷¹

Pengarah Pengurusan Banduan Jabatan Penjara, Komisioner Penjara Ajidin Salleh berkata:

“Ini membuktikan penghuni disini mampu bersaing menuju kejayaan yang lebih cemerlang berbanding pelajar diluar sana”.³⁷²

Kelebihan ini dijadikan kekuatan untuk mengkaji sejarah perkembangan SHG, Telok Mas, Melaka wajar dijalankan seterusnya membuktikan kejayaan para penghuni sebagai memetik kata-kata Pengarah bahagian Dasar Kepenjaraan,

“Pelajar SHG bukan sekadar boleh bangun malah boleh berlari”.³⁷³

Pengarah Bahagian Dasar Kepenjaraan, KP, Supri Bin Hashim.

SHG menjadi semakin berkembang selepas tahun 1990 setelah banyak reformasi dan penambaan dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia. Kemajuan teknologi serta perubahan dasar negara seperti Wawasan 2020 yang diperkenalkan pada bulan Februari 1992 turut sama menyebabkan negara berusaha untuk menjadi negara maju setanding dengan negara-negara seperti Amerika Syarikat, Jepun, Britain dan lain-lain. Pada masa tersebut pendidikan dilihat sebagai elemen yang penting untuk menjadikan sesebuah negara tersebut membangun dengan pesat. Perkembangan sektor perindustrian, eksport dan import, pembuatan, penswastan dan lain-lain menjadi

³⁷¹ SPM 2021: GPN SHG melebihi nasional - Utusan Malaysia (tarikh diakses 29 Oktober 2022).

³⁷² Ibid.

³⁷³ Komisioner Penjara, Tuan Supri bin Hashim, Pengarah Bahagian Dasar Kepenjaraan, Temu bual pada 2 Februari 2023, di pejabat beliau, Ibu Pejabat Penjara Malaysia.

begitu cepat. Apabila pendidikan menjadi elemen yang penting maka sudah pasti semua peringkat diberikan perhatian supaya hasrat negara untuk menjadi negara maju dapat dicapai.

Sejak tahun 1990 penghuni SHG dan banduan muda diberikan pilihan untuk mengambil peperiksaan SPM jika mempunyai kelayakan dan berminat untuk menyambung pelajaran. Guru-guru yang mengajar mereka akan dipinjam dari KPM sekiranya terdapat penghuni yang ingin mengambil peperiksaan dan kelas khas akan disediakan. Pihak Jabatan Penjara akan menguruskan perkara yang berkaitan dengan pegawai yang bertugas di Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah seperti mendaftarkan penghuni yang akan mengambil peperiksaan dan guru yang bersesuaian untuk mengajar penghuni tersebut. Kerja-kerja seperti perbengkelan, pertukangan dan pertanian menjadi program yang utama diberikan kepada para penghuni semasa dalam proses pemulihan di sekolah ini sepanjang mereka dijatuhi hukuman.

Peredaran masa menyebabkan dewasa ini sumbangan para penghuni juvana menjadi lebih terserlah apabila mendapat kerjasama daripada Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan KPM serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Perubahan ini turut disebabkan oleh AKK 2001, United Nations International Children's Emergency Fund (UNICEF), Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS)³⁷⁴, Dasar Belia Negara dan lain-lain menjadikan penciptaan pekerjaan disesuaikan dengan keperluan semasa agar

³⁷⁴ NOSS adalah dokumen yang menggariskan keterampilan yang diperlukan oleh seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia bagi sesuatu bidang dan tahap pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut.

mudah mendapat pekerjaan dan pendapatan. Para penghuni yang telah menjalani pemulihan dan mendapat pendidikan mengikut kluster di SHG mempunyai potensi untuk memberikan sumbangan positif kepada dunia dalam pelbagai cara. Sehubungan dengan itu terdapat beberapa khidmat bakti terhadap negara yang telah disumbangkan oleh para penghuni antaranya, kejayaan pendidikan-pencapaian SPM, penurunan bilangan buta huruf dalam kalangan penghuni, Projek Henry, persembahan pancaragam dan kokurikulum, TVET dan keusahawanan, menjahit peralatan perlindungan peribadi (PPE), mengurangi residivis, sumber tenaga buruh, mengurangi keciciran dalam pelajaran, menggantikan buruh asing, masyarakat harmonis, memberikan perkhidmatan terhadap masyarakat seperti badan sukarela atau badan bukan kerajaan, berkhidmat sebagai mentor atau pempengaruh, dan lain-lain akan diuraikan di dalam bab ini. Tuan Othman Marcom dalam temu bual turut mengesahkan kejayaan dan sumbangan penghuni sekolah ini.

“Kita telah capai juga kejayaan yang menaikkan mengharumkan Jabatan Penjara Malaysia dan juga sekolah ketika ini melalui bukan sahaja meningkat dari segi akademik tetapi juga pencapaian dalam bidang lain dalam bidang lain, contohnya sukan, dalam bidang muzik. Cuma dalam bidang agama ini kita, dia tak ada peringkat lebih tinggi lagi lah kan. Cuma mungkin kalau budak JAIM kita kita bangga sebab mereka dapat 8A dalam UPKK. Err macam pencapaian dari segi vokasional industri itu budak-budak kita dapat sijil sijil CIDB atau SLDN. So ada juga MOU kerjasama dengan HINO”.³⁷⁵

Tuan Othman Marcom, Penyelia SHGTM.

³⁷⁵ HINO, adalah pengilang kenderaan komersial dan enjin diesel Jepun (termasuk trak, bas dan kenderaan lain) yang beribu pejabat di Hino-shi, Tokyo. Syarikat ini merupakan pengeluar terkemuka trak diesel sederhana dan berat di Asia.

5.2.2.1 Kejayaan Pendidikan

Di negara Malaysia, hak mendapat pendidikan diberikan keutamaan yang tinggi kerana pendidikan secara umum dianggap sebagai cara untuk menjalin hubungan sosial, melibatkan semua golongan muda, dan untuk meningkatkan modal insan serta potensi ekonomi di Malaysia. Walaupun pesalah muda merupakan kumpulan kecil jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan penghuni penjara, mereka memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi kerana mereka mencerminkan aset ekonomi tenaga kerja negara. Modal insan adalah penting dalam semua bidang ekonomi dan faktor-faktor pertumbuhan ekonomi. Mengenal pasti sumber pertumbuhan ekonomi dilihat sebagai memerlukan penyelidikan berterusan (Solow 1956); (Romer 1986). Ekonomi Malaysia didorong oleh input, bergantung terhadap tenaga buruh yang tinggi walaupun usaha telah dilakukan untuk beralih kepada ekonomi yang berdasarkan teknologi dan pembangunan modal insan (Ramli & Ahmed, 2009). Penghuni muda yang telah dipulihkan merupakan modal insan dan menjadi penting dalam ekonomi Malaysia; oleh itu, impak ekonomi mereka adalah signifikan dalam keputusan dasar, perancangan ekonomi, dan pembangunan pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Schubungan dengan pendidikan sepanjang hayat telah ditekankan secara berterusan demi menjamin setiap penghuni muda boleh diubah ke arah kebaikan. Pendidikan di sebalik tembok besi telah dilaksanakan secara rasmi di Malaysia setelah termaktubnya Dasar Pendidikan 2008. Menerusi dasar ini guru-guru dan buku teks akan disediakan oleh KPM terhadap penghuni supaya pendidikan di SHG dilaksanakan secara formal sama seperti di sekolah arus perdana.³⁷⁶

³⁷⁶ Dasar Pendidikan Kebangsaan, Kementrian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, 2017, hlm. 145.

Pada peringkat awal penubuhan sekolah di Jabatan Penjara Malaysia, hanya juvana di SHG sahaja berpeluang untuk belajar secara formal. Menyedari keperluan sistem persekolahan yang formal ini di Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah bersetuju untuk menempatkan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) sebagai Kader di KPM di seluruh Sekolah Integriti dan SHG.³⁷⁷

Sumbangan SHG yang terbesar dan mengharumkan nama Jabatan Penjara Malaysia ialah menyediakan pendidikan yang selayaknya untuk para penghuni. Mereka masih mempunyai peluang untuk menyambung pelajaran dan seterusnya melanjutkan ke peringkat yang tertinggi jika mendapat keputusan yang cemerlang. Temu bual berikut dirakam semasa menemubual Dr Kausalya Devi dan Tuan Othman Marcom berkenaan dengan sumbangan dari segi pendidikan penghuni SHG;

“Saya percaya seratus peratus SHG menyumbang dari segi mengembalikan mereka kepada alam persekolahan walaupun dalam suasana agak regimental, tetapi kita tetap mengembalikan mereka kepada alam persekolahan dan mencapai tahap yang membanggakan”.³⁷⁸

Dr Kausalya Devi a/p Sathoo, Timb. Komisioner Penjara

“Perubahan yang paling besar ialah kita dapat melahirkan lebih ramai penghuni yang memiliki sijil SPM. Pada tahun 2008 sampai 2021, hampir dalam 900 lebih yang telah memiliki sijil SPM. Bukan setakat 2 subjek lah. Erm 500 orang lebih yang berjaya ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).”

³⁷⁷ Buku Dasar Sekolah, Sektor Pendidikan, Jabatan Penjara Malaysia. (2019) (tidak diterbitkan, tanpa halaman).

³⁷⁸ Temu bual dengan Dr Kausalya Devi a/p Sathoo (Timbalan Komisioner Penjara, Jabatan Penjara Malaysia) pada 1 Mac 2023.

Tuan Othman Marcom, Penyelia SHGTM.



Rajah 5.1: Penghuni memperoleh kecemerlangan dalam peperiksaan SPM.³⁷⁹

Merujuk Rajah 5.1 adalah gambar kejayaan penghuni-penghuni SHG dalam SPM dan ia adalah pencapaian yang sangat membanggakan. Bilangan calon yang mengambil SPM di SHG Telok Mas dan bilangan A yang diperolehi bermula pada tahun 2008 sehingga tahun 2020 dapat dilihat dalam jadual 5.1 di bawah.

Jadual 5.1

Bilangan Penghuni yang mengambil Sijil Pelajaran Malaysia dari tahun 2008 sehingga 2020 dan pencapaian terbaik di peringkat Jabatan Penjara Malaysia.

Tahun	Calon Ambil	9A	8A	7A	6A	5A	4A	Bilangan Terbaik
2008	49	0	0	0	1	0	2	3

³⁷⁹ <https://www.kosmo.com.my/2022/06/24/pelajar-henry-gurney-bukti-raih-7a-spm/> (tarikh diakses 13 Julai 2024).

2009	61	0	0	0	0	1	3	4
2010	62	0	0	0	1	2	2	5
2011	58	1	0	0	2	1	2	6
2012	76	0	1	3	6	6	7	23
2013	51	0	1	1	2	4	8	16
2014	72	0	2	3	2	4	10	21
2015	75	0	0	1	1	3	6	11
2016	70	0	0	2	3	6	7	18
2017	63	1	1	1	2	1	5	11
2018	62	0	0	0	1	5	2	8
2019	66	0	0	0	3	3	6	12
2020	60	0	0	0	4	5	2	11

Jadual 5.1 di atas menunjukkan bilangan penghuni yang mengambil Sijil Pelajaran Malaysia dari tahun 2008 sehingga 2020 dan pencapaian terbaik yang mereka perolehi di peringkat Jabatan Penjara Malaysia daripada 4A sehingga 9A. Bilangan calon yang mengambil SPM paling ramai sepanjang tahun 2008 sehingga 2020 ialah pada tahun 2012 iaitu seramai 76 orang manakala pada tahun 2008 menunjukkan bilangan calon yang paling sedikit iaitu 49 orang. Ini mungkin disebabkan pada tahun tersebut pendidikan secara formal mula dilaksanakan di SHG dan Sekolah Integriti. Bilangan calon yang mengambil SPM pada tahun 2008 ialah 49 orang, 2009 (61), 2010 (62), 2011(58), 2012(76), 2013(51), 2014(72), 2015(75), 2016(70), 2017(63), 2018(62), 2019(66) dan 2020 seramai 60 penghuni.

Seterusnya bilangan penghuni yang mendapat pencapaian yang cemerlang sepanjang tahun 2008 sehingga 2020 ialah pada tahun 2011 dan 2017 kerana terdapat penghuni yang mendapat pencapaian cemerlang serta luar biasa iaitu 9A. Pencapaian cemerlang 9A ini turut mengharumkan nama Jabatan Penjara Malaysia sebagai sebuah pusat pemulihan yang berjaya bukan sahaja memberikan program pemulihan terbaik malah mampu melahirkan para penghuni yang cemerlang dalam bidang akademik. Pencapaian yang luar biasa ini juga turut memberikan imej yang positif terhadap sekolah, para guru dan program pemulihan yang dibuat oleh pihak penjara. Para penghuni SHG turut menunjukkan pencapaian yang cemerlang pada tahun 2012, 2013, 2014 dan 2017 kerana terdapat juga penghuni yang memperoleh kejayaan cemerlang SPM 8A. Manakala sepanjang tahun 2008 sehingga 2020, pada tahun 2012 telah menyerlahkan lagi pencapaian apabila 23 daripada 76 orang penghuni memperoleh bilangan A yang terus meningkat melalui peningkatan bilangan A. Jabatan Penjara Malaysia turut menetapkan 4A sebagai pencapaian cemerlang di peringkat Jabatan Penjara Malaysia.

Selain itu pada tahun 2014 di dalam jadual menunjukkan seramai 21 orang penghuni memperoleh bilangan A yang ramai daripada 72 orang penghuni yang mengambil peperiksaan. Diikuti pada tahun 2016, 18 orang penghuni cemerlang daripada 70 orang yang mengambil peperiksaan. Pencapaian SPM para penghuni SHG Telok Mas yang cemerlang dapat dilihat dalam jadual 5.2 berikut:

Jadual 5.2

*Keputusan SPM terbaik SHG 2008-2021*³⁸⁰

BIL	SPM 2008	SPM 2009	SPM 2010
1	6A,1B	5A,2B	6A,1B)
2	3A,3B	2A,5B	5A,2B
3		2A,3B	5A,2B
4			4A,4B
BIL	SPM 2011	SPM 2012	SPM 2013
1	9A	8A	8A
2	6A,1B	7A,2B	6A, 2B
3	5A,1B	7A,1B	6A,1B
4	4A,3B	7A	5A, 2B
5		6A,2B	5A,2B
6		6A,2B	5A,2B
7		6A,2B	4A,4B
8		6A,1B	4A,3B
9		6A,1B	4A,2B
10		6A,1B	4A,2B
11		5A,3B	4A,2B
12		5A,2B	4A,2B
13		5A,2B	4A,1B
14		5A,2B	
15		5A,2B	
BIL	SPM 2014	SPM 2015	SPM 2016
1	8A,1B	7A,1C	7A,1B
2	8A,1D	6A,1B,1E	7A,1B
3	7A,1B	5A,4B	
4	7A,1C	5A,2C,1E	
5	7A,1D	4A,4B,1E	
6	6A,1B	4A,3B, 2C	
7	6A,1B	4A,2B,1C,2D	
8	5A,2B		
9	5A,2B		
10	5A,2B		
11	5A,1B		
12	4A,1B		
13	4A,3B		
14	4A,3B		
15	4A,3B		

³⁸⁰ Sumber Bahagian Peperiksaan, SHG Telok Mas, Jabatan Penjara Malaysia. 2023.

16	4A,2B		
17	4A,2B		
18	4A,2B		
19	4A,2B		
20	4A,1B		
BIL	SPM 2017	SPM 2018	SPM 2019
1	9A	6A,1B,1C	7A, 2D
2	8A,2B	5A,1B,2C	6A,2D
3	7A,2B	5A,1B,1C,1E	6A,1B
4	6A	5A,1B,2C	
5	6A	5A,1B,2D	
6	5A	5A,1B,1C	
7	4A	4A,2B,3D	
BIL	SPM 2020	SPM 2021	
1	5A,2B	7A, 2B	
2	5A,2B	7A,1C,1E	
3	5A,1B	6A,1B,1D	
4	5A,1B	6A,2B,1D	
5	5A,1B	6A,1B,1D	
6	4A,1B	6A,1B,1C	
7	4A,3B	6A,1B,1C,1D	
8	4A,1B	5A,1C,1D,1E	
9		5A,1B,1C,1D	
10		5A,2B,1C,1E	
11		5A,1B,2C,1D	
12		4A,2C,2D	
13		4A,3B,1E	
14		4A,3B,1C	
15		4A,3B,2D	

Jadual 5.2 di atas menunjukkan pencapaian terbaik Sijil Pelajaran Malaysia SHG Telok Mas yang telah diperincikan bilangan A terbaik daripada mata pelajaran yang mereka ambil sejak tahun 2008 sehingga 2020. Mata pelajaran yang ditawarkan terdiri daripada mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Sejarah, Matematik, Sains, Perdagangan, Ekonomi Asas, Tassawur Islam, Pendidikan Moral dan Pendidikan Al-quran dan Sunnah. Namun pada tahun 2018 mata pelajaran

Perdagangan telah ditukarkan kepada Perniagaan dan mata pelajaran Bahasa Cina turut ditawarkan kepada penghuni yang mengambilnya. Berdasarkan jadual di atas mendapati pada tahun 2014 menjadi sejarah apabila seramai 21 orang penghuni merekodkan keputusan pencapaian cemerlang sehingga 4A di peringkat Jabatan Penjara Malaysia. Bilangan A SPM yang paling banyak diikuti pada tahun 2012 seramai 16 orang penghuni dan 2021 seramai 15 orang penghuni. Manakala SHG turut mencatat sejarah kerana pada tahun 2011 dan 2017 terdapat penghuni yang memperoleh 9A.

SHG dan Sekolah Integriti turut menunjukkan pencapaian yang terbaik dalam peperiksaan SPM 2021 berbanding dengan Gred Purata Nasional. Kenyataan akhbar turut meraikan kejayaan penghuni:

Pencapaian sekolah integriti (SI) dan Sekolah Henry Gurney (SHG) dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 berjaya mencatat gred purata 4.57 iaitu lebih baik daripada gred purata nasional (GPN) 4.86.³⁸¹

Pencapaian yang cemerlang ini sudah pasti membuka mata masyarakat umum bahawa penghuni juvana bukan sahaja mampu berubah malah mempunyai potensi untuk cemerlang dalam apa jua bidang terutamanya akademik jika diberikan didikan dan disiplin yang ketat. Pengarah Pengurusan Banduan Jabatan Penjara, Komisioner Penjara Ajidin Salleh berkata:

“Kejayaan itu merupakan pencapaian SPM terbaik dalam tempoh lima tahun apabila 27 pelajar mendapat keputusan cemerlang 4A dan ke atas. Ini menunjukkan penghuni kita mempunyai daya saing yang baik malah ada yang lebih cemerlang daripada pelajar arus perdana. Seramai 115 orang

³⁸¹ SPM 2021: GPN SHG melebihi nasional - Utusan Malaysia (tarikh diakses 5 September 2023).

pelajar menduduki peperiksaan SPM 2021 dengan 87 daripadanya berjaya mendapat minimum 1A.”³⁸²

Sehubungan dengan itu kejayaan ini terus membuka peluang para penghuni untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang yang mereka minati dan sesuai dengan kelayakan untuk terus menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat apabila tamat hukuman dan latihan di SHG nanti.

Jadual 5.3

Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) dan Gred Purata Sekolah (GPS) 2008-2021.

Mata Pelajaran/ Tahun	Bil Calon	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Sejarah	Sains	Pendidikan Islam	Matematik	Gred Purata Sekolah Terbaik
2008	49	6.02	8.27	6.24	5.65	4.93	7.16	6.47
2009	61	5.25	8.05	6.55	5.55	5.26	7.25	6.44
2010	62	6.00	7.98	5.68	3.95	5.75	5.77	6.27
2011	58	6.12	7.86	5.22	3.84	5.70	6.48	5.92
2012	76	4.59	7.37	4.29	1.05	3.23	2.96	3.93
2013	51	5.60	8.00	3.70	2.60	4.50	4.10	4.59
2014	72	3.13	7.00	3.63	1.93	3.28	4.53	4.20
2015	75	4.97	7.49	4.37	2.45	3.79	4.67	4.80
2016	70	4.66	8.07	3.91	2.64	3.62	4.46	4.67
2017	63	4.44	7.68	3.92	2.11	4.52	3.59	4.57


³⁸² Ibid., (tiada halaman).

2018	62	4.45	7.61	3.23	3.11	3.98	4.56	4.63
2019	66	4.52	7.41	3.71	2.85	3.38	4.09	4.63
2020	60	4.73	8.20	3.68	3.18	3.63	5.28	4.81
2021	52	3.46	7.18	2.70	3.50	3.23	5.08	4.13

Berdasarkan jadual 5.3 Gred Purata Sekolah (GPS) juga menunjukkan pencapaian yang baik dan memberangsangkan setiap tahun.

Mata pelajaran sejarah yang dipelajari di peringkat SPM diwajibkan dalam kalangan penghuni, turut menunjukkan peningkatan yang sangat baik sebagai mata pelajaran yang memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri penghuni. Menerusi penekanan patriotisme, jati diri dan pengetahuan am dalam subjek sejarah prestasi mata pelajaran ini sudah pasti memberi makna yang mendalam terhadap peranan mata pelajaran sejarah terhadap masyarakat Malaysia. Mata pelajaran sejarah memainkan peranan yang sangat penting dalam membangkitkan semangat cinta terhadap negara, merangsang perpaduan antara pelbagai kaum, memahami kesilapan-kesilapan dari sejarah lalu, menghargai budaya dan warisan bangsa di kalangan masyarakat berbilang kaum, menjaga kedaulatan negara, dan memahami landskap politik negara. Peningkatan dalam pengajaran mata pelajaran ini memberikan makna yang mendalam, memastikan bahawa pengetahuan yang diperolehi dapat diterapkan secara praktikal dalam kehidupan harian mereka.


Hasil daripada data tersebut dapat dilihat peningkatan melalui rajah dibawah.



Rajah 5.2: Gred Purata Sekolah (GPS) SHG Telok Mas 2008-2021

Gred Purata Sekolah yang ditunjukkan dalam rajah 5.2 membuktikan bahawa pencapaian penghuni SHG amat memberangsangkan apabila berlaku penurunan daripada GPS 6.47 pada 2008 sehingga pencapaian tersebut dan tertinggi sehingga iaitu 3.93 pada tahun 2012. Selain itu pencapaian penghuni terus meningkat sehinggalah mendapat GPS terbaik dalam tempoh 5 tahun sebelum ini pada tahun 2021 iaitu nilai GPS 4.13.

5.2.2.2 Penurunan Bilangan Buta Huruf dalam Kalangan Penghuni



Rajah 5.3: Statistik Penghuni Buta Huruf 2008-2020³⁸³

Rajah 5.3 menunjukkan statistik penghuni buta huruf bermula tahun 2008 sehingga 2020. Rajah 5.3 di atas juga menunjukkan bilangan penghuni yang semakin bertambah dari tahun ke tahun. Bermula tahun 2008 sehingga 2020 ialah bilangan buta huruf dalam kalangan penghuni ialah 15 (2008), 25 (2009), 27 (2010), 30 (2011), 26 (2012), 28 (2013), 33 (2014), 32 (2015), 28, (2016) 31 (2017), 30 (2018), 33 (2019) dan 29 (2020). Jika bilangan buta huruf dalam kalangan penghuni dibandingkan dengan jumlah bilangan penghuni semasa, kadar buta huruf dalam kalangan penghuni semakin berkurangan. Sebagai contoh bilangan penghuni paling ramai pada tahun 2019 iaitu 1112 orang menunjukkan bilangan buta huruf seramai 33 orang. Bilangan buta huruf seramai 33 orang penghuni walaupun kecil daripada keseluruhan namun perlu diatasi memandangkan semakin ramai bilangan buta huruf akan menyebabkan

³⁸³ Laporan SPM 2008-2021, SHG Telok Mas, Melaka.

pertambahan jumlahnya setiap tahun. Buta huruf dalam kalangan penghuni boleh menjadi kayu ukur keciciran pendidikan dan pembelajaran. Pembasmian buta huruf dalam kalangan penghuni merupakan satu kejayaan yang besar dalam program 3M (membaca, menulis dan mengira). Merujuk kepada kenyataan Tuan Othman Marcom,

Satu lagi ialah kita juga berjaya mencapai kadar menghapuskan buta huruf 3M sebab sekolah sini yang saya lihat daripada 2008 kadar buta huruf masuk lebih kurang 7% budak setiap tahun. akan ada 7% pula yang buta huruf so kami punya peranan. Kami memastikan mereka keluar tu adalah mereka dah boleh baca. Mereka dah boleh tulis.³⁸⁴

Tuan Othman Marcom, Penyelia SHGTM

Masyarakat Malaysia pada masa hadapan sangat perlu untuk celik huruf dan teknologi maklumat berikutan cabaran globalisasi, ekonomi dan pelbagai lagi perkembangan yang perlu dihadapi untuk menjadi negara maju. Kejayaan ini turut memberi kesan yang positif kerana pembasmian buta huruf dalam kalangan penghuni memberi peluang untuk meneroka bidang baharu yang bersesuaian dengan kebolehan mereka nanti.

Pendidikan dapat mengurangkan residivis dalam kalangan penghuni SHG pada masa hadapan. Semua jenis pendidikan sama ada akademik dan TVET seperti yang telah dibincangkan dapat membuka peluang untuk menempuh alam pekerjaan dan kelayakan untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi seterusnya mengurangkan residivis. Ia juga secara langsung dapat membantu penghuni daripada keciciran minda, meninggalkan dunia jenayah dan seterusnya mengecapi kehidupan

³⁸⁴ Temu bual dengan Tuan Othman Marcom, Penyelia SHG Telok Mas, Melaka pada 10 Februari 2023.

yang lebih berilmu pada masa hadapan. Pendidikan dan pemulihan secara keseluruhan dapat membuat individu yang dipenjarakan layak untuk pekerjaan berkualiti.³⁸⁵

5.2.2.3 Projek Henry



Rajah 5.4: Kejohanan Muay Thai Peringkat Kebangsaan

Hampir 70 tahun penubuhannya sejak 1950, pelbagai kejayaan dicapai oleh SHG, Telok Mas di peringkat negeri, kebangsaan sehingga ke peringkat antarabangsa. SHG Telok Mas telah melakar sejarah apabila Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Melaka (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN).³⁸⁶ telah melancarkan Program 'Projek Henry' pada 31 Oktober 2017. Peserta Tinju dari SHG telah membawa pulang 1 pingat perak dan 4 gangsa semasa Pertandingan Tinju Antarabangsa Pesta Pulau Pinang 31 Disember 2017. Projek kerjasama ini telah mencapai kejayaan yang besar dan gemilang kerana telah mengharumkan nama SHG

³⁸⁵ Magee, G. A. Education reduces recidivism. *Technium Social Sciences Journal*, 16, 2021, <https://doi.org/10.47577/tssj.v16i1.2668>, hlm. 180.

³⁸⁶ <https://www.prison.gov.my/ms/kejayaan-penghuni/99-projek-henry-kejohanan-muay-thai-terbuka-kebangsaan-2019> (tarikh diakses 8 September 2023).

dan Malaysia di peringkat antarabangsa. Ini menjadikan tajuk kajian menjadi berbeza daripada segi pertambahan maklumat kajian serta terdapat perkembangan sumbangan dan pencapaian SHG yang akan dibincangkan bermula tahun 1950 sehingga 2020.

Sejak Projek Henry diperkenalkan, para penghuni SHG dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia telah melakar banyak kejayaan dan mengharumkan nama institusi tersebut diperingkat kebangsaan serta digeruni pihak lawan terutamanya pertandingan tinju dan muay thai. Projek Henry telah banyak memberi sumbangan terhadap pembangunan sukan sekolah ini. Selain itu para penghuni yang terlibat berpeluang menceburi bidang sukan bersesuaian selepas bebas menjalani hukuman melalui kelab-kelab sukan ternama. Sumbangan penghuni SHG terhadap negara khususnya mengharumkan nama negara dapat diuraikan dengan lebih teliti melalui kejayaan Projek Henry.

i) Pencapaian tahun 2017

- 1) Kejayaan projek ini bermula pada 21-23 September 2017, apabila sembilan penghuni menyertai Kejohanan Tinju Piala Dato' Bandar Pro dan Amatur di Johor Bahru dan memenangi empat pingat gangsa. Pertandingan diadakan di Majlis Bandaraya Johor Bahru.
- 2) Pada 27-31 Disember 2017, sembilan penghuni menyertai Pertandingan Tinju Antarabangsa Pesta Pulau Pinang dan membawa pulang satu pingat perak serta empat pingat gangsa. Pertandingan diadakan di Tapak Pesta Antarabangsa Pulau Pinang.

ii) Pencapaian Tahun 2018

- 1) Pada 19-25 Mac 2018, 13 penghuni menyertai Kejohanan Tinju Piala Malaysia dan Remaja Kebangsaan 2018. Seorang penghuni memenangi satu pingat gangsa dan 12 orang lagi berjaya menamatkan tiga pusingan. Pertandingan diadakan di Dataran Lawin, Gerik, Perak.
- 2) Penghuni SHG yang terpilih menyertai Klinik dan Kejohanan Muay Thai 2018 dan memenangi sembilan pingat emas serta enam pingat perak pada 10 Mac 2018. Pertandingan diadakan di Dewan Kolej Vokasional Besut, Terengganu.
- 3) Pada 5 hingga 8 April 2018, penghuni terpilih menyertai Kejohanan Muay Thai Antara Kelab dan Sekolah Peringkat Kebangsaan 2018. Mereka memenangi satu pingat emas, dua perak, dan lima pingat gangsa di Tan Seri Hamzah Arena, Majlis Olimpik Malaysia, Kuala Lumpur.
- 4) Pada 21 April 2018 di Kompleks Penjara Sungai Udang, Melaka, penghuni terpilih menyertai Kejohanan Muay Thai Melaka Challenge 2018 Piala Dato' Seri Hj. Shafie Hj. Abdullah dan membawa pulang lapan pingat emas dan empat pingat perak.
- 5) Penghuni dilantik menjadi atlet Sukan Malaysia (SUKMA) 2018 mewakili negeri Melaka dan memenangi satu pingat emas dan dua pingat gangsa, mendapat insentif dari kerajaan Negeri Melaka.
- 6) Pada 21 hingga 23 Disember 2018 di Plaza Hang Tuah, Melaka, penghuni terpilih menyertai Kejohanan Muay Thai Pro Am Peringkat Kebangsaan 2018 dan memenangi satu pingat gangsa, dengan penghuni yang juga berada pada kedudukan nombor tiga di Malaysia bagi kategori 47 kg.

7) Pada 29 Disember 2018 di Kompleks Muhibah Kampung Pandan, Kuala Lumpur, penghuni terpilih menyertai Kejohanan Muay Thai Rentap Night 2018 dan memenangi satu pingat emas dan satu pingat perak.

8) Penghuni turut memenangi Kejohanan Pesta Tinju Antarabangsa Pulau Pinang dan membawa pulang satu pingat emas, satu pingat perak, dan tiga pingat gangsa di Tapak Pesta Sungai Nibong Pulau Pinang pada 27 hingga 31 Disember 2018

iii) Pencapaian Tahun 2019

1) Penghuni menyertai Kejohanan Muay Thai Antara Juara dan membawa pulang pingat emas pada 5 Februari 2019 di Kompleks Rakan Muda Baling, Kedah.

2) Pada 9 Februari 2019 di Plaza Hang Tuah Melaka, penghuni yang terpilih menyertai Kejohanan Muay Thai Challenge Pro International Fight Night 2019 dan memenangi pingat emas.

3) Kejohanan Muay Amatur Remaja Peringkat Kebangsaan 2019 pada 16 hingga 17 Februari 2019 di Arena Futsal Kompleks Sukan Negeri Perlis, penghuni SHG memenangi satu pingat emas dan satu pingat perak.

4) Pada 22 hingga 24 Mac 2019 di Johor Bahru, penghuni terpilih menyertai Kejohanan Johor Boxing Sirkuit 1/2019 dan memenangi dua pingat emas.

5) Pada 21 hingga 24 Februari 2019 di Plaza South City Seri Kembangan, Selangor, penghuni yang terpilih menyertai Kejohanan Muay Thai Antara Sekolah-sekolah dan Remaja Peringkat Kebangsaan 2019. Mereka membawa pulang empat pingat emas, tiga pingat perak, dan tiga pingat gangsa.

- 6) Pada 3 Mac 2019 di Pusat Tinju Negeri Sembilan, penghuni terpilih menyertai Kejohanan Muay Thai Terbuka Negeri Sembilan 2019 dan membawa pulang tiga pingat emas.
- 7) Pada 27 April 2019 di City Mall Ara Damansara, Selangor, penghuni terpilih menyertai Kejohanan Muay Thai AMG Challenge 2019 dan memenangi pingat perak.
- 8) Pada 25 hingga 26 Mac 2019 di Capital City Mall, Johor Bahru, penghuni terpilih menyertai Kejohanan Johor International Muay Thai Super Series 2019 dan memenangi lapan pingat emas dan satu pingat perak.
- 9) Pada 27 hingga 30 Jun 2019 di Capital City Mall, Johor Bahru, penghuni terpilih menyertai Kejohanan Muay Thai Antara kelab-Kelab Peringkat Kebangsaan dan mendapat empat pingat emas, dua pingat perak, dan tiga pingat gangsa.
- 10) Melalui Kejohanan Muay Thai KL Fight LOCO PMKL 2019 pada 24 Ogos di Taman Melati, Kuala Lumpur, penghuni memperoleh tiga pingat emas.
- 11) Pada 22 hingga 26 April 2019 di MSN Taman Keramat Kuala Lumpur, penghuni terpilih menyertai Kejohanan Tinju Remaja Kebangsaan Sirkuit 1/2009 dan memperoleh satu pingat perak dan satu pingat gangsa. Seorang peninju SHG menerima 'Anugerah Peninju Berpotensi Umur 14-16 Tahun' pada kejohanan itu.
- 12) Pada 27 hingga 31 Julai 2019 di Capital City Mall Johor, penghuni terpilih menyertai Kejohanan Tinju Piala Datuk Bandar Johor Bahru 2019 dan memenangi satu pingat emas dan dua pingat gangsa.
- 13) Pada 2 hingga 7 September 2019 di Majlis Sukan Negara (MSN) Taman Keramat Kuala Lumpur, penghuni terpilih menyertai Kejohanan Tinju Pelapis Kebangsaan Siri 1/2019 dan memperoleh satu pingat perak dua pingat gangsa.

14) Pada 4 hingga 6 Oktober 2019 di South City Plaza, Seri Kembangan, Selangor, penghuni terpilih menyertai Kejohanan Pelapis kebangsaan Sukan Muay Thai 2019 dan memenangi satu pingat emas, tiga pingat perak, dan dua pingat gangsa.

15) Pada 11 hingga 13 Oktober 2019, penghuni SHG menyertai Kejohanan Muay Thai Terbuka Kebangsaan 2019 dan memenangi tiga pingat emas, dua pingat perak, dan lima pingat gangsa di Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

5.2.2.4 Persembahan Pancaragam³⁸⁷ dan Kokurikulum

Selain kejayaan akademik dan Projek Henry, SHG Telok Mas Melaka terkenal dengan kumpulan pancaragam. Kumpulan pancaragam sekolah ini mula diasaskan sejak tahun 1960 an lagi sebagai salah satu latihan untuk menggalakkan mereka menceburi pelbagai bidang selain daripada akademik dan sukan.

Para penghuni yang menganggotai pancaragam SHG ini pada asalnya tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk bermain muzik, malah ada di antara yang tidak pernah menyentuh alat muzik dan tidak mahir 3M (membaca, menulis dan mengira). Menurut Ketua Pancaragam SHG, Inspektor Muhammad Fakhrul Azrie Zubir menyatakan ada penghuni yang buta huruf, tidak pandai membaca not muzik dan bermain alat muzik tetapi disebabkan minat mereka menjadi mahir.³⁸⁸

³⁸⁷ <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/06/59497/hikmah-masuk-henry-gurney> (tarikh diakses 9 September 2023).

³⁸⁸ <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/06/59497/hikmah-masuk-henry-gurney> (tarikh diakses 9 September 2023).

Para penghuni mempunyai keistimewaan jika berdisiplin dan mahir membuat persembahan pancaragam kerana mereka berpeluang untuk membuat pertunjukan diluar seperti menyambut Hari Keputeraan TYT Melaka, Tun Tan Seri Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaacob, dan membuat perarakan pertunjukan pancaragam sempena Hari Kebangsaan Negara setiap tahun. Selain itu mereka juga boleh memasuki pertandingan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa asalkan diadakan di dalam negara Malaysia.

Mereka yang telah bebas akan meneruskan sumbangan mereka kepada negara dalam apa bidang yang mereka ceburi sama ada dalam muzik atau dalam bidang sukan. Pancaragam sebagai contoh mereka mendapat jemputan untuk membuat persembahan di Hari Keputeraan TYT Melaka, Perarakan Sambutan Kemerdekaan dan lain-lain.

Dr Kausalya Devi, Timbalan Komisioner Penjara

Pada tahun 1966, bersempena sambutan ulangtahun kemerdekaan negara yang kesembilan negara Malaysia pada masa itu menyambut hari kebangsaan dengan penuh gilang gemilang. Sambutan ini juga berikutan termeterainya Perjanjian Perdamaian antara Malaysia dan Indonesia pada 11 Ogos 1966. Pancaragam SHG telah membuat persembahan sebagai aktiviti kemasyarakatan dan sumbangan terhadap negara dan disaksikan oleh lebih 30 000 orang dari pelbagai lapisan masyarakat.³⁸⁹

Pancaragam SHG turut mendapat jemputan untuk menjayakan Sambutan Hari Penjara setiap tahun. Pada tanggal 18 Mac 2017, pancaragam SHG dan Penjara telah terlibat dengan sambutan Hari Penjara kali ke 227 di Penjara Simpang Renggam Johor. Kumpulan pancaragam ini juga sering memeriahkan suasana majlis rasmi seperti

³⁸⁹ [Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia](#) (tarikh diakses 10 September 2023).

terlibat dalam menjayakan Majlis Paluan Berundur Ketua Pengarah Kastam Malaysia yang diadakan berhadapan Ibu Pejabat Kastam Putrajaya pada 20 Mac 2017.



Rajah 5.5: Pasukan Pancaragam SHG³⁹⁰

Pasukan Pancaragam Sekolah Henry Gurney, Telok Mas bergambar selepas selesai persembahan

Kehebatan Pancaragam SHG juga semakin terserlah apabila pada tahun 2019 mereka telah menyertai pertandingan pancaragam di peringkat Kebangsaan. Pertandingan ini dikenali sebagai Malaysia World Band Competition (MWBC)/ National Band Competition (NATCOM) telah disertai oleh kumpulan pancaragam seluruh Malaysia,

³⁹⁰ Facebook SHG (tarikh diakses 10 September 2023). Buat pertama kalinya bagi Pancaragam Sekolah Henry Gurney Telok Mas Melaka menyertai Pertandingan Pancaragam Antarabangsa dan Kebangsaan bagi tahun 2019. Mereka telah mendapat Naib Johan Pertandingan Street Parade, Uniform Terbaik dan Drum Major Terbaik Peringkat Kebangsaan bagi kategori terbuka. Seramai 60 orang penghuni, jurulatih dan pegawai yang terlibat sepanjang tempoh latihan.

Filipina, Indonesia dan lain-lain lagi. Pasukan pancaragam SHG telah memenangi beberapa kategori yang sangat membanggakan di Peringkat Kebangsaan (NATCOM) bagi kategori terbuka iaitu Drum Major Terbaik, Uniform Terbaik dan Naib Johan dalam pertandingan ini. Kejayaan yang merupakan pencapaian kali pertama ini sangat membanggakan dan melibatkan 60 orang penghuni, jurulatih dan pegawai yang terlibat.

Penglibatan penghuni juga memberikan pengalaman dan peluang untuk melihat dunia luar selain memberikan sumbangan terhadap persembahan pancaragam kepada masyarakat Malaysia. Mereka juga turut mendapat motivasi daripada para pegawai agar terlibat secara aktif bermain alat muzik pancaragam supaya tidak terus menghabiskan masa di dalam sekolah berbanding dengan kluster lain.

5.2.2.5 Pelaksanaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan Keusahawanan

Sebelum nama Sekolah Akhlak Tertinggi pada 1949 ditukarkan kepada SHG pada tahun 1950, aktiviti kraftangan dan pertukangan telah lama dilakukan oleh penghuni juvana. Pada tahun 2002, semua juvana yang dihantar ke Sekolah Tunas Bakti, SHG dan Asrama Akhlak akan menjalani latihan pemulihan yang telah ditetapkan oleh institusi pemulihan tersebut.³⁹¹ Sebagai penyediaan diri apabila dibebaskan nanti, mereka akan disediakan dengan latihan vokasional dan kemahiran tertentu sepanjang penahanan di institusi tersebut.

³⁹¹ [http://eprints.utm.my/id/eprint/14939/1/Kurikulum Pendidikan Teknik Vokasional.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/14939/1/Kurikulum_Pendidikan_Teknik_Vokasional.pdf) (tarikh diakses 11 September 2023).

Latihan kemahiran vokasional menjadi program latihan yang menjadi kewajipan oleh setiap pelatih mengikutinya sepanjang menjalani latihan di institusi pemulihan. Melalui Model Putra yang dilancarkan pada tahun 2004, dalam sub modul ini yang dikhususkan agar memberi kesedaran agar menumpukan kepada pembinaan masa hadapan yang lebih baik untuk penghuni juvana.³⁹² Para penghuni yang tidak berkecukupan untuk mengikuti sub modul pendidikan dan kokurikulum atau telah memiliki SPM. Penghuni yang terlibat dalam sub modul ini terdiri dalam kalangan penghuni yang buta huruf. Setelah mengikuti kelas 3M (membaca, menulis dan mengira) mereka akan diserap ke kelas kemahiran bersijil.

Pada akhir pembelajaran, penghuni yang berkecukupan akan dianugerahkan sijil mengikut tahap kemahiran masing-masing oleh agensi bertauniah seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) atau Lembaga Industri Pembinaan (CIDB).³⁹³

Selain dikendalikan oleh tenaga pengajar terlatih seperti Pembantu Pegawai Latihan Vokasional atau Pembantu Guru Pertukangan (Wadar Trade), pihak institusi turut mengadakan kerjasama dengan pihak luar seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK). Para pelatih akan mendapat sijil pengiktirafan daripada setelah tamat latihan kemahiran yang diikuti. Sijil pengiktirafan ini sangat penting dan besar maknanya kerana para penghuni akan mempunyai peluang yang cerah untuk mendapat pekerjaan seterusnya dapat berkhidmat kepada masyarakat. Para penghuni juga mempunyai pilihan terhadap bidang kemahiran yang diminati seperti landskap,

³⁹² Jabatan Penjara Malaysia, Program Pembangunan Insan, United Mind. 2014, hlm. 66.

³⁹³ Ibid., hlm. 67.

pembinaan, jahitan dan masakan. Para pelatih di sekolah ini memberikan maklum balas yang positif apabila 78 peratus daripada jumlah pelatih mendapati program vokasional penting untuk menimba pengetahuan dan kemahiran sebagai ilmu yang bermanfaat terhadap diri mereka.³⁹⁴

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional di SHG ditambah baik menerusi Pendidikan Korektif melalui Kluster TVET. Lulusan program TVET mampu menguasai pengetahuan dan kemahiran praktikal dengan lebih baik berbanding lulusan program akademik. Malahan penghuni yang mempunyai lulusan ini didapati berpotensi untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan menarik minat majikan untuk menawarkan pekerjaan kepada lulusan TVET. Skop TVET perlu berdasarkan standard pekerjaan yang diiktiraf, dengan penekanan kepada komponen praktikal, kemahiran psikomotor dan pendedahan kepada latihan di industri.³⁹⁵ Keputusan kajian terhadap pelatih-pelatih Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka menunjukkan bahawa penyediaan pendidikan latihan kemahiran vokasional merupakan faktor utama dan tambahan yang penting untuk memenuhi keperluan harian mereka. Pendidikan ini membantu mereka menentukan kerjaya masa depan, meningkatkan motivasi, memupuk kemandirian, dan mencapai kejayaan dalam kerjaya melalui sifat ketekunan dan kerajinan, selain daripada pendidikan kerohanian.³⁹⁶

³⁹⁴ http://eprints.utm.my/id/eprint/14939/1/Kurikulum_Pendidikan_Teknik_Vokasional.pdf (tarikh diakses 12 September 2023)

³⁹⁵ <https://www.moe.gov.my/en/maklumat-umum-tvet> (Tarikh diakses pada 3 Disember 2023).

³⁹⁶ Berhanuddin et.al (1997), dalam Norimah Jumai, Pendidikan Korektif Penjara, Disertasi Sarjana Muda, Universiti Sains Malaysia, Minden, 2021, hlm. 22.

Pada masa ini SHG Telok Mas melaksanakan program kemahiran bersijil yang ditawarkan oleh Kementerian Sumber Manusia mengikut kemudahan prasarana yang mereka miliki. Guru yang mengajar pula merupakan Pegawai Pertukangan Latihan Vokasional (PPLV) yang sedang berkhidmat bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. Melalui Skim Latihan Dual-Nasional (SLDN) para penghuni mendapat latihan dalam dua situasi pembelajaran. Mereka juga memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 dan Tahap 2 melalui kursus-kursus seperti juru kecantikan, pendandan rambut, pembuat pakaian wanita atau lelaki, juru elektrik, mekanik kenderaan motor, pembuat perkakasan-acuan suntikan plastik dan lain-lain. Berdasarkan temu bual dengan Dr Kausalya Devi, Kluster TVET menjadi bidang yang paling ramai diceburi oleh para penghuni SHG kerana ia turut diktiraf oleh pihak luar;

“...kita buat ada Kluster TVET ataupun Kluster Kemahiran yang kita buat mengikut Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dengan tahap dia lah tahap satu, tahap 2 dalam pelbagai bidang sama ada macam *constructions, bricklaying, plastering* semua tu ataupun yang *plumbing, automotif*. Automatif itu adalah beberapa bidang yang saya ingatlah. Bidang masakan pastri, jahitan itu pun ada. Dia tahap-tahapnya. So sijil kemahiran ini mendapat pengiktirafan oleh jabatan luar, bukan daripada penjara sebab kita tak mahu ada stigma sijil ini dikeluarkan oleh penjara membawa stigma sampai hayat dia.”

Dr Kausalya DeviA/P Sathoo, Timbalan Komissioner, JPM.

Pengiktirafan sijil kemahiran ini telah membuka ruang kepada penghuni untuk menjadi masyarakat yang cemerlang pada masa hadapan serta menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara. Malahan TVET juga menjadi penyelamat untuk penghuni yang tidak berminat terhadap akademik untuk terus

menceburi bidang yang sesuai dengan kemahiran yang diperolehi di SHG. Sumbangan sekolah ini tidak perlu dipertikaikan lagi kerana mampu ‘menggilap pasir menjadi intan’ atau lebih jelas lagi mampu melatih mereka yang tersilap langkah kembali menjadi warga berilmu apabila dibebaskan nanti. Jelaslah dapat disimpulkan di sini, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional berkeupayaan menjadi satu platform dalam menyediakan tenaga kerja yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Bidang keusahawanan turut dilatih dalam kalangan penghuni supaya mereka dapat memulakan perniagaan atau perusahaan mereka sendiri, menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan penciptaan pekerjaan. Keusahawanan boleh menjadi laluan bagi mereka untuk kembali bergaul dalam masyarakat. Salah seorang bekas penghuni, Mohamad Hafizul Tani, 20-an, peluang diberikan Badan Bukan Kerajaan, Club House BG9 yang menyediakan peluang untuk menjalankan aktiviti dan bimbingan perniagaan akan digunakan sebaik mungkin.³⁹⁷

"Alhamdulillah, biarpun berstatus bekas banduan, masih ada yang sudi memberikan bimbingan perniagaan dan kaunseling. Insya-Allah, dengan bimbingan rakan-rakan lain, saya harap akan terus berjaya"- Mohamad Hafizul Tani, 20-an.

5.2.2.6 Menjahit Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) semasa COVID-19

COVID-19 yang telah melanda seluruh dunia telah menyebabkan perjalanan sistem ekonomi, politik serta sosial di seluruh dunia tergendala. Ketika Coronavirus 19 merebak, ramai mangsa yang terkorban meningkat sehingga menyebabkan 36,387

³⁹⁷ <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/04/836106/bekas-pelajar-henry-gurney-kini-bergelar-peniaga-berjaya> (tarikh diakses 28 November 2023).

kematian dan seramai 4,848,314 kes yang telah dijangkiti sehingga 5 Oktober 2022³⁹⁸ (KKM, 2022). Keadaan ini telah memberi kesan kepada semua golongan masyarakat di Malaysia manakala banyak sektor yang terjejas termasuklah sektor pendidikan, pembinaan, pertanian, perindustrian, perkhidmatan serta pengangkutan. Malaysia merupakan salah satu negara yang mengisytihar darurat pada 20 Mac 2021 supaya penularan virus COVID-19 ini dapat disekat daripada terus merebak. Antara tempat yang turut terkesan dengan wabak Covid ini termasuklah SHG, Telok Mas, Melaka yang terdiri daripada penghuni Juvana yang pada ketika itu seramai 1028 orang. Keadaan ini sudah tentu meletakkan mereka turut berisiko tinggi untuk dijangkiti virus semasa dalam tahanan selain daripada kakitangan yang mengendalikan mereka juga mempunyai risiko yang sama. Semasa proses keadilan untuk penghuni juvana dijalankan semua aspek dalam sistem keadilan negara terlibat dan perlu diketatkan kawalan supaya dapat mengelak penularan wabak ini seperti mahkamah, pusat tahanan, kemudahan-kemudahan yang disediakan di pusat tahanan seperti perubatan dan pendidikan, kerana penjarakan sosial perlu dipatuhi mengikut *Standard of Procedure* (SOP) yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia pada masa itu. Pada masa ini para penghuni yang mengikuti Kluster Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) tidak dapat ke bengkel kerana kawalan yang sangat ketat. Tetapi mereka yang terlibat dengan bengkel jahitan telah menyumbang Personal Protective Equipment (PPE) untuk digunakan oleh barisan hadapan negara kita.

“Pada 28 Julai 2020 (Selasa), seramai 25 orang penghuni termasuk 7 orang penghuni wanita Bengkel Jahit SHG Telok Mas telah menerima Sijil Penghargaan dalam majlis ringkas yang diadakan bersempena penyerahan pakaian PPE. SHG, Telok Mas telah menyerahkan 1,200 pasang kelengkapan pakaian PPE yang telah disediakan oleh

³⁹⁸ Kementerian Kesihatan Malaysia, 2022.

penghuni dan kakitangan Jabatan Oftalmologi (Mata) Hospital Melaka”.³⁹⁹ (Jabatan Penjara Malaysia, 2020).

Sumbangan mereka pada masa ini amat besar kerana keperluan PPE untuk barisan hadapan negara sangat penting malah menjadi perisai untuk menyelamatkan nyawa. Hakikatnya sumbangan mereka walaupun kecil tetapi memberi impak yang besar kepada negara kerana pada ketika ini semua rakyat Malaysia yang bukan barisan hadapan semuanya perlu duduk di rumah, sedangkan mereka bekerja untuk menyiapkan PPE untuk semua barisan hadapan negara akibat Perintah Kawalan Pergerakan.

5.2.2.7 Microsoft Kick Hours

SHG Telok Mas juga terpilih dalam acara *Hour of Code* oleh kempen *Microsoft Malaysia Kicks Off Hour of Code at Henry Gurney Prison School* pada 21 Disember 2015. Kemuncak kempen “*Hour of Code*” di Malaysia diteruskan dengan penekanan Microsoft Malaysia terhadap keterangkuman - membawa kemahiran abad ke-21 kepada pelajar Sekolah Penjara Henry Gurney di Melaka buat pertama kalinya. Lebih 150 pesalah juvana SHG Telok Mas ditunjukkan betapa mudahnya untuk membuat kod. Mereka juga diajar pengekodan dengan “*Minecraft*” oleh lebih 20 Rakan Pelajar Microsoft, terdiri daripada mahasiswa dari seluruh Malaysia bersama-sama pekerja sukarelawan dari Microsoft Malaysia yang berkongsi minat dan pengetahuan teknologi mereka bersama pesalah ini, menjadikan pengekodan dengan “*Minecraft*” lebih menyeronokkan, serta boleh dikaitkan. “*Hour of Code*” di Malaysia diteruskan dengan penekanan Microsoft Malaysia terhadap keterangkuman - membawa

³⁹⁹ Jabatan Penjara Malaysia, 2020.

kemahiran abad ke-21 kepada pelajar Sekolah Penjara Henry Gurney di Melaka buat pertama kalinya.⁴⁰⁰ Selain itu SHG Telok Mas turut terpilih dalam *World School Project*, *Unicef Digital Learning Platform for Children in Detention* bermula Disember 2021.⁴⁰¹ Projek ini akan menyediakan platform pembelajaran digital dengan perkhidmatan pendidikan tersuai dan khusus serta aplikasi yang sesuai untuk konteks tahanan muda. Projek tajaan UNICEF ini menyediakan a) Pelaksanaan *Google Workspace for Education* khas untuk guru dan pelajar serta b) Menyediakan 100 unit *Chromebook* untuk 2 sekolah, iaitu SHG dan Sekolah Integriti. Berdasarkan kepada dua projek antarabangsa ini pengkaji mendapati bahawa sumbangan besar mereka belum pernah dinyatakan dalam kajian-kajian sebelum ini. Oleh itu kajian mengenai sejarah perkembangan SHG akan menyenaraikan sumbangan besar mereka untuk memastikan pesalah juvana terus mendapat ilmu yang seimbang walaupun berada dalam sekolah penjara.

5.2.2.8 Mengurangi Residivis

Penghuni yang memasuki Sekolah Henry Gurney terlibat dengan jenayah akibat keciciran dalam persekolahan, pengangguran serta tiada kemahiran untuk menceburi bidang pekerjaan yang bersesuaian. Para penghuni didapati banyak terlibat dengan aktiviti tidak bermoral apabila terlalu lama ponteng dari sekolah. Masalah semakin meruncing apabila mereka dibuang sekolah seterusnya mula terlibat dengan pelbagai aktiviti yang tidak sihat seperti dadah, mencuri, bergaduh, lumba motor haram dan

⁴⁰⁰<https://news.microsoft.com/en-my/2015/12/21/microsoft-malaysia-takes-the-hour-of-code-journey-from-prison-school-to-international-schools-and-beyond/> (tarikh diakses pada 12 April 2022).

⁴⁰¹ World School Project: UNICEF Digital Learning Platform for Children In Detention Project Team Composition, UNICEF Malaysia: Azlina Kamal KPM: Dr Wagheeh Shukry Hassan Implementation Partner: Unoya Sdn Bhd Project, December 2021.

lain-lain yang menyebabkan akhirnya ditangkap oleh pihak berkuasa. Dapatan kajian Norimah Jumai, (2021) terhadap 266 penghuni SHG Telok Mas, menunjukkan bahawa terdapat lima jenis kesalahan yang menyebabkan penghuni ditahan di mana kesalahan dadah merupakan yang paling kerap, dengan jumlah 153 orang penghuni (57.5%). Ini diikuti oleh kesalahan seksual, yang melibatkan 39 orang (14.7%). Jenis kesalahan kekerasan mencatatkan kejadian sebanyak 33 orang penghuni (12.4%), kesalahan berkaitan harta benda melibatkan 32 orang penghuni (12%), dan jenis kesalahan lain mencatatkan jumlah terendah iaitu 9 orang penghuni (3.4%).⁴⁰²

Menurut Stevens & Wards, (1997)⁴⁰³ pendidikan merupakan salah satu wadah lestari yang dapat membantu seseorang banduan atau penghuni untuk tidak terjebak kembali dalam kancan jenayah atau residivis.⁴⁰⁴ Dalam Laporan Eksekutif Penyemakan Semula Pengiraan Statistik Residivis Jabatan Penjara Malaysia (2012) menyatakan, asas penetapan Residivis telah didefinisikan sebagai:

‘...banduan sabitan yang telah berjaya menjalani proses pemulihan dan dipenjarakan semula dalam tempoh 3 tahun dari tarikh dibebaskan. Termasuk semua kesalahan jenayah, tamat Fasa II, Program PPI atau tamat apa-apa program yang ditetapkan oleh jabatan’.⁴⁰⁵

Pelbagai usaha yang telah dijalankan oleh Jabatan Penjara kerana perkara ini telah mendapat perhatian yang serius agar tidak berlaku dalam kalangan penghuni SHGTM

⁴⁰² Norimah Jumai, Pendidikan Korektif Penjara, Disertasi Sarjana Muda, Universiti Sains Malaysia, Minden, 2021, hlm 43.

⁴⁰³ Stevens, D. J., & Ward, C.S. (1997). College Education and Recidivism: Educating Criminal Is Meritorious. *Journal of Correctional Education*, Jil. 48, No. 3, 1997, hlm. 106-111.

⁴⁰⁴ Magee, G. A., Education reduces recidivism. *Technium Social Sciences Journal*, 16, 2021, 175–182. <https://doi.org/10.47577/tssj.v16i1.2668>, hlm.178.

⁴⁰⁵ Ibrahim Samad, Jamludin Mustafa & Kamal Ab. Hamid. “Faktor-faktor yang mempengaruhi Residivisme Banduan di Penjara Taiping,” *Malaysia Correctional Journal*, Jil 1, No.3, 2017, hlm. 62.

pada masa hadapan. Oleh sebab itu Pemulihan, pematuhan disiplin, pendidikan, latihan vokasional dan pembentukan sahsiah serta jati diri diberikan secara berterusan agar penghuni benar-benar berubah. Usaha ini menjadi agenda utama agar mereka kembali insaf dan menjadi masyarakat yang bermaruah. Pekerjaan yang bakal mereka ceburi dan bidang ilmu yang akan mereka teruskan sekembalinya kepada masyarakat sudah tentu memberikan kesan dan persepsi yang positif sekiranya mereka benar-benar tekad untuk menjadi warga yang baik. Kluster akademik yang disediakan dalam Pendidikan Korektif telah memberikan peluang yang cerah kepada penghuni kerana melalui kejayaan dalam bidang akademik mereka boleh melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi dan akhir mendapat pekerjaan yang bersesuaian. Menurut Lochner (1999),⁴⁰⁶ Pendidikan mengurangkan jenayah terutamanya dengan meningkatkan kadar upah yang berpotensi dan memberi banyak pilihan pekerjaan terhadap. Individu tersebut boleh mendapat lebih banyak pilihan pekerjaan dan kurang melibatkan diri daripada aktiviti jenayah kerana diminda mereka dengan kemahiran yang diperolehi sudah tentu bekerja adalah lebih baik daripada kembali dengan kegiatan jenayah. Penghuni yang telah tamat menjalani latihan dan hukuman juga mampu untuk menyara diri sendiri tanpa bergantung kepada kegiatan jenayah. Saat mereka dibebaskan, tanpa sokongan keluarga, masyarakat dan jati diri yang kuat mereka akan kembali sesat dalam mencari titik kehidupan.

Sumbangan mereka dalam mengurangkan residivis ini amat besar kesannya terhadap masyarakat. Penglibatan salah laku dan kegiatan jenayah juvana yang mereka lakukan

⁴⁰⁶ Lochner, L. (1999, Oktober). *Education, Work and Crime: Theory and Evidence*. University of Rochester. http://rcer.econ.rochester.edu/RCERPAPERS/rcer_465.pdf, (tarikh diakses 23 April 2023) hlm.1.

semakin membimbangkan. Sekiranya pihak kerajaan tidak membuat sesuatu seperti menubuhkan SHG dan Sekolah Integriti sudah tentu kesannya amat merbahaya pada masa akan datang. Remaja adalah aset negara yang sangat berharga, oleh itu mereka mempunyai jati diri yang tinggi agar berupaya untuk mengharungi arus globalisasi yang penuh cabaran.

5.2.2.9 Tenaga Buruh

Berdasarkan data dari 2010 hingga 2018, kajian ini mendapati bahawa faktor penyumbang kepada penghuni dan banduan muda adalah tenaga kerja, pendapatan dan tahap pendidikan. Walaupun tenaga kerja adalah positif, pendapatan dan tahap pendidikan adalah faktor yang positif kerana ia menjadi tidak penting kepada penghuni muda. Ini menunjukkan bahawa lebih banyak peluang pekerjaan untuk orang muda dan ia didapati boleh mengurangkan jumlah pesalah muda. Tenaga kerja termasuk atau tidak termasuk penghuni dan banduan muda, tidak menyebabkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berubah namun, KDNK menyebabkan tenaga kerja termasuk penghuni, berubah dalam jangka pendek. Ini menunjukkan bahawa pendapatan negara yang lebih tinggi menggalakkan penyertaan tenaga kerja yang lebih tinggi, yang seterusnya mengurangkan bilangan penghuni dan banduan muda (Peter et.al, 2018). Para penghuni yang telah menjalani pemulihan dan dan mendapat latihan boleh menjadi ahli yang produktif sebagai tenaga kerja. Kemahiran, latihan dan pendidikan yang mereka perolehi sebelum ini boleh menyumbang kepada ekonomi melalui pekerjaan yang baik.

Merujuk kepada kaji selidik pelaku berulang dalam kalangan penghuni dan banduan muda, kajian ini menyimpulkan bahawa penyertaan tenaga kerja nampaknya bukan isu bagi majoriti penghuni dan banduan muda di Malaysia. Struktur keluarga dan sosial nampaknya banyak menyumbang kepada keselamatan pendapatan pesalah muda yang dipulihkan. Walau bagaimanapun, usaha yang lebih bersepadu perlu dilakukan untuk memastikan kelestarian pekerjaan untuk mengurangkan penderaan berulang kerana banyak pesalah muda yang dipulihkan berjaya tinggal di pekerjaan kurang dari enam bulan, menunjukkan kekurangan psikologi atau pengetahuan. Kajian semula dasar dan penyertaan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan boleh menyumbang dalam menangani kekurangan ini.

Salah satu hasrat Jabatan Penjara Malaysia terhadap penghuni ialah apabila mereka dibebaskan kelak, mereka akan mempunyai pekerjaan dan berjaya hidup berdikari serta diterima oleh masyarakat. Oleh yang demikian para penghuni telah dikelaskan mengikut kluster tertentu supaya mereka dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, kemahiran, latihan serta motivasi yang tinggi semasa berada di institusi ini.

Pendidikan dan latihan yang telah disediakan untuk penghuni SHG bertujuan untuk kepentingan masa hadapan mereka. Melalui pekerjaan mereka akan dibayar upah atau gaji untuk meneruskan kelangsungan hidup dan diharapkan mereka juga tidak akan terjebak kembali dalam kancah jenayah. Keperluan mencari rezeki apabila dibebaskan nanti memandu motivasi mereka untuk terus belajar dan mencari kemahiran yang bersesuaian. Peluang yang diberikan kepada penghuni semasa pemulihan di SHG bukan sahaja dapat mendisiplin mereka malah mampu menyediakan tenaga buruh yang berkemahiran sebagai pekerja apabila tamat menjalani hukuman. Melalui latihan

dan kemahiran ini juga mereka mampu bekerja sendiri serta mempertingkatkan kemahiran yang pelbagai dan mampu berdikari. Malahan ramai dalam kalangan bekas penghuni yang terlibat dengan sektor perkhidmatan awam dibawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) seperti menjadi anggota tentera, anggota penyelamat bomba, polis dan lain-lain lagi. Perkara ini turut dipersetujui oleh Tuan Mohd Zaili,

“Sumbangan mereka besar, mereka banyak terlibat dalam bidang keselamatan seperti tentera, ada yang menjadi tentera, pengawal keselamatan, polis, dan saya rasa itu sumbangan mereka untuk negara dari segi keselamatanlah.”⁴⁰⁷

Tuan Mohamad Zaili, Sub Inspektor Penjara

Jabatan Penjara Malaysia telah menyediakan persediaan yang rapi dan teliti supaya bekas penghuni tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan dan sekiranya mereka berjaya mendapat pekerjaan ia diharapkan sesuai dengan minat, kebolehan dan bakat yang dimiliki. Selain itu ‘pembebasan berlesen’⁴⁰⁸ yang telah dijalankan oleh Jabatan Penjara Malaysia terhadap penghuni SHGTM melalui satu program berikut:

Program Psikopendidikan yang di kendalikan oleh Unit Psikologi telah diadakan pada 6 Ogos 2019 (Selasa) bertujuan untuk memberikan pendedahan asas kepada para penghuni berkaitan alam pendidikan dan pekerjaan yang bakal diceburi oleh penghuni yang layak mendapat keistimewaan Pembebasan Secara Berlesen pada 9 Ogos 2019 nanti.⁴⁰⁹

⁴⁰⁷ Temu bual dengan Tuan Mohd Zaili (Sarjan Penjara, SHG Telok Mas, Melaka) pada 9 Februari 2023.

⁴⁰⁸ Program Pembebasan Banduan Secara Berlesen ini adalah melepaskan banduan/penghuni dengan syarat-syarat tertentu selama 7 hari dan kembali menjalani hukuman selepas tempoh tersebut.

⁴⁰⁹ Program Halatuju Kerjaya dan Akademik Penghuni Pembebasan Secara Berlesen SHG Telok Mas, Melaka (prison.gov.my) tarikh diakses 3 Okt 2023.

telah dirancang untuk mengurangkan kesesakan di dalam penjara turut memberikan peluang pekerjaan terhadap bekas penghuni. Ia selaras dengan pernyataan di bawah iaitu,

“Pembebasan berlesen dalam kalangan penghuni merupakan sumbangan yang besar kepada negara dalam sektor pekerjaan terutama bidang pembuatan, restoran, pertanian serta bidang-bidang lain.”⁴¹⁰

Pn Nurmarliza Binti Omar, Pegawai N29

Berdasarkan *Success Story* yang dikongsikan oleh Tuan Othman Markom, ramai bekas penghuni SHG berjaya mendapat pekerjaan setelah melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi. Selain itu mereka juga bekerja di dalam sektor perkhidmatan awam dan swasta, pertanian, pembuatan, perkilangan, makanan dan pembungkusan, bekerja sendiri dan terlibat sebagai ahli Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta lain-lain lagi. Ia juga disokong oleh penyelia SHG,

“Mereka juga menyumbang idea memberikan kesedaran itu melalui pengalaman mereka, daripada sekolah yang kini mereka keluar dan berikan kesedaran agar tidak terlibat dengan jenayah juvana. Orang lebih suka dengar orang yang berceramah daripada pengalaman berbanding daripada penyampai itu melalui pembacaan dan teori sahaja.”⁴¹¹

Othman Markom, Penyelia SHG Telok Mas, Melaka.

Jadual 5.4

*Jumlah Pelajar SHGTM ke IPT*⁴¹²

⁴¹⁰ Temu bual dengan Puan Nurmarliza Binti Omar, Pegawai N29, SHG, Jabatan Penjara Malaysia pada 9 Februari 2023.

⁴¹¹ Temu bual dengan Tn Othman Bin Marcom (Penyelia) SHG, Telok Mas, Melaka, Jabatan Penjara Malaysia pada 10 Februari 2023.

⁴¹² Statistik Kemasukan Penghuni diperoleh semasa pengkaji membuat kajian lapangan di SHG pada 13 Februari 2023. Rujukan juga dilampirkan di Lampiran AD, hlm. 372.

Bil	Tahun	Jumlah Pelajar SHGTM Ke Institut Pengajian Tinggi
1	2008	23
2	2009	14
3	2010	13
4	2011	5
5	2012	14
6	2013	24
7	2014	51
8	2015	42
9	2016	55
10	2017	63
11	2018	59
12	2019	38
13	2020	43
14	2021	31
JUMLAH		475

Berdasarkan jadual 5.4 di atas, sejak 2008 sehingga 2021 jumlah pelajar SHGTM ke IPT ialah seramai 475 orang. Jumlah yang besar ini telah membuktikan bahawa hasil didikan dan disiplin yang tinggi dapat membuahkan hasil yang sangat membanggakan kerana mereka mempunyai latar belakang sebagai penghuni SHG. Kejayaan melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi sudah pasti dapat memberikan peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang yang diceburi nanti. Pencapaian ini juga membuktikan peluang untuk mereka kembali melakukan jenayah amatlah berkurang telah mendapat pendidikan. Pandangan ini turut diberikan oleh Bilchik (2010), bahawa bekas penghuni lebih cenderung untuk berjaya jika mereka memasuki program pendidikan dan vokasional. Selain itu ia turut dipersetujui oleh Altschuler dan Brash

(2004); Bullis dan Yuvanoff (2002) serta Bullis et al. (2004) bahawa pesalah juvana yang telah dibebaskan ke dalam masyarakat perlu dilibatkan segera ke dalam program akademik atau vokasional untuk mengurangkan residivis.⁴¹³

Keperluan Modal Insan penting terhadap semua ekonomi dan faktor pertumbuhan ekonomi. Penghuni muda yang telah dipulihkan adalah modal insan yang penting kepada ekonomi Malaysia, oleh itu ekonomi negara memberikan kesan penting dalam keputusan dasar, perancangan ekonomi dan pembangunan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

5.2.2.10 Mengurangi Keciciran dalam Pelajaran

Tingkat pemberhentian sekolah, atau pelajar yang meninggalkan sekolah sebelum menamatkan pendidikan mereka, merupakan isu yang penting di Malaysia. Pemberhentian sekolah boleh berlaku di pelbagai peringkat pendidikan, dari peringkat rendah hingga peringkat menengah.

Faktor-faktor yang menyebabkan pelajar berhenti sekolah adalah kompleks dan melibatkan pelbagai sebab. Antara sebab utama termasuk faktor ekonomi seperti keperluan untuk menyokong keluarga, kekurangan sumber kewangan, dan tekanan untuk mencari pekerjaan. Selain itu, faktor persekitaran keluarga, seperti kekurangan sokongan keluarga atau masalah dalam keluarga, juga boleh menyumbang kepada keputusan untuk berhenti sekolah.

⁴¹³ Intan Nooraini, Taufik Mohammad, & Azlinda Azman, "Sistem Keadilan Juvana di Malaysia: Empat Prospek Penambahbaikan Kajian Malaysia" *Journal of Malaysia Studies*, 21-July-2021, hlm. 24.

Faktor-faktor dalaman di dalam sekolah juga boleh memainkan peranan, termasuk cabaran akademik, masalah disiplin, atau kurangnya motivasi dari pelajar. Adakalanya, masalah kesihatan mental atau emosi juga boleh menjadi penyumbang kepada pemberhentian sekolah. Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan tingkat pemberhentian sekolah melalui pelbagai inisiatif dan program, termasuk program bantuan kewangan untuk keluarga yang memerlukan, penambahbaikan dalam sistem pendidikan, dan usaha untuk meningkatkan kefahaman mengenai kepentingan pendidikan.

Walaupun terdapat usaha untuk mengatasi isu ini, pemberhentian sekolah masih menjadi cabaran dan memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak, termasuk keluarga, masyarakat, dan pihak berkuasa pendidikan, untuk memastikan setiap pelajar mempunyai peluang untuk menamatkan pendidikan mereka dengan berjaya. Jadual 5.4 menunjukkan tahap pendidikan seramai 266 penghuni SHGTM pada tahun 2019.

Jadual 5.5

Tahap pendidikan responden diubah suai dari Norimah Jumai (2021)⁴¹⁴

Tahap Pendidikan Responden	Frekuensi	Peratus (%)
Tidak Pernah Sekolah	12	4.5
Sekolah Rendah	88	33.1
Sekolah Menengah	148	55.6

⁴¹⁴ Norimah Jumai, Pendidikan Korektif Penjara, Disertasi Sarjana Muda, Universiti Sains Malaysia, Minden, 2021, hlm. 43.

Sijil Kemahiran	7	2.6
Lain-lain (Agama)	8	3.0
Universiti	3	1.1
Jumlah	266	100.00

Berpandukan jadual 5.5 di atas hanya tiga orang (1.1%) sahaja yang mencapai tahap pendidikan tertinggi iaitu peringkat universiti. Bagi mereka yang memiliki tahap pendidikan dalam sijil kemahiran dan bidang agama, masing-masing mencatatkan kekerapan tujuh orang (2.6%) dan lapan orang (3%). Sementara itu, majoriti penghuni sebanyak 148 orang (55.5%) telah mencapai tahap pendidikan sekolah menengah. Bagi penghuni yang bersekolah rendah, kekerapan mencatatkan 88 orang (33.1%), manakala 12 orang penghuni (4.5%) tidak pernah bersekolah dan tidak mendapat pendidikan formal sebelum ditahan di SHGTM. Melalui jadual juga dapat disimpulkan bahawa bilangan penghuni yang tidak bersekolah dan mendapat pendidikan sehingga sekolah rendah mencatat bilangan 100 orang daripada 266 orang penghuni yang mendapat pendidikan. Keciciran mereka diperingkat sekolah memberikan kesan jangka panjang untuk terlibat dalam kegiatan juvana.

Masalah keciciran dalam kalangan remaja yang kian meruncing apabila satu kajian yang dilakukan oleh pihak badan bukan kerajaan (NGO) mendapati 100,000 pelajar keciciran. Isu ini lebih memberi fokus kepada 'keciciran pendidikan' terhadap murid yang mengikuti sistem arus perdana, menurut Pensyarah Kanan, Jabatan Psikologi

Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Dr Nazri Abdul Rahman.⁴¹⁵

Berdasarkan kenyataan berikut tidak hairanlah jika terdapat ramai dalam kalangan penghuni merupakan salah seorang yang tercicir daripada persekolahan. Walau bagaimanapun peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penjara Malaysia melalui pendidikan dan pemulihan dapat membantu memberikan sumbangan untuk mengurangkan jumlah pelajar yang tercicir persekolahan dengan beberapa cara. Pertama, program pendidikan di SHG boleh disesuaikan untuk memenuhi keperluan pendidikan remaja tersebut, membolehkan mereka menyempurnakan atau meningkatkan tahap pendidikan mereka. Mereka diberi peluang melalui kluster-kluster yang ada mengikut kesesuaian, kebolehan serta minat. Kedua, penghuni remaja yang terputus sekolah boleh diberikan peluang untuk mendapatkan kemahiran vokasional atau latihan teknikal (TVET) di SHG. Ini dapat membekalkan mereka dengan kemahiran praktikal yang dapat meningkatkan peluang pekerjaan mereka selepas pembebasan.

Selain itu, SHG juga menyediakan sokongan psikososial dan kaunseling kepada penghuni untuk membantu mereka mengatasi faktor-faktor yang menyebabkan mereka keciciran. Ini termasuk membantu mereka menguruskan masalah peribadi, keluarga, atau sosial yang mungkin mempengaruhi pencapaian pendidikan mereka. Semasa dalam tahanan para penghuni diberikan perhatian sewajarnya dari segi mental dan fizikal melalui pelbagai program pemulihan dan pembangunan diri bagi remaja,

⁴¹⁵ [100,000 murid keciciran \(hmetro.com.my\)](http://100,000muridkeciciran(hmetro.com.my)) (tarikh diakses 4 Disember 2023)

membantu mereka memahami kesilapan mereka, memperbaiki perilaku, dan mengukuhkan nilai-nilai positif untuk masa depan. Usaha murni ini sudah tentu dapat mengurangi keciciran dalam pelajaran dalam kalangan murid di Malaysia.

5.2.2.11 Menggantikan Buruh Asing

Kemasukan buruh asing yang ramai serta melibatkan kos yang tinggi dan kesan negatif dari segi sosial boleh diatasi dengan menggunakan bekas penghuni dan banduan untuk memenuhi kekosongan dalam sektor pekerjaan.

“Kita boleh menggunakan tenaga mereka untuk menggantikan pekerja asing. Ramai juga (bekas banduan) diberi peluang pekerjaan. Mereka yang ada dalam penjara diberi latihan dan mereka yang keluar dari penjara selepas menjalani latihan juga sudah ditempatkan di alam pekerjaan.”⁴¹⁶

Kerajaan boleh merancang menjadi pemudah cara antara majikan dan pihak penjara untuk mengadakan persefahaman yang membenarkan bekas banduan menggantikan pekerja asing. Pada tahun 2021 pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) ialah seramai 1,830,828 orang, justeru usaha perlu dilakukan agar pekerja tempatan dapat menceburi pekerjaan dalam sektor yang dikuasai pekerja asing.

Peluang ini boleh dimanfaatkan dengan menggunakan bekas banduan untuk menggantikan pekerja asing kerana semasa menjalani pemulihan diberi latihan dan kemahiran serta memiliki sijil tertentu. Oleh itu mereka layak untuk ditempatkan

⁴¹⁶<https://www.sinarharian.com.my/article/632344/berita/nasional/jumlah-pekerja-asing-di-malaysia-kini-lebih-27-juta-> (tarikh diakses 1 Disember 2023).

dalam sektor pekerjaan dan harus diberi layanan yang sama rata. Kerajaan juga dapat memainkan peranan seperti melaksanakan pelbagai inisiatif merentasi kementerian dan agensi untuk menggalakkan tenaga kerja tempatan menyertai sektor yang sebelum ini didominasi oleh pekerja asing.

5.2.2.12 Influencer atau Pempengaruh

Influencer atau pempengaruh yang mempunyai pengikut yang ramai dengan menggunakan medium *Tik Tok*, *YouTube*, *Instagram*, *Facebook* dan lain-lain mampu membawa matlamat tertentu terhadap pengikutnya. *Influencer* memiliki peranan penting dalam mempengaruhi masyarakat melalui platform media sosial. Terdapat beberapa hal positif yang boleh dikaitkan dengan kehadiran *influencer* seperti memberi inspirasi dan motivasi kepada masyarakat. Seterusnya mereka sering berkongsi kisah kehidupan, pencapaian, dan pengalaman positif mereka, memberikan inspirasi dan motivasi kepada pengikut untuk mencapai matlamat dan impian mereka sendiri. *Influencer* juga sering menyampaikan maklumat pendidikan dan kesedaran kepada pengikut mereka tentang pelbagai isu, dari kecantikan dan gaya hidup hingga isu-isu sosial dan kelestarian alam sekitar.

Pempengaruh boleh menjadi medium untuk mengiklankan produk atau perkhidmatan dengan cara yang lebih kreatif dan positif. Mereka juga dapat membantu menyampaikan maklumat mengenai produk atau perkhidmatan dengan cara yang menarik dan relevan kepada pengikut mereka. Peranan yang sering diketengahkan oleh *influencer* boleh membina komuniti yang kukuh dalam kalangan pengikut mereka, memberikan peluang untuk berinteraksi, berkongsi pengalaman, dan memberi

sokongan kepada satu sama lain. Apabila sudah terkenal dan mula meniti dibibir masyarakat, *influencer* juga sering menggunakan kehadiran mereka untuk mempromosikan kempen kebajikan, sumbangan kepada masyarakat, dan usaha-usaha sukarela. Ini membantu menyebarkan kesedaran tentang isu-isu sosial dan mendukung usaha-usaha kebajikan. Seorang bekas penghuni SHG yang terkenal sebagai *influencer* ialah Muhammad Izzad Daniel Abdullah, 23, yang mengambil inisiatif berkongsi pengalamannya 'belajar' di sekolah itu selama tiga tahun selepas terbabit kes pecah rumah ketika berusia 17 tahun, pada 2016. Perkongsian beliau menjadi tular di media sosial dan ramai memberi sokongan positif selepas beliau mula melakukannya pada Ogos tahun 2021.⁴¹⁷ Beliau diterima oleh masyarakat sehingga mempunyai 300 000 pengikut dan mempunyai pengaruh yang agak ramai. Tujuannya adalah untuk mengajak para remaja menjauhi kegiatan yang tidak bermoral terutama remaja di bawah umur. Kegagalan hidup dan tersilap langkah semasa masih mentah tidak menjadikan seseorang itu manusia yang gagal tetapi boleh berubah jika jika mahu berbuat sedemikian kerana masih mempunyai pilihan. Sebagai contoh beliau banyak menasihati agar jangan meniru seperti beliau kerana akibatnya menjerat diri. Selain itu beliau sering dijemput untuk memberikan ceramah dan memotivasikan pelajar agar tidak terlibat dengan salah laku jenayah. Beliau turut menulis buku yang berjudul 'Peluang Kedua' selain menjadi influencer di media sosial.

⁴¹⁷<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bekas-penghuni-sekolah-henry-gurney-kongsi-pengalaman-di-media-sosial-310245> (tarikh diakses 28 November 2023).



Rajah 5.6: Buku Motivasi, Peluang Kedua Izzat Daniel

Buku bertajuk Peluang Kedua menceritakan pengalaman Izzat Daniel sebagai bekas penghuni SHG dan mendapat peluang kedua untuk menjalani hidup selepas tamat hukuman. Pengaruh positif *influencer* seperti Izzat dapat mempengaruhi para remaja terutama yang ingin berubah agar menjauhi jenayah juvana dan boleh dijadikan pengajaran.

5.2.2.13 Masyarakat Harmoni

Negara Malaysia telah mengecap kemerdekaan sejak 31 Ogos 1957 dan hidup dalam suasana yang harmoni dalam masyarakat yang berbilang kaum. Latar belakang kehidupan yang sebegini menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang unik

kerana memiliki kepelbagaian budaya, bahasa, agama dan cara hidup. Keadaan ini merupakan suatu kelebihan bagi negara kita di mata orang asing yang datang ke Malaysia.⁴¹⁸ Ketenteraman dan keselarasan dalam kehidupan yang berbilang kaum ini perlu dijaga. Masyarakat harmoni merujuk kepada masyarakat yang sejahtera dan aman, kadar jenayah adalah rendah atau tiada sama sekali. Ia menekankan idea mencipta persekitaran di mana penduduk dapat hidup dengan aman dan sejahtera tanpa kebimbangan terhadap jenayah atau keselamatan diri. Para penghuni yang dibebaskan dan dipulihkan diharapkan agar kembali ke pangkuan masyarakat dan menjadi aset negara yang sangat bernilai seterusnya menghargai setiap kebebasan yang mereka perolehi. Para penghuni juga akan mempelajari sikap saling hormat-menghormati dan bertolak ansur selain memahami budaya, bahasa, agama, dan gaya hidup semasa mereka berada di SHG. Melalui program pemulihan mereka dapat menjadi individu yang berfikiran lebih terbuka.

Pemeliharaan sikap saling hormat-menghormati dan tolak ansur yang tinggi perlu diterapkan agar keharmonian dalam negara dapat terus berkekalan. Keamanan yang dinikmati hari ini perlu diwarisi kepada generasi akan datang. Rakyat Malaysia memiliki tanggungjawab dan peranan dalam menjaga keharmonian, kedaulatan, keamanan, dan keselamatan negara kita. Konsep masyarakat harmoni melibatkan usaha-usaha untuk mewujudkan persekitaran sosial yang kondusif untuk kehidupan bermasyarakat, termasuklah pemahaman dan kesedaran masyarakat terhadap nilai-nilai moral, norma-norma sosial yang baik, dan kerjasama di antara warganegara. Ia

⁴¹⁸ <https://news.uthm.edu.my/ms/2022/09/keharmonian-malaysia-warisan-yang-perlu-dipelihara/> (tarikh diakses 5 Disember 2023).

juga melibatkan pelbagai program dan inisiatif pencegahan jenayah, serta pembangunan sumber manusia yang melibatkan pendidikan dan kesedaran terhadap isu-isu keselamatan dan tanggungjawab bersama. Para penghuni yang telah kembali ke pangkal jalan sudah pasti akan menyumbang ke arah masyarakat harmoni dan kesejahteraan sejagat. Kerjasama daripada semua pihak baik kerajaan, anggota masyarakat, badan bukan kerajaan, pihak swasta dan yang paling penting sokongan keluarga yang menjadi nukleus dalam masyarakat dewasa ini turut menyumbang terhadap masyarakat harmoni.

5.2.2.14 Wawasan dan Perpaduan

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah tekad untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang terus membangun secara mampan sejajar dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama, dan inklusif di semua lapisan pendapatan, etnik, wilayah, dan rantai bekalan. Tekad ini diteruskan untuk memperkuatkan kestabilan politik, meningkatkan kemakmuran negara, dan memastikan kesatuan rakyat tanpa prasangka dengan menghargai kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara. Objektif pertama ialah pembangunan untuk semua, yang melibatkan menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif, berasaskan ilmu dan bernilai tinggi, dengan melibatkan masyarakat secara menyeluruh di semua peringkat. Seterusnya objektif kedua ialah menangani jurang kekayaan dan pendapatan, dengan mengatasi jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan etnik, pembangunan wilayah, dan rantai bekalan, untuk mempertahankan dan meningkatkan kemampuan semua rakyat supaya tidak ada yang tertinggal. Objektif terakhir pula ialah Negara Bersatu,

Makmur, dan Bermanuah, dengan menjadikan Malaysia sebagai negara yang bersatu, makmur, dan bermanuah, serta menjadi paksi ekonomi Asia.

Selain itu, dasar perpaduan negara melalui Ekosistem Perpaduan dan Teras Perpaduan Ketiga bertujuan memantapkan dan memperkuat institusi keluarga dan komuniti. Penguatan institusi keluarga sangat penting dalam membentuk sahsiah individu, yang merupakan unit asas pembentukan masyarakat yang maju dan mampan. Selain itu, keterlibatan aktif dalam komuniti perlu diperkuatkan untuk memastikan potensi setiap keluarga dan kesejahteraan keluarga dapat dicapai.

5.3 Rumusan

Secara kesimpulannya para penghuni SHGTM telah banyak memberikan sumbangan pelbagai bidang sehingga mengharumkan nama negara ke peringkat antarabangsa. Peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penjara Malaysia dan KPM dalam memastikan semua penghuni mendapat latihan, pemulihan dan pendidikan yang sewajarnya patut dibanggakan sebagai salah satu khidmat sosial yang memberi impak kepada negara dalam membentuk manusiawi. Kejayaan sumbangan para penghuni bergantung kepada sokongan yang ada, termasuk semua akses kepada pendidikan, peluang pekerjaan, dan masyarakat yang menyokong. Menyediakan persekitaran sokongan untuk individu yang telah menjalani pemulihan adalah kunci untuk memaksimumkan kesan positif mereka terhadap masyarakat sekeliling.

BAB ENAM

KESIMPULAN

6.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dan merumuskan dapatan kajian yang telah diterangkan di dalam Bab 2 hingga Bab 5. Perbincangan di dalam bab ini dibuat berpandukan soalan-soalan kajian yang telah dirangkakan iaitu:

Pertama, bagaimanakah latar belakang sejarah SHG sejak ia ditubuhkan? Kedua, bagaimanakah perkembangan SHG secara kronologi bermula 1950 sehingga 2020? Seterusnya ketiga, bagaimanakah pelaksanaan program Pendidikan Korektif di SHG? Keempat, apakah sumbangan dan pencapaian sekolah ini sejak ia ditubuhkan? Pengkaji telah melaksanakan perbincangan yang mendalam dan terperinci terhadap setiap dapatan kajian berdasarkan persoalan yang telah dirumuskan dalam kajian ini. Setiap bahagian kajian dianalisis dengan menghubungkaitkan hasil yang diperoleh bagi memberikan gambaran yang menyeluruh dan signifikan terhadap isu yang dikaji. Setelah semua dapatan dianalisis dan dirumuskan, pengkaji menekankan kepentingan kajian ini kepada pelbagai pihak, termasuk penggubal dasar, ahli akademik dan masyarakat umum.

6.2 Matlamat Kajian

Seperti yang dibincangkan di dalam Bab 1, matlamat utama kajian ini adalah untuk mengkaji perkembangan SHG, Telok Mas Melaka secara kronologi

bermula 1950-2020. SHG Telok Mas telah menjadi sekolah premier berbanding SHG yang lain kerana ia telah ditubuhkan sejak tahun 1950. Ini berikutan kes jenayah juvana yang semakin meningkat maka keperluan sekolah khas untuk juvana sangat diperlukan untuk memberi pemulihan dan pendidikan. Langkah-langkah pencegahan awal perlu dilakukan untuk mengelakkan masalah juvana ini menjadi barah di dalam masyarakat.

Perubahan yang besar juga banyak berlaku terhadap sekolah ini setelah 70 tahun penubuhannya. Perubahan-perubahan yang berlaku terdiri daripada perubahan fizikal sekolah, dasar-dasar Jabatan Penjara Malaysia, penyelarasan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, program-program, akta yang berkaitan, peranan NGO, sumbangan dan pencapaian cemerlang sekolah sehingga kini. Seterusnya pengkaji telah meneliti Pendidikan Korektif yang telah diperkenalkan pada tahun 2019 dan peranannya untuk membentuk sahsiah pesalah juvana berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Akhir sekali pengkaji telah menganalisis sumbangan dan pencapaian sekolah terhadap negara sejak ia ditubuhkan sehingga tahun 2020.

Berdasarkan sorotan-sorotan literatur yang lepas, adalah didapati bahawa banyak perkembangan dan perubahan yang telah berlaku di SHG, Telok Mas, Melaka sejak Akta Kanak-Kanak 2001 diperkenalkan. Selain itu, peranan besar oleh UNESCO yang memperjuangkan hak kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan melalui “Pendidikan Untuk Semua”. SHG juga termasuk dalam senarai institusi yang menguruskan keciciran murid-murid. Oleh kerana mereka telah berada di

sekolah ini maka kajian telah membuka ruang untuk pengkaji mendapatkan maklumat secara kronologi proses pendidikan yang berlaku. Akta Pendidikan 1996 juga telah memfokuskan kepada pencapaian Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Wawasan 2020. Kejayaan pendidikan di SHG Telok Mas melalui Pendidikan Korektif secara langsung akan membantu pembentukan insan berdasarkan kepada potensi individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

6.3 Perbincangan

Kenakalan yang melampau dalam kalangan remaja sehingga menyebabkan buli kadang-kadang membimbangkan kerana memberi kesan yang serius sehingga ke tahap kecederaan parah, malah sehingga membunuh. Perlakuan dengan niat untuk memberi seseorang berasa sakit hati dan membuat seseorang itu depresi ditakrifkan sebagai buli. Secara ringkasnya ianya boleh dinyatakan sebagai penggunaan pelbagai cara oleh seseorang untuk mendera rakan sepermainan. Ia juga boleh dikatakan sebagai penderaan rakan sebaya (*peer abuse*). Buli melibatkan serangan fizikal dan ancaman, mencuri dan peras ugut, penderaan lisan termasuk mengejek isu perkauman dan gangguan seksual.

Sebenarnya, setiap pembuli mempunyai gaya dan taktik yang berbeza untuk menakutkan 'mangsa' mereka. Apabila berbicara mengenai buli, ramai yang beranggapan aksi seperti menumbuk, menendang, membelasah dan sebagainya. Namun begitu perbuatan buli tidak hanya terhad dengan pergerakan yang melibatkan fizikal sahaja malah para pengkaji mengenal pasti terdapat enam

jenis buli iaitu buli fizikal, lisan, pencerobohan relasi, buli siber, gangguan seksual dan buli prasangka.

Bilangan pembuli semakin meningkat setiap hari sehingga mendapat liputan meluas apabila Kementerian Pendidikan (2017) menyatakan terdapat 27,129 kes buli dari tahun 2008 sehingga bulan Jun 2017 jumlah kes buli dilaporkan. Di Malaysia pernah berlaku satu kejadian buli secara melampau sehingga menyebabkan maut pada tahun 2017 terhadap dua orang remaja lelaki di negara kita, iaitu Zulfarhan Osman Zulkarnain dan T. Nhaveen, Pegawai Kadet Laut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) sehingga mendapat liputan yang sangat luas dari pihak media. Kejadian seterusnya pula pada tahun 2020, bertarikh 8 November, *Utusan Online* melaporkan seorang murid berumur 14 tahun di Johor telah dibuli oleh enam orang pelajar senior. Peristiwa ini telah menyebabkan kecederaan yang serius pada otot dada serta paru-paru sehingga hampir mengalami kebocoran. Kes-kes ini menguatkan lagi fakta bahawa kes buli merupakan kes yang merisaukan masyarakat. Tindakan yang dikenakan ke atas pembuli didapati kurang berkesan malah tiada langsung perasaan takut akibat tindakan mereka. Undang-undang untuk mengurangkan kes buli sedia ada kurang berkesan dalam kalangan pelajar menyebabkan mereka semakin berani bertindak. Kes buli boleh menyebabkan remaja yang terlibat akan didapati bersalah berdasarkan kepada beberapa kes berkait kanun keseksaan yang boleh dijatuhkan hukuman penjara.

Seterusnya di bawah Akta Kanak-Kanak, mereka akan dihantar ke SHG. Ini bermakna semakin banyak kes buli berlaku kepada remaja maka semakin ramai lah remaja akan ditempatkan di SHG. Menurut Noran (2004), kajian mengenai masalah buli masih kurang dilakukan walaupun statistik menunjukkan angka yang membimbangkan terutama dalam kalangan pelajar sekolah. Hampir 95.8 peratus pelajar sekolah menengah dan 82.7 peratus dari sekolah rendah menjadi mangsa buli secara lisan di negara kita. Bagi buli fizikal pula, hampir 65.3 peratus pelajar sekolah menengah dan 56 peratus pelajar sekolah rendah turut terlibat. Menurut penyelidikan teknologi yang dijalankan oleh syarikat Compritech, Malaysia menduduki tangga ke enam dari 28 negara di dunia yang terlibat dengan kes buli siber, dan kedua di Asia.

Jumlah yang besar ini sudah pasti membimbangkan jika tidak dibendung daripada awal seterusnya akan menjadi semakin berrnahan dalam masyarakat sekiranya tiada tindakan diambil untuk mengatasinya. Bermula dengan kes buli secara lisan dan fizikal akhirnya akan menjadi masalah lain seperti pergaduhan akibat dendam sehinggalah kepada kes pukul seterusnya membunuh tanpa sengaja. Akhirnya tanpa kesedaran dan keinsafan mereka yang didapati bersalah akan merengkok ke dalam penjara dan jika pesalah adalah dalam kategori di bawah umur pula akan dihantar ke SHG. Masalah buli merupakan masalah yang serius dan perlu dibincangkan dengan lebih terbuka serta cara menanganinya agar ramai mangsa dapat diselamatkan. Hal ini supaya dalam jangka masa yang panjang bilangan kes pesalah juvana yang akan dihantar ke SHG dapat dikurangkan.

Tidak dapat disangkalkan bahawa remaja yang tidak melalui proses pemulihan Jabatan Penjara Malaysia adalah sepatutnya lebih baik berbanding mereka yang berada di Sekolah Henry Gurney. Modal insan yang datang daripada Pendidikan Korektif, Sekolah Henry Gurney adalah lebih berkesan. Sejarah perkembangan SHG menunjukkan terdapat banyak manfaat yang diperolehi oleh penghuni ketika melalui proses pemulihan berpanduan kepada Pendidikan Korektif. Kelima-lima kluster dalam Pendidikan Korektif telah disusun dengan gabungan pendidikan dan pemulihan yang bersesuaian dengan kehendak dan norma masyarakat. Kluster akademik memberikan peluang kepada penghuni untuk mendapat ilmu melalui KSSM. Data yang diperolehi jelas menunjukkan terdapat kejayaan yang diperolehi dalam bidang akademik sama ada bersifat kecekapan ataupun keberkesanan. Bagi yang telah mencapai kejayaan dalam Sijil Pelajaran Malaysia telah berjaya melanjutkan pelajaran ataupun mendapat pekerjaan yang setimpal. Bagi yang tidak menguasai kemahiran 3M pula telah berjaya menamatkan persekolah dengan kemahiran membaca, menulis dan mengira.

Pendidikan Korektif memastikan setiap penghuni mengikuti sekurang-kurangnya dua subjek teras iaitu Bahasa Melayu dan Sejarah walaupun mereka berada di dalam kluster lain. Kluster Sukan dan Kluster Seni membantu perkembangan bakat penghuni dan ada yang mendapat tawaran kerja hasil daripada kemahiran yang mereka perolehi di Sekolah Henry Gurney nanti.

6.4 Cadangan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, beberapa cadangan dikemukakan oleh pengkaji untuk mengurangkan residivis atau masalah salah laku dan persepsi masyarakat dalam kalangan pesalah juvana di Malaysia. Beberapa cadangan ini adalah dianggap dapat membantu memperkemarkan pengurusan Sekolah Henry Gurney pada masa akan datang. Antaranya adalah seperti berikut:

6.4.1 Peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan atau NonGovernment Organisation (NGO)

Secara amnya penglibatan pertubuhan bukan kerajaan atau *NonGovernment Organisation* (NGO) sangat membantu para banduan muda, banduan serta pesalah juvana untuk bersedia dari segi fizikal dan mental untuk kembali ke pangkuan masyarakat. Pandangan ini dinyatakan melalui Andrew Coyle (2009), iaitu pentadbiran penjara harus berusaha untuk mewujudkan hubungan dengan NGO yang bekerja dengan golongan muda di luar penjara untuk memperluaskan rangkaian program yang tersedia untuk banduan muda, terutamanya dalam aktiviti fizikal, budaya dan sosial. Institusi pemulihan dan pusat koreksional yang ditubuhkan ini kebanyakannya dikendalikan oleh beberapa pihak seperti kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan persendirian, antaranya ialah Raudhatus Sakinah (JIM), Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah (ABIM), Asrama Akhlak (JKMM), Sekolah Harapan Rumah Harapan, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan lain-lain lagi. Terdapat sukarelawan dan pertubuhan sukarela yang sentiasa membantu pesalah juvana ini untuk bersedia kembali ke pangkuan masyarakat. Misalnya Nadi Baru yang membantu banduan

untuk memberi peluang pekerjaan dan Projek Iqra untuk meningkatkan tahap pendidikan dan kebajikan kanak-kanak dan remaja di rumah kebajikan (anak yatim, miskin dan asnaf) serta keluarga yang kurang berkemampuan. Peranan NGO sangat berkesan apabila penghuni atau bekas penghuni berhadapan dengan masalah kewangan, memerlukan pekerjaan atau kemahiran serta menyediakan ruang seluasnya kedua untuk mereka kembali ke pangkuan masyarakat.

6.4.2 Meningkatkan Kesedaran Mengenai Bahaya Jenayah

Penyertaan juvana dalam jenayah dapat dicegah melalui program kaunseling dan pendidikan. Pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu melibatkan agensi seperti PDRM, Jabatan Pendidikan, Jabatan Kesihatan, dan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta NGO dalam mendidik remaja mengenai seks Human Immunodeficiency Virus (HIV) yang membawa kepada Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS), ketagihan dadah dan jenayah akan dilaksanakan melalui program seperti Kempen Keselamatan kanak-Kanak dan Kempen Perlindungan Kanak-Kanak. Program Pembimbing Rakan Sebaya di sekolah diperluaskan untuk memberikan khidmat kaunseling dalam kalangan pelajar yang bermasalah. Program pembudayaan dan kesedaran mengenai pencegahan jenayah akan dilaksanakan melalui media sosial yang menyasarkan golongan berisiko tinggi. Program Kelab Pencegahan Jenayah Sekolah dan Program *CyberSAFE in Schools*, iaitu program kerjasama antara KPM dengan CyberSecurity Malaysia dilaksanakan di sekolah dan institusi pengajian tinggi

untuk memupuk penggunaan Internet dan media sosial secara bertanggungjawab dalam kalangan kanak-kanak dan belia.

6.4.3 Menyediakan Sokongan Sosial kepada Bekas Penghuni

Persediaan kembali kepada masyarakat melalui pemulihan di Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka. Menyediakan atau tidak mengabaikan sokongan sosial mereka sebab itu yang mereka perlukan apabila mereka dibebaskan. Sekiranya keluarga tidak memainkan peranan untuk memberi peluang, keyakinan, kasih sayang serta kepercayaan, bagaimana masyarakat dapat memainkan peranan untuk memberi sokongan. Pihak Jabatan Penjara Malaysia mengharapkan agar ibu bapa mematuhi perintah JPM untuk datang melawat penghuni sekurang-kurangnya sekali setiap bulan.


6.4.4 Sokongan Keluarga

Struktur keluarga dan masyarakat memainkan peranan yang besar terhadap kepada keselamatan banduan muda dan pesalah juvana yang telah dipulihkan. Ini bermakna cara keluarga dan masyarakat berfungsi dapat membantu memastikan mereka yang telah dipulihkan merasa lebih selamat dan stabil dalam kehidupan mereka. Keluarga yang penyayang dan menyokong boleh memberi mereka rasa penerimaan dan kasih sayang, yang penting untuk membina keyakinan diri mereka. Masyarakat yang terbuka dan memberi peluang pekerjaan atau pendidikan boleh membantu mereka mendapatkan kemahiran baru dan pekerjaan yang stabil. Dengan sokongan ini, mereka lebih mudah untuk menjauhi jenayah, rasa kebersamaan dan membina kehidupan yang lebih baik.

Faktor-faktor yang terlibat dalam kes jenayah melibatkan pelajar sekolah termasuk pendidikan yang tidak betul dan kekurangan kasih sayang dari ibu bapa. Pendidikan memainkan peranan penting dalam perkembangan seorang anak kerana semasa kecil, anak tersebut menyerap segala-galanya di sekelilingnya dan mudah dipengaruhi oleh kata-kata orang lain kerana pemikirannya masih belum matang. Peranan ibu bapa juga sangat penting dalam mengawasi aktiviti anak-anak mereka. Jangan sekali-kali memberikan kebebasan sepenuhnya kepada anak-anak atau membiarkan mereka membuat keputusan tanpa pengawasan.

6.4.5 Menyediakan Pelapis dalam Kalangan Penghuni Menjadi Guru di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti.

Penghuni yang cemerlang dalam pencapaian akademik boleh dilatih untuk menjadi Guru di sekolah Henry Gurney pada masa akan datang. Mereka seharusnya diberi peluang untuk ke Institut Perguruan Malaysia (IPGM) atau Universiti dengan tajaan penuh oleh KPM. Bekas penghuni sukar untuk memohon kerana dalam perkara 2.4 secara jelas menjadi salah satu penyebab permohonan mereka ditolak.



Rajah 6.1. Syarat permohonan ke Institut Perguruan Malaysia.

Rajah 6.1 menunjukkan syarat untuk memohon ke Institut Perguruan Guru Malaysia (IPGM). Syarat tersebut menyatakan dalam perkara 2 bahawa calon yang tidak layak memohon terdiri daripada

2.1 pemohon yang sedang mengikuti Ijazah Sarjana Muda,

2.2 pemohon sedang dikenakan tatatertib,

2.3 pernah gagal di IPGM sebelum ini dan

2.4 pemohon yang pernah atau sedang disabitkan dengan kesalahan penyalahgunaan dadah, jenayah atau tindakan mahkamah.

Terdapat kekeliruan syarat seperti yang termaktub di dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan perkara

“ix. Membuat persediaan mengambil guru pelatih dalam kalangan bekas murid Sekolah Henry Gurney untuk ditempatkan di SHG sebagai guru selepas tamat pengajian.”

Diharapkan cadangan dan pelaksanaan dilakukan dikaji semula agar tiada percanggahan dan kerugian sumber yang penting dalam alangan penghuni pada masa hadapan.

6.4.6 Sistem Pendigitalan Pengajaran dan Pembelajaran

Pengkaji mencadangkan agar Pendidikan korektif yang dilaksanakan di Sekolah Henry Gurney ditingkatkan kepada sistem pendigitalan sepenuhnya memandangkan pengajaran dan pembelajaran secara digital turut dilaksanakan secara meluas di sekolah arus perdana. Para penghuni turut dapat mengakses maklumat terkini berkaitan pelajaran dan isu semasa dibawah pemantauan guru yang bertugas. Tempoh yang lama berada di sekolah dalam penjara mungkin akan menyebabkan mereka ketinggalan apabila dibebaskan nanti. Mereka perlu diberi pendedahan yang sewajarnya agar dapat bersaing apabila kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat.

6.4.7 Kajian Baharu untuk Menurunkan Umur Minimum Pesalah Juvana

Pengkaji seterusnya mencadangkan agar satu kajian yang menyeluruh terhadap cadangan meminimumkan umur pesalah juvana di SHG daripada 14-21 tahun kepada 13 – 18 tahun. Ini berikutan jenayah yang dilakukan oleh remaja 13-14 tahun semakin membimbangkan dan seringkali digunakan oleh penjenayah dewasa kerana mereka tidak boleh didakwa. Sebagai contoh pada bulan November 2023, terdapat kes remaja lelaki berumur 13 tahun cuba menyamun pemandu Grab dengan mengacukan pisau kepadanya dan berani bertindak sendirian. Peristiwa ini sudah tentu membimbangkan masyarakat jika tidak

mengambil tindakan tertentu. Cadangan juga berikutan pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun daripada 21 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik dikuat kuasakan pada 15 Disember 2021. Selain itu ia turut menjimatkan kos kerajaan kerana dapat mengurangkan kesesakan dalam SHG untuk jangka masa yang panjang.

6.4.8 Semua Pesalah Muda Dihantar ke Sekolah Henry Gurney

Kajian seterusnya yang dicadangkan ialah semua banduan muda yang layak di hantar ke Sekolah Henry Gurney agar mereka terlepas daripada menjadi banduan apabila dibebaskan kelak. Penghuni Sekolah Henry Gurney bukan beban tetapi aset negara pada masa hadapan. Peluang yang disediakan untuk pemulihan dan pendidikan di Sekolah Henry Gurney adalah yang terbaik untuk melahirkan masyarakat yang berpotensi sebagai aset negara pada masa hadapan. Kejayaan demi kejayaan terbukti bahawa Jabatan Penjara Malaysia dengan Kerjasama Kementerian Pendidikan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat mampu berpadu tenaga untuk menjayakan hasrat ini. Mahkamah sepatutnya memilih untuk menghantar pesalah muda ke Sekolah Henry Gurney berbanding ke penjara untuk memberikan pemulihan yang lebih positif.

Sepertimana yang telah dibincangkan, tempoh seseorang penghuni yang ditempatkan di Sekolah Henry Gurney adalah di antara satu hingga tiga tahun atau mencapai umur 21 tahun. Ini bermakna remaja yang diberikan pemulihan dan pendidikan melalui Pendidikan Korektif akan melalui proses dari awal sehinggalah mereka menjadi Penghuni Kerja Luar (PKL). Setelah itu, mereka

juga akan berada dalam *After Care Community* sehingga tiga tahun. Menurut Dr Kausalya Devi, Timbalan Komisioner, Bahagian Dasar Kepingjaraan, bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh merealisasikan cadangan ini.

“Saya rasa Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh mainkan peranan penting. Berdasarkan kepada kesalahan yang dilakukan kanak-kanak 14 hingga 18 tahun, pegawai kebajikan perlu membuat laporan akhlak. Bergantung kepada laporan akhlak tersebutlah akan menentukan sama ada dia dihantar ke penjara ataupun ke SHG. Laporan Akhlak itu sangat penting bagi saya. Sebenarnya saya kata kenapa you nak hantar pesalah muda itu ke penjara? Hancur masa depan dia, tak hantar dia ke SHG? Pastikan mereka ini dihantar ke SHG supaya hidup dia tu lebih teratur, lebih tersusun. Program ini lebih fokus untuk menjadikan dia manusia untuk kembali dengan masyarakat.”

Beliau juga menekankan bahawa para pesalah muda yang dihantar ke SHG tidak akan memiliki rekod pendaftaran jenayah selama hayatnya berbanding mereka yang dihantar ke penjara.

“jadi rekod pendaftaran penjenayah selama hayat dia padahal kes-kes yang dilakukan sama sahaja tidak kira oleh penghuni atau banduan muda. Laporan akhlak tu memainkan peranan yang sangat penting terutama Pegawai Kebajikan yang menjalankan tugas. Mereka sepatutnya menjadi pembela kepada pesalah muda di Mahkamah.”

Sebagai manusia biasa menurut Dr Kausalya lagi,

“Dengan keadaan dendam dan emosional kita selalu lihat pelbagai kes. Kita gagal untuk lihat apa yang memotivasikan dia untuk melibatkan diri dalam kes macam tu. So sebagai Pegawai Akhlak saya nampak ke perlu siapa yang jadi yang buat arahan tu dari pegawai akhlak ya. Sebenarnya dia berperanan sebagai input kepada Mahkamah Majistret sebelum menjatuhkan hukuman. Sepatutnya dia kata walaupun Si A ini telah

melakukan kesalahan begini, tetapi kalau kita lihat latar belakang family, mak dan ayahnya terpisah.”

Dr Kausalya Devi a/p Sathoo (Timb Komisioner Penjara, JPM)

Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa peranan ‘pegawai akhlak’ daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sangat penting untuk menentukan hala tuju penghuni ke Penjara atau ke Sekolah Henry Gurney. Sekiranya mereka diberi peluang kedua yang lebih baik, para penghuni mempunyai masa depan yang cerah untuk bekerja, menyambung pelajaran, berkeluarga seterusnya menjadi warga Malaysia yang bermaruah.

6.5 Rumusan

Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa Sejarah Sekolah Henry Gurney Telok Mas Melaka dan Perkembangannya, 1950-2020 amat penting untuk hala tuju penghuni muda. Menerusi kajian ini menunjukkan bahawa jenayah buli adalah masalah yang serius, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Justeru pelbagai langkah perlu diperkenalkan dan dikaji agar kes buli dalam kalangan remaja dapat diatasi. Remaja hari ini menjadi harapan bangsa dan pewaris kepada generasi masa hadapan. Sekiranya remaja cemerlang pada masa sekarang, maka negara juga akan mewarisi kemajuan dan kecemerlangan. Sesebuah negara akan menjadi pincang dan kemajuan anak bangsa akan terbantut sekiranya remaja hari ini memiliki akhlak yang rosak dan cetek ilmu pengetahuan.

Kajian ini memberikan maklumat yang penting mengenai sejarah perkembangan Sekolah Henry Gurney dan sumbangannya dalam memulihkan penghuni serta mengurangkan kadar pengulangan jenayah. Selain itu, kajian juga mengemukakan Program Pendidikan Korektif sebagai satu dasar yang bertepatan dengan keperluan pemulihan penghuni dengan lebih efektif.

Untuk menangani masalah pengulangan jenayah remaja, langkah-langkah perlu diambil oleh pelbagai pihak. Antaranya, masyarakat perlu lebih peka dan melaporkan kes buli yang berlaku. Penggubalan undang-undang, *Standard of Procedure* (SOP), dan modul untuk menangani jenayah buli juga amat penting. Pihak Jabatan Penjara Malaysia juga perlu mengkaji dan mengenal pasti penghuni yang mungkin mengalami penderaan seksual semasa kanak-kanak untuk menyediakan program yang lebih khusus dalam mengurangkan risiko pengulangan jenayah.

Selain itu, hasil kajian ini memberi implikasi praktikal yang penting terutamanya kepada mahkamah juvana, pegawai parol, pekerja sosial, dan ibu bapa penjenayah remaja. Perubahan dalam sistem keadilan remaja perlu dilakukan dengan mengambil kira faktor-faktor risiko yang ditemui dalam kajian ini. Inisiatif untuk menyediakan perkhidmatan yang berdasarkan keperluan individu remaja juga perlu diberi penekanan. Kesimpulannya, untuk membentuk remaja yang cemerlang dan membawa kemajuan kepada negara, tindakan dan penyelidikan yang lebih mendalam perlu dijalankan. Semua pihak perlu berperanan secara aktif dalam membendung masalah jenayah buli dan pengulangan jenayah remaja

bagi memastikan masa depan yang lebih cerah buat generasi akan datang serta kemajuan negara secara keseluruhannya.



RUJUKAN

Sumber Primer

a. Tidak diterbitkan

2013/0004912, *1936-Straits Settlement Annual Report on Prison* by Eric. S. Lilley, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

2010/0007345, Penerangan Tentang Akta Kanak-Kanak 2001. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

2010/0009218, Akta Kanak-Kanak 2001: Melindungi Kanak-Kanak Malaysia. Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.

1981/0006578, Report on Advanced Approved School Telok Mas. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.

1981/0006518, Removal of Detainees (Emergency Regulations). Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.

1981/000863, Henry Gurney School. Telok Mas. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur

1957/0475691, Approved Schools for purposes of Juvenile Courts Ordinance No. 38 of 1947. Arkib Negara Malaysia

1957/0457002-0, Straits Settlements Annual Report on Prison, 1936. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Bahagian Peperiksaan Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka. Analisis Success Story, 2019.

BAPEM, Data Pengurusan Bahagian Agama Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka, 2018

Buku Dasar Sekolah, Sektor Pendidikan, Jabatan Penjara Malaysia, 2019.

Buku Panduan Pengurusan Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney, Seksyen Pemulihan dan Pendidikan, Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia, 2019.

Buku Program Karnival Pendidikan Korektif, Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney, Jabatan Penjara Malaysia, 2023

Carta Organisasi Perjawatan Pegawai Pendidikan di Jabatan Penjara Malaysia, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM.

Data Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, Telok Mas Melaka, 2023.

Kertas Kerja Cadangan Penubuhan Sekolah Integriti Berpusat (Institut Pendidikan Penjara), Jabatan Penjara Malaysia, 2017.

Laporan Lawatan SUHAKAM, 2014.

Laporan Projek Henry 2017-2019, Jabatan Penjara Malaysia.

Laporan SPM 2008-2021, SHG Telok Mas, Melaka.

Laporan Tahunan 2017, Sektor Pendidikan, Seksyen Pemulihan dan Pendidikan, 2017.

Minit Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak Bil 2/2019.

Minit Mesyuarat Pelaksanaan Pendidikan Sekolah Integriti dan Unit Akademik Sekolah Henry Gurney Bil. 1/2019.

World School Project: UNICEF Digital Learning Platform for Children in Detention Project Team Composition, UNICEF Malaysia: Azlina Kamal KPM: Dr Wagheeh Shukry Hassan Implementation Partner: Unoya Sdn Bhd Project, December 2021.

b. Diterbitkan

Akta Penjara 1995 (Akta 537).

Akta Pendidikan Malaysia 1996. Akta 550 dan Peraturan-peraturan terpilih.

Akta Kanak-Kanak 2001, Cetakan semula Akta 611, Pesuruhjaya Penyemak Undang- Undang Malaysia, Percetakan Nasional Malaysia 2004.

Akta Kanak-Kanak Pindaan 2016.

Annual report Federation of Malaya, 1950-1957.

Annual report on the Malayan Union for the Year 1946.

Falsafah Pendidikan Negara, 1996.

Kaedah-Kaedah Sekolah Henry Gurney.

Malaysia.Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Kuala Lumpur, 2019.

Muzium Penjara. *Jabatan Penjara Malaysia, Sejarah Penubuhan Sekolah Henry Gurney*. Melaka: Penerbitan Muzium Penjara Malaysia, 2014.

Peraturan Sekolah Henry Gurney. (L.N.616 of 1949)

Peraturan-Peraturan Penjara, 2000. Akta Penjara 1995: Warta Kerajaan Jil 44(18): Nombor Makluman 2382.

UNESCO. World Education Forum. *Education for All Global Monitoring Report*. Dakar Senegal. 2000.

United Nation Standard Minimum Rules of The Treatment of Prisoners (UNSMR), 1977.

Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Parlimen Malaysia. (2016) Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga Belas, Penggal Keempat. Mesyuarat Pertama. Bil. 19.

Pamphlet Pejabat Rekod SHG, Telok Mas Melaka.

Pamphlet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang, Selangor.

Sumber Sekunder

a. Buku

Abd Rahman Ahmad (2016). *Pembangunan Modal insan: Apa dan Kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi di Malaysia*. Kedah: Human Resources Academy.

Abdul Samad Idris. (1983). *Askar Melayu 50 Tahun*, Pustaka Budiman Sdn. Bhd.

Abdullah bin Abdul Kadir. (1963). *Hikayat Abdullah*, Pustaka Antara, Singapura: Pustaka Antara.

Alwi Abdul Rahman. (1999). *Jenayah Kanak-Kanak menurut Undang-Undang Islam*. DBP.

Amaludin Ab. Rahman & Noralina Omar. (2008). *Kaunseling Remaja, Tips dan Panduan Ke arah Satu Keluarga satu Kaunselor*: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Aminah binti Hj Noh. (1998). *Persoalan Remaja Masa Kini*, Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur.
- Anwar Ibrahim (2023). *Membangun Negara Madani, Visi dan Kerangka dasar Reformasi*, Institut Darul Ehsan, Shah Alam.
- Arieff Salleh Rosman & Wardah Mokhtar. (2006). *Membentuk Jati Diri Remaja*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Peter Voo, Ismail Maakip & Mohd Dahlan A. Malek. (2021). *Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan*: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Babbie, E. (2004). *The practice of social research (10th ed)*: Thomson Learning, Inc
- Chow Fook Meng & Jaizah Mahmud. (2011). *Kajian tindakan konsep dan amalan dalam pengajaran*: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Coyle, A. (2009). *A Human Rights Approach to Prison Management*, Handbook for prison staff, Sec Edition: International Centre for Prison Studies, London.
- Creswell, J.W., & Creswell, J.D. (2018). *Research design qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (5th ed.)*: Sage.
- Douvan, E. & Gold, M. (1996). *Model Patterns in American Adolescence*. In L. M. Hoffmann (Ed.) *Review of Child Development Research (Vol.2)*. New York: Russell Sage Foundation.
- Elkind, D. (1967). Egocentrism in Adolescence. *Child Development*, 38, 1025-1034. doi: 10.2307/1127100
- Fatimah, S., & Lim, C. S. (2010). Analisis data kualitatif. In Noraini Idris (Ed.), *Penyelidikan dalam pendidikan* (pp. 488-506): McGraw Hill Education.
- Fellows, R.F. & Liu, A (2003). *Research Methods for Construction*. Wiley.
- Fuziah Shaffie. (2018). *Isu Berkaitan Kebajikan Sosial Kanak-kanak Zaman Kolonial: Pengurusan & Amalan Kerja Sosial*, Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2021). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan (3rd ed.)*: Penerbit Universiti Malaya.
- Gilbert J.Garraghan. (1946). *A Guide to Historical Method*, Fordham: University Press.
- Hajah Noresh Hj Baharom. (2007). *Kamus Dewan ed. 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Jabatan Penjara Malaysia. 2009. *Pekeliling Sektor Pendidikan Jabatan Penjara Malaysia. Dasar Objektif dan Halatuju Pendidikan Di Jabatan Penjara Malaysia*.
- Jabatan Penjara Malaysia. (2014). *Program Pembangunan Insan*, Bandar Baru Bangi: United Mind.
- Kamarul Syahril Kamal & Lilawati Ab Wahab. (2014). *Bangunan Bersejarah, Kerosakan dan Pernyataan Kaedah Kerja Pemulihan*, Kuala Lumpur: Solid Press Sdn.Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*, Kuala Lumpur: E-3. Giga Wise Network Sdn Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dasar Pendidikan Kebangsaan (4th Ed)*, Kuala Lumpur: Firdaus Press Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2007). *Memartabatkan Kecemerlangan Pendidikan Negara*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- King, R. &, Elderbroom, B. (2014). *Improving recidivism as a performance measure*: Urban Institute
- Lochner, L. (1999, Oktober). Education, Work, and Crime: Theory and Evidence. University of Rochester. Received from http://rcer.econ.rochester.edu/RCERPAPERS/rcer_465.pdf hlm.1
- Marohaini Yusoff. (2001). *Pengkajian Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Marvin E. Wolfgang, Leornard Savitz & Norman Johnston (ed). (1970). *The Sociology Of Crimes and Delinquency*: John Wiley & Sons, Inc., New York.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*: McGraw Hill Education.
- Olivia, P.F. (1997). *Developing the Curriculum*. 4th ed: Addison Wesley Longman, Inc.
- Othman, L., (2018). *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada Teori dan Metode*: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Paul W, Tappan. (1949). *Juvenile Delinquency* :Mc. Graw-Hill Book Com., Inc., New York.

Pendidikan Malaysia. (2007). *Memartabatkan Kecemerlangan Pendidikan Negara*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn.Bhd.

Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat (1970). Kementerian Kebajikan Am Malaysia, Kuala Lumpur, Solai Press.

Piaget, J. (1972). *Intellectual Evolution from Adolescence to Adulthood: Human Development*.

Rancangan Malaysia Kesebelas, Kertas Strategi 7: Mewujudkan Persekitaran Hidup Lebih Selamat dan Terjamin 7-14.

Rasid Muhamad, Mohd Yadman & S. Salahudin Suyurno, "Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia," dalam Pengurusan Islam Teory dan Praktis. Selangor: Universiti Teknologi Mara (UPENA), 2010.

Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial, Pendekatan Pragmatik*: Selangor Edusystem.

Sims, B., & Preston, P. (Eds.). (2006). *Handbook of Juvenile Justice: Theory and Practice* (1st ed.), Routledge. <https://doi.org/10.1201/b13627>.

Study Report Impact study of inmate rehabilitation programme the Malaysian Prison Department prepared by Research group faculty of human ecology University Putra Malaysia. (2006): Universiti Putra Malaysia.

Taylor, SJ dan R Bogdan. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings, Second Edition*: John Wiley and Sons.

Victor Purcell. (1976). *The Chinese in Malaya*, Kuala Lumpur, Oxford University Press.

Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad. (2004). Panduan Mengurus Remaja Moden, Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

b. Majalah

Ahmad Abu Hassan, 'Wajarkah Undang-Undang Juvana Dikaji Semula?' *Dewan Masyarakat*, Disember 1997. hlm. 50-52.

c. Jurnal

- A. Malek, Mohd Ahsani & Mohamas Zabidi, Mohamad Irfan (2022) *Penyisihan pekerjaan dan kesejahteraan psikologi penghuni penjara*. In: *Penyisihan Sosial Kumpulan Marginal*. UUM Press. UUM, hlm. 128-149.
- Abdul Raof, A., Hasan, H., & Anuar, A. (2023). Faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan tingkah laku Banduan Muda di Penjara: Dari persepsi Penjawat Awam JUSA C. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 54–62. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp2.5.2023>
- Abdul Raof, A., Hasan, H., & Anuar, A. (2024). Sejarah penubuhan Sekolah Integriti, Jabatan Penjara Malaysia. *Malaysia Correctional Journal*. Vol 7:10 5-129.
- Abdul Raof, A., Hasan, H., & Saidon, M. K. (2024). Recidivism and Corrective Education from the Perspective of the Malaysian Prison Department Institution. *Jurnal Bahagian Pembangunan Kurikulum*. Vol 9: 479-502.
- Abdul Raof, A., Hasan, H., & Saidon, M. K. (2024). The history of education development at Henry Gurney School, Malaysian Prison Department. *Pakistan Journal of Life and Social Sciences*.22 (2):257-268.
- Ahmad al-Husari, *al-Qisas, al-Dayat, al-Isiyan al-Musallih fi al-Fiqh al-Islami*, Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, al-Azhar, Kaherah, 393H/1973, hlm. 11.
- Alias Mat Saad, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff & Ruhizan Mohammad Yassin. (2011). Kajian Kerelevenan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dengan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia Politeknik Port Dickson, Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Ajtlhe Vol. 3, No.2, 60-70.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan ‘Ali bin Muhammad bin Habib al-Basri al-Baghdadi, 1386H/1966, *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyah*. Edisi ke-2. Kaherah: Mustafa al-Halabi. hlm. 219.
- Anita Abdul Rahim & Tengku Noor Azira Tengku Zainudin. (2014). Kesalahan Mengedar Dadah oleh Kanak-kanak dan Hukumannya di Malaysia. *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*, 27-33 hlm. 30.
- Ariffin, M. T., & Zailani @ Ahmad, S. (2021). Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pesalah Juvana di Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, Telok Mas, Melaka. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(1), 36-52. <https://doi.org/10.37231/jimk.2021.22.1.537>
- Azam, A., Shariff, M., & Yahya, M. A. (2021). *Buli di Malaysia : Permasalahan dan Penyelesaiannya dari Perspektif Syariah (Bullying in Malaysia : Its Problem*

and Solutions from Syariah Perspective). February 2022.
<https://doi.org/10.17576/juum-2021-29-01>

- Castillo, R., Sessions, W.K.I., Steer, J. R., Hinojosa, R.H., Horowitz, M. E., O'Neill, M. E., Relilly, E. F.J., & Rhodes, D. J. (2004). *Recidivism and the first offender, A component of the fifteen year report on the U.S sentencing commission's legislative mandate.* (Issue May).
- Darussalam Budin. (2014) Pendidikan Juvana di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Hala Tuju, Pelaksanaan dan Cabaran. *Jurnal Hadhari* 6 (1), 87-104.
- Dele Joseph Tenibiaje. (2013). International Review of Social Sciences and Humanities Vol. 5, No. 1, pp. 30-37 www.irssh.com ISSN 2248-9010 (Online), ISSN 2250- 0715 (Print) Educational Attainment and Peer Group Influence as Predictors of Recidivism, hlm. 31.
- Ela Zain Zakiah, Sahadi Humaedi & Meilanny Budiarti Santosos.(2017). Faktor yang Mempengaruhi Remaja dalam melakukan Bullying. *Jurnal Penelitian & PPM*, 129-389.
- Ezza Rafedziawati Kamal Rafedzi, Abrizah Abdullah & Nur Khairunnisha Zainal. (2013). An Ethnographic Study of Male Juvenile Delinquents' Information Behavior in Malaysia: A Work in Progress. *Jurnal Informika*, (2), 55-68.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2020). Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities* 17(9),18-24.
- Hasnizam Hashim, Norman Zakiyy Chow Jen-T'chiang & Ramalinggam Rajamanickam. (2018). Program Pemulihan di dalam Penjara bagi Pesalah Jenayah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia. Isu Khas. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, (05), 72-85.
- Ibn al-Humam, Kamal al-Din Muhammad bin 'Abd al-Wahid al- 1389H/1970. *Sharh al-Fath al-Qadir*. Jil 5 hlm 356. Kaherah: Mustafa al-Halabi.
- Ibrahim Samad, Jamludin Mustafa & Kamal Ab. Hamid.(2017). "Faktor-faktor yang mempengaruhi Residivisme Banduan di Penjara Taiping," *Malaysia Correctional Journal*, Jil. 1, No.3.
- Imam Supaat, Dina. (2018). Ulasan Perundangan: Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016: Peningkatan Penalti. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, [S.I.], v. 30, n. 2, p. 424-442, ISSN 2682-8057. Available at: <<https://jurnal.dbp.my/index.php/Kanun/article/view/6339>>. Tarikh diakses 14 Jan 2024.

- Intan Nooraini, Taufik Mohammad, & Azlinda Azman. (2021). "Sistem Keadilan Juvana di Malaysia: Empat Prospek Penambahbaikan Kajian Malaysia" *Journal of Malaysia Studies*, hlm. 1-40.
- Irwin, T. (2003). Prison Education in Northern Ireland: Learning from our Paramilitary past. *The Howard Journal* 42(5). 471-484.
- Jal Zabidi Mohd Yusoff & Zulazhar Tahir. (2005). Akta Kanak-Kanak 2001: Penguatkuasaan Semula Tugas dan Tanggungjawab Ibu Bapa Atau Penjaga? *Jurnal Undang-Undang*. 129-151.
- Jorah Ramlan, Halimahton Borhan, Fauziah Ramly & Geetha Subramaniam. (2021). "Young offenders and labour force nexus in Malaysia's economic growth," *Malaysia Correctional Journal*, Jil 5, No.1.
- Lempert, Lora Bex, Suzanne Bergeron, and Maureen Linker. (2005). "Negotiating the Politics of Space: Teaching Women's Studies in a Women's Prison." *NWSA Journal*, Jil 17, No. 2, 199-207. muse.jhu.edu/article/184737.
- Magee, G. A. (2021). Education reduces recidivism. *Technium Social Sciences Journal* 16, 2021, 175–182. <https://doi.org/10.47577/tssj.v16i1.2668>.
- Michelle S. Phelps (2011). Rehabilitation in punitive era: The gap between rhetoric and reality in US prison programs. *Journal Law & Society Review*, Jil. 45, hlm. 33-22.
- Mimi Kamariah Majid. (2001). Akta Kanak-Kanak 2001: *Satu Pendekatan Undang-Undang untuk Menangani Masalah Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia*. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Undang-undang dan Kerja Sosial. Universiti Utara Malaysia.
- Mior Khairul Azrin Mior Jamaludin. (2011). *Sistem Pendidikan Di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional*. *Jurnal Sosiohumanika* 4(1):33-47.
- Mohamad Naquiuddin Dahamat Azam, Mariani Mansor & Siti Nor Yaacob, (2012). Kecerdasan Spiritual dalam Cara Gaya Pemimpin Remaja Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. (7),10-22.
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Noralina Omar, & Norruzeyati Che Mohd Nasir. (2021). *Memahami Residivisme: Tinjauan Asas Teori-teori Utama Tingkahlaku Jenayah Theories of Criminal Behaviour*). 44–66. https://www.researchgate.net/publication/355034722_Memahami_Residivisme_Tinjauan_Asas_Teori-teori_Utama_Tingkahlaku_Jenayah_Understanding_Recidivism_A_Basic_Review_on_the_Main_Theories_of_Criminal_Behaviour

- Mohd Alif, Siti Hajar, Noralina & Norruzeyati.(2021).“Memahami Residivisme: Tinjauan Asas Teori-teori Utama Tingkah Laku Jenayah,” *The Malaysian Journal of Social Administration*, Jilid 15.
- Mohd Nuri Mustafa. (2016). Fenomena Delinkuen dalam Kalangan Remaja yang Berisiko di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Luar Bandar Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan* 25(2).
- Mohd Samsudin & Shahrudin Shahizan. (2016). ‘Pendidikan dan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah di Malaysia,’ *Jebat: Malaysian Journal History, Politics & Strategy*, Jil. 39, No. 2, hlm. 116-141.
- Mohd Samsudin. (2017). “Sejarah penubuhan penjara pertama Malaysia di Pulau Pinang,” *Malaysia Correctional Journal*, Jil 1, No.2. hlm. 33.
- Mohd Yusof Othman, Jawiah Dakir, Abd. Latif Samian, Mohd. Safar Hasim, Noor Aziah Mohd Awal, and Shamsul Azhar Yahya, Rosilawati Mohd. Hanapi, Noralina Omar & Mujahid Abu Bakar. (2012). Jati diri kebangsaan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Hadhari, Special*. hlm. 67-78.
- Moore, C. A. (2017). Learning Behind Bars : the Experiences of Undergraduate Students in a South African Prison. *Journal of Social Sciences and Humanities E-Bangi*, 2(2), 1–11.
- Muhammad Razmee Abdul Razak. (2017). “The Juvenile Justice System in Malaysia,” *UNAFEI Annual Report*, Jil.101. 124-128.
- Nazirah Hassan & Muhammad Amirul Aidil Rosly. (2021). Vocational Education and Training for Young Offenders in Juvenile Approved Schools. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(1), 642-650.
- Noor Aziah Mohd Awal, Mohd Al Adid Samuri, Fariza Md Sham & Nurul ‘Ízzah Zainol. (2021). Hak Kanak-kanak dalam institusi tahanan menurut instrumen Antarabangsa dan Perundangan Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*. Vol. 12, Bil 2: 283-305.
- Noor Hafizah, M. H., Maizan, M., Norsaleha, M. S., & Ahmad Munawar, I. (2017). Pembangunan Modal Insan Kepentingannya Dalam Program Pemulihan Remaja Bermasalah. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)*, 3, 214–226. www.intanbk.intan.my/iportal/index.php/ms/rmk11
- Nursyahidah Ibrahim, Nurul Husna Mansor & Yusmini Md Yusoff. (2020). Bentuk-bentuk Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur; *Jurnal Usuluddin* Jil.48, No. 2. hlm. 1-23.

- Nurul Husna Mansor & Khairul Hamimah Mohamad Jodi. (2020). Program Pemulihan Akhlak Remaja Bermasalah: Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih Di Pusat Perlindungan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* Vol. 7, Bil 2. offenders and labour force nexus in Malaysia's economic growth," *Malaysia Correctional Journal*, Jil 5, No.1, 2021, hlm 2.
- Sa'adi Awang, Siti Arni Basir & Hassan Al-Banna Mohamed. (2019). Cabaran dalam pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan (PMI) di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *Jurnal Hadhari*, 11(1), 87-105. ISSN 1985-6830.
- Samsudin, M., Shahrudin, Shahizan., (2012), *Pendidikan dan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah di Malaysia*, *Jebat: Malaysian Journal History, Politics & Strategy*, 39 (2), 116-141.
- Sarirah Che Ros. (2011). Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah Kanak-Kanak di Mahkamah Tinggi, *Journal Voice of Academia*, 6(2), 109-124.
- Siti Balqis Mohd Azam, Siti Hajar Abu Bakar, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Siti Hajar Abdul Rauf. (2021). A case study on academic and vocational training for child offenders undergoing a multisystemic therapy-based rehabilitation order in Malaysia, *Children and Youth Services Review*, Volume 122. 105911.
- Siti Hendon Sheikh Abdullah, Faizah Md Ghazali & Khir Johari Mohd Ali. (2017). Modul Pengajaran dan Pembelajaran Tematik untuk Menangani Masalah Pembelajaran Murid-Murid Tercicir di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Volume 5, No. 1.
- Siti Alwaliyah Mansor & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. (2019). Penjara Pulau Pinang: Isu-isu dalam Perkembangan Pendidikan Penjara, 1941-1957, *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 5(14), 93-112.
- Stevens, D. J., & Ward, C.S. (1997). College Education and Recidivism: Educating Criminal Is Meritorious. *Journal of Correctional Education*, Jil. 48, No. 3, hlm. 106-111.
- Suhid, A., Ahmad, A. M., Sabri, S. M., & Mohamad, A. E. (2015). Pendidikan untuk Semua: Amalannya dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Training*, 1(2), 1-7. Retrieved from <http://www.injet.upm.edu.my> *Syariah Perspective*). February 2022. <https://doi.org/10.17576/juum-2021-29-01>
- Teh Guan Bee. (2002). "Institutional treatment management of organisations for juvenile of offenders in Malaysia," *UNAFEI Annual Report*, Jil. 59: 203-219.

Ya'cob @ Jusoh, M. R. (2010). Pasukan Home Guard Persekutuan Tanah Melayu Semasa Darurat, 1948-1960. *Sejarah*, 18(18), 35-54. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol18no18.3> hlm. 37

Yohanes Berkhmas Mulyadi. (2017). Hubungan Persepsi Keharmonian Keluarga dan Self Esteem dengan Kenakalan Remaja. *Jurnal PEKAN* 2(1).

Yustisi Maharani Syahadat.(2019) Perilaku Khas Kenakalan Remaja (Juvenile Deliquency) Pada Siswa Sekolah Menengah Atas. *Jurnal Kesihatan Mercusuar*, 2(2).

Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Harishon Radzi & Mohd Shabri Yusof. (2011). Pemeraksanaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapan Kata Asing. *Jurnal Melayu*, Jil. 6. hlm. 13-27.

Zainuddin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka; *Journal of Education Psychology & Counseling*, (1), 115-140.

c. Akbar

Sinar Harian, 18 April 2018.

Berita Harian, 18 Mac 2018.

Utusan Malaysia, 23 Januari 2004.

The New Straits Time, 1 April, 1950-30 April, 1950

d. Kertas Persidangan

Azizi Yahaya, Yow Kiaw Geok & Amir Hamzah Abdul, *Keberkesanan Program Pemulihan Akhlak di SHG dan Sekolah Tunas Bakti*, In: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (Sivic 2004), Hotel City Bayview Langkawi, 4-6 September 2004.

Azura Abdul Raof. *Sejarah Perkembangan SHG 1948-1950*. Seminar Bahteradaya 2022: Naradata Bahasa, Sastera dan Budaya II Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya, Universiti Utara Malaysia. 26 Mei 2022.

Azura Abdul Raof, (2024). Keberkesanan Kluster Sukan Berprestasi Tinggi Dalam Pendidikan Korektif di Sekolah Henry Gurney, Jabatan Penjara

Malaysia. E-Proceeding (Abstract) *The International Conference of Sports, Recreation & Education 2024 (ICoSRE2024)*. 1(45).

Ghaziah, M.G. & Nabilah, A. (2004). Learning from children: *Issues, strategies and problems in conducting qualitative research among young subjects in Malaysia*. Paper presented during Qualitative Research Association of Malaysia Convention, Universiti Malaya.

TKPj Jamaludin Saad, Pengarah Bahagian Pengurusan Banduan Jabatan Penjara Malaysia, Pemulihan Pesalah Syarie Jabatan Penjara Malaysia. Temu bual, Persidangan Meja Bulat Kali Kedua anjuran Kumpulan Pengkajian FRGS/2/2013/SSI 10/UKM/02/8 bertempat di Hotel Puri Pujangga UKM pada 30 April 2015.

Malek Bennabi. (1985). Syurat al-Nahdah, terj. 'Abd Sobur Syahin. Damsyiq: Dar al-Fikr, dalam Rosli, M. A. B., Ajmain@Jima'ain, M. T., Abdul Majid, S. F. B., & Zulkifly, M. N. I. B., December). Pengaruh Hassan Al Banna dalam pembentukan jati diri Muslim. *In Proceedings of the Sixth International Social Sciences Postgraduates Conference (6th ISPC 2019)*. School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 2019 t.h.

Mohd Bin Samsudin, Kertas Kerja: Sejarah Penjara Moden Di Malaysia. *Seminar Sejarah Penubuhan Penjara di Malaysia* pada 16 Oktober 2014 bertempat di Bilik Persidangan Fakulti Sains dan Teknologi, UKM, anjuran Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Pusat Sejarah, Politik dan Strategi Fakulti, Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.

Muhammad Hisham Mohamad, 2005, dalam Rosli, M. A. B., Ajmain@Jima'ain, M. T., Abdul Majid, S. F. B., & Zulkifly, M. N. I. B., December). Pengaruh Hassan Al Banna dalam pembentukan jati diri Muslim. *In Proceedings of the Sixth International Social Sciences Postgraduates Conference (6th ISPC 2019)*. School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 2019. t.h.

Ucapan Perasmian oleh Dato' Seri Zulkifli Bin Omar, Ketua Pengarah Penjara Malaysia, 16 Oktober 2014, di Bilik Persidangan Fakulti Sains dan Teknologi, UKM, anjuran Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Pusat Sejarah, Politik dan Strategi Fakulti, Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.

Statistik Perkhidmatan Kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, dalam Azizi Yahaya, Yow Kiaw Geok & Amir Hamzah Abdul, *Keberkesanan Program Pemulihan Akhlak di SHG dan Sekolah Tunas Bakti*: Seminar Antarabangsa

Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (Sivic 2004), Hotel City Bayview Langkawi. 4-6 September 2004, hlm. 2.

e. Tesis/Latihan Ilmiah/Disertasi/Projek Ilmiah

Adekoya Olateru-Olagbegi, 2020, *Exploring Juvenile Delinquency Relinquency Recidivism in Fulton County, Georgia*. Dissertation and Doctoral Studies, Welden University.

Baharullah Adam. (2004). *Sekolah Henry Gurney sebagai Pusat Pemulihan Juvana, 1950- 1990*. Universiti Malaya.

Ibrahim Samad. (2013). *Pengaruh faktor diri, keluarga dan Persekitaran sosial terhadap residisme di penjara*. Kajian Ilmiah, Sarjana Sastera (Kerja Sosial). Universiti Utara Malaysia.

Michael David Knoli, 2015, *Juvenile Delinquent Strengths Assessment: Evaluating the gap between Research and Practice*, Dissertations, Loyola University Chicago.

Norimah Jumai (2021). *Pendidikan Korektif Penjara*. Kajian Ilmiah, Disertasi Ijazah Sarjana Muda. Universiti Sains Malaysia.

Rabiyathul Basiirah Jahan Khir. (2018). *Jenayah Juvana Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Di Malaysia Dari Tahun 1963-2010*. Kajian Ilmiah. Master Tesis. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rozita Wahab(2014), *Perkaitan antara Perapatan Ibu Bapa, Perapatan Rakan sebaya, Sokongan Sosial dan Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Delinkuen Melayu di Pusat Pemulihan akhlak di Semenanjung Malaysia*. Kajian Ilmiah. Tesis Phd. Universiti Putra Malaysia.

Laman Web

[100,000 murid keciciran \(hmetro.com.my\)](https://hmetro.com.my) (tarikh diakses 4 Disember 2023)

Artikel mengenai topik buli | Astro Awani (tarikh diakses 11 November 2024)

Azam, A., Shariff, M., & Yahya, M. A. (2021). *Buli di Malaysia : Permasalahan dan Berita Harian Metro, 100,000 murid keciciran (hmetro.com.my)* (tarikh diakses 4 Disember 2023).

BERNAMA - Kadar residivis bekas banduan 14.97 peratus - Komisioner Jeneral Penjara (tarikh diakses 20 Julai 2022).

Buli - PORTAL MyHEALTH (tarikh diakses 11 November 2022)

Carta Organisasi (prison.gov.my) (tarikh diakses 21 Julai 2022).

Facebook Sekolah Henry Gurney (tarikh diakses pada 10 September 2023).

Government of Barbados. (2016). Justice for Children in Barbados.

http://eprints.utm.my/id/eprint/14939/1/Kurikulum_Pendidikan_Teknik_Vokasional.pdf (tarikh diakses 12 September 2023)

http://www.geocities.ws/konferensinasionalsejarah/dato_pentafsiran_dalam_pensejarahan_barat_di_antara_aspirasi_positivis_dan_ritikan_relativis.pdf (tarikh diakses 8 Mac 2022).

[https://dewanmasyarakat.jendeladb.my/2022/03/22/5091/#:~:text=Berdasarkan%20statistik%20tersebut%2C%20didapati%20jumlah,\(2019\)%2C%20dan%201839%20kes](https://dewanmasyarakat.jendeladb.my/2022/03/22/5091/#:~:text=Berdasarkan%20statistik%20tersebut%2C%20didapati%20jumlah,(2019)%2C%20dan%201839%20kes) (tarikh diakses 28 Jun 2023).

<https://eshopshgtm.myfreesites.net/tentang-kami> (tarikh diakses 8 Julai 2022).

https://healtheducationresources.unesco.org/sites/default/files/resources/bangkok_compndium_melayu.pdf (tarikh diakses 18 April 2024).

<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/42210/> (tarikh diakses 7 November 2022).

<https://news.microsoft.com/en-my/2015/12/21/microsoft-malaysia-takes-the-hour-of-code-journey-from-prison-school-to-international-schools-and-beyond/> (tarikh diakses 12 April 2022).

<https://news.uthm.edu.my/ms/2022/09/keharmonian-malaysia-warisan-yang-perlu-dipelihara/> (tarikh diakses pada 2 Disember 2023).

<https://projekiqra.com/program/> (tarikh diakses 1 Jun 2022).

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=jati+diri> (tarikh diakses 19 Julai 2023).

<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=pemulihan> (tarikh diakses pada 6 Feb 2024).

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=remaja> (tarikh diakses 27 Jun 2022)

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bekas-penghuni-sekolah-henry-gurney-kongsi-pengalaman-di-media-sosial-310245> diakses pada 28/11/2023

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bekas-penghuni-sekolah-henry-gurney-kongsi-pengalaman-di-media-sosial-310245> (tarikh diakses 28 November 2023).

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/11/627250/jenayah-dalam-kalangan-pelajar-masih-membimbangkan> (tarikh diakses 10 Mei 2022).

<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/05/55305/henry-gurney-sabung-nyawa-selamatkan-isteri> (tarikh diakses 28 Februari 2023).

<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/06/59497/hikmah-masuk-henry-gurney> (tarikh diakses 9 September 2023).

<https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/04/1089950/innovathon-buka-peluang-rakyat-kembangkan-idea-inovatif> (tarikh akses 2 Ogos 2023).

<https://www.clasp.org/wp-content/uploads/2022/01/CLASP-Coronavirus-Prison-Education-Disruption-Mar2021.pdf> (tarikh diakses 22 Mei 2022).

<https://www.dsd.gov.my/index.php/perkhidmatan/standard-kemahiran-pekerjaan-kebangsaan-noss> (tarikh diakses pada 22 September 2023).

<https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/2020-02/Bab%203.pdf> (tarikh diakses pada 25 Mac 2023).

<https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2020-02/Kertas%20Strategi%2007.pdf> (tarikh diakses 24 April 2022).

<https://www.google.com/maps/place/75460+Telok+Mas,+Melaka/@2.1767309,102.3055242,14z/data=!4m6!3m5!1s0x31d1ec1f8184bf2d:0x55e1bd5708cfc804!8m2!3d2.1700523!4d102.3263446!16s%2Fm%2F0b6lywt?entry=ttu> (tarikh diakses 16 Julai 2024)

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/04/836106/bekas-pelajar-henry-gurney-kini-bergelar-peniaga-berjaya> (tarikh diakses pada 28 November 2023).

<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal%2Fsearch&key=akta+kanak-kanak> (tarikh diakses 10 Mac 2022)

<https://www.kkr.gov.my/sites/default/files/borang-jadual-tender%20Kuarters%20Blok%20Akademik%20Sekolah%20Henry%20Gurney%20Telok%20Mas.pdf> (tarikh diakses 22 Julai 2023).

<https://www.kosmo.com.my/2022/06/24/pelajar-henry-gurney-bukti-raih-7a-spm/> (tarikh diakses pada 13 Julai 2024).

<https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/index.php> (tarikh diakses pada 21 Mei 2024).

https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Statistik/J9_13.pdf (tarikh diakses pada 24 Mei 2024).

<https://www.malaycivilization.com.my/omeka/items/show/129668>. (tarikh diakses 22 Mac 2024).

<https://www.moe.gov.my/en/maklumat-umum-tvet> (Tarikh diakses pada 3 Disember 2023).

[https://www.moe.gov.my/index.php/pengenalan-si#:~:text=Penubuhan%20Sekolah%20Integriti%20\(SI\)%20dan,antara%2015%20hingga%2021%20tahun](https://www.moe.gov.my/index.php/pengenalan-si#:~:text=Penubuhan%20Sekolah%20Integriti%20(SI)%20dan,antara%2015%20hingga%2021%20tahun). (tarikh diakses 1 April 2024).

<https://www.moe.gov.my/pendidikan/khas/sekolah-integriti-dan-sekolah-henry-gurney/pengenalan> (tarikh diakses 3 Julai 2022).

https://www.oecd-ilibrary.org/social-issues-migration-health/society-at-a-glance-2016/crime-and-prisoners_soc_glance-2016-29-en (tarikh diakses pada 21 September 2023).

<https://www.pmo.gov.my/ms/2019/10/wawasan-kemakmuran-bersama-2030-2/> (tarikh diakses 31 Mei 2022).

<https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20200905/281809991296206> (tarikh diakses 22 April 2022).

<https://www.prison.gov.my/en/profil-kami/profil-institusi/sekolah-integriti> (tarikh diakses 3 Julai 2022)

<https://www.prison.gov.my/en/profil-kami/profil-jabatan/undang-undang-akta>, (tarikh diakses pada 14 Mac 2022).

<https://www.prison.gov.my/images/carta/shg.htm> (tarikh diakses 11 September 2023).

<https://www.prison.gov.my/ms/arkib/47244-Pancaragam-Perbarisan-Hari-Kebangsaan-ke-58-Peringkat-Negeri-Melaka> (tarikh diakses 27 Ogos 2023).

<https://www.prison.gov.my/ms/kejayaan-penghuni/99-projek-henry-kejohanan-muay-thai-terbuka-kebangsaan-2019> (Tarikh diakses 8 September 2023)

<https://www.prison.gov.my/ms/profil-kami/profil-institusi/penjara-pusat-koreksional/3602-pusat-koreksional-puncak-alam> (tarikh diakses 3 Mac 2024).

<https://www.prison.gov.my/ms/profil-kami/profil-institusi/pusat-pemulihan-akhlak> (tarikh diakses pada 29 Oktober 2022).

<https://www.prison.gov.my/ms/profil-kami/profil-jabatan/visi-misi-fungsi> (tarikh akses 21 Julai 2022).

[https://www.rmp.gov.my/infor-korporate/polis-diraja-malaysia/sejarah/darurat-\(1948---1960\)](https://www.rmp.gov.my/infor-korporate/polis-diraja-malaysia/sejarah/darurat-(1948---1960)), (tarikh diakses 9 Mac 2022).

<https://www.semakan.my/syarat-kemasukan-ipg-terkini-lepasan-spm/>. (tarikh diakses 18 Disember 2023)

<https://www.sinarharian.com.my/article/193177/EDISI/Penjara-di-Malaysia-alami-kepadatan-banduan>(tarikh akses 21 Julai 2022).

<https://www.sinarharian.com.my/article/196995/BERITA/Semasa/Kadar-jenayah-berulang-bekas-banduan-1497-peratus> (tarikh diakses 23 Julai 2023).

<https://www.sinarharian.com.my/article/202806/kes-buli-pelajar-sekolah-masih-tiada-kesudahan> (tarikh diakses 6 November 2022).

<https://www.sinarharian.com.my/article/632344/berita/nasional/jumlah-pekerja-asing-di-malaysia-kini-lebih-27-juta-> (tarikh diakses 1 Disember 2023).

https://www.unafei.or.jp/publications/pdf/RS_No101/No101_14_IP_Malaysia.pdf (tarikh diakses 19 Disember 2023).

<https://www.unicef.org/easterncaribbean/media/811/file/Situation-Analysis-of-Justice-for-Children-in-Barbados-2016.pdf>, hlm. 23 (tarikh diakses 16 Mac 2022).

<https://www.utusan.com.my/berita/2020/12/trend-jenayah-remaja-dan-kanak-kanak-membimbangkan/>(tarikh diakses 11 Mei 2022)

<https://www.utusanborneo.com.my/2019/03/01/jati-diri-pembentuk-identiti-bangsa> (tarikh diakses pada 19 Julai 2023).

<https://www.utusanborneo.com.my/2022/01/26/kejayaan-penjara-sarawak-rekod-kadar-residivis-terendah-kawal-kesesakan-penjara-akan> (tarikh akses 20 Julai 2022).

<https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/readcontent4&id=178> (tarikh akses 25 Julai 2022).

<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/content&id=bkc4dWQzUVVoNUFYVHFWeTVDbEZ2Zz09> (tarikh diakses 23 Julai 2024)

<https://www.facebook.com/bernamaradio/videos/691937658002380> (tarikh diakses pada 7 Januari 2025).

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). Children statistics, Malaysia. Retrieved from, <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=TVY4ZDdTefJnMFQxWjdFc1dDZEhOZz09> (tarikh diakses 10 Mac 2022).

Jenayah Tidak Mengenal Usia (jendeladbp.my) (tarikh diakses 16 Disember 2023).
Kanun Keseksaan (akta 574) [mqeg8gd86el5] (doku.pub) (tarikh akses 10 Mac 2022)

Mimi Kamariah Majid, “Akta Kanak-Kanak 2001: satu pendekatan undang-undang untuk menangani masalah kanak-kanak dan remaja di Malaysia,” *Malaycivilization, Penyelesaiannya dari Perspektif Syariah (Bullying in Malaysia : Its Problem and Solutions from Syariah Perspective)*. February 2022. <https://doi.org/10.17576/juum-2021-29-01> (tarikh diakses 22 Februari 2024).

Peraturan Lebih Garang Bela Nasib Kanak-kanak. *Harian Metro*, <https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20160728/281947427215128>

Pengenalan (moha.gov.my) (tarikh diakses 5 September 2024).

Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia (tarikh diakses 10 September 2023).

Portal Rasmi Kerajaan Malaysia, <https://www.kkr.gov.my/ms/node/44889> (tarikh diakses 2 Januari 2022).

Program Halatuju Kerjaya dan Akademik Penghuni Pembebasan Secara Berlesen SHG Telok Mas, Melaka (prison.gov.my) (tarikh diakses pada 3 Oktober 2023).

Rancangan Malaysia Kesebelas Kertas Strategi 7: Mewujudkan Persekitaran Hidup Lebih Selamat dan Terjamin 7-13

SPM 2021: GPN SHG melebihi nasional - Utusan Malaysia (tarikh diakses 5 September 2023)

Temu Bual

Azhan Anuar, Mantan Ketua Sektor Pendidikan, Bahagian Pengurusan Banduan. Temu bual dilaksanakan di pejabat beliau di Institut Aminuddin Baki, Cawangan Jitra pada 6 Mac 2023.

Dr Kausalya Devi a/p Sathoo, Timbalan Komisioner Penjara, Jabatan Penjara Malaysia. Temu bual dilaksanakan di pejabat beliau di Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor pada 1 Mac 2023.

Tuan Othman Bin Markom, Penyelia SHG Telok Mas, Melaka. Temu bual dilaksanakan di ruang pejabat am, aras 1, SHG Telok Mas Melaka pada 10 Februari 2023.

Tuan Mohd Zaili Bin Talib, Sub Inspektor SHG Telok Mas, Melaka. Temu bual dilaksanakan di Ruang pejabat am, aras 1, SHG Telok Mas Melaka pada 9 Februari 2023.

Temu bual dengan Puan Nurmarliza Binti Omar, Pegawai N29, SHG, Jabatan Penjara Malaysia pada 9 Februari 2023.

Penghuni 1, Berumur 19 Tahun, Lelaki, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

Penghuni 2, Berumur 18 Tahun, Perempuan, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas Melaka.

Penghuni 3, Berumur 19 Tahun, Lelaki, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

Laporan/ Rekod Rekod Rasmi

Buku Rasmi Pelawat SHG dari tahun 1950-1965.

Buku Rasmi Pelawat SHG dari tahun 1965-1980.

Buku Rasmi Pelawat SHG dari tahun 1980-2000.

Rekod, papan kenyataan dan Pamflet SHG Telok Mas.

Sektor Pendidikan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, 2016

Dasar Pendidikan Kebangsaan (4th Ed) (2017), Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jabatan Penjara Malaysia, 2004

Jabatan Penjara Malaysia, 2008.

Jabatan Penjara Malaysia, 2009.

Jabatan Penjara Malaysia, 2017.

Jabatan Penjara Malaysia, 2020.

Jabatan Penjara Malaysia, 2022.

Jabatan Penjara Malaysia, 2023.

Pejabat Tanah dan Galian, Melaka.

Muzium Penjara, 2014.

Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017.

Annual report Federation of Malaya, 1950-57.

Annual report on the Malayan Union For The Year 1946.

Annual report Prisons Department, Selangor 1906.

Garratt, O.V., Report of the Prisons Deapartment Federation of Malaya (1852-1952), (t.p),Taiping.

Garratt, O.V., Report of the Prisons Deapartment Federation of Malaya (1953-1954), (t.p),Taiping.

Henry Gurney School Regulation, 1949 (L.N. 6116/1949), Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur.

Laporan Tahunan 1974, Jabatan Penjara Malaysia, Selangor, 1975.

Laporan Tahunan 1982, Jabatan Penjara Malaysia, Selangor, 1983.

Laporan Tahunan 1983, Jabatan Penjara Malaysia, Selangor, 1984.

Laporan Tahunan 1986, Jabatan Penjara Malaysia, Selangor, 1987.

Laporan Tahunan Jabatan Penjara Malaysia, Percetakan kerajaan, Kuala Lumpur, 1978.

Laporan Tahunan Jabatan Penjara Malaysia, Percetakan kerajaan, Kuala Lumpur, 1982.

Laporan Tahunan Kementerian Am, Malaysia Kementerian Kebajikan Masyarakat di Malaysia, Kementerian Kebajikan Am, Malaysia, Solai Press, Kuala Lumpur.

Ordinan Penjara, 1952.

Peraturan Penjara, 1953. Kuala Lumpur.

Perlembagaan Malaysia, Akta 90, Akta Mahkamah Budak-budak 1947, (Revised), Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur.

Mohamed Afiq Amani Mohammed Nahdirsha & Balaraman, R. A. (2020). *Pelaporan dalam Akhbar Broadsheet Utusan Malaysia dan Tabloid Berita Harian di Malaysia*. 15(2), 51-70.

Report on the Prisons Department of the Federation of Malaya for the year 1948.

Report on the Prisons Department of the Federation of Malaya for the year 1949-1950.

Report on the Prisons Department of the Federation of Malaya for the year 1951-1952.

Report on the Prisons Department of the Federation of Malaya for the year 1953-1954.

W.B Oliver, Report of The Prison, 1948.



LAMPIRAN

LAMPIRAN A

Peraturan Sekolah Henry Gurney

of Amendments]

HENRY GURNEY SCHOOL REGULATIONS, 1949
(L.N. 616/1949)

LIST OF AMENDMENTS

Authority	Amendment/regulations amended	Effective date of amendment
Ordinance 39/1953 s.3	"Henry Gurney School(s)" substituted for "advanced approved school(s)"	25-6-1953
L.N. 637/1953	R. 2, 50, : 51, 52, 60i 63 ; 100 and Schedule	5-11-1953
L.N. 315/1954	"Visitor(s)" substituted for "Governor(s)"	3-6-1954
P.U. (A) 301/1971	R. 2, 27, 56, 63, 74, and "Director General, substituted for "Commissioner"	1-10-1971
Act 90	"Act" substituted for "Ordinance"; "regulation(s)" substituted for "rule(s)"	1-11-1972
P.U (A) 266/1972	"Director General of Health" substituted for "Director of Medical services"	1-9-1972


ABD. KADIR JAILANI B ISMA
Penolong Komisioner Penjara
Bahagian Perundangan
Ibu Pejabat Penjara Malaysia

Sumber: Unit Rekod, Jabatan Penjara Malaysia

Blok Hang Tuah



Blok Hang Jebat



Blok Hang Lekiu



Sumber: Koleksi Peribadi Pengkaji

Dasar dan Konsep Penjara



Sumber: Seksyen Pemulihan dan Pendidikan, Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia.

Keratan Akhbar Berita Harian

BH ONLINE

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA GAYA HIDUP SIHAT OLIMPIK PARIS

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

9A SPM untuk buat ibu gembira

Zairree Mohd Yasak · Mac 18, 2018 @ 1:25pm
cnews@nstp.com.my

f w x



MELAKA: Kesilapan lalu tidak menghalang seorang pesalah juvana membuktikan kemampuan apabila memperoleh keputusan cemerlang 9A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2017.

Kehidupan baharu di Sekolah Henry Gurney (SHG) Telok Mas, di sini, nyata memberi sinar buat Remy (bukan nama sebenar), 21, bertekad untuk mengubah kehidupan dan penerimaan masyarakat.

Remy yang ditahan atas kesalahan merogol, bakal dibebaskan Mei ini selepas menjalani pemulihan di SHG, sejak lebih dua tahun lalu.

Sumber: Berita Harian, 18 Mac 2018.

Buku Panduan Pengurusan Sekolah Integriti dan SHG

 SENARAI PELAJAR TERBAIK SEKOLAH			
	SPM 2008	SPM 2009	SPM 2010
1	BAHARUM BAHARI (6A 1B) POLI	MOHD HALIL HAMSANI (5A 2B) UITM	MOHD IZZAHARUDDIN IBRAHIM (6A 1B) UITM
2	YAP YAO KANG (3A 3B)	EDY YUHANIS MOHD. JAFAR (2A 5B)	JIMAN DAIM (5A 2B) UITM
3		SYED DANIAL AJMAL SYED JAMAL (2A 3B)	MEGAT MUHD. FAIZ MUSTAFFA KAMAL (5A 2B)
4			MUHD. AZAM NORAZMAN (4A 4B)
5			ASRAFUL HAKIM MANAF (3A 1B)

	SPM 2011	SPM 2012	SPM 2013
1	HUSSIN HARUN (9A) UniSZA	NOR AMRAN MANSOR (8A) UniSZA	EMAM SAPIKRI AHMAD GHASI (8A) UniSZA
2	MOHAMAD SHAHRUL SHAFIQ BIN SHERIFF(6A 1B)	MUHAMMAD ZAWIRUDDIN ABDULLAH (7A 2B)	MUHAMAD HAFIS AB RAJAB (6A 2B)
3	FARISAN HAKIM BIN KHAIRUL ANUAR (6A)	MUHAMMAD GHADAFI MOHAMAD (7A 1B)	SYED SHEIKH SYED ABDUL RAHMAN (6A 1B)
4	MUHAMMAD ANNAS BIN ROSLI (5A 1B)	MOHAMAD AMIRUL BAHARUDDIN (7A)	MOHAMAD NORSYAZWAN AKBAR (5A 2B)

Sumber: Laporan Peperiksaan SPM, SHG, Telok Mas. Seksyen Pemulihan dan Pendidikan, Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia.

LAMPIRAN F

BUKU PELAWAT

BUKU PELAWAT RASMI			
TARIKH	ULASAN DAN CADANGAN	JAWATAN RASMI	TANDATANGAN
9.6.94	Lawatan singkat ke Institut 4 pengkaji yang dikenali prof/ asis kencing.		
2.7.94.	Telah membuat lawatan ringkas ke institusi ini. Berbincang dengan Ketua Institusi mengenai tapak bengkel motor mekanik dan kajian kebidanan program SHG Telok Mas.		Donato WEE (Pengarah Pemuliharaan).
9.8.94	My wife and I were extremely impressed by the Boys Band and the hospitality extended to us both by you & your staff. Many thanks.	P.W. Hoare Assistant Commissioner Support Services NSW Dept. of Corrective Services, Australia	
14/10/94	Saya mengucapkan berbilang terima kasih atas sikap layanan dan jamuan yang	DR MD. SHUAIK CHAI UKM.	

BUKU			
TARIKH	ULASAN DAN CADANGAN	JAWATAN RASMI	TANDATANGAN
30/8/99	Melawat kawasan air di kampung baki.	Pengarah Keselamatan Ibu Pejabat Regen Kaya	
17/3/99	Melawat ke Institut Peng. Gany, Telok Mas, kedah. Ketua Institut adalah T. Mural Al-Ghazali. Bicara dengan baki. Bicara dengan baki. Bicara dengan baki.	Asst. Kom. Regent Kaya	
11/5/2000	Melawat ke pusat krusanti baki. Bicara dengan baki.	Pengarah Keselamatan Ibu Pejabat Regent Kaya	
20/6/2000	Melawat ke pusat krusanti baki. Bicara dengan baki.	Pengarah Keselamatan Ibu Pejabat Regent Kaya	
28/6/2000	Teloh melawat di persidangan kawasan pesisir (S.H.G.) di kedah. Bicara dengan baki. Bicara dengan baki. Bicara dengan baki.	Asst. Kom. Regent Kaya	
7/8/2000	Melawat ke baki. Bicara dengan baki. Bicara dengan baki. Bicara dengan baki.		
11/8/2000	Melawat ke baki. Bicara dengan baki. Bicara dengan baki. Bicara dengan baki.		
6/9/2000	Melawat ke baki. Bicara dengan baki. Bicara dengan baki. Bicara dengan baki.		
25/8/2000	Melawat ke baki. Bicara dengan baki. Bicara dengan baki. Bicara dengan baki.		

Sumber: Buku Pelawat 1980-2000, SHG, Telok Mas, Melaka

Sekolah Henry Gurney II, Banda Hilir Melaka



Sumber: Kajian Lapangan Pengkaji pada 13 Mac 2023

Tugu RESURGAM




Sumber: Kajian Lapangan Pengkaji di Muzium Penjara Melaka pada 13 Mac 2023

Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Di Semua Shg Di Malaysia

	JABATAN PENJARA MALAYSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI IBU PEJABAT PENJARA MALAYSIA JALAN KAJANG-SEMENYIH BY PASS 43000 KAJANG SELANGOR	Telefon : 603-87728000 Faks : 603-87368545 http://www.prison.gov.my
Rajuan Tuan Yang Berhormat Majlis Kanan Dn Tarikh Laine		PRIDE.BDK. Rd.500.8/9/1 Jld. 59 (11) 12 Januari 2023
YBrs. Dr. Haslinda binti Hassan UUM College of Arts and Sciences School of Languages, Civilisation and Philosophy Universiti Utara Malaysia 06010 Sintok, Kedah E-mel: hazurahr76@gmail.com		
Puan, PERMOHONAN KAJIAN SEJARAH SEKOLAH HENRY GURNEY TELOK MAS, MELAKA DAN PERKEMBANGANNYA, 1950 -2020		
Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat puan berhubung dengan perkara di atas.		
2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan pihak puan untuk Pn. Azura binti Abdul Raof (No. KP 760217-02-6116), pelajar Doktor Falsafah (PhD) Fakulti Linguistik, Tamadun & Falsafah menjalankan kajian "Sejarah Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka dan Perkembangannya, 1950 -2020" adalah diluluskan .		
3. Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif analisis konten (sumber primer dan sekunder) dan temubual bersama responden (Pegawai dan Pegawai Jabatan yang berkaitan). Pengutipan data akan dijalankan dalam tempoh Februari hingga Jun 2023 . Butiran bagi pengutipan data adalah seperti berikut:		
3.1 Bahagian Dasar Kependidikan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia	Tarikh : 10 Februari 2023 Fokus Kajian : Temubual bersama Timbalan Pengarah Dasar Kependidikan (Dasar), TKP Dr. Kausalya Devi a/p Sathoo	
3.2 Pusat Pemulihan Akhlak Muar, Johor	Tarikh : 11 Februari 2023 Fokus Kajian : Analisis Konten – Menganalisis dokumen / gambar yang dibenarkan dengan pemantauan Pegawai Penjara Institusi	

Sumber: Surat Memohon Kebenaran Menjalankan Kajian oleh Pengkaji.

Sekolah Henry Gurney Puncak Borneo, Kuching, Sarawak.



SEKOLAH HENRY GURNEY PUNCAK BORNEO KUCHING SARAWAK

Diwartakan pada 1 Jun, 2015 oleh Menteri Dalam Negeri


Mula beroperasi pada 15 April, 2016 setelah menerima perpindahan 50 orang penghuni dari Sekolah Henry Gurney Keningau Sabah.

Menempatkan juvana dari seluruh negeri Sarawak. Menerima / menempatkan penghuni lelaki sahaja.

Berada di bawah Pengurusan Penjara Puncak Borneo Kuching.

Sumer: Jabatan Penjara Malaysia, Puncak Borneo Sarawak. Kajian Lapangan Pengkaji.

The Supreme Court Of Federation Of Malaya



Sumber: The Supreme Court Of Federation Of Malaya

RESPONDEN

RESPONDEN 7

NAMA : OTHMAN BIN MARKOM
 ALAMAT : SEKOLAH HENRY GURNEY, TELOK MAS MELAKA
 PEKERJAAN: GURU
 UMUR : 58 TAHUN
 TARIKH : 15 FEBRUARI
 MASA : 10-30 PAGI
 TEMPAT : PETABAT AM S4GTMAS
 016-3671242
 othman2004@yahoo.com

RESPONDEN 8

NAMA : HASSAN BIN AZID
 ALAMAT : SEKOLAH HENRY GURNEY TELOK MAS, 75990 MELAKA
 PEKERJAAN: PEKAWAI PESAJARA
 UMUR : 34 TAHUN
 TARIKH : 16/02/2023
 MASA : 10-00 PAGI
 TEMPAT : PESABAT URUSSETIA S4GTMAS
 HASSAN.AZID@GMAIL.COM

RESPONDEN 9

NAMA : DR. KAUSALYA DEVI A/P SATHIO
 ALAMAT : 164 PETABAT PENJARA MALAYSIA.
 PEKERJAAN: PEGAWAI PENJARA (TIMB. KEM. PENJARA).
 UMUR : 59 TAHUN
 TARIKH : 1/03/2023
 MASA : 3.30 PM.
 TEMPAT : REJ. BHG. DASAR KEPENJARAAN
 kausalya@prison.gov.my

RESPONDEN 4

NAMA : MOHD ROHIZAL BIN RGAH
ALAMAT : SEKOLAH HENRY GURNEY TELOK MAS 75460 MELAKA
PEKERJAAN : INSPEKTOR PENJAJA (GURU RUMAH HANGTUAT/PENKUHNI AKADEMIK)
UMUR : 36 TAHUN
TARIKH : 13/2/23
MASA : 1030 AM
TEMPAT : DEWAW SEROJA

RESPONDEN 5

NAMA : NURMAHIZA BINTI OMAR
ALAMAT : SEKOLAH HENRY GURNEY, TELOK MAS, MELAKA
PEKERJAAN : PENOLONG PEGAWAI TADBIR
UMUR : 45 TAHUN
TARIKH : 18/2/2023
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : BILIK ED - 019-2696894

RESPONDEN 6

NAMA : MOHD ZAIKI BIN TALIB.
ALAMAT : SEK HENRY GURNEY TELOK MAS MELAKA
PEKERJAAN : SUBINSPEKTOR.
UMUR : 57 TAHUN.
TARIKH : 14.02.2023.
MASA : 10³⁰ PAGI
TEMPAT : RUANG PEJABAT AM.
0102776635

RESPONDEN 1


NAMA : Muhammad Danial bin Abdullah
ALAMAT : Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka 75490
PEKERJAAN: Pelajar / Tingkatan 4
UMUR : 19 Tahun
TARIKH : 13/2/2023
MASA : 9.00
TEMPAT : Dewan Seraja

RESPONDEN 2

NAMA : Muhammad Danial Adlie Bin Mohd Razali
ALAMAT : Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka 75490
PEKERJAAN: Pelajar / Tingkatan 4
UMUR : 18 Tahun
TARIKH : 13/2/2023
MASA : 10:15
TEMPAT : Dewan Seraja

RESPONDEN 3

NAMA : NURUL IZZAH BT AHMAD SANDUL
ALAMAT : A-05-21 TAMAN BUKIT MEWAH FASA 9 43000 KASANGI SELATAN MELAKA
PEKERJAAN: Pelajar
UMUR : 19 Tahun
TARIKH : 13-02-2023
MASA : 9:30 PM
TEMPAT : Dewan Seraja



Universiti Utara Malaysia

Sumber: Responden Kajian

Laporan Tahunan 2017

14/9/2022


LAPORAN TAHUNAN 2017
 SEKTOR PENDIDIKAN SEKSYEN PEMULIHAN DAN PENDIDIKAN
 AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2017

BIL	AKTIVITI	TARIKH / TEMPAT	IMPAKTUJUAN	CATATAN
1	Pendaftaran dan Minggu Orientasi Pelajar Unit Akademik SHGTM 2017	3-6 Januari 2017 [Dewan Unit Akademik]	Murid memahami sukatan setiap mata pelajaran dalam kurikulum, penglibatan kokurikulum dan budaya, hidup dan belajar Sekolah Henry Gurney.	
2	Bengkel Bersijil Fotografi & Kerjaya NEST	24 Januari 2017 [Dewan Seroja dan Parameswara]	Mendedahkan penghuni kepada teknik fotografi dan kerjaya sebagai fotografer.	140 penghuni
3	LAWATAN KERJA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	20 FEBRUARI 2017	Melihat justifikasi dan keperluan untuk memperluaskan bayaran insentif khas kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang berkhidmat di Institusi Penjarat (SISHG) oleh BPSM KPM.	
4	Kejohanan Olahraga Padang Dan Balapan Unit Akademik	22 - 23 Februari 2017 [Mini Stadium SHGTM]	Mencungkil bakat dalam bidang sukan serta melahirkan insan yang sihat mental dan fizikal.	
5	Kejohanan Sukan MSS Zon Merlimau Melaka	06 - 07 Mac 2017 [Sekolah Sukan Seri Kota]	Emas & Perak - 400m [L] Emas & Perak - 100m [L] Kedua - Cakera [L] Kedua - Peluru [W] Kedua - Jalan Kaki 3000m [W]	
6	Majlis Penyampaian Slip Peperiksaan Calon SPM 2016 SHGTM dan	17 Mac 2017 [Dewan Seroja SHGTM]	Menghargai pencapaian cemerlang calon SPM 2016. Ibu bapa serta sekolah terlibat dan sebagai motivasi kepada calon SPM 2017.	Semua calon SPM 2016 dan SPM 2017 serta ibu bapa.

1

Sumber: Laporan Tahunan 2017, Sektor Pendidikan, Seksyen Pemulihan dan Pendidikan, 2017.

Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak Bil 2/2019




Sumber: Minit Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak Bil 2/2019.

Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney

2/15/2023



Penerangan AKTA KANAK-KANAK 2001



2010/0007345 Penerangan Tentang Akta Kanak-Kanak 2001. Arkib Negara Malaysia

Kuala Lumpur.

Minit Mesyuarat Pelaksanaan Pendidikan Sekolah Integriti Dan Unit Akademik
SHG Bil 1/2019

Minit Mesyuarat Pelaksanaan Pendidikan Sekolah Integriti dan Unit Akademik Sekolah Henry Gurney Bil. 1/2019




**MINIT MESYUARAT PELAKSANAAN PENDIDIKAN SEKOLAH INTEGRITI DAN
UNIT AKADEMIK SEKOLAH HENRY GURNEY BIL. 1/2019**

TARIKH : 25 Februari 2019 (Rabu)
MASA : 9.00 pagi – 4.30 petang
TEMPAT : Bilik Persidangan IPPM

KEHADIRAN

BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN
1	DATO' ALZAFRY MOHAMED ALNASSIF BIN MOHAMED ADAHAN	TKJP KESELAMATAN DAN KOREKSIONAL
2	KP SUPRI BIN HASHIM	PENGARAH BAHAGIAN BANDUAN/TAHANAN RADIKAL DAN BERISIKO TINGGI
3	KP ARIFFIN BIN MOHD NOOR	PENGARAH PENGURUSAN BANDUAN
4	TKP KAUSALYA DEVI A/P SATHOO	TIMBALAN PENGARAH PENGURUSAN BANDUAN (SEKSYEN PEMULIHAN DAN PENDIDIKAN)
5	TKP MAT RASID BIN JAHLIL	PEN. PENGARAH KANAN SEKSYEN PEMULIHAN PENDIDIKAN
6	PKK HAJI WAN RAMZAN BIN WAN AHMAD	SEKSYEN VOKASIONAL DAN INDSUTRI
7	EN AZHAN BIN ANUAR	KETUA UNIT PENDIDIKAN
8	EN SIVANESAN ARUMUGAM	PEN. KETUA UNIT PENDIDIKAN
9	EN HEILMANN BIN ZULKIFLI	PEN. KETUA UNIT PENDIDIKAN
10	EN ANUARUDDIN BIN ABD RAZAK	PEN. KETUA UNIT PENDIDIKAN

Dasar Pendidikan Kebangsaan 2017



Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dasar Pendidikan Kebangsaan* (4th Ed), Kuala Lumpur: Firdaus Press Sdn. Bhd.

Buku Program Festival Kebudayaan Dan Kesenian SISHG



Akta Rahsia Rasmi

**PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI
BERKENAAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972**

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah, sesuatu benda rahsia, tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia atau apa-apa tingkahlaku yang membahayakan keselamatan atau rahsia sesuatu benda rahsia adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta tersebut, yang boleh dihukum maksimum penjara seumur hidup.

Saya faham bahawa segala maklumat yang saya perolehi dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan, atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan - kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis pihak berkuasa yang berkenaan. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani suatu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan.

Tandatangan :

Nama dengan huruf besar : AZURA BINTI ABDUL RAOFNo.Kad Pengenalan : 760217-02-6116Jawatan : PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKANJabatan : KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIATarikh : 17 JANUARI 2023

Disaksikan oleh:

(tandatangan)

Nama dengan huruf besar : NOOR ASLINDA BINTI AZMINo.Kad Pengenalan : 740207-02-5082Jawatan : pk KokurikulumJabatan : SMK Syed Mohamed Al-BukharyTarikh : 17/1/2023

Cop Jabatan :

NOOR ASLINDA BINTI AZMI
Pensyarah Kanan Kokurikulum
SMK Syed Mohamed Al-Bukhary
Kompleks Pendidikan Jalan Stadium
05100 Alor Setar, Kedah.



Kajian Lapangan Di Shg Telok Mas Melaka





Universiti Utara Malaysia

Kajian Lapangan Di Penjara Muar, Johor.



Sumber: Koleksi peribadi pengkaji semasa membuat kajian lapangan di Penjara Muar, Johor pada 11 Februari 2023.

Kajian Lapangan Di SHG Puncak Borneo



Sumber: Koleksi peribadi pengkaji semasa membuat kajian lapangan di Sekolah Henry Gurney Puncak Borneo, Sarawak pada 9 Jun 2023.

Kajian Lapangan Di Sekolah Henry Gurney, Keningau, Sabah



Sumber: Koleksi Peribadi Pengkaji semasa membuat kajian lapangan pada 6 Jun 2023.

Protokol Temu Bual



PROTOKOL TEMU BUAL

MAKLUMAT PENYELIDIK : AZURA BINTI ABDUL RAOF
NO. MATRIK : 905474
PROGRAM : IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
BIDANG : SEJARAH
PENYELIA : DR. HASLINDA BINTI HASAN
FAKULTI : PUSAT PENGAJIAN BAHASA,
TAMADUN DAN FALSAFAH
UNIVERSITI : UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



3	<i>Bolehkah anda menyatakan peranan pendidikan korektif dalam membentuk sahsiah pesalah juvana itu?</i>
4	<i>Apakah kepentingan pendidikan korektif terhadap pesalah juvana pada pandangan anda untuk masa depan mereka?</i>
5	<i>Pada pandangan anda, bagaimanakah pesalah juvana menerima pendidikan korektif pada peringkat awal pengenalannya?</i>
6	<i>Pada pandangan anda sekiranya mereka tidak diwajibkan mengikuti program pendidikan korektif, adakah mereka akan berjaya dipulihkan?</i>
7	<i>Adakah para pesalah bersedia untuk kembali kepada ahli keluarga dan masyarakat setelah menjalani pendidikan di Sekolah Henry Gurney?</i>

Persoalan Kajian 4:

1. Apakah sumbangan sekolah ini dari tahun 1950 sehingga 2020?

Objektif Kajian 4:

1. Menganalisis sumbangan sekolah ini bermula 1950 sehingga 2020.

1	<i>Sepanjang penubuhannya, apakah sumbangan sekolah ini kepada negara?</i>
2	<i>Sebagai contoh pesalah juvana telah berjaya memperoleh kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM, adakah mereka juga berpeluang diterima untuk melanjutkan pelajaran atau kegiatan sukan yang diceburi setelah tamat hukuman? Sebagai contohnya, "after care community".</i>
3	<i>Selain sumbangan dalam pendidikan, bagaimanakah pesalah Henry Gurney membantu mengharumkan nama negara kita sejak 1950 sehngga 2020?</i>
4	<i>Apakah mereka dipandang positif oleh masyarakat terhadap sumbangan kecil mereka?</i>
5	<i>Bagaimanakah pihak penjara cuba untuk menyampaikan kejayaan positif pesalah kepada masyarakat agar diterima kembali sebagai warga negara yang bebas?</i>
6	<i>Setelah bersama-sama dengan pesalah juvana, pada pandangan anda apakah yang dapat disumbangkan oleh pelajar sekolah ini dalam konteks Falsafah Pendidikan Negara?</i>

Persoalan Kajian 2: 1. Bagaimanakah perkembangan kronologi Sekolah Henry Gurney bermula 1950 sehingga 2020? Objektif Kajian 2: 1. Menyenaraikan perkembangan kronologi Sekolah Henry Gurney bermula 1950	
1	<i>Mengikut pengetahuan sedia anda, bolehkah anda menerangkan perkembangan sekolah ini?</i>
2	<i>Pada pandangan anda, bagaimanakah keadaan para pesalah juvana dan para warden penjara pada masa 1950 jika dibandingkan dengan pada masa sekarang?</i>
3	<i>Tahukah anda apakah asal nama sekolah ini sebelum nama sekolah Henry Gurney? Siapakah Henry Gurney?</i>
4	<i>Bagaimanakah sekolah ini mula terkenal dalam kalangan masyarakat Malaysia sejak sekolah ini ditubuhkan?</i>
5	<i>Sejauh manakah sekolah ini membuka mata masyarakat dalam pemulihan kepada pesalah juvana?</i>
6	<i>Apakah sekolah ini menjadi sekolah yang sesuai untuk memberikan pendidikan terbaik sejak penubuhannya untuk membantu pesalah juvana?</i>
7	<i>Bolehkah anda menyatakan program-program yang sangat diperlukan oleh pesalah juvana?</i>
Persoalan Kajian 3: 1. Apakah peranan Pendidikan Korektif dalam membentuk sahsiah penghuni juvana? Objektif Kajian 3: 2. Mengenal pasti peranan Pendidikan Korektif, Sekolah Henry Gurney dalam membentuk sahsiah pesalah juvana berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara.	
1	<i>Bolehkah anda menjelaskan maksud pendidikan korektif yang digunakan di Sekolah Henry Gurney ? Adakah pendidikan korektif ialah program yang baharu ataupun kesinambungan daripada program sebelumnya.</i>
2	<i>Bagaimanakah pula dengan maksud pembentukan sahsiah? Adakah Pendidikan Korektif bertujuan untuk pembinaan sahsiah pesalah juvana?</i>

BAHAGIAN C
Persoalan Kajian 1:

1. Apakah tujuan Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka sejak sekolah itu ditubuhkan/

Objektif Kajian 1:

1. Mengkaji sejarah Sekolah Henry Gurney, Telok Mas Melaka, 1950-2020.

1	<i>Pada pendapat tuan/puan, apakah tujuan sekolah Henry Gurney ditubuhkan dalam konteks negara ini?</i>
2	<i>Bagaimanakah pula dengan maksud juvana mengikut kefahaman anda?</i>
3	<i>Sejauh manakah pelajar Sekolah Henry Gurney Telok Mas dapat berubah setelah beberapa lama menjalani program?</i>
4	<i>Apakah kepentingan sekolah ini untuk mereka yang ditempatkan sebagai generasi akan datang?</i>
5	<i>Bagaimanakah tuan /puan dapat menerangkan peranan sekolah ini kepada masyarakat ?</i>
6	<i>Pada pendapat anda, adakah usaha untuk mendidik pesalah juvana melalui pendidikan di sekolah ini tercapai?</i>
7	<i>Sekolah ini telah banyak mengalami perubahan, bolehkah anda menerangkan perubahan-perubahan yang banyak menyumbang kepada perkembangan sekolah ini ?</i>

Universiti Utara Malaysia

(Pembuka) Latar Belakang Peserta Kajian	
1.	Bolehkah tuan/puan menceritakan serba sedikit tentang: • Umur • Tempat asal • Tempat bertugas/ persekitaran sekolah. • Tahun mengajar/tahun berkhidmat/tahun belajar • Tahap pendidikan/ikhtisas keguruan. • Pengalaman mengajar/belajar/bekerja dengan pesalah juvana. • Kelayakan akademik.
BAHAGIAN B : Transisi / Berkaitan Dengan Senario Sekolah Henry Gurney	
1	<i>Ceritakan sedikit pengetahuan /latar belakang Sekolah Henry Gurney yang anda tahu sejak penubuhannya.</i>
2	<i>Pada pendapat anda, adakah masyarakat Malaysia mengetahui peranan sekolah ini?</i>
3	<i>Apakah persepsi masyarakat apabila mendengar Sekolah Henry Gurney?</i>
4	<i>Pada pandangan anda, mengapakah reaksi masyarakat sedemikian?</i>
5	<i>Adakah anda akan melayani atau menerima permohonan pelajar sekolah ini sekiranya mereka memohon untuk bekerja atau melanjutkan pelajaran selepas tamat menjalani latihan pemulihan?</i>
6	<i>Apakah program yang dijalankan untuk pesalah juvana dan adakah program yang diberikan oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia dan KPM mencukupi untuk pesalah juvana?</i>
7	<i>Sejauh manakah anda tahu tentang sistem Borstal dan bagaimanakah sistem itu dikaitkan dengan peraturan Sekolah Henry Gurney yang ada sekarang?</i>

7	<i>Sejak pemubuhannya bermula pada tahun 1950 sehingga 2020, apakah sumbangan terbesar yang telah dicapai?</i>
BAHAGIAN D: Nasihat dan Harapan	
1	<i>Sebagai kesimpulannya, apakah idea yang boleh anda sarankan agar sekolah ini menjadi semakin berjaya pada masa akan datang?</i>
2	<i>Apakah harapan anda yang dirasakan sesuai terhadap perkembangan sekolah ini?</i>
3	<i>Apakah cadangan kepada Kementerian Pendidikan, Jabatan Penjara Malaysia serta Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam merealisasikan Sekolah Henry Gurney sebagai Sekolah yang memberi peluang kedua kepada pesalah juvana?</i>
4	<i>Setelah anda sering bersama mereka, apakah harapan anda terhadap masyarakat Malaysia kepada bekas pelajar sekolah ini?</i>
5	<i>Yang terakhir, apakah hasrat anda terhadap pendidikan pesalah juvana di sekolah ini?</i>

Saya _____ telah (menyemak/tidak menyemak) _____
 protokol temu bual dan instrumen kajian pemohon ini.


Tandatangan Penyelia/Ketua Jabatan
DR. HASLINDA BINTI HJ. HASAN
 Pensyarah Kenan
 Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
 Universiti Utara Malaysia

Saya RAHMAH BINTI MOHAMED DESA telah (menyemak/tidak menyemak) _____
 menyemak) protokol temu bual dan instrumen kajian pemohon ini.

Tandatangan Pakar Bahasa/Guru Cemerlang Bahasa
RAHMAH BT MOHAMED DESA
 GURU CEMERLANG BAHASA MELAYU
 SMK ST. MICHAEL
 ALOR SETAR, KEDAH.


Sumber: Protokol temu bual pengkaji semasa menjalankan kajian lapangan.

Warta Kerajaan Akta Kanak-Kanak 2001




Sumber: 2010/0009218 Akta Kanak-Kanak 2001. Melindungi Kanak-Kanak Malaysia. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Colonial Annual Reports, Malayan Union 1947




Sumber: Sekolah Henry Gurney Telok Mas Melaka, Jabatan Penjara Malaysia, 2023.

Annual Report Federation of Malaya 1951



Sumber: Sekolah Henry Gurney Telok Mas Melaka, Jabatan Penjara Malaysia, 2023.

Federation of Malaya Annual Report 1953




Sumber: Sekolah Henry Gurney Telok Mas Melaka, Jabatan Penjara Malaysia, 2023.

LAMPIRAN AD

CALON SPM 2021 KE IPT/KOLEJ					BIL.	TAHUN	JUMLAH KE IPT
					14	2021	31
BIL.	NAMA	INSTITUSI	BIDANG	TAHUN KEMASUKAN	13	2020	43
1	MUHAMMAD MUDASAR IQBAL BIN KHIZAR HAYAT	IKM Kuala Lumpur	Diploma Teknologi Penyejukan & Penyejukan Udara	2022	12	2019	38
2	AMIR FARHAN BIN ABDUL RAHMAN	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan)	2022	11	2018	59
3	MUHAMMAD FARIQ FIRDAUS BIN KHAIRUL ANUAR	IKTBN Temerloh Pahang	Diploma Kejuruteraan Automotif (Penyelenggaraan)	2022	10	2017	63
4	MUHAMMAD AFIQ ISKANDAR BIN MD ISA	IKTBN Pagoh Johor	Diploma Teknologi Mekanikal (Perekahan Alat Tekan)	2022	9	2016	55
5	MUHAMMAD ATIQ BIN NURDIN	Politeknik Muadzam Shah, Pahang	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk Produk)	2022	8	2015	42
6	MUHAMMAD SAIFUL ASHRAF BIN CHE MUSTAFA	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Arau, Perlis	Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)	2022	7	2014	51
7	MUHAMMAD HAFIZAN BIN MOHD NORDIN	UITM	Diploma Pengurusan Hotel	2022	6	2013	24
8	MUHAMMAD AZRIH BIN HASAN	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam,	Diploma Kejuruteraan Mekanikal	2022	5	2012	14
9	MUHAMMAD YAZID BIN JAMIL	IKTBN Pagoh, Johor	Diploma Teknologi Mekanikal (Perekahan Alat Tekan)	2022	4	2011	5
10	MUHAMMAD FITRI BIN SULAIMAN	Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan	Diploma Kejuruteraan Elektrik	2022	3	2010	13
11	MUHAMMAD QHADEM AZANI BIN ABDUL GHAFAR	IKBN Naka, Kedah	Sijil Lanjutan Teknologi Elektrik (Penyejukan dan Penyejukan Udara)	2022	2	2009	14
12	MOHAMMAD AKMAL BIN MOHD ASMAWI	IKBN Bandar Penawar, Johor	Sijil Lanjutan Teknologi Hospitaliti (Penyediaan Makanan)	2022	1	2008	23
13	Muhammad Nur Radhi bin Nornan	IKTBN Alor Gajah, Melaka	Diploma Teknologi Elektrik (Penjaga Elektrik & I)	2022	JUMLAH		475

Analisis Succes Story SHG Telok Mas Melaka, diperolehi melalui simpanan peribadi

Tuan Othman bin Marcom semasa membuat kajian lapangan pada 13 Februari 2023.



1957/0475691- Approved Schools for purposes of Juvenile Courts Ordinance No. 38 of 1947. Arkib Negara Malaysia.

1957/0457002-0

(Gen. 5)

N. S. Secretariat

2085
1938

15388-15388-15 45/100.

From whom	H. S. [Signature]	
Place	Kuala Lumpur,	1149/37
Date	14. 10. 38	

Annual Reports of Colonial Prisons

INDEXED:

(1) Prison

(2) Prison

(3) Prison

5 - OCT 1938

MINUTES.

FINAL PAPERS.

345/38

G 1547/21

Dr. from [Signature] 4. S. 9. [Signature] 4. x. 38 [Signature] 5. x. 38

BR

Submitted for information [Signature] 5/10

S.P.

Please see


G. x. 38 [Signature] 11/10/38

S. K.

See. thank you [Signature]

11 OCT 1938

1957/0457002-0, Straits Settlements Annual Report on Prison, 1936. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.



2013/0004912, *1936-Straits Settlement Annual Report on Prison* by Eric. S. Lilley, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.